

**KEINGINAN RASA CINTA, KEHORMATAN DAN
KEMASYHURAN DALAM PUASI TERPILIH DHARMAWIJAYA**

MOHD FADZIL BIN BAHRUDIN

**AKADEMI PENGAJIAN MELAYU
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2017

**KEINGINAN RASA CINTA, KEHORMATAN DAN
KEMASYHURAN DALAM PUASI TERPILIH DHARMAWIJAYA**

MOHD FADZIL BIN BAHRUDIN

**TESIS DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI
KEPERLUAN BAGI IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

**AKADEMI PENGAJIAN MELAYU
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2017

UNIVERSITI MALAYA

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama : **MOHD FADZIL BIN BAHARUDIN**

No. Pendaftaran/Matrik : **JHA 120005**

Nama Ijazah: **IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

Tajuk Disertasi (Hasil Kerja Ini): **KEINGINAN RASA CINTA, KEHORMATAN
DAN KEMASYHURAN DALAN PUISI
TERPILIH DHARMAWIJAYA**

Bidang Penyelidikan: **ASTERA MELAYU MODEN (PUISI MODEN)**

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

1. Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis hasil kerja ini;
2. Hasil kerja ini adalah asli;
3. Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan dalam hasil kerja ini;
4. Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabinya tahu bahawa penghasilan hasil kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
5. Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta hasil kerja ini kepada Universiti Malaya (UM) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam hasil kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari Universiti Malaya;
6. Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan hasil kerja ini saya telah melanggar suatu hak cipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh Universiti Malaya.

.....
Tandatangan Calon

Tarikh : _____

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

.....
Tandatangan Saksi

Nama: Tengku Intan Marlina binti Tengku Mohd Ali
Jawatan: Pensyarah/Penyelia

Tarikh : _____

DEDIKASI

Bismillah al-Rahman al-Rahim

Diabadikan tesis ini buat:

Bonda tersayang Hjh Zainab Ahmad yang sentiasa menyokong,
memahami dan mendoakan kejayaan anakanda ini tanpa jemu.

Ingatan dan al-Fatihah buat Allahyarham Baharudin Isa, ayahanda menjadi
sumber inspirasi anakanda untuk mengejar kejayaan
di dunia dan akhirat.

Adik-beradik serta anak saudara yang sentiasa mendoakan kejayaan diri ini.
Semoga kalian sentiasa dirahmati dan diberkati Allah SWT dalam kehidupan.

Amin.

ABSTRAK

Kajian ini menganalisis kumpulan puisi yang dihasilkan oleh penyair Dharmawijaya, iaitu kumpulan puisi *Warna Maya* (1974), *Derita Buana* (1992), *Jejak Kembara* (1999) dan *Mutiara Kenangan* (2006). Keempat-empat kumpulan puisi tersebut dikaji menggunakan Teori Psikoanalisis Freud. Sigmund Freud (1899) merupakan ahli psikologi yang banyak membincangkan tentang keinginan-keinginan dalam diri penyair melibatkan rasa cinta, kehormatan dan kemasyhuran. Kajian ini menghuraikan perasaan semulajadi, pengalaman, keinginan dan tingkah laku penyair sehingga terhasilnya puisi. Permasalahan dalam kajian berkait dengan insan, masyarakat dan alam. Kajian tekstual dilakukan secara kualitatif mengambil kira tentang kehidupan dan pengalaman penyair Dharmawijaya. Kajian kepustakaan dan temubual juga dijalankan bagi mencapai objektif kajian. Puisi-puisi yang dihasilkan oleh penyair Dharmawijaya dianalisis bagi menilai sejauh mana wujud dan tergambarinya keinginan-keinginan penyair terhadap rasa cinta, kehormatan dan kemasyhuran. Keinginan-keinginan yang wujud dalam diri penyair mempengaruhi pemikiran dan kreativitinya yang diperlihatkan melalui aspek insan, masyarakat dan alam. Penggunaan konsep-konsep tertentu dari Teori Psikoanalisis Freud yang bersesuaian dengan analisis seperti mekanisme helah bela diri membantu penyair menyampaikan keinginan yang wujud dalam dirinya berdasarkan pengalaman yang pernah dialami. Kajian terhadap puisi-puisi Dharmawijaya, membuktikan bahawa pengalaman yang pernah dilalui oleh penyair mempengaruhi keinginan terhadap rasa cinta, kehormatan dan kemasyhuran. Keadaan tertekan yang dialami penyair disampaikan dalam bentuk puisi. Melalui kajian ini, mekanisme helah bela diri *represi*, *sublimasi* dan *pindah gantian* didapati berperanan bagi menyatakan keinginan dalam diri dengan penuh penghayatan. Kesan daripada keadaan bawah sedar dan tekanan yang dialami oleh penyair Dharmawijaya menyebabkan wujudnya idea dan pemikiran yang menampakkan rupa bentuk dan gaya kepenyairan dalam puisi-puisi yang dihasilkan. Kesimpulannya didapati bahawa penyair menyalurkan keinginan dalam dirinya yang berkaitan dengan rasa cinta, kehormatan dan kemasyhuran menggunakan mekanisme helah bela diri berdasarkan pengalaman sebenar yang pernah dilalui dan memenuhi norma masyarakat.

ABSTRACT

The study reviewed selected poems by Dharmawijaya, *Warna Maya* (1974), *Derita Buana* (1992), *Jejak Kembara* (1999) and *Mutiara Kenangan* (2006). Freudian Psychoanalysis Theory was used to improve the understanding and appreciation of the literary works. Sigmund Freud (1899) was a psychologist who wrote about the desire for love, honour and fame. This study elaborated on the poet's Dharmawijaya feeling, experience, desire and behaviour which inspired the writing of the poems. Problems in the study were analysed from the perspectives of oneself, the society and the environment surrounding the life of the poet. Qualitative textual analysis was performed taking into account the life and experience of Dharmawijaya. Library research as well as interviews were conducted to achieve the research objectives. Dharmawijaya's poems were analysed to evaluate the extent of the poet's intention and portrayal of love, honour and fame. The poet's desire influenced his thoughts and creativity which were evidently seen via self, society and environment. The application of appropriate Freudian Psychoanalysis Theory such as the self-defence mechanism assisted the poet to deliver his desire based on his life experience. The poet expressed his life struggles through his poems. Research done on his poems proved that his life experience influenced his desire towards love, honour and fame. This study revealed that self-defense mechanism such as repression, sublimation and replacement played certain roles in expressing their desire vividly. The poet's life struggles delineated his style. In summary, the poet's life experience has influenced his expression of desire for love, honour and fame through self-defense mechanism.

PENGHARGAAN

Bismillahi Rahmani Rahim, Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Segala puji selawat dan salam kepada Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW, serta keluarga dan para sahabatnya.

Syukur Alhamdullilah dengan limpah rahmat dan taufik hidayah-Nya, kajian dan penulisan tesis ini berjaya disempurnakan. Penghargaan yang tidak terhingga dirakamkan kepada penyelia saya, iaitu Dr. Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali atas kesabaran dalam menyelia, memberikan bimbingan dan teguran sehingga kajian ini berjaya disempurnakan.

Dengan rasa rendah diri, saya juga merakamkan penghargaan buat bonda tersayang yang banyak memberi dorongan, kata-kata semangat dan sokongan pada waktu susah dan senang. Buat keluarga, adik-beradik dan saudara terdekat, terima kasih atas doa, nasihat dan bantuan yang telah dihulurkan. Jasa kalian tidak akan dilupakan hingga ke akhir hayat.

Ucapan terima kasih juga tidak terhingga saya tujukan buat semua pensyarah dan kakitangan di Akademi Pengajian Melayu khususnya di Jabatan Kesusastraan Melayu atas segala tunjuk ajar yang telah diberikan sepanjang saya menuntut di sini. Tidak lupa buat rakan-rakan pensyarah di Institut Pendidikan Guru Kampus Dato' Razali yang turut menyumbangkan ilmu, sokongan moral dan semangat. Tanpa sokongan dan kerjasama kalian kajian ini tidak akan berjaya disempurnakan.

Buat rakan-rakan seperjuangan Muiz, Kobe, Firdaus, kalian penguat semangat saya semasa susah dan senang. Hanya Allah SWT yang mampu membalas budi baik kalian.

MOHD FADZIL BIN BAHARUDIN
Jabatan Kesusastraan Melayu
Akademi Pengajian Melayu
Universiti Malaya
2017

SENARAI RAJAH

Muka Surat

Rajah 2.1	Proses Perubahan Tingkah Laku	46
Rajah 2.2	Bongkah Ais Kesedaran Freud	50
Rajah 2.3	Struktur Perkembangan Personaliti Freud	57
Rajah 2.4	Proses Analisis Puisi terpilih Dharmawijaya Menggunakan Teori Psikoanalisis Freud	74

SENARAI JADUAL

	Muka Surat
Jadual 2.1	Lapangan Penyelidikan Dalam Psikologi
Jadual 3.1	Keinginan Rasa Cinta dalam Puisi Terpilih Dharmawijaya
Jadual 4.1	Keinginan Rasa Kehormatan dalam Puisi Terpilih Dharmawijaya
Jadual 5.1	Keinginan Rasa Kemasyhuran dalam Puisi Terpilih Dharmawijaya

SINGKATAN KATA

SITC	Sultan Idris Training College
ISUM	Ikatan Sastera Universiti Malaya
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
UM	Universiti Malaya
UPM	Universiti Putra Malaysia
GAPENA	Gabunga Penulis Nasional
APA	American Psychological Association
HSKU	Hadiyah Sastera Kumpulan Utusan
Ph.D	Ijazah Doktor Falsafah

KANDUNGAN

**PERAKUAN
DEDIKASI
ABSTRAK
ABSTRACT
PENGHARGAAN
SENARAI RAJAH
SENARAI JADUAL
SENARAI SINGKATAN
KANDUNGAN**

BAB 1:	PENGENALAN	Muka Surat
1.1	Pendahuluan	1
1.2	Kajian Lepas	1
1.3	Permasalahan Kajian	10
1.4	Objektif Kajian	14
1.5	Bidang kajian	14
1.6	Bahan Kajian	15
1.7	Batasan Kajian	15
1.8	Kaedah kajian	16
1.9	Kepentingan Kajian	18
1.10	Konsep Operasional	21
1.11	Kepenyairan Dharmawijaya	26
1.12	Rumusan	31

BAB 2:	METODOLOGI KAJIAN DAN KERANGKA TEORITIS	
2.1	Pendahuluan	32
2.2	Metodologi Kajian	32
2.2.1	Kaedah Kepustakaan	33
2.2.2	Kaedah Temubual	36
2.3	Kerangka Teoretis	37
2.3.1	Latar Belakanag Penciptaan Teori	37
2.3.2	Teori Psikoanalisis	38
2.3.3	Kerangka Teori Psikoanalisis	40
2.3.4	Teori Psikoanalisis Freud	48
2.3.5	Konsep Teori Psikoanalisis Freud	52
2.3.6	Unsur-unsur Teori Psikoanalisis Freud	59
2.3.7	Fungsi Teori Psikoanalisis Freud	67
2.3.8	Teori Psikoanalisis Freud dalam Karya Sastera	70
2.4	Pembahagian Bab Analisis	75
2.4.1	Keinginan Rasa Cinta	76
2.4.2	Keinginan Rasa Kehormatan	81
2.4.3	Keinginan Rasa Kemasyhuran	84
2.5	Rumusan	87

BAB 3:	KEINGINAN RASA CINTA	
3.1	Pendahuluan	89
3.2	Keinginan Rasa Cinta dalam Puisi terpilih Dharmawijaya	92
3.3	Keinginan Rasa Cinta Terhadap Insan	94
3.4	Keinginan Rasa Cinta Terhadap Masyarakat	140
3.5	Keinginan Rasa Cinta Terhadap Alam	150
3.6	Rumusan	164
BAB 4:	KEINGINAN KEHORMATAN	
4.1	Pendahuluan	166
4.2	Keinginan Kehormatan dalam Puisi Terpilih Dharmawijaya	169
4.3	Keinginan Kehormatan Terhadap Insan	173
4.4	Keinginan Kehormatan Terhadap Masyarakat	204
4.5	Keinginan Kehormatan Terhadap Alam	235
4.6	Rumusan	242
BAB 5:	KEINGINAN KEMASYHURAN	
5.1	Pendahuluan	244
5.2	Keinginan Kemasyhuran dalam Puisi terpilih Dharmawijaya	247
5.3	Keinginan Kemasyhuran Terhadap Insan	251
5.4	Keinginan Kemasyhuran Terhadap Masyarakat	272
5.5	Keinginan Kemasyhuran Terhadap Alam	281
5.6	Rumusan	298
BAB 6:	KESIMPULAN	300
RUJUKAN		320
LAMPIRAN		330

BAB 1: PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Kajian ini dilakukan terhadap puisi terpilih yang dihasilkan oleh penyair Dharmawijaya. Dharmawijaya, atau nama sebenarnya Kamaruzzaman bin Abdul Kadir. Beliau merupakan seorang penyair tanah air yang banyak menghasilkan puisi tentang pergolakan kehidupan petani, nelayan dan buruh bermula pada awal tahun 1960-an. Kajian ini meruupakan kajian kepustakaan dan datanya diproses secara kualitatif melibatkan puisi terpilih yang dipilih daripada kumpulan puisi *Warna Maya* (1974), *Derita Buana* (1992), *Jejak Kembara* (1999) dan *Mutiara Kenangan* (2006). Puisi terpilih Dharmawijaya dikaji menerusi keinginan rasa cinta, kehormatan dan kemasyhuran yang melibatkan perasaan, pengalaman dan pemikiran penyair. Mekanisme helah bela diri *represi*, *sublimasi* dan *pindah gantian* yang terdapat dalam Teori Psikoanalisis Freud digunakan untuk menilai hubungan antara keinginan rasa cinta, kehormatan dan kemasyhuran dengan mekanisme tersebut. Oleh yang demikian, Teori Psikoanalisis Freud digunakan bagi menganalisis puisi terpilih Dharmawijaya.

1.2 Kajian Lepas

Kajian yang dijalankan merupakan kajian terhadap puisi terpilih Dharmawijaya menggunakan Teori Psikoanalisis Freud. Tokoh ilmuan sastera luar negara dan tanah air kebanyakannya menggunakan Teori Psikoanalisis untuk mengkaji cerpen atau novel. Para pengkaji sastera seperti Rogayah Tara, Jasna Koteska, Naffi Mat, Mawar Safe'i, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali, Mohd Fadzil Baharudin dan Baharudin Mohd

Mohaidin menjalankan kajian yang berkaitan dengan Teori Psikoanalisis Freud peringkat ijazah doktor falsafah mahupun ijazah sarjana.

Rogayah Tara (2011), dalam tesis ijazah doktor falsafahnya bertajuk “*Makalah Filsafat Sigmund Freud (1856-1936)*”, dari Universiti Muhammadiyah, Jakarta. Kajian Rogayah Tara mempunyai kekuatan tersendiri menggunakan Teori Psikoanalisis Freud bagi mengkaji unsur kejiwaan sehingga membawa kepada perubahan tingkah laku pengarang. Beliau berpendapat bahawa kesedaran terhadap sesuatu perkara yang menyentuh perasaan merupakan tahap utama yang mempengaruhi pemikiran manusia. Perasaan yang tertekan dalam diri akan membawa kepada tidak balas terhadap keinginan individu. Rogayah Tara menyatakan alam sedar adalah sebahagian kecil yang dapat mempengaruhi tindak balas individu.

Rogayah Tara berpendapat bahawa Freud mengembangkan Teori Psikoanalisis sebagai satu kaedah penyembuhan penyakit kejiwaan. Kajian yang dilakukan oleh Rogayah Tara menggunakan disiplin Teori Psikoanalisis Freud berkaitan dengan mekanisme helah bela diri bagi mencapai kepuasan. Kajian ini dilihat sebagai kaedah penyembuhan penyakit kejiwaan dan merumuskan tentang tindakan peribadi manusia bersangkutan dengan tekanan dalam diri serta peranan mekanisme helah bela diri. Perbezaan antara kajian yang dilakukan Rogayah Tara dengan kajian yang dilakukan sekarang adalah kajian Rogayah Tara lebih berfokus terhadap perasaan semulajadi dalam diri pengarang dan peranan mekanisme helah bela diri dalam meredakan tekanan perasaan atau jiwa yang dihadapi oleh pengarang. Sementara kajian yang dilakukan sekarang lebih berfokus kepada perasaan semulajadi dan keinginan yang wujud dalam diri penyair melibatkan keinginan rasa cinta, kehormatan dan kemasyhuran. Puisi penyair Dharmawijaya dianalisis daripada sudut insan, masyarakat dan alam. Di

samping itu, analisis terhadap corak penyampaian melibatkan mekanisme helah bela diri, seperti *represi*, *sublimasi* dan *pindah gantian* dilakukan merujuk kepada perubahan tingkah laku penyair. Kajian yang dilakukan terhadap puisi terpilih Dharmawijaya mempunyai kelebihan bagi memberi pemahaman yang tepat dan jelas berkaitan keinginan-keinginan sebenar yang hendak disampaikan penyair kepada masyarakat pada ketika itu.

Jasna Koteska (2013), dalam tesis ijazah doktor falsafah beliau yang bertajuk “*Theoretical Psychoanalysis and Literature*”, dari University of Ss. Cyril and Methodius, Skopje, Macedonia. Kajian ini tentang penulisan karya dan teks ucapan menggunakan Teori Psikoanalisis Freud. Jasna Koteska menerangkan tentang proses berlakunya keadaan bawah sedar dalam diri pengarang. Jasna Koteska menjelaskan bahawa pengarang menghasilkan karya adalah untuk melepaskan rasa tidak puas hati terhadap sesuatu situasi yang dialami olehnya. Jasna Koteska melalui kajian yang dilakukannya menerangkan bahawa perkara yang pernah dialami oleh pengarang akan menimbulkan konflik dan perasaan dalam diri yang menyebabkan terhasilnya sesebuah karya.

“The most successful interpretations often involve searching for hidden meanings in texts: not the meaning of what has been said but the meaning of what has been left unsaid in the text. Such interpretations go beyond the text to seek out where real textual meanings are concealed”

(Jasna Koteska, 2013, p. 27).

Jasna Koteska menerangkan bahawa penghayatan yang terbaik dan berkesan bukan hanya pada makna ayat sahaja, tetapi pada maksud tersirat yang memberi makna lebih mendalam. Perkara yang hendak disampaikan juga melibatkan apa-apa yang sebelum ini tidak dapat diluahkan dan dihayati semula melalui daya penghayatan secara kreatif dengan menghasilkan karya. Kelebihan kajian ini adalah analisis dilihat berdasarkan rasa

ketidakpuasan yang wujud dalam keadaan bawah sedar melibatkan perasaan *id*, *ego* dan *superego*. Sementara kekurangan kajian Jasna Koteska, ialah tidak membincangkan tentang aspek keinginan dan mekanisme helah bela diri yang berkait rapat dengan perubahan tingkah laku yang menghubungkan *superego* pengarang. Kajian yang sedang dilakukan sekarang dapat menambah baik kajian lepas untuk golongan pengkaji dan pembaca. Analisis dilakukan tentang pengaruh bawah sedar yang mewujudkan keinginan-keinginan yang disampaikan menggunakan mekanisme helah bela diri dalam puisi terpilih Dharmawijaya bagi mencapai kepuasan dalam diri.

Naffi Mat (2010), melakukan kajian terhadap kumpulan puisi yang dihasilkan oleh penyair Dharmawijaya, iaitu dalam *Warna Maya*, *Derita Buana*, *Jejak Kembara* dan *Mutiara Kenangan*. Tesis ijazah doktor falsafahnya bertajuk “*Puisi Dharmawijaya: Kajian Teori Pengkaedahan Melayu dan Estetika*” di Jabatan Kesusastraan Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Kajian ini meneliti puisi-puisi Dharmawijaya dengan menggunakan gabungan jalinan Teori Pengkaedahan Melayu dan Teori Estetika. Melalui Teori Pengkaedahan Melayu, beliau menggunakan Pendekatan Gunaan, Pendekatan Moral dan Pendekatan Firasat yang berada bawah Pengkaedahan Alamiah untuk mengkaji puisi Dharmawijaya. Melalui Teori Estetika pula, kajian memfokuskan unsur pengalaman estetika dan sikap estetika yang berada dalam bahagian persepsi estetika dan unsur-unsur gaya bahasa.

Naffi Mat (2010), melakukan kajian yang merujuk kepada idea dan pemikiran penyair Dharmawijaya yang tertumpu kepada hubungan sosialisasi masyarakat di Kampung Talang tempat lahir penyair ketika itu. Aspek *pindah gantian* juga dikesan melibatkan objek-objek yang ada di sekeliling penyair. Naffi Mat menitikberatkan lapisan makna yang terdapat pada unsur alam kerana bagi beliau puisi Dharmawijaya

memerlukan tafsiran kepada makna-makna yang memperlihatkan tentang kemanusiaan. Naffi Mat berpendapat bahawa perkaitan ini mempengaruhi perasaan dan kreativiti penyair. Sementara kajian yang dilakukan sekarang lebih menjurus kepada keinginan-keinginan penyair dan perubahan tingkah laku yang lahir dalam diri penyair Dharmawijaya dengan mengaplikasikan Teori Psikoanalisis Freud. Kajian yang dilakukan sekarang lebih berfokus terhadap keinginan rasa cinta, kehormatan dan kemasyhuran terhadap insan, masyarakat dan alam. Mekanisme helah bela diri seperti *represi*, *sublimasi* dan *pindah gantian* turut dijelaskan bagi menerangkan corak helah bela diri yang dilakukan oleh penyair Dharmawijaya dalam menghasilkan puisinya untuk mencapai kepuasan diri.

Mawar Safei (1995), dalam kajiannya pada peringkat sarjana bertajuk “*Tendensi Personaliti dalam Cerpen Anwar Ridhwan*”, dari Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, juga menggunakan Teori Psikoanalisis Freud bagi membuat perbandingan antara novel-novel Anwar Ridhwan dengan novel-novel Dharmala NS dari sudut psikologi. Kajian ini dilakukan bagi menganalisis tiga kumpulan cerpen Anwar Ridwan, iaitu *Parasit* (1976), *Sesudah Perang* (1978) dan *Sangkar* (1986) menggunakan Teori Psikoanalisis Freud. Keistimewaan kajian Mawar Safei, ialah analisis dilakukan terhadap watak dan perwatakan dijelaskan dengan terperinci menggunakan Teori Psikoanalisis bagi menerangkan sesuatu maksud yang ingin disampaikan oleh pengarang.

Analisis kajian yang dilakukan oleh Mawar Shafie mendapati bahawa pengarang menggunakan objek-objek fizikal di persekitaran sebagai lapisan tersurat yang mengandungi maksud tersirat yang dianalisis menggunakan pendekatan Teori Psikoanalisis Freud. Kajiannya juga mendapati bahawa cerpen-cerpen yang dihasilkan

oleh Anwar Ridhwan membawa banyak mesej deduktif dan keinginan yang terbaik. Pengarang menyuarakan pemikirannya mengenai pengalaman kehidupan yang pernah dilalui dan keinginannya dalam kehidupan. Sastera Melayu mempunyai nilai-nilai dan keunikan yang tersendiri kerana terhasil daripada keinginan pengarang yang mempunyai matlamat tertentu. Persoalan yang dikemukakan Anwar Ridhwan meliputi segala aspek kehidupan manusia termasuk kemasyarakatan, politik, ekonomi dan sosial. Perbezaan kajian yang dilakukan oleh Mawar Safei dengan kajian yang dilakukan sekarang adalah penekanan kajian sekarang ini terhadap keinginan-keinginan penyair Dharmawijaya berhubung perasaan, pemikiran, pengalaman dan mekanisme helah bela diri. Melalui kajian ini juga, penelitian dilakukan terhadap cara berfikir penyair Dharmawijaya bagi menzahirkan keinginan terhadap rasa cinta, kehormatan dan kemasyhuran dalam bentuk puisi menggunakan mekanisme helah bela diri bagi mencapai kepuasan dalam dirinya.

Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali (2005) pula telah melakukan kajian pada peringkat sarjana yang bertajuk “*Novel-novel Hamzah Hussain: Kajian Watak Dari Sudut Psikologi*”, di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali melakukan penelitiannya terhadap semua novel Hamzah Hussain, iaitu *Rumah Itu Dunia Aku* (1951), *Pemburu Pulang Ke Rumah* (1953), *Samseng* (1956), *Rumah Kosong* (1956) dan *Hujan Air Mata* (1958) menggunakan empat Teori Psikologi yang dikemukakan oleh Sigmund Freud, Karen Horney, Carl Jung dan Alfred Adler. Kajian ini menghuraikan konflik jiwa yang dihadapi oleh watak-watak dalam teks kajian berhubung kehidupan yang dijalani. Konflik jiwa yang dialami oleh watak-watak dianalisis melalui aksi dalaman dan luaran.

Kajian yang dilakukan oleh Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali telah meneliti unsur psikologi dalam novel-novel Hamzah Hussain melalui watak-watak dalam novel

tersebut. Melalui kajian ini, didapati bahawa setiap karya yang dihasilkan oleh pengarang mempunyai kaitan dengan kehidupan, alam persekitaran dan pengalaman hidup pengarang. Karya sastera yang dihasilkan oleh seseorang pengarang dapat memberi kesan yang bermakna kerana unsur-unsur yang terhasil dalam sebuah karya itu mengandungi gambaran tentang kehidupan dan masyarakat (Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali, 2005, p.12). Kajian novel-novel Hamzah Hussain yang dijalankan oleh Tengku Intan Marlina ini, menggunakan Teori Psikoanalisis Freud, Teori Psikologi Karen Horney, Carl Jung dan Alfred Adler. Oleh yang demikian, kajian beliau berbeza dengan kajian yang dilakukan sekarang yang memfokuskan analisis terhadap keinginan rasa cinta, kehormatan dan kemasyhuran berdasarkan Teori Psikoanalisis Freud sahaja. Penggunaan Teori Psikoanalisis Freud dapat menjelaskan keinginan-keinginan penyair Dharmawijaya tersebut dan mekanisme helah bela diri penyair seperti *represi*, *sublimasi* dan *pindah gantian* yang dizahirkan dalam bentuk puisi bagi mencapai kepuasan kepuasan dalam diri.

Seterusnya kajian oleh Mohd Fadzil Baharudin (2010) juga menggunakan Teori Psikoanalisis Freud dalam menganalisis puisi-puisi penyair J.M Aziz. Kajian pada peringkat sarjana ini bertajuk “*Penerapan Teori Psikoanalisis dan Estetika dalam Puisi J.M. Aziz*”, dari Jabatan Kesusastraan Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Kajian ini menganalisis puisi-puisi J.M. Aziz menggunakan Teori Psikoanalisis Freud dan konsep Estetika. Kajian yang dilakukan ini, memperlihatkan keinginan-keinginan yang hendak dicapai oleh penyair J.M Aziz menerusi puisi yang dihasilkannya. Teori Psikoanalisis Freud dan konsep Estetika digunakan untuk menganalisis nilai keindahan yang wujud semasa penyair J.M. Aziz berkarya. Objek di persekitaran seperti nelayan, pantai, ombak, hidupan laut dan terumbu

karang dapat digambarkan oleh penyair J. M Aziz dalam puisinya. Susunan kata-kata yang indah dapat dikesan menerusi pengalaman estetika dan sikap estetika penyair.

Dalam kajian tersebut juga, penyair J. M Aziz dilihat sebagai seorang penyair kreatif menggunakan objek-objek alam yang mengandungi makna-makna tersirat di sebaliknya. Kelebihan kajian ini dapat menzahirkan pemikiran J. M Aziz terhadap objek-objek laut dalam puisi-puisi bagi meluahkan keinginan-keinginannya yang terpendam. Mohd Fadzil Baharudin (2010) berpendapat bahawa penyair sebenarnya berada dalam konflik jiwa dan cuba menyelesaikan permasalahan dalaman yang berlaku dengan cara berkarya dan menggunakan objek-objek di sekitarnya bagi menggambarkan kehidupan masyarakat dan keinginan penyair pada ketika itu. Sementara itu kajiannya pada peringkat ijazah doktor falsafah, berkaitan puisi terpilih ciptaan penyair Dharmawijaya. Analisis yang dilakukan menggunakan Teori Psikoanalisis Freud bagi membincangkan keinginan-keinginan yang wujud dalam diri penyair supaya mudah difahami dan dihayati. Keinginan-keinginan rasa cinta, kehormatan dan kemasyhuran terhadap kehidupan yang pernah dilalui disampaikan oleh penyair Dharmawijaya. Mekanisme helah bela diri *represi*, *sublimasi* dan *pindah gantian* digunakan bagi mencapai kepuasan dalam diri penyair.

Baharudin Mohd Mohaidin dengan tesis peringkat ijazah sarjana (2000), bertajuk “*Puisi Dharmawijaya 1960-1990: Satu Pendekatan Stilistik*” dari Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor Darul Ehsan, membincangkan pengaruh puisi tradisional yang masih wujud dalam puisi-puisi Dharmawijaya. Unsur rima dalam puisi penyair Dharmawijaya didapati yang masih mirip kepada syair dan pantun Melayu. Kajian yang dilakukan oleh Baharudin Mohd Mohaidin, terhadap kumpulan puisi *Warna Maya* (1974) dan *Derita Buana* (1992) yang dihasilkan oleh Dharmawijaya tidak menyeluruh kerana

hanya menganalisis aspek-aspek bahasa dan gaya bahasa bagi membuat perbincangan tanpa melibatkan pemikiran dan keinginan penyair. Hal ini bermakna, kajian yang dilakukan terhadap puisi-puisi Dharmawijaya lebih menumpukan aspek bahasa dan gaya bahasa. Aspek ini merupakan salah satu cara yang amat penting untuk mengenal pasti daya kreativiti individu semasa berkarya menjadi kekuatan bagi kajian yang dihasilkan. Kajian Baharudin Mohd Mohaidin juga meliputi gaya bahasa dan proses pertautan yang mempunyai perkaitan dengan perasaan, pengalaman dan pemikiran penyair dalam puisi yang dihasilkan. Pendekatan Stilistik digunakan untuk meneliti aspek-aspek tersebut. Pengalaman sedia ada yang pernah dilalui oleh penyair telah mempengaruhi pemikiran penyair bagi menyatakan keinginan yang wujud dalam diri. Puisi digunakan sebagai alat penghubung bagi menyatakan keinginan bagi mencapai kepuasan diri.

Baharudin Mohd Mohaidin mendapati bahawa karya ciptaan Dharmawijaya pada dasarnya menggambarkan kehidupan desa. Penderitaan yang dialami oleh masyarakat desa diterjemahkan dalam bentuk puisi. Pemikiran Dharmawijaya dalam puisi berlatarbelakangkan kehidupan masyarakat desa dianalisis dengan mengambil kira pengalaman penyair. Nilai kasih sayang juga digunakan dalam puisi penyair Dharmawijaya yang banyak menjelaskan hubungan kekeluargaan dan masyarakat.

Kajian-kajian lepas didapati tidak pernah menggunakan Teori Psikoanalisis Freud bagi membincangkan tentang keinginan-keinginan dan mekanisme helah bela diri dalam puisi Dharmawijaya. Kebanyakan kajian lepas menganalisis aspek pemikiran, makna perkataan, gaya bahasa dan sumbangan penyair. Keinginan-keinginan dan mekanisme helah bela diri penyair sebelum ini tidak dibincangkan menggunakan Teori Psikoanalisis Freud oleh mana-mana pengkaji. Oleh yang demikian, kajian ini sangat diperlukan dan mempunyai kelebihan dalam membincangkan keinginan-keinginan dalam diri penyair

dengan mengaplikasikan Teori Psikoanalisis Freud dalam puisi Dharmawijaya. Di samping itu, mekanisme helah bela diri *represi*, *sublimasi* dan *pindah gantian* digunakan semasa berkarya membantu penyair untuk mencapai kepuasan dalam diri.

Penghasilan sesebuah karya sastera merupakan luahan fikiran penyair tentang kemanusiaan yang melibatkan pengalaman dan idea melalui daya imaginasi (Che Abdullah Che Ya, 2010, p.5). Oleh yang demikian kajian terhadap puisi terpilih Dharmawijaya adalah wajar bagi menganalisis keinginan-keinginan penyair melalui rasa cinta, kehormatan dan kemasyhuran yang terdapat dalam puisi-puisinya.

1.3 Permasalahan Kajian

Kajian ini membincangkan tentang penyair Dharmawijaya yang menyatakan peristiwa yang bertolak daripada sastera sebagai cermin diri yang memantulkan permasalahan kemiskinan, pergolakan hidup, penderitaan hidup masyarakat desa daripada golongan petani, nelayan dan buruh (Dharmawijaya, 1998, p.36). Kajian ini menganalisis empat kumpulan puisi yang dihasilkan oleh Dharmawijaya, iaitu *Warna Maya* (1974), *Derita Buana* (1992), *Jejak Kembara* (1999) dan kumpulan puisi *Mutiara Kenangan* (2006). Puisi terpilih Dharmawijaya banyak mengungkapkan permasalahan masyarakat yang dizahirkan dalam puisi yang merupakan keinginan terhadap insan, masyarakat dan alam yang menarik untuk dikaji. Abdul Rahim Marsidi (2003, p.6), juga memberi penegasan yang sama dengan menyatakan sastera itu menjadi dokumen masyarakat dan mencerminkan kehidupan sesuatu bangsa pada suatu ketika. Beliau juga menyatakan puisi merupakan satu komponen dalam sosial yang menggunakan medium bahasa sebagai satu ciptaan sosial.

Kajian ini dilakukan bagi memahami dan menghayati pemikiran Dharmawijaya dengan menggunakan Teori Psikoanalisis Freud dalam memperkatakan tentang pergolakan hidup masyarakat petani, nelayan dan buruh yang berhijrah ke bandar besar dikaji dengan lebih teratur dan bersistematik. Puisi terpilih Dharmawijaya menggambarkan perasaan, pengalaman dan pemikiran beliau yang kreatif dalam memperlihatkan permasalahan yang dihadapi oleh masyarakat kampungnya menjadi suatu yang menarik untuk dikaji. Puisi terpilih Dharmawijaya merupakan karya puisi yang mempunyai daya kreativiti tinggi melibatkan daya imaginasi dan emosi yang mendalam tentang peristiwa yang pernah dilalui. Kajian yang teliti dan mendalam perlu dilakukan terhadap puisi terpilih Dharmawijaya menggunakan Teori Psikoanalisis Freud bagi meningkatkan pemahaman dan penghayatan. Permasalahan juga berlaku melibatkan pengesanan perasaan semulajadi yang memberi kesan kejiwaan berkaitan dengan keinginan rasa cinta, kehormatan dan kemasyhuran.

Selain itu, Baha Zain (1991, p.18), menjelaskan pemikiran dianggap sebagai induk atau nadi yang menghidupkan semangat dalam diri seseorang penyair untuk mengembangkan perjuangan mereka menerusi hasil seni. Syed Muhammad Naquib al-Attas (1972, p.18), menyatakan bahawa pemikiran yang rasional dan intelektual menekankan soal-soal keluhuran dan pandangan hidup sebenar dalam masyarakat dan alam. Penyair Dharmawijaya menghasilkan puisi bagi menjelaskan tentang kehidupan masyarakat melibatkan keinginan terhadap insan, masyarakat dan alam. Keinginan yang ingin disampaikan bersifat negatif atau positif, khususnya kemiskinan, kesusahan dan ketidakadilan dihayati oleh penyair Dharmawijaya dan dizahirkan dalam bentuk puisi. Hal ini diakui oleh anak perempuannya Susilawati Kamaruzzaman (1999, p.43), iaitu kebanyakan puisi yang dihasilkan oleh penyair Dharmawijaya mengisahkan tentang

perjuangan masyarakat petani, di samping menyuarakan pembelaan golongan miskin yang tinggal di kampungnya.

Penyair secara ikhlas dan jujur melalui puisinya menyuarakan pandangan dan fikirannya bagi menuntut kebenaran. Menurut Baha Zain (1991, p.38-39), isu-isu kemanusiaan memberikan erti sebagai keprihatinan, penindasan dan memberikan kebebasan, keadilan, serta kebahagiaan memerlukan perjuangan yang seluas-luasnya termasuk dalam bentuk kepenggarangan. Dalam keadaan tertentu, penyair menyatakan kepentingan masa depan khususnya golongan petani, nelayan dan buruh yang miskin supaya mendapat perhatian sewajarnya.

Penyair Dharmawijaya sebenarnya banyak menyatakan rasa ketidakpuasan hati terhadap kemunduran dan kemiskinan kehidupan golongan petani, nelayan dan buruh di kampung kelahirannya. Penyair meluahkan keinginan-keinginan melalui puisi bagi menyatakan rasa cinta, kehormatan dan kemasyhuran yang memfokuskan kepada insan, masyarakat dan alam. Puisi penyair Dharmawijaya banyak memaparkan pergolakan kehidupan yang dilalui oleh golongan petani. Keinginan penyair disampaikan dengan menggunakan tahap berfikir secara kreatif tentang pembangunan sosial dan ekonomi bagi memberi keberkesanan dari segi pembangunan kehidupan petani di kampungnya. Penyair menggunakan mekanisme helah bela diri bagi menyalurkan keinginan-keinginan secara *represi*, *sublimasi* dan *pindah gantian* bagi melegakan tekanan emosi yang dialami. *Superego* dalam diri penyair memainkan peranan utama bagi memastikan keinginan yang ingin disampaikan penyair disalurkan dalam karya yang diterima oleh masyarakat pada ketika itu.

Di samping itu, melalui kajian yang dilakukan pengalaman kehidupan penyair sebagai anak pesawah dapat dihayati melibatkan keinginan beliau yang disampaikan dalam puisi mengisahkan kehidupan golongan petani miskin di kampungnya. Menurut Wellek dan Warren (1956, p.35), sebuah hasil sastera merupakan pandangan dunia (*world view*) bagi golongan masyarakat sekelilingnya. Puisi Dharmawijaya merupakan gambaran sosial insan, masyarakat dan alam yang berlaku pada zaman kecilnya. Penyair Dharmawijaya memberi gambaran sebenar tentang kehidupan masyarakat petani di kampungnya yang bergantung hidup sepenuhnya pada hasil pertanian dan sumber semulajadi seperti tumbuhan hutan dan ikan sungai. Penyair Dharmawijaya dengan ikhlas dan jujur juga mendedahkan tentang perkara baik melibatkan sikap rajin golongan petani dan sikap buruk pihak tertentu yang berlaku dalam kehidupan masyarakat di kampungnya.

Puisi terpilih Dharmawijaya dianalisis menggunakan Teori Psikoanalisis Freud bagi mengesan keinginan yang melibatkan perasaan, pengalaman dan pemikiran. Menurut Sigmund Freud (1955, p.17), pengalaman yang pernah dilalui semasa kecil dahulu dipendam dan mencari ruang yang sesuai untuk diluahkan bagi meredakan tekanan yang dihadapi melibatkan tindak balas. Hal ini dapat dikesan dalam puisi yang dianalisis secara tekstual menggambarkan keinginan penyair Dharmawijaya dengan lebih jelas dan sistematis. Puisi penyair Dharmawijaya tercipta daripada perasaan tertekan yang dialami menimbulkan keinginan yang tidak dapat dipenuhi sehingga berlakunya perubahan tingkah laku dan disampaikan dalam bentuk puisi. Kajian ini dianggap penting bagi membantu golongan pengkaji dan pembaca untuk memahami dan menghayati permasalahan tentang kehidupan masyarakat dan keinginan ketika itu. Keinginan yang disampaikan penyair dalam puisinya mengandungi mesej tertentu yang berhasrat untuk menghilangkan rasa tertekan yang dialami.

1.4 Objektif Kajian

Terdapat tiga objektif dalam kajian ini, iaitu :

- i. Mengenal pasti unsur-unsur kejiwaan yang mengandungi keinginan rasa cinta, kehormatan dan kemasyhuran dalam puisi terpilih Dharmawijaya menggunakan Teori Psikoanalisis Freud.
- ii. Menganalisis keinginan-keinginan tersebut dari aspek insan, masyarakat dan alam yang disalurkan menggunakan mekanisme helah bela diri *represi*, *sublimasi* dan *pindah gantian* dalam puisi terpilih Dharmawijaya.
- iii. Menilai hubungan antara keinginan rasa cinta, kehormatan dan kemasyhuran dengan mekanisme helah bela diri yang terdapat dalam puisi terpilih Dharmawijaya.

1.5 Bidang Kajian

Kajian yang dilakukan dengan memberi tumpuan terhadap puisi terpilih Dharmawijaya. Kajian ini memfokuskan keinginan rasa cinta, kehormatan dan kemasyhuran yang banyak terdapat dalam puisi Dharmawijaya dan disampaikan melalui mekanisme helah bela diri *represi*, *sublimasi* dan *pindah gantian*. Teori Psikoanalisis Freud diaplikasikan bagi menjelaskan tentang perasaan, pengalaman dan pemikiran yang berkaitan dengan keinginan penyair yang disampaikan dalam bentuk puisi. Pengalaman sedia ada yang pernah dilalui oleh penyair Dharmawijaya memainkan peranan penting semasa pengkaryaan berlaku bagi menyampaikan keinginan dalam bentuk puisi.

1.6 Bahan Kajian

Kajian ini, dilakukan terhadap puisi terpilih Dharmawijaya yang dihasilkan melalui perasaan, pengalaman dan pemikiran yang mengandungi keinginan rasa cinta, kehormatan dan kemasyhuran. Kajian dilakukan terhadap puisi terpilih daripada kumpulan puisi *Warna Maya* (1974), *Derita Buana* (1992), *Jejak Kembara* (1999) dan Kumpulan Puisi *Mutiara Kenangan* (2006). Jumlah keseluruhan puisi yang dianalisis sebanyak 156 buah termasuk 12 buah puisi dipilih dalam Kumpulan Puisi *Mutiara Kenangan* (2006). Puisi terpilih Dharmawijaya dianalisis bagi merungkaikan keinginan-keinginan penyair yang disampaikan melalui mekanisme helah bela diri bagi menyatakan keinginan rasa cinta, kehormatan dan kemasyhuran terhadap insan, masyarakat dan alam ketika itu. Menurut Nazeri Samah (2005, p.23), puisi Dharmawijaya mengandungi keilmuan dalam kepenyairan beliau yang dapat dilihat menerusi gaya bahasa, pengalaman dan pemikiran. Puisi terpilih penyair Dharmawijaya yang dihasilkan melalui perasaan, pengalaman dan pemikiran dapat memenuhi objektif kajian dengan menggunakan Teori Psikoanalisis Freud.

1.7 Batasan Kajian

Kajian ini terbatas kepada puisi terpilih Dharmawijaya yang terdapat dalam antologi *Warna Maya* (1974), *Derita Buana* (1992), *Jejak Kembara* (1999) dan kumpulan puisi *Mutiara Kenangan* (2006). Jumlah keseluruhan puisi yang dianalisis bagi pemilihan ialah sebanyak 156 buah puisi termasuk 12 buah puisi dalam Kumpulan Puisi *Mutiara Kenangan* (2006). Puisi terpilih Dharmawijaya terdiri daripada 23 buah puisi berkaitan keinginan rasa, 22 buah puisi keinginan rasa kehormatan dan 12 buah puisi keinginan

rasa kemasyhuran. Keinginan rasa cinta, kehormatan dan kemasyhuran merupakan keinginan yang paling banyak dinyatakan oleh Dharmawijaya dalam puisi-puisi yang dihasilkan berfokuskan tentang kehidupan petani di kampung halamannya. Menurut Nazeri Samah (2005, p.23), kelebihan Dharmawijaya adalah keupayaannya membawa sawah ladang ke tengah kota dengan warna-warni indah kampung halaman menerusi puisinya. Penyair Dharmawijaya menggunakan medium puisi bagi menyatakan keinginan dalam diri untuk mencapai kepuasan. Puisi terpilih Dharmawijaya yang terhasil daripada perasaan, pengalaman dan pemikiran mempunyai kelebihan tersendiri yang banyak memperkatakan tentang keinginan-keinginan rasa cinta, kehormatan dan kemasyhuran. Keinginan yang wujud dalam puisi terpilih Dharmawijaya juga, melibatkan psikologi penyair berkaitan dengan pengalaman yang pernah dilalui dan dizahirkan semula dalam bentuk puisi. Dalam kajian ini, perasaan, pengalaman dan pemikiran penyair Dharmawijaya tentang manusia dengan manusia, serta manusia dengan persekitarannya dianalisis menggunakan Teori Psikoanalisis Freud. Kajian ini turut menganalisis pergolakan jiwa manusia berdasarkan tiga sistem personaliti dalam Teori Psikoanalisis Freud, iaitu *id*, *ego* dan *superego*. Di samping itu juga, kajian ini turut membincangkan keadaan-keadaan yang menyebabkan wujudnya keinginan rasa cinta, kehormatan dan kemasyhuran menghubungkan perubahan tingkah laku yang diluahkan melalui mekanisme helah bela diri *represi*, *sublimasi* dan *pindah gantian* bagi mencapai kepuasan diri dalam bentuk puisi.

1.8 Kaedah Kajian

Kajian ini dilakukan merujuk kepada bahan bersifat tekstual bagi menganalisis puisi Dharmawijaya secara kualitatif. Pendekatan yang digunakan mengambil kira tentang

pengalaman subjektif penyair yang dianalisis secara kualitatif. Sebahagian besar maklumat diperolehi menerusi kepustakaan dan temu bual yang dijalankan bertujuan mendapatkan maklumat bagi memantapkan kajian ini.

(a) **Kaedah Kepustakaan**

Kaedah kepustakaan dijalankan bagi mendapatkan bahan dan maklumat yang diperlukan dalam penyelidikan yang dilakukan. Kajian kepustakaan melibatkan penelitian bahan berbentuk tulisan, majalah, jurnal, tesis, disertasi dan buku-buku rujukan dilakukan bagi mendapatkan maklumat yang tepat tentang kepenyairan Dharmawijaya. Langkah berkunjung ke Perpustakaan Negara, Perpustakaan Negeri Terengganu, Perpustakaan Universiti Malaya, Perpustakaan Universiti Putra Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka dan Galeri Persatuan Penulis-penulis Terengganu (PELITA) dilakukan untuk mendapatkan maklumat terutama pandangan daripada pengkaji-pengkaji terdahulu tentang puisi Dharmawijaya, dan Teori Psikoanalisis Freud dan maklumat lain yang berkaitan dengan kajian. Bahan koleksi Hashim Awang yang ditempatkan di Perpustakaan Awam Negeri Terengganu juga dijadikan bahan rujukan terutamanya mengenai Teori Psikoanalisis Freud. Bahan-bahan bacaan yang terdapat di sudut koleksi Hashim Awang amat penting bagi kajian ini kerana beliau sendiri merupakan salah seorang tokoh pengkritik sastera Melayu yang banyak menghasilkan penulisan berkenaan dengan Teori Psikoanalisis.

(b) **Kaedah Temu bual**

Kajian lapangan dilakukan melalui kaedah temu bual dilakukan bagi mendapatkan maklumat primer yang sah dan tidak diperolehi secara bercetak atau di perpustakaan. Temu bual bersama anak perempuan penyair, iaitu Puan Susilawati binti Kamaruzzaman yang dilahirkan pada 19 September 1967 di Kuala Pilah, Negeri Sembilan, merupakan

anak pertama daripada tiga orang adik beradik dilakukan bagi mendapatkan maklumat peribadi penyair seperti rutin hariannya dan perkara-perkara yang pernah dilalui dinyatakan dalam bentuk puisi. Maklumat tambahan juga diperolehi dengan menemubual bekas rakan sekerja penyair, iaitu Prof. Dr. Mohamad Mokhtar Abu Hasssan yang bertugas sebagai pensyarah di Jabatan Kesusastraan Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Prof. Dr. Mohamad Mokhtar Abu Hasssan juga merupakan anak didik yang pernah menjadi pelajar kepada penyair Dharmawijaya semasa menuntut di Universiti Malaya. Naffi Mat turut ditemu bual bertujuan bagi mendapatkan maklumat yang lebih mendalam berkaitan tentang latar kepenyairan Dharmawijaya kerana beliau merupakan rakan karib yang pernah sama-sama bertugas di Universiti Malaya. Selain itu, Naffi Mat turut menyalurkan kajian terhadap puisi-puisi Dharmawijaya untuk tesis peringkat doktor falsafah pada tahun 2010. Allahyarham Naffi Mat meninggal dunia baru-baru ini, iaitu pada hari Jumaat, 11 November 2016. Soalan temu bual melibatkan keperibadian penyair daripada aspek perwatakan penyair dari zaman mudanya sehingga ke akhir hayatnya.

1.9 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini ialah:

- (a) Kepentingan Terhadap Kajian Lanjutan

Kajian ini penting dalam membuka jalan kepada kajian lain membincangkan tentang keinginan pengarang dan mekanisme helah bela diri dengan lebih teratur dan bersistematik dalam bidang lain seperti sains psikologi, kaunseling dan perubatan moden. Keinginan dalam diri yang wujud dalam semua keadaan dapat dikaitkan dengan pelbagai bidang ilmu hasil penghayatan dan pengamatan tentang perkara yang pernah dilalui. Oleh

yang demikian, kajian tentang keinginan rasa cinta, kehormatan dan kemasyhuran serta mekanisme helah bela diri perlu diperluaskan ke peringkat yang lebih tinggi bagi melakukan penjelasan dengan lebih sistematik melibatkan bukti keinginan secara saintifik.

(b) Kepentingan Terhadap Perkembangan Bidang Kritikan Sastera Tanah Air

Kajian ini juga, memberi sumbangan dalam perkembangan ilmu kritikan sastera tanah air khususnya dalam genre puisi. Rasa keinginan yang wujud seperti rasa cinta, kehormatan dan kemasyhuran yang terdapat dalam teks dianalisis menggunakan Teori Psikoanalisis Freud. Kajian yang dilakukan terhadap puisi terpilih penyair Dharmawijaya merupakan satu kajian melibatkan perasaan, pengalaman, pemikiran, keinginan dan mekanisme helah bela diri yang diterjemahkan dengan ungkapan kata-kata dalam bentuk puisi. Kajian ini juga memperlihatkan pemikiran penyair dalam menyatakan perasaan dan keinginannya bagi mencapai kepuasan dalam diri.

(c) Kepentingan Terhadap Pembaca

Kajian ini, dapat menjelaskan puisi menjadi alat pengantaraan untuk menyampaikan keinginan dan pemikiran penyair kepada pembaca dan masyarakat. Unsur-unsur latar kehidupan dan sifat kepenyairan juga dapat membantu khalayak dan peminat sastera betapa pentingnya puisi Melayu moden yang dihasilkan bersandarkan kepada pemikiran dan keinginan bagi menggambarkan kehidupan sebenar masyarakat ketika itu. Sebagai penyair, Dharmawijaya mempunyai pemikiran kreatif kerana dapat menggunakan pengamatan latar kehidupan insan, masyarakat dan alam sebagai bahan untuk berkarya. Kajian ini juga perlu untuk memperlihatkan kesesuaian Teori Psikoanalisis Freud dalam dunia puisi moden tanah air.

Corak pengkajian dilakukan lebih teratur dan bersistematik dapat dijalankan oleh golongan pengkaji secara lebih khusus dan berkesan. Teori Psikoanalisis Freud merupakan satu pendekatan yang mengemukakan konsep-konsep yang berhubung dengan kejiwaan seperti keinginan dan mekanisme helah bela diri. Psikologi dalam karya secara tidak langsung meninggalkan kesan mendalam terhadap penghayatan golongan pembaca. Melalui Teori Psikoanalisis Freud karya sastera lebih dihayati dan difahami dengan mendalam oleh pembaca sehingga dapat menyentuh perasaan pembaca. Maklumat peribadi penyair memberi gambaran awal tentang keinginan yang ingin disampaikan bagi mencapai kepuasan diri.

(d) Kepentingan Terhadap Pengkaji

Golongan pengkaji akan mengetahui keseluruhan pemikiran dalam puisi terpilih penyair Dharmawijaya mempunyai tujuan dan sebab tertentu. Penyair Dharmawijaya mempunyai matlamat tertentu menghasilkan karyanya selaras dengan pemikiran yang diungkapkan berkaitan dengan insan, masyarakat dan alam. Oleh itu, kajian ini perlu dijalankan kerana dapat memperlihatkan keinginan rasa cinta, kehormatan dan kemasyhuran yang disampaikan oleh penyair melalui puisi ciptaananya. Pemikiran penyair, terutamanya yang lahir melalui puisi banyak menonjolkan persoalan tentang kehidupannya dan masyarakat yang bergantung hidup pada sumber alam ketika itu. Kajian yang dilakukan ini dapat memberi pemahaman yang jelas bagi menganalisis bahan kajian berbentuk seni dari aspek psikologi dengan lebih berkesan. Di samping itu, golongan pengkaji, pembaca dan masyarakat turut dapat menghayati keinginan-keinginan yang ingin disampaikan oleh penyair melalui puisi dengan lebih jelas. Melalui kajian ini juga, unsur kejiwaan seperti keinginan dan mekanisme helah bela diri dapat dianalisis dengan lebih teratur menggunakan Teori Psikoanalisis Freud.

1.10 Konsep Operasional

Kajian yang dilakukan bersifat tekstual dengan menganalisis puisi terpilih Dharmawijaya secara kualitatif. Pendekatan kualitatif sesuai dalam kajian ini bertujuan bagi menjelaskan keinginan rasa atau perasaan dalam puisi yang dianalisis secara lebih mendalam melalui pengumpulan data. Penelitian pada peringkat awal dilakukan melibatkan proses mengenal pasti keinginan rasa cinta, kehormatan dan kemasyhuran yang banyak terdapat dalam kumpulan puisi penyair Dharmawijaya.

(a) Konsep Teori Psikoanalisis Freud

Rasa keinginan merupakan perasaan naluri yang lahir dalam jiwa secara semulajadi atau fitrah dan merupakan naluri yang berhubung dengan *id*, *ego* dan *superego*. Di peringkat ini Teori Psikoanalisis Freud menerangkan bahawa perasaan semulajadi dalam diri digunakan bagi menjelaskan keadaan tertekan yang berlaku melibatkan perasaan *id*, *ego* dan sehingga ke tahap *superego* agar diterima oleh masyarakat ketika itu.

Id adalah keadaan yang sepenuhnya berada dalam diri individu. *Id* adalah kehendak dalam diri melibatkan perasaan semulajadi, menjadi penggerak utama terhadap perubahan tingkah laku manusia. *Id* merupakan dorongan-dorongan primitif dan perasaan semulajadi pada manusia bertindak berdasarkan prinsip kesenangan. Menurut Sigmund Freud (1933, p.93), *the id of course knows no judgement of value: no good and evil, no morality*. Ketika kecil, manusia secara semulajadi telah mempunyai perasaan dan keinginan dalam diri dikenali sebagai *id*. Oleh itu, kanak-kanak akan meronta-ronta bagi memenuhi keinginan dalam diri terhadap sesuatu tanpa rasa malu dan selalu mementingkan diri sendiri.

Ego berkembang bersama *id*, dalam diri individu melibatkan pengalaman yang pernah dilalui menimbulkan keinginan untuk dicapai, sebagai perubahan tingkah laku normal. *Ego* berada dalam keadaan sedar dan rasional. Keinginan-keinginan *id* tidak selalu dapat dipenuhi dan ketika ini *ego* memainkan peranan. Sigmund Freud (1933, p.85) *in fact built up on the perception of the resistance offered to us by to the patient when we at tempt to make his unconscious conscious to him.* *Ego* berperanan berdasarkan keadaan realiti dan keadaan sekeliling ketika itu. Contohnya, ketika *id* dalam diri berkeinginan untuk makan makanan enak di restoran mewah, tetapi tidak mampu, maka *ego* tidak dapat memenuhi keinginan itu merujuk kepada nafsu terkawal.

Superego muncul akibat hubungan sosial dengan persekitaran kehidupan masyarakat ketika itu. Dalam keluarga, *superego* wujud akibat asuhan daripada ibu bapa dalam bentuk ajaran moral mengenai baik dan buruk tentang sesuatu tindakan. *Superego* muncul untuk mengawal terhadap *id*, terutama jika keinginan *id* itu bertentangan dengan nilai moral masyarakat. Sigmund Freud (1933, p.98) menjelaskan *superego* selalu menginginkan yang terbaik kerana proses yang berlaku adalah individu bertindak berlandaskan nilai moral.

Teori Psikoanalisis Freud dapat diaplikasikan dalam menganalisis puisi terpilih Dharmawijaya, pertama bagi mendalami cara berfikir penyair dan dikaitkan dengan keinginan dalam diri. Kedua, dapat mengesan daya kreatif penyair dari aspek perubahan tingkah laku dan penyampaian keinginan secara *superego* melibatkan mekanisme helah bela diri dan ketiga, dapat mengesan latar belakang penciptaan yang melibatkan pengalaman yang pernah dilalui dalam penilaian puisi yang dianalisis. Dari keadaan ini sesebuah puisi lahir melalui pemikiran dan emosi tertentu yang perlu dipilih supaya tidak menimbulkan ketegangan untuk memberi kepuasan bagi keinginan dalam diri.

(b) Konsep Keinginan

Konsep keinginan dalam diri lahir daripada keadaan konflik jiwa yang melibatkan perasaan semulajadi, pengalaman dan pemikiran dalam diri penyair terhadap perkara yang pernah dialami. Keinginan wujud dalam diri bertujuan untuk mencapai keadaan yang selesa dan lebih baik. Perasaan semulajadi *superego* memainkan peranan penting terhadap perubahan tingkah laku agar diterima oleh masyarakat ketika itu dan mempunyai nilai moral. Antara keinginan yang selalu wujud dalam diri seorang penyair ialah keinginan rasa cinta, rasa kehormatan, rasa kemasyhuran, rasa kekuasaan dan kekayaan. Sigmund Freud menyatakan bahawa bidang seni yang melibatkan penulisan dipengaruhi dengan keinginan dalam diri akibat konflik jiwa yang dialami oleh seniman. “*The artist (always seen as male) was a man who was oppressed by excessively powerful instinctual needs for honor, power, wealth, fame, and the love of women, but who lacked the means of achieving satisfaction*” (D. M. Thomas, 1989, p.101). Sementara Hashim Awang (1997, p.98) pula menjelaskan keinginan rasa cinta, kehormatan dan kemasyhuran wujud akibat konflik jiwa, perasaan dan naluri yang kuat dalam diri penyair tetapi tidak dapat dicapai olehnya. Penyair cuba keluar daripada realiti dan mengarahkan keinginan dalam bentuk fantasi. Proses penciptaan puisi mengambil tempat bagi membolehkan penyair meluahkan keinginan dalam diri, di samping itu juga memberi kesan terhadap masyarakat ketika itu. Penyair menggunakan mekanisme helah bela diri bagi mencapai kepuasan diri melalui puisi yang dihasilkan. Keinginan yang banyak diperkatakan oleh Dharmawijaya dalam puisi-puisi yang dihasilkan ialah keinginan rasa cinta, kehormatan dan kemasyhuran:

i. Keinginan Rasa Cinta

Keinginan rasa cinta yang begitu tinggi berlaku akibat daripada keadaan tertekan dan kerisauan yang berlaku dalam diri terhadap sesuatu perkara yang pernah dialami.

Perasaan tertekan yang dihadapi dalam diri menyebabkan seseorang itu kenal erti rasa cinta sebagai sebuah keinginan. Paul C.Vitz pula berpendapat (1962, p.384) bahawa keinginan ini merujuk kepada pengalaman penyair berkait tentang kehidupan, hak, kebolehan dan perasaan cinta. Keinginan rasa cinta diungkapkan penyair dengan menggunakan pemilihan kata yang merujuk kepada perasaan cinta, sayang, kasih, suka dan romantis. Keinginan rasa cinta juga dizahirkan kepada individu atau objek yang dihayati melalui pengalaman yang pernah dilalui. Keinginan rasa cinta lahir daripada keadaan tertekan yang dialami, seterusnya dikawal oleh *superego* melibatkan nilai moral agar diterima masyarakat bagi mencapai kepuasan diri dengan penyusunan perkataan bagi membentuk ayat yang indah.

ii. Keinginan Rasa Kehormatan

Keinginan rasa kehormatan melibatkan hak yang ingin dicapai dalam kehidupan insan, masyarakat dan alam bagi mendapatkan kepuasan diri. Mahmood Nazar Mohamed (1990, p.259) menerangkan bahawa Sigmund Freud merupakan orang yang pertama membincangkan Teori Psikoanalisis yang berkaitan dengan keadaan dalam diri dan keinginan penyair. Freud membuat kesimpulan bahawa kehidupan setiap individu hampir sepenuhnya melibatkan keadaan bawah sedar, menyebabkan tindakan luar kawal tanpa disedari berlaku bagi memenuhi keinginan yang wujud dalam diri. Keinginan atau dorongan akibat daripada tekanan dalam diri akan kekal ada dalam keadaan bawah sedar dan akan cuba dipenuhi. Keinginan yang biasa wujud dalam diri pengarang atau penyair sastera melibatkan kehormatan. Keinginan rasa kehormatan melibatkan perasaan dihormati, dihargai dan disanjung bagi mencapai kepuasan dalam diri yang dinyatakan dalam bentuk puisi. Peranan *superego* mengawal tindakan yang sesuai agar dapat diterima oleh masyarakat pada ketika itu.

iii. Keinginan Rasa Kemasyhuran

Keinginan rasa kemasyhuran wujud akibat daripada kelebihan yang ada dalam insan, masyarakat dan alam. Keinginan rasa kemasyhuran dialami berpunca daripada kejayaan yang dicapai terutamanya melibatkan hasil kerja dan perjuangan. Menurut A. Rahim Abdullah (2007, p. 115), Sigmund Freud menyatakan bahawa penulis itu sebenarnya seorang *introvert* dan menjadi manusia penyendiri yang suka membangunkan fantasi yang terdapat dalam diri melibatkan pengalaman, iaitu keinginan kemasyhuran dan cinta. *Ego* manusia satu-satunya yang penting berperanan bagi mencapai kepuasan diri. *Superego* berperanan mententeramkan keadaan jiwa melalui perubahan tingkah laku yang sesuai bagi memenuhi keinginan rasa kemasyhuran yang ada dalam diri.

Kesimpulannya, keinginan rasa cinta, kehormatan dan kemasyhuran suatu entiti yang penting kepada kehidupan insan, masyarakat dan alam. Keinginan tersebut merupakan keperluan dalam kehidupan setiap manusia untuk merasai keadaan yang tenang dan selesa.

(c) Konsep Mekanisme Helah Bela Diri.

Mekanisme helah bela diri merupakan perubahan tingkah laku *superego* yang melibatkan nilai moral masyarakat ketika itu. Mekanisme helah bela diri digunakan bertujuan bagi mengganti keinginan sebenar kepada bentuk tindak balas yang lebih sesuai. Melalui kajian ini, aspek *represi*, *sublimasi* dan *pindah gantian* sering digunakan dalam puisi terpilih Dharmawijaya bagi mencapai kepuasan. Freud (1933, p.76), menyatakan bahawa perasaan *superego* mengawal perubahan tingkah laku melalui mekanisme helah bela diri yang diterima oleh semua dan mententeramkan keadaan *ego* dalam diri. Tiga mekanisme helah bela diri yang sering digunakan dalam puisi terpilih Dharmawijaya ialah:

- i. *Represi (represion)* mengalah kesedaran terhadap sesuatu ancaman secara spontan yang diterima umum bagi mencapai ketenangan diri.
- ii. *Sublimasi (sublimation)* menyalurkan perasaan kekecewaan dengan membuat alasan munasabah bagi menjelaskan keadaannya pada sesuatu masa dan disalurkan dalam bentuk yang boleh diterima.
- iii. *Pindah gantian (displacement)* mengalihkan perasaan sebenar yang kurang disenangi kepada objek atau individu lain untuk mencapai kepuasan dalam diri.

Kesimpulannya, mekanisme helah bela diri digunakan bertujuan bagi memastikan keinginan-keinginan yang wujud dalam diri individu dapat disampaikan kepada masyarakat melalui perubahan tingkah laku *superego* dan nilai moral. Mekanisme helah bela diri merupakan perubahan gantian terhadap keinginan yang wujud daripada perasaan *id, ego* dan *superego* kepada perubahan tingkah laku yang sesuai.

1.11 Kepenyairan Dharmawijaya

Dharmawijaya atau nama sebenarnya Kamaruzzaman bin Ab. Kadir berasal dari negeri beradat Negeri Sembilan Darul Khusus. Beliau dilahirkan pada tanggal 23 Jun 1937, di Kampung Talang, Tanjung Ipoh, Negeri Sembilan. Bapanya bernama Ab. Kadir bin Husin dan ibunya bernama Amai binti Ismail. Dari segi ‘marga’ atau kelompok adat perpatih, nama Kamaruzzaman adalah dari suku biduanda (*clan*), salah satu suku daripada dua belas suku yang terdapat dalam masyarakat Melayu yang berketurunan Minangkabau di Negeri Sembilan (Naffi Mat, 2010, p.148). Beliau dibesarkan dalam suasana kehidupan masyarakat petani yang beradat serta menerima

pendidikan agama sejak kecil. Walaupun berasal dari suku biduanda, tetapi keluarganya masih berada dalam kemiskinan. Bapanya bergantung kepada kerja bertani di samping sebagai seorang dukun yang terkenal dan disegani ramai. Kemiskinan tidak menghalang dirinya untuk maju dalam bidang akademik dan kemudian terkenal sebagai penyair yang disegani menurut Susilawati Kamaruzzaman (Temu bual, Julai 7, 2015).

Penyair Dharmawijaya mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu sehingga Darjah VII, iaitu di Sekolah Melayu Kampung Talang (1944-1947) dan di Sekolah Melayu Tanjung Ipoh (1948-1952). Tamat di sekolah rendah pada tahun 1953, beliau terpilih menjadi guru sementara di sekolah rendah Melayu. Dharmawijaya pernah menjadi pendidik di pelbagai sekolah, termasuk di Sekolah Chi Hwa Seremban sebagai guru Bahasa Kebangsaan dan di Sekolah Menengah Datuk Abdul Samad di Tanjung Ipoh sebagai guru kanan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu. Semasa memikul tugas sebagai guru sementara, beliau telah menulis dalam *Utusan Kanak-kanak* (Ahmad Kamal Abdullah, 1993, p.79-82).

Pada tahun 1954, Dharmawijaya mendapat tawaran untuk mengikuti kursus perguruan di Sultan Idris Training College (SITC), Tanjung Malim, Perak. Suasana politik yang semakin memuncak untuk mencapai kemerdekaan telah membentuk jiwa dan pemikiran penyair Dharmawijaya. Suasana di Kampus Tanjung Malim dan ditambah pula dengan keadaan politik serta ancaman komunis telah mengubah senario kehidupan para guru pelatih termasuklah Dharmawijaya. Malah pada pertengahan dekad itu, semangat kebangsaan turut dicetuskan oleh Aminuddin Baki yang bertugas sebagai pensyarah di SITC pada tahun 1953. Aminuddin Baki sering membimbing tentang cara-cara memimpin dan berpersatuan kepada ketua-ketua

pelajar. Semangat kebangsaan semakin memuncak apabila pada tahun 1955, penjajah British telah mengadakan pilihanraya pertama di Malaya. Pada masa itu pengetua SITC ialah Tuan Alman. Perubahan dasar yang dilakukan oleh British ini turut mengubah kegiatan guru pelatih (Ahmad Kamal Abdullah, 1993, p.79-82).

Semasa di SITC, Dharmawijaya juga terdedah dengan puisi-puisi yang dihasilkan oleh Tongkat Warrant. Beliau juga terpikat dengan puisi-puisi yang dihasilkan oleh Masuri S.N., yang juga merupakan bekas pelajar lepasan SITC. Masuri S.N menjadi guru pelatih dari tahun 1946 hingga 1949. Puisi-puisi Tongkat Warrant dan Masuri S.N sering menggarap nasib rakyat yang berada dalam kemiskinan di kota-kota miskin yang didiami oleh kaum buruh (Naffi Mat, 2010, p.166-167).

Pada tahun 1966 hingga 1967, Dharmawijaya dilantik oleh Kementerian Pelajaran sebagai pensyarah sambilan untuk memberi kursus kepada guru-guru di Pusat Latihan Daerah dalam mata pelajaran Kesusastraan dan Kebudayaan Melayu. Selepas itu, penyair Dharmawijaya dihantar berkhidmat di Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai pembantu sastera. Sebelum melanjutkan pengajian ke Universiti Malaya pada tahun 1973 pada peringkat sarjana muda. Kemudian, Dharmawijaya telah mengikuti pengajian Ijazah Sarjana Sastera, di universiti yang sama pada tahun 1981. Setelah berkhidmat di beberapa buah sekolah di Seremban, Dharmawijaya telah dilantik sebagai pensyarah di Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya (UM). Beberapa tahun kemudian beliau dilantik sebagai Profesor Madya di jabatan yang sama sehingga bersara (Naffi Mat, 2010, p.167).

Penyair Dharmawijaya mula berjinak dengan genre puisi moden sejak awal tahun 1960-an. Puisi terawal yang dihasilkan ialah “Kerana Hati” dengan menggunakan nama pena K. Azman. Dalam tahun 1962, lahir pula puisinya “Anak Perantau” yang tersiar dalam *Mastika* pada bulan Oktober. Menurut Muhammad Hj. Salleh (1988, p.48), bermula dari tahun-tahun 1960-an, arah dalam puisi Melayu yang menjanjikan kematangan intelektual pada masa depan dapat dikesan. Bakat kepenyairan Dharmawijaya mula subur ketika menuntut di Maktab Perguruan, Tanjong Malim yang terkenal dengan panggilan Maktab “Suluh Budiman”, kemudian dinaik taraf menjadi Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) pada 1 Mei 1997. Buku-buku dari Indonesia menjadi sumber ilham awal Dharmawijaya untuk berkarya. Puisi-puisi penyair Dharmawijaya ketika itu, banyak memenuhi ruang sastera dalam akhbar tempatan seperti *Mingguan Malaysia*, *Berita Minggu*, *Utusan Zaman dan Masyarakat* dan *Mastika* (Naffi Mat, 2010, p.170). Minat penyair Dharmawijaya dalam dunia kreatif tidak perlu dipertikaikan lagi. Berdasarkan buku *Biografi Penulis Wajah* (2005, p.197) jelas memperlihatkan bahawa penciptaan puisi merupakan genre utama penyair Dharmawijaya.

Selain itu, Dharmawijaya juga mempunyai kebolehan mengubah pantun untuk rancangan Televisyen Malaysia yang diterbitkan oleh Zainal Abu. Beliau terpilih menjadi Ketua I Badan Ikatan Sastera Universiti Malaya (ISUM), sebuah badan yang aktif dalam kegiatan sastera pada tahun 1976. Ketika itu, Dharmawijaya masih lagi menjadi mahasiswa. ISUM di bawah kepimpinan Dharmawijaya kemudiannya menerbitkan sebuah kumpulan puisi yang berjudul *Bila Kita Berbicara* (1976). Selepas itu, Dharmawijaya menghasilkan kumpulan puisi *Warna Maya* (1974), *Berita Buana* (1994) dan *Jeritan* (1999), (Naffi Mat, 2010, p.171-172).

Dharmawijaya juga pernah dilantik menganggotai Panel Hakim Hadiah Sastera Malaysia mulai tahun 1984/1985. Sebelum dilantik menjadi panel hakim, Dharmawijaya sebelum itu telah pernah memenangi Hadiah Sastera Malaysia beberapa kali, iaitu pada 1971, 1976 dan 1982/1983 dalam bidang sastera (Naffi Mat, 2010, p.172-173). Bermula 1996 sehingga beliau meninggal dunia pada tahun 2005. Dharmawijaya juga pernah dilantik menjadi Ketua Penilai Hadiah Penghargaan Penulis Sarawak dan menganggotai Panel Anugerah Sastera Sarawak mulai tahun 1992. Beliau telah terpilih menerima Anugerah S.E.A Write Award di Bangkok pada tahun 1993, Anugerah Penyair GAPENA 1999 dan Anugerah Pujangga UPSI pada tahun 2002. Anak kelahiran Negeri Sembilan ini telah banyak berjasa dalam bidangnya dan beliau telah dianugerahkan Darjah Setia Negeri Sembilan pada tahun 1995 (Naffi Mat, 2010, p.172-173).

Keistimewaan puisi terpilih Dharmawijaya diperlihatkan melalui daksi-diksi yang mengandungi makna yang mendalam. Nilai keistimewaan pada puisi yang dihasilkan memperlihatkan perasaan, pengalaman dan pemikiran yang dapat menzahirkan keinginan-keinginan dalam dirinya melalui empat buah kumpulan puisi, *Warna Maya* (1974), *Berita Buana* (1994), *Jeritan* (1999) dan *Mutiara Kenangan* (2006). Penyair Dharmawijaya mempunyai keistimewaan yang tersendiri kerana puisi-puisinya banyak memperlihatkan pengalaman yang pernah dilaluinya sebagai anak petani. Keinginan dan pemikiran yang ingin disampaikan penyair melalui puisi bertujuan bagi mencapai kepuasan dalam diri. Teori Psikoanalisis Freud dapat digunakan bagi mengesan keinginan dan mekanisme helah bela diri yang digunakan oleh penyair Dharmawijaya.

1.12 Rumusan

Kajian yang dilakukan mengemukakan beberapa penemuan hasil daripada penelitian terhadap puisi terpilih yang dihasilkan oleh penyair Dharmawijaya. Kajian ini menjelaskan perasaan semulajadi *id*, *ego*, *superego* dan pengalaman sedia ada yang berperanan mewujudkan keinginan rasa cinta, kehormatan dan kemasyhuran dalam diri penyair. Penyair Dharmawijaya memiliki pemikiran yang amat tajam dan kreatif dalam menyampaikan keinginan melibatkan insan, masyarakat dan alam dalam bentuk puisi. Keinginan yang wujud akibat daripada konflik dalaman diri penyair Dharmawijaya menyebabkan beliau menyatakan perihal berkaitan dengan pergolakan kehidupan insan, masyarakat dan alam ketika itu. Kemampuan penyair Dharmawijaya mencernakan pengalaman hidup yang pernah dialami dalam bentuk puisi menjadikan beliau seorang penyair yang sensitif dengan kehidupan di sekelilingnya. Teori Psikoanalisis Freud digunakan bagi mengesan perasaan dan pemikiran penyair dalam puisi melibatkan pengalaman yang pernah dialami bagi mencapai kepuasan dalam diri. Mengikut A.F. Yassin (1988, p.100), “saya seperti berdepan dengan seorang yang sentiasa dalam berfikir. Saya sering tertanya-tanya, apakah yang dia sedang fikirkan atau apakah dia sedang pasrah melihat keadaan sekitar?” Oleh itu, sebagai salah seorang penyair tersohor tanah air, A.F. Yassin turut menyatakan bahawa Dharmawijaya merupakan tokoh penting dalam genre puisi moden dalam dunia kesusasteraan Melayu.

BAB 2: METODOLOGI KAJIAN DAN KERANGKA TEORI

2.1 Pendahuluan

Bab dua ini membincangkan metodologi kajian dan kerangka teoretis yang dilakukan secara kualitatif. Perbincangan melibatkan keberkesanan metodologi kajian dan kerangka teoretis merupakan matlamat kajian ini. Kajian ini dijalankan menggunakan Teori Psikoanalisis Freud bagi memperlihatkan unsur kejiwaan melibatkan rasa keinginan berdasarkan maklumat yang diambil dari latar kehidupan penyair atau dari karya sastera penyair itu sendiri. Langkah menginteprestasikan karya sastera menggunakan mekanisme helah bela diri sebagai bukti kreativiti yang terhasil daripada unsur kejiwaan penyair dapat dikesan dengan menggunakan Teori Psikoanalisis Freud. Menurut Asmah Omar (1986, p.5), karya puisi merupakan cermin kehidupan hasil ungkapan jiwa seorang penyair yang melukiskan perasaan dalam keadaan tertentu berkaitan dengan emosi dan persekitaran. Beliau menjelaskan bahawa dalam karya sastera terdapat hasil kreativiti yang dihasilkan oleh penyair akibat daripada pengaruh alam sekitar melibatkan perkara yang pernah dilaluinya.

2.2 Metodologi Kajian

Terdapat empat tumpuan utama teori ini, iaitu pertama perasaan semulajadi, kedua pengalaman sedia ada, ketiga keinginan dan akhir sekali yang keempat ialah perubahan tingkah laku. Oleh yang demikian, keempat-empat peringkat yang terdapat dalam teori digunakan bagi menganalisis puisi penyair Dharnawijaya dalam bab seterusnya. Puisi terpilih Dharmawijaya yang dikaji menggunakan Teori Psikoanalisis Freud merupakan

satu kajian tentang kejiwaan manusia. Konflik dalam diri penyair menyebabkan jiwnya berada dalam keadaan tertekan dan keinginan terhadap rasa cinta, kehormatan dan kemasyhuran dizahirkan dalam karyanya.

Terdapat dua langkah bagi mengkaji keadaan tertekan yang dialami penyair. Langkah pertama, puisi terpilih perlu terlebih dahulu difahami dan dihayati dengan baik. Langkah ini, bertujuan agar analisis dapat dibuat terhadap latar kehidupan dan peribadi penyair dengan karya yang dihasilkan. Kajian terhadap keperibadian penyair juga dapat digunakan untuk menganalisis karya-karyanya yang lain. Langkah kedua ialah dengan menganalisis latar kehidupan penyair yang melibatkan kejiwaan, keinginan, pergolakan jiwa dan kekecewaan. Maklumat yang diperolehi dapat digunakan untuk menganalisis karya yang dihasilkan oleh penyair tersebut. Unsur kejiwaan penyair banyak dikesan dalam karya sastera yang dihasilkan olehnya. A. Wahab Ali (2000, p.27) mengatakan hasil ciptaan sastera merupakan manifestasi pengarang, muncul banyak tanggapan tentang diri pengarang. Tanggapan yang dibuat terhadap penyair Dharmawijaya merupakan seorang yang hebat, menceritakan tentang tekanan yang dialami menggunakan mekanisme helah bela diri *represi*, *sublimasi* dan *pindah gantian* bagi mencapai kepuasan dalam diri semasa berkarya.

2.2.1 Kaedah Kepustakaan

Kaedah kepustakaan dilakukan untuk mendapatkan maklumat yang lebih jelas terutamanya kajian daripada pengkaji-pengkaji terdahulu tentang puisi Dharmawijaya. Teori Psikoanalisis Freud dan data-data berkaitan juga dikumpulkan. Proses pengumpulan data dalam kajian kualitatif ini, memberi peluang bagi mendapatkan data untuk memberi pemahaman dan data yang tidak dijangka. Proses pengumpulan data dilakukan dengan cara pemerolehan data dan pemerosesan data bagi tujuan mendapatkan

maklumat kajian yang tepat dan berkualiti. Kajian ini dilakukan secara kualitatif berfokus kepada puisi terpilih Dharmawijaya. Pengalaman subjek penyair yang digambarkan dalam puisi perlu dianalisis secara kualitatif. Kaedah kepustakaan yang digunakan dapat memantapkan kajian bagi memperolehi sebahagian besar maklumat atau bahan yang dikumpul untuk menganalisis puisi terpilih Dharmawijaya. Bahan dan maklumat tersebut diperolehi di Perpustakaan Negara, Perpustakaan Negeri Terengganu, Perpustakaan Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya, Perpustakaan Universiti Putra Malaysia dan Galeri Persatuan Penulis-penulis Terengganu (PELITA).

(a) Pemerolehan Data

Kajian kepustakaan melibatkan penelitian bahan berbentuk tulisan, majalah, jurnal, tesis, disertasi dan buku-buku rujukan dilakukan bagi mendapatkan maklumat berkaitan puisi Dharmawijaya dan Teori Psikoanalisis Freud. Bahan koleksi Hashim Awang yang ditempatkan di Perpustakaan Awam Negeri Terengganu juga dijadikan bahan rujukan utama berkaitan Teori Psikoanalisis Freud. Bahan-bahan bacaan yang terdapat di sudut koleksi Hashim Awang amat penting bagi kajian ini kerana beliau sendiri merupakan salah seorang tokoh pengkritik sastera Melayu yang banyak menghasilkan penulisan berkenaan dengan Teori Psikoanalisis Freud di rantau ini. Bahan kajian terdahulu, seperti yang dilakukan oleh Rogayah Tara, Jasna Koteska, Naffi Mat, Mawar Safie dan Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali dianalisis bagi melihat kelebihan, kekurangan dan pandangan mereka berkaitan puisi Dharmawijaya dan Teori Psikoanalisis. Data primer diperolehi daripada kumpulan puisi Dharmawijaya dan beberapa buah buku tulisan Sigmund Freud dianalisis berpandukan objektif kajian. Sementara data sekunder merujuk kepada bahan-bahan berkaitan dengan kajian yang dinyatakan oleh golongan ilmuan dan pengkaji lain. Kajian terhadap puisi yang menggunakan Teori Psikoanalisis Freud terhadap genre puisi Melayu tidak dapat ditemui. Ini menunjukkan bahawa kajian puisi

yang menggunakan Teori Psikoanalisis Freud belum pernah dilakukan oleh pengkaji sebelum ini.

(b) Pemerosesan Data

Pemerosesan merujuk kepada bagaimana data dan maklumat dianalisis bagi memperolehi keputusan atau kesimpulan. Data dan maklumat yang diperolehi melalui kaedah pemerolehan data dianalisis berpandukan objektif kajian yang memfokuskan tentang keinginan dan mekanisme helah bela diri yang terdapat dalam puisi terpilih Dharmawijaya. Langkah pertama mengenal pasti puisi penyair Dharmawijaya yang mengandungi keinginan rasa cinta, kehormatan dan kemasyhuran berdasarkan Teori Psikoanalisis Freud. Langkah kedua menganalisis keinginan-keinginan tersebut dari aspek insan, masyarakat dan alam menggunakan mekanisme helah bela diri *represi*, *sublimasi* dan *pindah gantian* dalam puisi terpilih Dharmawijaya. Langkah ketiga menilai hubungan antara keinginan-keinginan dengan mekanisme helah bela diri yang terdapat dalam puisi terpilih Dharmawijaya. Kesahan tentang sesuatu fakta yang diperolehi dibuktikan merujuk kepada data primer dan sekunder.

Puisi terpilih Dharmawijaya dipilih daripada keinginan-keinginan yang selalu digunakan oleh penyair, iaitu keinginan rasa cinta, kehormatan dan kemasyhuran yang terdapat dalam kumpulan puisi *Warna Maya* (1974), *Derita Buana* (1992), *Jejak Kembara* (1999) dan Kumpulan Puisi *Mutiara Kenangan* (2006). Puisi terpilih Dharmawijaya juga dianalisis menggunakan Teori Psikoanalisis Freud berdasarkan buku beliau bertajuk *The Interpretation of Dreams* (1955) (*Tafsiran Mimpi*) dan *New Introductory Lectures on Psycho-Analysis* (1933). Perubahan tingkah laku dalam diri penyair Dharmawijaya juga dikesan melalui mekanisme helah bela diri yang digunakan

oleh penyair bagi menyatakan keinginan-keinginannya melalui puisi daripada pengalaman yang pernah dilalui.

2.2.2 Kaedah Temu bual

Kaedah temu bual adalah kaedah yang paling berkesan bagi mengutip data secara mendalam tentang maklumat peribadi, pandangan dan pengalaman penyair Dharmawijaya terutamanya tentang puisi terpilih yang dihasilkan oleh Dharmawijaya. Temu bual mendalam dapat dilakukan kepada mereka yang mempunyai hubung yang baik dengan penyair Dharmawijaya seperti ahli keluarga, rakan-rakan dan golongan profesional. Mereka yang ditemu bual berasa gembira kerana mereka berpeluang menyatakan perspektif mereka dan memberi pendedahan kendiri mereka terhadap puisi Dharmawijaya.

Melalui temu bual juga, data kajian menjadi lebih mantap dengan memahami sebahagian kehidupan penyair Dharmawijaya. Puan Susilawati Kamaruzzaman ditemu bual untuk mendapatkan maklumat peribadi penyair seperti rutin hariannya dan perkara-perkara yang pernah dilalui disampaikan dalam bentuk puisi. Maklumat tambahan juga diperolehi dengan menemubual rakan sekerta penyair, iaitu Prof. Dr. Mohammad Mokhtar Abu Hasssan di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya (UM), yang juga merupakan anak didik penyair Dharmawijaya. Dr. Naffi Mat dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) pula ditemu bual bagi mendapatkan maklumat yang lebih mendalam berkaitan tentang latar kepenyairan Dharmawijaya kerana beliau merupakan rakan karib penyair sejak bertugas di Universiti Malaya. Di samping itu Naffi Mat turut melakukan kajian terhadap puisi-puisi Dharmawijaya untuk tesis peringkat kedoktorannya pada tahun 2010.

2.3 Kerangka Teoretis

2.3.1 Latar Belakang Penciptaan Teori

Pada peringkat awal Teori Psikoanalisis mulanya merupakan satu kaedah mengubati jiwa penyakit-penyakit mental dan saraf menggunakan teknik tafsir mimpi dan *represi*. Kaedah ini kemudiannya meluas menjadi sebuah teori tentang keperibadian. Konsep-konsep yang terdapat dalam teori keperibadian versi Psikoanalisis merupakan yang paling banyak digunakan dalam pelbagai bidang kajian sehingga sekarang. Teori Psikoanalisis Freud yang diperkenalkan oleh Sigmund Freud mula digunakan dalam bidang kritikan sastera apabila golongan ilmuan sastera mula menggunakan teori ini bagi melakukan penilaian terhadap karya sastera. Penggunaan yang lebih meluas berlaku apabila Freud berjaya menghasilkan buku dalam bahasa Inggeris yang digunakan oleh golongan pengkaji sastera bertajuk *The Interpretation of Dreams* (1955) (*Tafsiran Mimpi*) dan *New Introductory Lectures on Psycho-Analysis* (1933).

Terdapat banyak teori yang dapat digunakan untuk menganalisis karya sastera. Keadaan ini menyebabkan kandungan karya sastera dapat diperbahaskan dengan lebih mendalam menggunakan teori yang sesuai. Teori Psikoanalisis Freud merupakan salah satu teori yang dapat digunakan sebagai alat untuk menganalisis karya sastera. Teori Psikoanalisis Freud yang diperkenalkan oleh Sigmund Freud mempunyai disiplin tersendiri dari segi tujuan dan apa yang hendak dikaji terhadap karya sastera yang dipilih. Teori Psikoanalisis Freud merupakan satu cabang ilmu Psikologi yang menghuraikan keadaan jiwa manusia. Ilmu ini, dapat menerangkan tentang tingkah laku manusia, perasaan, pengalaman dan pemikiran.

2.3.2 Teori Psikoanalisis

Psikoanalisis dapat diiktiraf sebagai satu kaedah bagi merawati individu yang mempunyai masalah kejiwaan atau emosi. Bersandarkan fahaman tradisi, psikoanalisis dianggap lebih sesuai untuk merawat individu yang mengalami masalah personaliti yang amat tertekan dan mendalam. Teori Psikoanalisis kurang sesuai untuk mengubati masalah yang dialami seharian oleh seseorang individu. Freud berpendapat bahawa personaliti seseorang itu banyak dipengaruhi oleh desakan dinamik. Desakan asas yang bersifat tenaga seperti lapar, seks dan keagresifan yang menimbulkan semacam konflik bersama tekanan sosial. Tekanan yang berlaku dalam diri menjadi penyebab berlakunya perubahan tingkah laku menurut undang-undang dan nilai moral ketika itu. Individu mula merasakan undang-undang dan nilai moral adalah sebahagian daripada diri mereka.

Teori Psikoanalisis Freud lebih memfokuskan kepada jiwa manusia, merujuk keadaan mental yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar. Keadaan jiwa manusia terbahagi kepada tiga keadaan, iaitu sedar, separa sedar dan bawah sedar. Sigmund Freud (1960, p.94), Freud menyatakan bahawa perwatakan manusia dewasa mula dibentuk sejak individu itu dilahirkan sehingga mencelah usia lima tahun. Beliau juga menyatakan Freud juga menjelaskan bahawa kebanyakan pengalaman lampau terutama ketika usia lingkungan tiga hingga lima tahun, tidak lagi dapat diingati atau disedari oleh seseorang. Konsep asas Teori Psikoanalisis Freud tetap mengenai pengaruh keadaan jiwa yang menyebabkan tingkah laku manusia lebih banyak digerakkan oleh aspek-aspek bawah sedar dalam diri. Menurut Freud (1933, p.93) pembahagian yang dikenali dengan struktur keperibadian manusia terdiri daripada tiga unsur, iaitu *id*, *ego* dan *superego* merupakan perasaan semula jadi yang wujud dalam diri.

Kajian menggunakan Teori Psikoanalisis Freud terhadap puisi terpilih Dharmawijaya melibatkan keinginan penyair yang berkaitan insan, masyarakat dan alam kehidupan penduduk di sekelilingnya pada ketika itu. Unsur peribadi penyair Dharmawijaya yang memperlihatkan pergolakan kejiwaan dapat dikesan melalui Teori Psikoanalisis Freud. Karya sastera berbentuk puisi merupakan bahan analisis dari segi instrinsik. Analisis ini melibatkan karya dan konflik dalaman penyair. Karya sastera yang dihasilkan memiliki daya tarikan tersendiri terhadap jiwa pembaca. Keadaan seperti ini, dapat memberi kesan terhadap pembaca dan bagaimana tindak balas pembaca terhadap karya tersebut. Pengkaji berusaha membincangkan bagaimana pengalaman peribadi penyair dapat mempengaruhi karya sastera yang dihasilkan. Pengalaman peribadi yang pernah dilalui menimbulkan konflik dalaman diri penyair menyebabkan perubahan tingkah laku dan disampaikan secara *superego* dalam bentuk puisi yang diterima oleh masyarakat.

Dalam menjalankan kajian ini, puisi terpilih Dharmawijaya dianalisis menggunakan Teori Psikoanalisis Freud. Analisis dilakukan bertujuan untuk mengesan keadaan keinginan dalam diri penyair. Konsep kejiwaan, perasaan semulajadi (libido), pengalaman dan pemikiran yang diperkenalkan Freud digunakan sebagai sumber bagi menghuraikan konflik jiwa yang berlaku dalam diri penyair Dharmawijaya. Puisi yang berhasil dianggap mengandungi unsur kegilaan (*madness*) pada peringkat neurotik. Penyair Dharmawijaya dianggap sebagai orang yang tertekan (*possessed*) berbeza dengan individu lain. Tekanan yang berlaku dalam dirinya diluahkan melalui puisi bagi menyampaikan keinginan rasa cinta, kehormatan dan kemasyhuran. Namun, penyair bukan sahaja mencatat gangguan emosinya, tetapi mengolah suatu kejadian berkaitan dengan apa yang diinginkan. Ilmu tentang emosi dan kejiwaan penyair itu dapat dikesan dalam puisi beliau.

Penyair merupakan seorang *introvert* yang mereka fantasi. Peristiwa yang pernah dilalui penyair dihubungkan dengan kemahuannya yang utama ketika itu. Pengalaman digunakan untuk mencipta suatu situasi bagi memperlihatkan satu pencapaian kepada keinginan yang wujud dalam diri. Menurut Hashim Awang (1997, p.98) tekanan perasaan dan naluri yang kuat wujud terhadap keinginan rasa cinta, kehormatan dan kemasyhuran, tetapi tidak dapat dicapai oleh penyair. Penyair cuba keluar dari realiti dan mengarahkan keinginan dalam bentuk fantasi. Proses penciptaan puisi mengambil tempat untuk membolehkan penyair meluahkan keinginan naluri dan memberi kesan terhadap masyarakat ketika itu. Penyair menggunakan mekanisme helah bela diri bagi mencapai kepuasan diri melalui puisi yang dihasilkan.

2.3.3 Kerangka Teori Psikoanalisis

Teori Psikoanalisis wujud hasil daripada perkembangan ilmu psikologi yang dilakukan oleh golongan ilmuan bertujuan untuk mempermudahkan kajian dan penyelesaian masalah. Ilmu psikologi perlu dikuasai lebih awal sebelum melakukan analisis kerana bidang ilmu ini amat luas meliputi berbagai-bagai-bagai bidang lain. Psikoanalisis merupakan salah satu daripada sains baru dan terkini untuk jangka masa kurang daripada 100 tahun. Walau bagaimanapun terdapat tokoh-tokoh lebih awal yang pernah membincangkan isu-isu psikologi dalam penyelidikan mereka. Premack, David dan Woodruff (1978, p.515) menyatakan bahawa sejarah psikologi pernah membahaskan pandangan awal ahli-ahli falsafah dari Yunani seperti Plato dan Aristotle tentang '*mature of mind*' berkait dengan pemikiran dan tingkah laku yang bersesuaian dengan keadaan ketika itu.

Terdapat pelbagai definisi psikologi yang telah dikemukakan oleh para ahli psikologi. Dennis Coon (1977, p.24) misalnya beliau menyatakan bahawa psikologi

merupakan satu bentuk kajian saintifik tentang tingkah laku sesuatu organisma berkaitan pemahaman, peramalan dan mengawal kelakuan. Saintifiknya kajian ini memerlukan bukti yang bersifat empirikal. Kajian empirikal adalah satu cara memperoleh pengetahuan dengan menggunakan cerapan langsung melalui pengalaman. Bukti empiris merujuk rekod yang dianalisis langsung bagi tujuan mendapatkan data dan maklumat. Descates (1596-1650), mula mengkaji psikologi haiwan dan memperkenalkan konsep tindakan refleks (*reflex action*) yang selepas itu merupakan satu perkara yang signifikan dalam psikologi. Begitu juga dengan beberapa ahli falsafah terkemuka pada abad ke-17 dan 18 seperti Leibnitz, Hobbes, Locke, Kent dan Hume yang turut memperkayakan pelbagai persoalan dalam disiplin ini. Mereka membincangkan tentang tingkah laku tentang sesuatu yang difikirkan dalam sesuatu keadaan.

Sejarah psikologi sebagai satu disiplin yang bermula pada tahun 1897 apabila Wilhem Wundt memulakan pembinaan psikologinya di Leipziq. Menurut Wellek dan Waren. R (1956, p.7) Wundt ingin meneroka pemikiran manusia lebih daripada yang telah dilakukan oleh ahli-ahli falsafah dan sains tulen sebelum ini. Wundt ingin menyelidiki struktur kesedaran kederiaan secara introspeksi melibatkan proses penilaian diri terhadap pemikiran, idea dan perasaan dengan mendalam melibatkan jangka masa yang lama. Pada peringkat awal sejarah psikologi, ini dikenali sebagai strukturalisme. Kemudian diikuti oleh aliran-aliran seperti fungsionalisme, behaviourisme gestalt, psikologi kemanusiaan dan psikoanalisis.

Psikologi Fungsionalisme bermula pada awal abad ke-19. Psikologi ini muncul selepas kaedah eksperimen saranan strukturalisme Jerman. Asas pendekatan ini ialah Teori Evolusi dan Falsafah Pragmatisme. Tokoh-tokoh psikologi fungsionalisme seperti William James atau Binet melakukan kajian tentang fungsi jiwa manusia. Ini dilakukan

dengan mengkaji haiwan-haiwan seperti tikus, arnab dan monyet hingga ke manusia dengan alat penilaian tertentu. Psikologi Gestalt muncul di Jerman pada dekad 1910-an dengan dipelopori oleh Max Wethmer (Wendell W. Cruze, 1951, p.3). Kajian ini bertumpu kepada soal kesedaran manusia (*consciousness*). Jika keadaan sedar manusia diselidiki hanya dari sudut pengalaman sensasi sahaja ia tidak akan membawa sebarang konotasi yang relevan. Persepsi kompleks manusia merupakan sesuatu yang menyeluruh dibahagi-bahagikan kepada beberapa elemen. Gabungan maksud elemen itu tidak akan sama dengan makna keseluruhan entiti tadi.

Psikologi Kemanusiaan memperlihatkan perubahan tingkah laku manusia. Menurut Wendell W. Crue, (1951, p.33) tokoh-tokoh dalam ilmu psikologi kumanusiaan seperti Jean Piaget Giorgi memperihalkan tingkah laku manusia berdasarkan kehidupan yang diteliti dan jarang-jarang dianalisis. Kajian ilmu psikologi kumanusiaan dilakukan melibatkan keadaan pesekitaran serta perasaan atau keinginan yang ada dalam kehidupan manusia. Hubungan disiplin psikologi begitu erat dengan beberapa disiplin lain. Ini dapat digambarkan melalui sebuah sfera sains. Sfera sains dikemukakan oleh Wendell W. Crue (1951, p.4) menunjukkan hubungan beberapa daerah sains utama. Kesihatan psikologi saling bertindan lapis (*subset*) kepada biologi, antropologi, sains sosial malah dengan daerah-daerah lain dalam lingkungan sfera. Hal ini bermakna psikologi merupakan disiplin yang mengandungi pelbagai unsur lain. Unsur-unsur ini bersifat saling mempengaruhi dan perlu ditinjau semasa kajian dijalankan. Penyelidikan yang berkaitan dengan psikologi dapat diklasifikasikan kepada dua bahagian utama. Pertama, psikologi sebagai satu kajian yang saintifik. Contohnya melalui proses penyelidikan, peninjauan, korelasi, pemerhatian, kes kajian dan sebagainya.

Kedua, psikologi mengkaji tingkah laku manusia sama ada bentuk (*over behaviour*) seperti berjalan, makan dan memandu atau kajian tingkah laku yang terselindung (*cover behaviour*), seperti layanan (halusinasi), bayangan, mimpi, persepsi, ingatan yang berfantasi (Mohamood Nazar Mohamed, 1990, p.5). Dalam psikologi terdapat beberapa lapangan penyelidikan yang telah digunakan oleh golongan pengkaji terdahulu bagi melakukan perbandingan ilmu yang dapat dikaitkan dengan bidang ilmu psikologi. Terdapat berbagai-bagai-bagai lapangan penyelidikan dilakukan bertujuan untuk mengesan dan melakukan penyelesaian masalah. Hal ini dapat dilihat dalam jadual di bawah seperti yang dikemukakan oleh Dennis Coon (1977, p.24):

Bil	Lapangan Penyelidikan	Daerah Penyelidikan
1.	Psikologi Eksperimen	Persepsi, Pemelajaran, Emosi, Pemikiran.
2.	Psikologi Komparatif	Perbandingan tingkah laku manusia dan haiwan.
3.	Psikologi Fisiologi	Aspek biologi yang mempengaruhi tingkah laku seperti: a. Sistem Saraf b. Proses kimia dalam badan c. Proses dikelenjar endokrin
4.	Psikologi Kaunseling	Cara membuat keputusan.
5.	Psikologi Klinikal	Tumpuan rawatan psikoterapi.
6.	Psikologi Personaliti	Perbezaan individu dari aspek: a. Taksiran (<i>assessment</i>) b. Perkembangan (<i>development</i>) c. Lencongan/sisihan (<i>deviation</i>)
7.	Psikologi Sosial	Persepsi seseorang terhadap orang lain, pembentukan sikap, tingkah laku dan pendapat dalam kumpulan.
8.	Psikologi Perkembangan	Evolusi perkembangan manusia dari kanak-kanak kepada tua. Membicarakan perubahan cara berfikir, memori dan bahasa.
9.	Psikologi Industri	Berkaitan dengan cara meningkatkan kepuasan bekerja dan hubungan antara perkerja-majikan.

Jadual 2.1: Lapangan Penyelidikan Dalam Psikologi

Kebanyakan tokoh psikologi yang terlibat dalam pelbagai bidang masih mengambil psikologi sebagai dasar kajian mereka. Dari Jadual 2.1, didapati hampir setiap lapangan kajian menggunakan disiplin psikologi, contohnya dari aspek sosial sehingga industri.

Pada peringkat awal, kajian psikologi lebih berbentuk aktiviti mental. Namun dengan perubahan kepada perkembangan tingkah laku, kajian psikologi berubah kepada kajian pemikiran manusia. Dalam melihat tafsiran perkembangan atau berlakunya sebarang deviasi dalam pemikiran, maka kajian ini bertumpu kepada Teori Psikoanalisis Freud yang melibatkan pemikiran dan perasaan jiwa bawah sedar bagi mengkaji puisi Dharmawijaya.

Namun untuk tujuan kajian ini difikirkan memadai dengan takrifan psikologi sebagai satu bentuk kajian saintifik terhadap tingkah laku dan proses mental manusia bagi memenuhi keinginan bawah sedar melalui mekanisme helah bela diri. Walau bagaimanapun takrifan ini bersifat dinamik sejajar dengan perkembangan disiplin Psikoanalisis itu sendiri. Teori Psikolanalisis yang wujud dalam cabang ilmu psikologi dapat membantu kajian ilmu seni sastera dengan lebih baik. Louis Fraiberg (1960, p.238), menerangkan melalui bukunya yang bertajuk *Psychoanalysis and American Literary Critism* seperti berikut:


I repeat that the effective use of psychoanalytic ideas in literary criticism depends first of all upon a working knowledge of psycho-analysis. This does not mean that critic must become a psychoanalyst or that he must himself be psychoanalyzed but that he ought to know that psychoanalysis tries to do, how it functions, what it successes and failure have been, what it have firmly established as fact what it can account for only hypothetically, the limits beyond which it cannot go, the conditions under which it may have validity for fields of knowledge outside its own and finally, the degree of its applicability to given literary situation.

Pengetahuan tentang Teori Psikoanalisis pada peringkat awal perlu bagi memastikan kritikan yang dihasilkan tepat dengan bahan sastera yang dikaji. Teori Psikoanalisis yang digunakan bukan penentu bagi setiap kritikan yang dilakukan tetapi sebagai garis panduan untuk menganalisis bahan sastera. Penilaian dapat dilakukan menggunakan Teori Psikoanalisis bagi menentukan keberhasilan bahan berkenaan bermutu atau tidak jika dibukukan. Pengetahuan tentang keadaan persekitaran ketika itu,

juga perlu bagi memastikan segala ilmu kritikan yang ada pada pengkaji dapat diaplikasikan. Psikologi merupakan salah satu daripada sains baru dan terkini untuk jangka masa kurang daripada 100 tahun. Walau bagaimanapun terdapat tokoh-tokoh lebih awal yang pernah mengungkap isu-isu psikologi dalam penyelidikan mereka. Kajian-kajian dalam sejarah psikologi pernah membahaskan pandangan awal ahli-ahli falsafah Yunani seperti Plato dan Aristotle tentang '*mature of mind*'.

Sigmund Freud merupakan seorang pengkaji ilmu psikoanalisis yang mengamalkan cara hidup yang teratur dan beliau mendapat pendidikan awal di Austria. Karya yang dihasilkan ketika itu amat diminati oleh bangsa Yunani dan Jerman Klasik. T.S Elliot Carl. G. Jung. Ribot, tokoh psikologi Perancis L. Russu, Rene, Wellek dan Austin Warren Wordsworth yang menggunakan psikologi sebagai huraian tentang bidang genetik dalam puisi. Tatengkeng, dalam penulisannya Pujangga Baru menyatakan bahawa untuk menulis puisi yang baik, penyair harus berada dalam keadaan bawah sedar untuk berkarya. Peter Gay (1988, p.23) menyatakan bahawa "*The creative writer does the same as the child at play. He creates a world of phantasy which he takes very seriously – that is which he invests with large amounts of emotion while separating it sharply from reality*", iaitu gambaran keadaan realiti yang dialami oleh seseorang penulis akan dibangunkan dalam alam fantasi berdasarkan keadaan yang dialami. Teori Psikoanalisis yang diperkenalkan oleh Sigmund Freud mula digunakan dalam bidang kritikan sastera apabila golongan ilmuan sastera mula menggunakan teori ini bagi melakukan penilaian tentang karya sastera. Penggunaan teori ini lebih meluas mula berlaku apabila Freud berjaya menghasilkan buku dalam bahasa Inggeris yang digunakan oleh golongan pengkaji sastera bertajuk *The Interpretation of Dreams* (1955).

Terdapat banyak jenis teori yang dapat digunakan untuk menganalisis karya sastera, keadaan ini menyebabkan kandungan karya sastera dapat diperbaikkan lebih mendalam menggunakan teori yang sesuai. Teori Psikoanalisis merupakan salah satu prinsip dasar yang dapat digunakan sebagai alat untuk menginterpretasikan karya sastera. Pendekatan Teori Psikoanalisis yang diperkenalkan oleh Freud mengandungi disiplin tersendiri dari segi tujuan dan apa yang hendak dikaji terhadap karya sastera yang dipilih. Teori Psikoanalisis merupakan satu cabang ilmu Psikologi yang membincangkan tentang keadaan jiwa manusia. Ilmu ini, dapat menerangkan tentang tingkah laku manusia melibatkan keadaan persekitaran, perasaan, pengalaman dan pemikiran yang menyebabkan wujud keinginan (libido) bawah sadar. Menurut Freud (1933, p.76) *super ego applies the strictest moral standard to the helpless ego which is at its mercy; in general it represents the claims of morality, is the expression of the tension between the ego and the super ego. Superego berperanan bagi mengubah tingkah laku melalui mekanisme helah bela diri yang diterima oleh masyarakat.*



Rajah 2.1: Proses Perubahan Tingkah Laku

Berdasarkan Rajah 2.1, keadaan persekitaran menjadi punca berlakunya perubahan tingkah laku individu. Persekitaran yang wujud mungkin berkait dengan penyair atau melibatkan rangsangan secara tidak langsung. Rangsangan yang diterima akal mewujudkan tindak balas semulajadi, iaitu interaksi *id*, *ego* dan *superego*. *Id* melibatkan keinginan semulajadi dalam diri yang ingin dicapai. Keadaan tertekan dalam diri menyebabkan *ego* cuba memenuhi keinginan *id* dengan melakukan pelbagai tindakan luar kawal dan liar. *Superego* mengandungi nilai norma dan pengalaman berperanan untuk

mengawal tindakan *ego* dengan cara terbaik disampaikan menggunakan mekanisme helah bela diri agar diterima oleh masyarakat pada ketika itu untuk mencapai kepuasan dalam diri penyair. Karya puisi yang dihasilkan melibatkan pengalaman sedia ada oleh penyair bagi menyatakan keinginan bawah sedar yang wujud dalam diri. Rasa ketidakpuasan yang ada dalam diri dinyatakan dengan menggunakan mekanisme helah bela diri seperti *represi*, *sublimasi* dan *pindah gantian*. Perubahan tingkah laku dilihat apabila golongan penyair menggunakan medium puisi bagi meluahkan keinginan dalam diri.

Karya puisi dianggap sebagai sarana untuk memahami keadaan jiwa pengarang atau sebaliknya. Ini bermakna, pemikiran penyair yang mencerminkan emosi dan perasaannya terhadap masyarakat terserlah melalui baris-baris dan rangkap-rangkap puisi. Wellek dan Warren (1956, p.240) juga menyatakan sastera ialah suatu “aksi sosial dan etika”, merupakan suatu tindakan atau perbuatan sosial sesuatu bangsa. Aksi juga merujuk kepada tindakan jasmaniah, pemberontakan, perebutan kuasa atau serahan untuk memajukan bangsa. Dengan hanya mengenali dan memahami kehidupan sesebuah masyarakat, serta pergolakan yang dilalui oleh mereka, maka pemikiran seseorang penyair yang lahir dalam lingkungannya akan dapat difahami disertakan dengan perubahan tingkah laku.

Dalam menjalankan kajian ini, Teori Psikoanalisis Freud digunakan bagi mengkaji puisi terpilih Dharmawijaya. Kajian berkaitan karya sastera dilakukan bertujuan untuk mengesan pengaruh bawah sedar penyair yang dikaitkan dengan kejiwaan dan konsep libido melibatkan keinginan dalam diri yang diperkenalkan oleh Freud. Hasil daripada kajian ini dijadikan sumber bagi menghuraikan perasaan-perasaan bawah sedar penyair dari sudut keinginan rasa cinta, kehormatan dan kemasyhuran. Karya sastera yang dihasilkan oleh golongan sasterawan menjadi bahan kajian sejak zaman Yunani. Karya

sastera yang berhasil dianggap mengandungi unsur kegilaan (*madness*) yang dibincangkan dengan lebih jelas oleh Daniel Berthold-Bond (1995, p.100), dari peringkat neurotik sehingga psikologi merujuk kepada keadaan bawah sedar yang berlaku dalam diri seseorang.

Puisi yang dihasilkan oleh penyair Dharmawijaya sesuai dikaji menggunakan Teori Psikoanalisis Freud kerana memenuhi disiplin yang terdapat dalam teori tersebut berkaitan perasaan, pengalaman dan pemikiran. Dalam teori ini, penyair Dharmawijaya dilihat sebagai seorang yang menghadapi konflik jiwa berbeza dengan individu lain dan keadaan tertekan yang dialami disampaikan melalui karya puisi bagi menyatakan keinginan dalam dirinya. Penyair bukan sahaja mencatat luahan gangguan emosinya, tetapi mengolah suatu kejadian berkaitan dengan apa yang diinginkan. Penyair menggunakan pengalaman yang sedia ada menyebabkan wujud konflik dalam jiwa bagi mencapai suatu keinginan dalam diri dan diperkembangkan dalam bentuk karya puisi yang sesuai dianalisis dengan menggunakan Teori Psikoanalisis Freud. Karya sastera yang berhasil tidak dikatakan hebat jika tidak ada yang membaca dan menghayatinya. Seseorang pembaca tidak akan diam sahaja setelah membaca sesebuah karya, tetapi mereka akan memberikan kritikan terhadap karya tersebut dari segi kekuatan dan kelemahan mengikut pandangan tersendiri. Maka suatu karya sastera akan dikritik, terlebih dahulu dan dianalisis berdasarkan pendekatan atau Teori Kritikan sastera untuk dibuat penilaian yang kritis.


2.3.4 Teori Psikoanalisis Freud

Teori Psikoanalisis merupakan satu sistem psikologi yang dipelopori oleh Sigmund Freud. Beliau berasal dari Moravia, yang pada masa sekarang terkenal dengan nama Slovakia. Beliau memulakan kerjayanya sebagai seorang doktor perubatan dan

menumpukan penyelidikan terhadap kecelaruan saraf. Bidang ini tidak begitu maju dalam abad ke-18 dan ramai golongan pengkaji ketika itu yang menggunakan *hypnosis* sebagai satu kaedah bagi menyelesaikan penyakit mental. Perkataan “*hypnosis*” pertama kali diperkenalkan oleh James Braid, merupakan doktor ternama di England yang hidup antara tahun 1795-1860. Donald J. Rebertson (1988, p.13) menjelaskan *Hypnosis* ialah keadaan bawah sedar manusia berlaku secara lisan dan dimanipulasikan melibatkan keinginan yang dipersetujui bersama dan selalunya digunakan untuk tujuan perubatan, membuang tabiat buruk dan memulihkan tekanan dalam diri.

Sigmund Freud (1856-1939) merupakan seorang ahli Teori Psikoanalisis yang mengkaji tingkah laku manusia. Beliau terkenal dan berpengaruh bukan sahaja dalam lingkungan disiplin psikologi itu sendiri tetapi turut tersohor dalam disiplin perkembangan gagasan moden diri manusia. Sebelum Freud, tidak ada pengkaji yang memfokuskan kepada zaman kanak-kanak sebagai faktor pembentukan tingkah laku manusia dewasa dan fenomena kesedaran (*consciousness*). Ada kenyataan berbunyi, “*Freud’s view of personality is psychodynamic*”. Sigmund Freud (1960, p.72) menyatakan Freud merupakan seorang ahli psikologi yang telah berjaya memperkenalkan Teori Psikoanalisis dalam mengkaji tentang tingkah laku individu. D.M. Thomas (1989, p.1-3) menjelaskan Freud juga terpengaruh dengan kerja-kerja kaedah yang dijalankan oleh seorang doktor di Vienna, Austria yang bernama Joseph Breur. Breur telah menggunakan suatu teknik bagi mengubati pesakit-pesakitnya, iaitu menumpukan kepada perbualan tentang sesuatu perkara yang didapati memberi kesan kepada pesakit. Menurut D.M.Thomas (1989, p.40) pengaruh perkembangan perubatan psikologi, sedikit sebanyak menyebabkan Freud mendalamai kajiannya secara bersendirian sehingga berjaya menerbitkan bukunya yang pertama, iaitu “*The Interpretation of Dreams’* (1900) dan seterusnya tentang analisis bawah sedar.

Psikoanalisis dapat diiktiraf sebagai satu kaedah bagi merawati individu yang mempunyai masalah kejiwaan atau emosi. Mengikut fahaman tradisi, psikoanalisis dianggap lebih sesuai untuk merawat individu yang mengalami masalah psikologi. Freud (1933, p.9) *senseless and muddled dream into a logical and intelligible mental process in the dreamer would renew my confidence of being on the right track.* Personaliti seseorang itu banyak dipengaruhi oleh desakan dalam diri. Desakan dinamik merupakan keinginan asas yang bersifat tenaga seperti lapar, seks dan keagresifan, menimbulkan semacam konflik bersama tekanan sosial. Fenomena tegang ini menjadikan individu bertindak menurut undang-undang dan kod moral. Individu mula merasakan undang-undang dan kod moral adalah sebahagian daripada diri mereka. Teori Psikoanalisis berkait rapat dengan perasaan dalam jiwa manusia, merujuk kepada keadaan mental yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar. Keadaan jiwa manusia terbahagi kepada tiga keadaan, iaitu keadaan sedar, separa sedar dan bawah sedar. Menurut Shahrin Hashim dan Yusof Boon (2008, p.13) Freud menyatakan bahawa perwatakan manusia dewasa mula dibentuk sejak individu itu dilahirkan, iaitu dari bayi sehingga mencelah usia lima tahun. Freud juga menjelaskan bahawa kebanyakan pengalaman lampau individu terutama ketika usia dalam lingkungan tiga hingga lima tahun, tidak lagi dapat diingati oleh mereka. Berdasarkan konsep tersebut, Freud membina sebuah model yang dinamakan Model Topografi.



Rajah 2.2: Bongkah Ais Kesedaran Freud

Model Topografi Psikoanalisis yang diperlihatkan oleh Mahmood Nazar Mohamed (1990, p.259) di atas berdasarkan Teori Psikoanalisis Freud, menggambarkan analogi bongkah ais yang terapung di permukaan lautan. Hanya bahagian puncaknya sahaja yang dapat dilihat. Keadaan kesedaran (*consciousness*) berkait dengan semua perkara seperti pengalaman, ingatan, persepsi dan sensasi yang disedari secara aktif. Keadaan ini hanya merupakan sebahagian kecil daripada kehidupan seorang pesakit jiwa yang diwakili oleh sedikit puncak yang kelihatan pada bongkah ais yang terapung di permukaan lautan. Teori Psikoanalisisi Freud merupakan satu teori bersifat mekanistik yang melihat kepada pengaruh lain dalam diri. Teori ini berpegang kepada asumsi bahawa seluruh sifat dan tingkah laku manusia itu didorong oleh satu tenaga atau desakan yang bersumber dari dalam diri individu. Teori ini turut dinamakan sebagai Teori Deterministik berikutan semua sifat manusia telah ditentukan terlebih dahulu dan kita hanya mempersetujuinya sahaja.

Teori Psikoanalisis merupakan satu cabang ilmu Psikologi yang dianggap paling sesuai digunakan mengkaji bidang seni. Sigmund Freud yang mencipta ilmu Psikoanalisis, merupakan seorang yang menghargai kebudayaan, menyukai seni dan gemar membaca bahan sastera. Freud menjadikan teks sastera sebagai bahan penelitian untuk membuktikan teorinya sesuai digunakan dan diperkembangkan. Dalam karya-karya sastera agung, contohnya *Oedipus* (Sophokles), *Hamlet* (Shakespeare), dan *The Brother Karamazov* (Dostoyevsky), Freud membuktikan bahawa karya dan pemikiran penulisnya sesuai dikaji menggunakan disiplin-disiplin ilmu Psikoanalisis. Namun pada masa yang sama bertentangan dengan kehendak dalaman yang turut berupa desakan tadi. Akhirnya gabungan antara desakan dan keperluan untuk memenuhi undang-undang dan kod moral memerlukan tindakan, pemikiran dan emosi yang diluahkan secara *represi*, *sublimasi* dan *pindah gantian* sebagai mekanisme helah bela diri.

Teori Psikoanalisis Freud dapat diaplikasikan dengan berkesan dalam kajian ini. Hal ini kerana pertamanya kajian ini dapat menghuraikan cara berfikir penyair dengan menghubungkan peribadi penyair. Cara berfikir penyair yang dikesan secara tidak langsung dapat menggambarkan keadaan jiwa dan peribadi penyair pada ketika itu berdasarkan karya yang hendak disampaikan kepada pembaca. Keduanya, dapat mengesan daya kreatif penyair dengan cara menghayati karya yang dihasilkan dan mekanisme *sublimasi* yang digunakan oleh penyair dalam menyampaikan sesuatu keinginan yang ada dalam dirinya. Ketiga, konsep-konsep Psikoanalisis Freud difahami dan diaplikasikan dalam teks kajian.

2.3.5 Konsep Teori Psikoanalisis Freud

Teori Psikoanalisis Freud pada mulanya merupakan satu kaedah merawat penyakit-penyakit mental dan saraf menggunakan teknik tafsir mimpi. Kaedah ini kemudiannya meluas menjadi sebuah teori tentang keperibadian. Konsep-konsep Psikoanalisis yang terdapat dalam teori keperibadian merupakan yang paling banyak digunakan dalam pelbagai bidang kajian sehingga sekarang. Konsep Freud pada dasarnya adalah tentang keadaan bawah sedar. Menurut Sigmund Freud (1933, p.21) *unconscious system and has shown us that they are quite other than what we know from our conscious thinking and are bound to appear to the latter preposterous and incorrect.* jiwa dapat dibahagi kepada taraf keadaan kesedaran manusia kepada tiga tahap, iaitu sedar (*conscious*), separa sedar (*preconscious*) dan bawah sedar (*unconscious*). Ketiga-tiga tahap ini, keadaan bawah sedar memainkan peranan yang besar dalam mempengaruhi cara berfikir dan tingkah laku manusia. Tingkah laku yang berlaku dalam diri manusia dikawal oleh *superego* yang mengandungi nilai moral. Keinginan yang wujud dalam diri dimanifestasikan dalam bentuk yang sesuai dan diterima umum.

Alam sedar merujuk kepada keadaan yang disedari oleh manusia tentang apa-apa tindakan yang sedang dilakukan. Menurut Hashim Awang (1997, p.40) Teori Psikoanalisis Freud, menyatakan alam sedar yang ada dalam diri manusia amat kecil. Manusia kebiasaannya hanya mengalami keadaan sedar pada permulaan dan akhir sesuatu perkara. Ketika berada dalam keadaan sedar, manusia cuba merancang dan cuba meluahkan sesuatu yang terbaik bagi tujuan dihargai. Melalui Teori Psikoanalisis Freud, keadaan sedar seorang penyair dapat dikesan melalui tindakan dan norma kehidupan yang digambarkan melalui tindakan dan kata-kata yang disampaikan. Tindakan dan kata-kata dalam keadaan sedar mengandungi gambaran makna yang jelas dan dapat diterima umum. Tingkah laku yang berlaku ketika alam sedar juga merujuk kepada masyarakat dan persekitaran ketika itu. Tindakan yang dilakukan terhadap sesuatu perkara bagi mencapai kepuasan merujuk kepada norma kehidupan.

Proses keadaan alam separa sedar merupakan keadaan transisi antara alam sedar dengan alam bawah sedar. Contohnya, apabila seseorang individu itu asyik bercakap kadang kala dia terlupa tentang apa yang telah diperkatakan terdahulu. Seseorang yang sedang makan nasi kadang kala tertinggal untuk mengambil salah satu hidangan yang telah dihidangkan dan mengambilnya hanya ketika berada dalam keadaan sedar. Alam bawah sedar pula merujuk kepada perkara-perkara yang berlaku dalam diri manusia. Alam bawah sedar merupakan pengalaman yang dialami oleh manusia tanpa disedari akibat daripada perasaan dalaman penyair melibatkan perasaan, pengalaman dan pemikiran. Secara tidak langsung semuanya mempengaruhi proses individu itu berfikir dan seterusnya menyebabkan berlakunya perubahan tingkah laku pada individu tersebut.

Bidang seni seperti karya puisi juga merupakan hasil ungkapan jiwa seorang penyair yang memperlihatkan jiwa dan emosi penyair berada dalam keadaan tertentu

semasa menghasilkan karya sastera. Puisi merupakan hasil kreativiti yang dihasilkan oleh penyair akibat daripada pengaruh pengalaman peribadi melibatkan perkara yang pernah dilalui. Teori Psikoanalisis dapat digunakan untuk mengkaji sudut kejiwaan manusia. Kajian ini dapat menghuraikan keadaan bawah sedar berkaitan dengan kehidupan manusia yang menjadi punca dalam penghayatan dan menyingkap kehidupan. Teori Psikoanalisis Freud digunakan untuk menganalisis puisi-puisi Dharmawijaya mengenai konflik jiwa penyair yang tergambar melalui hasil karya puisinya baik terhadap penyair, karya puisi dan pembaca.

Keadaan jiwa penyair menyebabkan jiwanya mempunyai keinginan-keinginan yang dizahirkan semasa berkarya. Dalam keadaan ini, terdapat dua cara untuk mengkaji kejiwaan penyair. Langkah pertama, karya perlu dibaca, diteliti dan difahami terlebih dahulu. Langkah ini untuk membuat pernyataan tentang keperibadian penyair dengan karya yang dihasilkan. Kajian terhadap keperibadian penyair juga dapat digunakan untuk menganalisis karya yang dihasilkan oleh penyair sama.

Langkah kedua ialah menganalisis latar kehidupan penyair yang melibatkan kejiwaan, keinginan, pergolakan jiwa dan kekecewaan. Maklumat yang diperolehi dapat digunakan untuk menganalisis karya yang dihasilkan oleh penyair tersebut. Perkara yang berkaitan dengan unsur kejiwaan penyair banyak digunakan dalam karya sastera yang dihasilkan. Kajian psikologi pengarang, maka banyak tanggapan tentang diri pengarang telah dibuat. Tanggapan yang dibuat terhadap pengarang ialah pengarang merupakan seorang yang hebat menceritakan tentang tekanan perasaan yang dialami semacam kegilaan.

Freud mentafsirkan keadaan kesedaran dengan fenomena gunung ais di lautan, iaitu bahagian paling atas yang nampak di permukaan laut mewakili lapisan sedar. Separa sedar adalah bahagian yang turun-naik di bawah dan di atas permukaan. Sementara bahagian paling luas berada di bawah laut mewakili keadaan bawah sedar. Dalam buku-bukunya yang lebih mutakhir, Freud tidak membincangkan pembahagian lapisan di atas mewakili keadaan sedar dan menggantinya dengan konsep yang lebih sesuai merujuk kepada pengaruh bawah sedar. Konsep asas Teori Psikoanalisis Freud tetap mengenai pengaruh keadaan bawah sedar yang menyebabkan tingkah laku manusia lebih banyak digerakkan oleh aspek-aspek tidak sedar dalam diri. Freud (1933, p.90) pembahagian itu dikenali dengan struktur keperibadian manusia yang tetap terdiri daripada tiga unsur, iaitu *id*, *ego* dan *superego*. *Id*, *ego* dan *superego* merupakan perasaan yang wujud secara semulajadi dalam diri setiap individu terhadap sesuatu rangsangan.

Id adalah keadaan yang sepenuhnya berada dalam keadaan bawah sedar. *Id* adalah kehendak dalam diri manusia yang melibatkan tenaga, naluri (insting) dan keinginan (libido). Menurut Rogayah Tara (2012, p.24) naluri adalah satu pola perilaku dan reaksi terhadap suatu rangsangan tertentu secara semulajadi. Komponen ketidaksedaran yang berkaitan dengan psikologi menjadi penggerak utama tingkah laku manusia. Ruth Snowden (2006, p.126) *id* merupakan dorongan-dorongan primitif dan nafsu dalam diri manusia dan bertindak berdasarkan prinsip kesenangan. Ketika kecil, manusia secara semulajadi mempunyai perasaan dan keinginan dalam diri dikenali sebagai *id*. Oleh itu, kanak-kanak akan meronta-ronta bagi memenuhi keinginan dalam diri terhadap sesuatu tanpa rasa malu dan selalu mementingkan diri sendiri.

Ego berkembang bersama *id*. Menurut Rogayah Tara (2012, p.24) semasa kanak-kanak itu mula membesar, mereka mula meninggalkan keinginan zaman kanak-kanaknya


sebagai perubahan tingkah laku normal. *Ego* berada dalam keadaan sedar dan rasional. Keinginan-keinginan *id* tidak selalu dapat dipenuhi dan ketika ini *ego* memainkan peranan. Ruth Snowden (2006, p.127) *ego* berperanan berdasarkan keadaan realiti dan keadaan sekeliling ketika itu. Contohnya ketika *id* dalam diri berkeinginan untuk makan makanan lazat di restoran mewah, tetapi tidak berkemampuan, maka *ego* tidak dapat memenuhi keinginan itu merujuk kepada nafsu terkawal.

Superego muncul akibat hubungan sosial dengan persekitaran kehidupan manusia lain. Rogayah Tara (2012, p.25) menjelaskan dalam keluarga, *superego* wujud akibat asuhan daripada ibu bapa dalam bentuk ajaran moral mengenai baik dan buruk tentang sesuatu tindakan. Ruth Snowden (2006, p.128) *superego* muncul untuk mengawal terhadap *id*, terutama jika keinginan *id* itu tidak sesuai diamalkan dalam masyarakat. *Superego* selalu menginginkan yang terbaik kerana proses yang berlaku bertindak menggunakan akal.

Freud telah menjalankan beberapa kajian sehingga dapat merumuskan bahawa manusia banyak dikuasai oleh alam batinnya sendiri. Keadaan yang wujud seperti keadaan gelisah, keluh kesah dan sebagainya adalah kerana terdapat tugas *id*, *ego* dan *superego* dalam diri manusia yang membuatkan manusia berada dalam keadaan tidak tenteram dalam dirinya. Keinginan dalaman ini selalunya merujuk kepada keseronokan, kejayaan dan kehendak naluri. Keadaan ini menurut Freud adalah merujuk kepada *id*. Sementara *ego* adalah jaringan yang mengawal kehendak *id* tadi. *Ego* akan memberi pelbagai hujah yang benar bagi menerangkan tentang tindakan *id* berkaitan sesuatu keadaan supaya dapat dibendung. Menurut Mana Sikana (1986, p.119), *superego* merujuk kepada tindakan yang terbaik dalam membebaskan seseorang individu dari segala situasi yang dapat meruntuhkan prinsip-prinsip kehidupan manusia sejagat.

Oleh yang demikian *id* merupakan dorongan asas dan kehendak naluri manusia. *Ego* pula merupakan satu pemilihan klimaks keinginan atau kemuncak *dehumanisasi*. *Superego* adalah petunjuk ke arah keunggulan sifat kemanusiaan. Freud menyatakan bahawa kehidupan manusia lebih dipengaruhi oleh kemahanan *id* dan seks ini adalah keinginan yang paling besar dalam diri manusia. Keadaan bawah sedar yang dihuraikan oleh prinsip-prinsip Freud sememangnya dapat mempengaruhi dan menentukan cara seseorang itu berfikir dan bertindak dalam sesuatu situasi.

Superego menghantar unsur moral kepada *ego*. Ia juga mempengaruhi *ego* agar bertindak untuk memuaskan kehendak dan seterusnya mengawal kebuasan *id* dengan memilih alternatif terbaik. *Supero* adalah kuasa yang wujud dalam jiwa. Ia mengawal segala kehendak menentukan baik atau tidaknya, sesuai atau tidaknya sesuatu perkara dalam keadaan tertentu. *Supero* bertaut rapat pada prinsip kesempurnaan atau prinsip moral. Kaitan antara ketiga-tiga elemen struktur perkembangan Freud ini dapat digambarkan seperti berikut:



(Spenser A Rathus, 1984, p.344)

Rajah 2.3: Struktur Perkembangan Personaliti Freud

Berdasarkan Teori Psikoanalisis Freud, sedikit sahaja bahagian yang berada pada peringkat kesedaran. Walau bagaimanapun, bahagian separa sedar boleh menjadi sedar jika diberi sedikit tumpuan terhadap sesuatu perkara. Namun kedudukan *id* lebih bersifat kekal. *Id* juga sukar untuk dijelaskan kerana pada ketika itu jiwa seseorang masih berada dalam keadaan bawah sedar.

Konflik kerap timbul antaranya *id*, *ego* dan *superego* dalam diri manusia melibatkan perasaan yang dialami dalam diri. Konflik tersebut merupakan gabungan perasaan seperti takut, runsing, gelisah atau khuatir. Fenomena ini dinamakan kebimbangan atau *anxiety*. Freud (1933, p.76-77) terdapat tiga bentuk kebimbangan yang dialami oleh manusia ketika berhadapan dengan keadaan runsing atau marah, iaitu realiti, moral dan neurotik:

a) Realiti

Kebimbangan ini timbul ekoran daripada perasaan takut yang merupakan perasaan semulajadi yang wujud dalam diri seperti suka, takut dan sakit. Contohnya, kanak-kanak yang takut apabila berhadapan dengan haiwan ganas akan melakukan tindakan di luar kawal seperti menjerit, menangis atau menggil ketakutan. (Freud, 1933, p.76-77)

b) Moral

Perasaan takut secara semulajadi yang terdapat dalam diri *superego*, iaitu perasaan bersalah melakukan sesuatu yang bertentangan dengan nilai murni kehidupan. Contohnya rasa bersalah apabila terlanggar seekor kucing yang sedang melintas jalan. Perasaan *superego* menyebabkan wujud tindakan yang sesuai yang diterima dalam masyarakat ketika itu agar tidak berlaku masalah lain.

c) Neurotik

Merujuk kepada situasi tidak tentu (*free floating anxiety*). Perasaan bingung, runsing, gelisah tanpa sebab yang jelas. Hal ini, berlaku apabila pertahanan *ego* lemah. Kehendak primitif *id* yang ganas terlepas lantas tingkah laku individu tidak dapat dikawal. *Ego* akan mengawal kebimbangan ini melalui kaedah mekanisme bela diri. Spenser A Rathus (1984, p.344) menyatakan bahawa terdapat mekanisme helah bela diri yang dapat dikesan oleh Freud, iaitu *sublimasi* (*sublimation*) melibatkan tindakan yang sesuai bagi satu kepuasan dalam diri. Kewujudan mekanisme helah bela diri ini tidak disedari oleh *ego*. Namun dengan kewujudannya dapat melindungi *id* seseorang daripada kebimbangan. (Freud, 1933, p.77)

Kajian Psikoanalisis terhadap puisi terpilih Dharmawijaya juga melibatkan keadaan bawah sedar penyair dalam karya puisinya berkaitan masyarakat dan kehidupan penduduk di kampungnya ketika itu. Pergolakan jiwa penyair Dharmawijaya dapat dikesan melalui Teori Psikoanalisis. Karya sastera yang dihasilkan memiliki daya tarikan tersendiri terhadap jiwa pembaca. Keadaan seperti ini dapat memberi kesan terhadap pembaca dan bagaimana tindak balas pembaca terhadap karya tersebut. Pengkritik berusaha membincangkan bagaimana pengalaman peribadi penyair dapat mempengaruhi penghasilan karya sastera yang dihasilkannya.

2.3.6 Unsur-Unsur Teori Psikoanalisis Freud

Sigmund Freud merupakan tokoh utama dalam perkembangan Psikoanalisis. Beliau mengemukakan pernyataan-pernyataan yang menarik tentang seni yang melibatkan *neurosis* secara tidak langsung melalui pengenalan psikoanalisis. Menurut Hashim Awang (1984, p.98) antara tulisannya Freud yang menarik dan terkenal ialah *Delusionnand Dream in Jensen's "Gradiva"* (1979), *Creative Writers (Poeps) And Day-*

Dreaming (1980), *Leonardo Davinci Manda Memory Of Childhood* (1910), *The Muses Of Michael Angelo* (1914) dan *The Uncanny* (1919). Dua bentuk penulisannya secara langsung telah dapat menghubungkan pengkarya, karya dan peminat.

Freud menyatakan bahawa seseorang seniman itu *introvert*, iaitu seorang penyendiri, suka berkarya atau berfantasi. Keadaan ini berlaku apabila wujud kesan *impression* yang baik ditemui. Keadaan ini akan cuba disepadukan dengan pengalaman lepas melalui kemahuannya yang utama ketika itu. Ingatan daripada pengalaman terawal, iaitu merujuk kepada zaman kanak-kanak yang mana keinginan atau kemahuan tadi dapat dipenuhi. Menurut Hashim Awang (1984, p.98), satu situasi diwujudkan berhubung dengan masa depan yang memperlihatkan kesempurnaan keinginan manusia. Dalam situasi sebegini, para seniman berada pada tingkat untuk menjadi seorang neurotic, iaitu suatu jenis gangguan mental yang paling ringan.

Sebahagian seniman-seniman berada dalam keadaan tertekan dengan pelbagai keinginan dalam dirinya. Antara keinginan yang biasa wujud dalam diri seseorang penyair ialah kehormatan, kekuasaan, kekayaan, kemasyhuran dan cinta wanita. Keinginan-keinginan ini merujuk kepada pengalaman penyair berkaitan tentang maruah kehidupan, hak serta keupayaan, kebolehan, kehebatan dan keadaan romantik seseorang individu atau masyarakat yang telah wujud sebagai pengalaman sedia ada.

"The artist has also an introverted disposition and has not far to go to become neurotic. He is one who is urged on power, riches, fame, and the love of women; but he lacks the means of achieving these gratification. So, like any other with an unsatisfied longing, he turn away from reality and transfers all his libido too, on to the creation of his wisher in the life of fantasy..."

(Reuben Fine, 1962, p.72)

Segala keinginan yang hendak dimiliki oleh seniman tidak dapat dicapai dalam realiti menyebabkan mereka mengalihkan kepada penciptaan dan keinginan-keinginan dalam bentuk fantasi. Ketika ini proses penciptaan mengambil alih tempat untuk membolehkan dia terselamat daripada derita neurosis dan kembali semula kepada keadaan sebenar melalui kekuatan diri dan terhadap keadaan sekeliling.

Kepuasan yang cukup akan dapat diperolehi dengan terciptanya sesebuah karya oleh seniman, terutamanya mengenai hubungan dengan ingatan yang kuat kepada keinginan sebelum ini. Kepuasan ini juga dirasakan lebih baik apabila dibentuk dari bahan-bahan atau objek-objek yang nyata. Psikoanalisis dalam kajian sastera melibatkan tanggapan seni sebagai sesuatu yang dapat menyatakan tentang diri seseorang seniman. Psikoanalisis melibatkan satu sistem psikologi yang menyentuh tentang keadaan bawah sedar manusia. Psikoanalisis merupakan salah satu teori yang manifestasi bawah sedar manusia yang memperkatakan tentang dua faktor utama, iaitu mimpi dan derita saraf.

Faktor-faktor yang dihuraikan di atas dapat difahami sebagai konflik jiwa yang dialami oleh manusia antara tahap sedar dengan tahap bawah sedar. Dua faktor itu biasanya digunakan untuk mengkaji bidang seni dan sastera. Tokoh-tokoh Psikoanalisis memberi pendapat mereka tentang seni, iaitu suatu mimpi dengan derita saraf. Semua perkara ini berdasarkan kepada satu konflik yang agak matang bagi mimpi, tetapi tidak dapat dibina menjadi *Patogenik* atau penyebab dalam perkembangan tentang sesuatu tekanan dalam diri. Keadaan bawah sedar dapat memperlihatkan dirinya tetapi dalam keadaan yang berbeza, sifat keadaan bawah sedar tetap tidak berubah. Dalam kata lain psikologi seseorang seniman itu merupakan pemandu arah dengan penderita saraf. Tingkah laku seorang seniman, pemimpin dan penderita saraf merupakan sesuatu yang sama. Perkara yang membezakan ketiga-tiga manusia tersebut hanyalah pada tahap

tekanan yang dihadapi oleh seniman. Cara yang mudah bagi memahami tentang seni adalah dengan cara mengikuti penjelasan seseorang seniman tentang gaya kreativiti dan pendapat golongan pembaca.

Manifestasi bawah sedar yang dapat diterapkan dalam seni secara hampir menerusi mimpi atau derita saraf, iaitu permainan kanak-kanak dan khayalan (angan-angan). Bagi *Freud* (Hashim Awang, 1997, p.39) tindakan seseorang adalah salah apabila beranggapan bahawa kanak-kanak itu tidak serius terhadap kehidupannya yang dicipta ketika bermain. Sebaliknya kanak-kanak menghadapi dunia permainannya dengan amat tekun dan melakukan sesuatu tindak balas terhadap sesuatu objek dengan penuh daya peniruan. Tindak balas yang dimaksudkan adalah dari segi pergerakan suara dan perasaan. Seorang kanak-kanak akan melakukan pergerakan yang sama seperti seekor harimau apabila dikehendaki berlakon watak sama seperti yang pernah dilihat.

Berlawanan pula dengan permainan yang memerlukan tindakan segera tanpa penghayatan yang serius. Tanpa mempedulikan unsur-unsur lain, kanak-kanak dapat melakukan perbandingan antara dunia ciptaan mereka dengan dunia reality. Mereka akan mencari sokongan untuk rekaan atau khayalan dan berinteraksi dengan cara sentuhan dan penglihatan dalam kehidupan sebenar. Begitu juga yang berlaku terhadap seorang seniman, mereka melakukan hal yang sama seperti apa yang kanak-kanak lakukan semasa bermain. Para seniman akan cuba mencipta suatu dunia yang diberikan perhatian yang serius. Situasi seperti ini melibatkan rasa kesenangan dan peniruan bagi menghidupkan sesuatu situasi dan dalam waktu yang sama golongan ini dapat membezakan tentang dunia sebenar. Rasa keseronokan dan kegembiraan semasa bermain bagi golongan kanak-kanak menjadi satu nostalgia dalam kehidupannya. Rasa seronok dan kegembiraan yang dirasai oleh kanak-kanak ini sukar untuk dilenyapkan. Kanak-kanak akan mula mencari

sumber-sumber tertentu untuk mengisi kekosongan dalam dirinya bertujuan mendapatkan kegembiraan seperti dahulu. Kanak-kanak ini mula mencari gantinya melalui khayalan dan angan-angan. Begitu juga dengan golongan dewasa mencari keselesaan diri dengan berangan-angan bagi memenuhi keseronokan atau kecenderungan.

Terdapat tiga unsur dalam angan-angan yang membezakan permainan dan dapat membawa kepada keadaan yang lebih hampir kepada ciptaan seni. Situasi yang melibatkan angan-angan atau khayalan merupakan perkara yang dasar meliputi emosi yang pahit tetapi menyeronokkan. Keadaan yang dirasai ini cuba diterapkan secara kreatif melalui seni. Khayalan adalah sesuatu keadaan yang amat pahit yang dirasai dalam realiti, sementara fantasi pula dapat menggambarkannya dengan lebih seronok dan riang.

Fantasi-fantasi yang biasa adalah seperti kematian, kesakitan, penderitaan dan kemalangan. Daripada analisis yang dibuat oleh Freud kepada kanak-kanak, ternyata mereka cuba melakukan peniruan dengan sebaik-baiknya dalam sesuatu permainan. Misalnya apabila melakonkan atau membuat peniruan ketika bermain ‘Tukang Masak’, kanak-kanak akan mengulangi dalam permainannya itu mengikut segala peraturan yang ada dalam kehidupan nyata dengan menggambarkan suasana dengan penuh gembira. Peniruan yang dilakukan dilakukan dengan bersungguh tanpa ada rasa malu atau segan.

Seterusnya Freud membezakan angan-angan dan permainan kanak-kanak dengan menyatakan bahawa kanak-kanak itu tidak pernah berasa malu terhadap dunianya dan tidak membuat satu helah bagi menyembunyikan sesuatu perkara daripada pengetahuan orang lain. Situasi sebaliknya timbul bagi golongan dewasa. Mereka berasa amat malu dengan angan-angan mereka dan cuba menyembunyikannya daripada orang lain dan menjadikannya sebagai rahsia peribadi. Golongan dewasa lebih senang mengakui

perbuatan yang salah daripada mengakui angan-angannya. Golongan dewasa akan cuba menyatakan angan-angannya apabila mempunyai keyakinan dan kemampuan untuk mencapai matlamat yang diinginkan. Namun, dalam keadaan yang sama, fantasi-fantasi itu mungkin pula sudah tersebar luas dan dicapai oleh orang lain.

Aspek lain yang diberi penekanan dari segi fantasi bagi memahami seni ialah sumber fantasi. Mereka yang tidak berjaya dan kecewa paling kerap mempunyai fantasi dan angan-angan. Golongan seperti ini mempunyai satu perangsang dan galakan dalam diri mereka bagi melakukan renungan yang lebih serius terhadap fantasi. Fantasi boleh dikatakan sebagai suatu keinginan, penggantian atau tindak balas terhadap kekecewaan dan realiti. Bagi Freud, kreativiti seorang seniman adalah berdasarkan kepada mimpi dan fantasi yang merupakan keinginan yang tidak tercapai dan turut melibatkan rasa malu. Keadaan seperti ini akan disembunyikan dan dipendamkannya ke bahagian bawah sedar. Fantasi dicetuskan apabila emosi yang kuat dan nyata yang berperanan sebagai kenangan lama dalam diri seorang penulis yang merujuk pada zaman kanak-kanak. Daya kreativiti dan penciptaan merupakan satu situasi mimpi dalam sedar yang merupakan penggantian kepada suatu kehidupan pada zaman lampau. Seorang penyair akan cuba mendapatkan kepuasan terhadap keinginan yang tidak dapat dipenuhi sebelum ini melalui karya seni. Keinginan yang wujud dalam diri diluahkan bertujuan untuk mencapai kepuasan diri dan memberi makluman kepada umum.

Keadaan ini dapat dilihat dengan lebih jelas lagi dalam Teori Psikoanalisis. Sesebuah karya seni itu dapat melahirkan kesan-kesan bawah sedar yang lebih mantap berbanding dengan kesan-kesan yang penuh kesedaran. Karya seni dapat menyelesaikan perkara yang kompleks kerana sebagai seorang seniman beliau memainkan peranan yang sama bagi memenuhi kehendak golongan pembaca (Hashim Awang, 1994, p.41).

Seniman dianggap sebagai seorang yang kreatif dan normal semasa berkarya. Seniman menjadi seorang penderita jiwa apabila cuba melakukan tindak balas terhadap imej-imej yang ingin dicerminkan. Imej-imej ini dibangunkan daripada fantasi membentuk satu kehidupan.

Hashim Awang (1997, p.41) menyatakan bahawa Heine beranggapan bahawa golongan seniman adalah terdiri daripada mereka yang menghidap sejenis penyakit jiwa. Bagi Kovach pula menyatakan bahawa seorang seniman itu juga menghidap penyakit jiwa ‘*paranoiac*’ yang boleh menyebabkan seseorang itu tidak dapat menaruh kepercayaan kepada orang lain. Perasaan semulajadi dalam diri ‘*ego*’ yang kuat perlu dicapai dengan apa-apa cara sekali pun. Menurut pandangan beliau lagi, pembaca ialah golongan yang ‘*hysteric*’, iaitu seseorang yang mendapat tekanan emosi dan ketakutan serta berhasrat untuk mengawal individu lain. Hashim Awang (1997, p.41) menjelaskan bahawa Otto Rank pula bersepakat dengan Kovach tentang manusia yang mempunyai perasaan emosi dan bimbang yang berlebihan.

Seseorang seniman yang menghidap penyakit jiwa akan cuba menukar atau menggantikan tingkah laku berdasarkan pengalaman yang pernah dialami sebelum ini dengan keadaan yang diterima masyarakat dan pembaca ketika itu. Oleh yang demikian, seniman itu dapat memperbetulkan kesilapan lepas yang pernah dialami melalui tindakan lain. Dalam situasi seperti ini bidang seni menjadi penawar jiwa bagi seniman yang boleh mendamaikan konflik dalamannya supaya tidak menjadi seorang penderita jiwa. Golongan falsafah Heine dan Sigmund Freud melalui analisis yang dilakukan menyatakan bahawa pengalaman dan emosi itulah menjadi dasar kepada penghasilan bahan-bahan sastera seperti novel, puisi dan teater.

Dalam diri manusia wujud satu konflik dalaman yang merujuk kepada perasaan seperti suka dan duka, kasih dan sayang, benci dan rindu dan sebagainya. Keadaan seperti ini jika berjaya dipendam dalam diri manusia itu disebut ‘*sublimasi*’ dan sebagai ‘*neurosis*’, iaitu konflik emosi dalam jiwa individu. Freud juga menyatakan bahawa keadaan yang pernah dialami dalam hidup merupakan satu manifestasi dalam jiwa manusia yang digambarkan secara tanpa sedar (Manu Sikana, 1986, p.119). Pengalaman sedia ada semasa zaman kanak-kanak sentiasa bermain dalam fikiran, sementara tingkah laku kanak-kanak masih berterusan sehingga dewasa. Dorongan seks secara fizikal, pemikiran, pancaindera, pakaian, kegiatan dan sebagainya amat digemari oleh manusia.

Prinsip-prinsip dalam Teori Psikoanalisis mempunyai beberapa rumusan, iaitu hasil kesusasteraan terhasil ketika pengarang berada dalam situasi bawah sedar (Manu Sikana, 1986, p.120). Setelah segalanya dapat dibentuk barulah bahan karya disusun genre berkenaan secara sedar atau *conscious*. Proses ini melibatkan dua peringkat, iaitu penciptaan awal melalui ilham dan diri pengarang berada dalam keadaan separuh sedar. Apabila bahan itu hendak dibentuk atau dikarang pada ketika ini pengarang berada dalam keadaan bawah sedar bagi penciptaan dan berkarya. Pengarang dianggap berada dalam keadaan bawah sedar semasa berkarya kerana pada ketika itu, seseorang pengarang itu akan cuba memanifestasi segala gejolak jiwa secara *superego*, iaitu meluahkan segala yang terpendam melalui penghasilan karya. Jika terdapat jalan cerita yang kabur tetapi mempunyai maksud mendalam *sublimasi* yang sukar difahami, maka dapatlah dianggap sebagai sebuah karya bermutu dan baik.

Ketiga, penilaian dilihat sebagai proses tindakan pengarang dalam menggarap watak-watak yang cuba disorot dari dimensi kejiwaan yang merujuk kepada aspek makna, pemikiran dan falsafah karya secara umumnya. Karya-karya yang dianggap berjaya

biasanya dapat menggunakan simbol-simbol atau perlambangan yang universal dan mempunyai kaitannya dengan mitologi. Seorang penyair yang baik dapat menggunakan perlambangan yang asli dan mempunyai makna yang besar di sebaliknya. Proses ini berlaku secara bawah sedar semasa proses penciptaan berlaku. Sesebuah hasil puisi yang berbentuk *absurdisme surrealisme* menunjukkan bahawa penyair banyak menggunakan simbol dan lambang abstrak bagi menyatakan maksud sebenar secara harmoni yang mempunyai makna ambiguiti atau konotasi yang berlaku secara *sublimasi*.

Seterusnya karya pula dianggap sebagai baik apabila terdapat idea-idea yang menerangkan tentang kehidupan manusia yang berhubung dengan kejiwaan seperti kekecewaan dan kekacauan jiwa. Pendekatan jenis ini mengutamakan kebebasan dalam diri seseorang bagi meluahkan perasaan secara *sublimasi*, sama ada secara tersurat atau tersirat. Hal ini adalah kerana tindakan fizikal dan lahiriah tidak dapat mencerminkan keadaan sebenar yang dialami oleh diri seseorang. Mereka yang memperjuangkan permasalahan mereka melalui karya-karya terdiri daripada golongan yang istimewa kerana dapat berkongsi dengan orang lain tentang kehidupan yang dialami agar sama-sama dapat memahami, menghayati dan memanfaatkan karya sastera dalam kehidupan. Golongan pengarang seperti ini dianggap hebat kerana berjaya dapat menyatakan keadaan lahiriah dan batiniah menerusi keadaan yang dapat diterima oleh masyarakat.

2.3.7 Fungsi Teori Psikoanalisis Freud

Teori Psikoanalisis dapat menghuraikan psikologi dalam karya sastera. Psikoanalisis dapat menghuraikan tentang unsur kejiwaan melibatkan keadaan bawah sedar berdasarkan maklumat yang diambil dari latar kehidupan penyair atau daripada karya sastera itu sendiri. Langkah menginteprestasikan karya sastera sebagai bukti kreativiti yang terhasil dari unsur kejiwaan dapat dikesan dengan mengaplikasikan Teori

Psikoanalisis berdasarkan maklumat latar kehidupan penyair. Teori Psikoanalisis dapat digunakan untuk menilai karya dan dapat menjelaskan proses kreatif pada karya yang dihasilkan oleh penyair. Penggunaan Teori Psikoanalisis turut dapat menilai mengenai kebaikan karya, idea dan kreativiti. Cara ini dapat membantu pengkaji menilai corak penulisan, ketidak-aturan peristiwa, perubahan dan kesan penting dalam suatu karya sastera yang dikaji. Teori Psikoanalisis yang digunakan pada sesebuah karya sastera dapat juga menganalisis cara berfikir penyair sastera seperti Dharmavijaya pada puisi yang dihasilkan. Pengaruh bawah sedar dan unsur kejiwaan yang dialami oleh pengarang dapat dikesan melalui karya sastera dengan menggunakan Teori Psikoanalisis.

Konsep mekanisme helah bela diri *represi*, *sublimasi* dan *pindah gantian* yang dikemukakan dalam Teori Psikoanalisis Freud merupakan tiga keadaan helah bela diri yang terdapat dalam diri penyair. Konsep ini digunakan untuk meneliti konflik jiwa penyair dan keinginan-keinginan dari dalam diri penyair. *Represi* merupakan satu lagi mekanisme bela diri dalam ilmu Psikoanalisis. *Represi* melibatkan pelaporan mengenai keadaan tertekan yang ada dalam ingatan seseorang pesakit melibatkan rasa dendam atau malu. Kaedah rawatan ini memerlukan pesakit berada dalam posisi baring dan ditemani oleh perawat. Pesakit diminta menyatakan semua keinginan dan hasrat yang terlintas dalam fikirannya. Jika pesakit sukar menyatakan sesuatu, beliau akan dibantu oleh perawat bagi merangsang *represi* pada pemikiran pesakit agar dia mengucapkan kata-kata tertentu. *Represi*, sebenarnya merupakan satu teknik yang sudah lama dipraktikkan oleh para seniman dan pengarang untuk mendapatkan ilham. Ketika proses penulisan dimulai, pengarang menggunakan teknik *represi* dengan menulis apa sahaja yang terlintas dalam fikirannya. Setelah ilham dialirkan, pengarang akan memeriksa tulisannya, menambah atau mengurangi dan menentukan kesudahan cerita. Dalam melakukan *represi*, pengarang mengimbas kembali atau mengingati segala kejadian yang pernah dialami,

khususnya pengalaman atau menzahirkan kembali pemikiran-pemikiran dan imaginasi liar merujuk kepada keinginan *id*.

Dalam helah bela diri *sublimasi* terdapat *id* yang menginginkan kepuasan dan kesenangan. Keinginan *id* bertentangan dengan keinginan *superego*. *Superego* terikat dengan nilai moral masyarakat dan memainkan peranan penting untuk mempengaruhi *id* agar bertindak mengikut norma masyarakat. Keinginan-keinginan *id* yang bertentangan dengan norma masyarakat pula ditukar ke dalam bentuk yang diterima oleh masyarakat. Contohnya dalam bentuk karya seni, ilmu, atau aktiviti tertentu. Pertukaran terhadap keinginan *id* dilakukan dengan teliti supaya dapat diterima oleh masyarakat dan proses ini dikenali sebagai *sublimasi*. *Sublimasi* memainkan peranan penting terhadap kebudayaan manusia. *Sublimasi* melibatkan kreativiti atau kemampuan menghasilkan sesuatu yang baru. Puisi, novel, lukisan, bidang ilmu, aktiviti sukan, pembuatan peralatan teknik, serta agama, sebenarnya merupakan satu bentuk lain melibatkan cara bagaimana keinginan *id* diperolehi tanpa menyalahi nilai-nilai moral masyarakat.

Mekanisme helah bela diri *pindah gantian*, digunakan oleh pengarang bagi melindungi diri daripada dikesan. Keinginan yang wujud dalam diri penyair ditransformasikan kepada bentuk persekitaran ketika itu. Objek seperti pokok, hidupan dan alam digunakan sebagai pengganti diri menggunakan susunan kata yang tepat dengan apa yang ingin disampaikan. Perasaan *superego* mengawal tindakan bagi memastikan setiap *pindah gantian* yang dilakukan mengandungi nilai moral yang dapat diterima oleh masyarakat ketika itu. *Pindah gantian* mengandungi maksud tersirat yang merujuk kepada keinginan penyair bagi mencapai kepuasan dalam diri. Puisi yang mengandungi mekanisme helah bela diri *pindah gantian* merupakan satu bentuk atau cara pengarang menyampaikan keinginan *id* dalam diri dengan memenuhi kehidupan masyarakat.

Bagi pengarang, kemunculan ilham dilakukan secara ‘ritual’ pada masa dan tempat tertentu bagi memastikan idea atau ilham dapat dizahirkan. Terdapat pengarang yang lebih kreatif kalau berkarya pada malam hari, ada juga yang lebih suka menulis pada waktu pagi atau senja. Terdapat pula pengarang yang hanya boleh menulis di tempat sepi dan ada juga yang gemar menulis di tempat awam. Semuanya bergantung pada kebiasaan dan keselesaan pengarang semasa berkarya. Kesimpulannya ialah idea dan pemikiran yang terdapat pada karya seni timbul daripada *id* yang berada dalam keadaan bawah sedar bagi menyatakan keinginan dalam diri melibatkan perubahan tindakan. Langkah untuk melahirkan idea dan pemikiran adalah perlu melalui mekanisme helah bela diri *represi*, *sublimasi* dan *pindah gantian*.

2.3.8 Teori Psikoanalisis Freud dalam Karya Sastera

Penerapan Teori Psikoanalisis Freud dalam bidang seni dan karya sastera turut dilakukan oleh Freud. Karya-karya Freud yang melibatkan bidang seni ialah *L'interpretation des Reves* (1899), sebuah buku klasik yang menerangkan tentang pentafsiran mimpi. Buku ini merupakan landasan teori yang paling dasar mengenai hubungan antara Psikoanalisis dan sastera. Tulisan Freud yang sering digunakan sebagai panduan teori pula ialah *Trois Essais sur la Theorie de la Sexualite*.

Delire et Reves dans la “Gradiva” de Jensen (Delir dan Mimpi dalam La “Gradiva”) karya Jensen, 1906 merupakan karya yang paling jelas memperlihatkan bagaimana Teori Psikoanalisis diterapkan dalam karya sastera. Freud melakukan penelitian pada sebuah cerpen berjudul “*La Gradiva karya Jensen*”. Penemuan yang diperolehi melalui ciri-ciri watak dan latar dalam cerpen itu sangat sesuai dikaji menggunakan teorinya sendiri mengenai keperibadian manusia.

La Creation Litteraire et le reve Eveille (Penciptaan Sastera dan Mimpi dengan Mata Terbuka) pula merupakan sebuah esei yang diterbitkan pada tahun 1908. Freud menemukan persamaan antara proses penciptaan karya sastera oleh seseorang pengarang dengan perasaan yang dirasai oleh kanak-kanak dalam permainan. Penyair bertindak seperti kanak-kanak yang bermain, dan menciptakan dunia imaginasinya sendiri yang dilakukan dengan bersungguh-sungguh.

Un Souvenir d'enfance de Leonardo de Vinci (Kenangan Masa Kanak-kanak Leonardo da Vinci) adalah sebuah karya yang menganalisis keperibadian Leonardo da Vinci dari segi biografi dan karya-karya seninya, termasuk menghuraikan rahsia senyuman Monalisa. Dalam buku ini pula Freud memperkenalkan konsep penting dalam teori kebudayaan, iaitu konsep *sublimasi*.

Das Unheimliche (Keanehan yang Mencemaskan) (1919) merupakan karya Freud yang membincangkan kesan yang kerap dirasakan oleh pembaca ketika menghayati karya sastera. Misalnya perasaan yang bersifat tragedi, melibatkan perasaan cemas, takut, atau ngeri. Walaupun wujud perasaan tidak senang, pembaca tetap menghayati dan menikmati karya sastera.

Penerapan dan perkembangan Teori Psikoanalisis dalam bidang sastera secara lebih mendalam telah dilakukan oleh Charles Mauron dan Max Milner. Charles Mauron, merupakan pengkritik sastera berasal dari Perancis, mengembangkan kaedah kritikan sastera yang dikenal dengan Psikokritik. Max Milner, seorang sarjana Jerman telah menyusun teori-teori Freud tentang sastera berjudul “*Freud et L'interpretation de la litterature*” (1899), iaitu memperkatakan perkaitan mimpi dalam karya sastera. Psikoanalisis dihasilkan melalui penelitian tentang mimpi. Ketika mengkaji mimpi-

mimpi pesakitnya, Freud mendapati bahawa mimpi mempunyai pengaruh yang besar dalam berlakunya perubahan tindak balas. Di samping itu mimpi juga mempunyai perkaitan rapat dalam karya sastera. Mekanisme helah bela diri yang dapat menghuraikan tentang sesuatu mimpi adalah seperti berikut.


1. *Represi* adalah merupakan helah bela diri yang terpenting dalam Teori Psikoanalisis Freud. Helah bela diri sebegini biasanya dilakukan secara sengaja oleh pengarang bagi melupakan sesuatu ingatan atau pengalaman pahit. Fikiran tersembunyi ke dalam satu imaginasi tunggal, atau pengguguran beberapa watak atau isu-isu yang pernah dialami dalam sesuatu gambar atau susunan kata. Secara jelas penciptaan watak dalam novel wujud ketika seorang pengarang sedang menjiwai dan menghayati watak berkenaan. Keadaan yang tertekan dalam diri disesuaikan dengan tindak balas yang dikawal dengan *superego* menyebabkan pengarang berada dalam dunia bawah sedar menjadi khayal. Begitu juga ketika pengarang itu menciptakan latar tempat, pengarang menggabungkan beberapa tempat yang pernah dikunjungi ke dalam karya, sehingga menjadi suatu tempat tersendiri bagi pengarang dan tidak menjadi kenyataan (Shahabudin & Raohizani Yaakob, 2007, p.100).

2. *Pindah Gantian (displacement)* adalah mimpi yang menonjolkan sesuatu yang sama sekali tidak berhubungan dengan mimpi yang dialami. Mimpi merupakan keinginan manusia yang tidak bermakna dan tersembunyi, tidak mahu ditafsirkan. Pemindah gantian menggambarkan mimpi yang tidak memberi sebarang makna dan tidak berkaitan mimpi. Freud memberi contoh: Dia bermimpi seorang wanita yang berusaha mendekatinya, dan wanita itu berharap kebahagiaan akan berlaku antara mereka. Wanita itu adalah seorang puteri yang dapat memberi kebahagiaan kepada Freud. Setelah menganalisis mimpi, Freud mendapati akibat pertentangan itu perkara yang di sebaliknya berlaku, kerana ayah

wanita tersebut tidak membantu untuk sesuatu yang diingini (ungkapan Jerman untuk mengatakan “menolong tanpa balasan”). Bermakna, Freud berasa bersalah pada ayah wanita tersebut. Dalam puisi dan retorik ada yang disebut metonimi, merupakan proses penggantian suatu perkara lain dalam situasi yang sama. Misalnya, menyebutkan layar untuk menggambarkan sebuah kapal, dan menyebut sutera bagi menggambarkan kelembutan perwatakan wanita (Shahabudin & Raohizani Yaakob, 2007, p.101).

3. *Sublimasi* adalah mengubah berbagai-bagai-bagai rangsangan yang tidak diterima, seperti dalam bentuk seks, kemarahan atau ketakutan. Helah bela diri ini, ditukar kepada bentuk lain, kepada bentuk-bentuk yang diterima sosial. Dengan kata lain *sublimasi* merupakan cermin keinginan *libido* seksual kepada kegiatan yang secara sosial yang lebih diterima. *Sublimasi* merupakan mekanisme helah bela diri yang sesuai digunakan oleh pengarang, kerana keinginan yang melibatkan seksual berada di luar kawal sosial. Bagi Freud seluruh bentuk tindak balas positif dan kreatif adalah *sublimasi*, terutama *sublimasi* hasrat seksual. Bahasa puisi itu sendiri mengandungi bahasa yang penuh dengan metafora (Shahabudin & Rohizani Yaakob, 2007, p.100).

Teori Psikoanalisis Freud yang digunakan dalam kajian mengandungi perasaan semulajadi, pengalaman, keinginan yang dinyakan melalui mekanisme helah bela diri. Menerusi puisi, penyair Dharmawijaya meluahkan keinginan rasa cinta, kehormatan dan kemasyhuran yang memfokuskan kepada keadaan sekelilingnya melibatkan insan, masyarakat dana lam. Ciri-ciri ini saling memerlukan dan bergabung bagi mencapai kepuasan diri dengan berkarya seperti rajah di bawah:



Rajah 2.4: Proses Analisis Puisi terpilih Dharmawijaya Menggunakan Teori Psikoanalisis Freud

Rajah 2.4, dapat menjelaskan tentang jiwa penyair melalui keadaan dalam diri yang dialami penyair. Maklumat yang diperolehi daripada hasil karya dan dokumen di luar karya, membolehkan hipotesis dibuat bahawa unsur luar yang melibatkan pengalaman sedia ada dan latar belakang pengarang telah mencorakkan hasil karya. Unsur *id*, *ego* dan *superego* yang berada dalam diri setiap insan merupakan perasaan semulajadi yang lahir terhadap sesuatu kejadian merujuk kepada sesuatu yang dilihat, dirasa, disentuh dan didengar melibatkan proses pengalaman. *Id* merupakan keperluan dan keinginan yang wujud dalam naluri manusia. Melalui Teori Psikoanalisis Freud rasa *id* yang wujud dalam diri merupakan perasaan luar kawal yang wujud dalam diri menimbulkan perasaan tertekan. Keinginan *id* menimbulkan rasa seperti suka, marah, sedih, kecewa dan

berbagai-bagai rasa yang ada dalam diri terhadap sesuatu perkara yang dilalui. Konsep *id* yang wujud dalam diri cuba ditenteramkan melalui *ego* dengan berbagai-bagai-bagai cara sehingga dapat menyakinkan *id*. *Superego* menjadi jaringan atau pendinding kepada semua perubahan bagi mencapai tahap kepuasan naluri, segala keinginan yang timbul disesuaikan dengan norma kehidupan ketika itu. Pengalaman sedia ada memainkan peranan penting bagi dijadikan rujukan untuk melahirkan tindakan yang sesuai berdasarkan sosial kehidupan persekitaran ketika itu. Cabang ilmu psikologi melibatkan keinginan rasa cinta, kehormatan dan kemasyhuran, iaitu segala keinginan yang wujud dalam diri penyair disampaikan menggunakan mekanisme helah bela diri *represi*, *sublimasi* dan *pindah gantian* dalam bentuk puisi.

2.4 Pembahagian Bab Analisis

Bab Analisis dalam kajian ini dibahagikan kepada tiga bab, iaitu, menghuraikan kepenyairan Dharmawijaya yang dikaji, iaitu kehidupan Dharmawijaya mulai tahun 1950-an sehingga beliau meninggal dunia pada tahun 2004. Latar kehidupan Dharmawijaya dapat memperlihatkan perjuangan beliau dalam menghasilkan puisi-puisi yang banyak membicarakan tentang peristiwa yang pernah dilalui dan dilihat semasa kecil. Perjuangan terhadap kehidupan golongan petani, buruh dan nelayan miskin diperkatakan oleh penyair dalam bentuk puisi bagi mencapai kepuasan dalam dirinya. Kajian ini penting untuk menjelaskan tentang keinginan dalam diri penyair Dharmawijaya yang disampaikan melalui puisi. Penyair Dharmawijaya melontarkan perasaan, pengalaman dan pemikiran melalui pemilihan perkataan yang mantap dan kreatif. Pengalaman yang pernah dilalui menimbulkan berbagai-bagai keinginan yang disampaikan melalui puisi bagi mencapai kepuasan diri.

2.4.1 Keinginan Rasa cinta

Bab 4, menghuraikan tentang keinginan rasa cinta terhadap insan yang dinyatakan penyair Dharmawijaya yang sukar untuk dihuraikan tanpa menggunakan sebarang konsep atau pendekatan. Oleh yang demikian, Teori Psikoanalisis Freud digunakan bagi menjelaskan konflik yang berlaku dalam diri penyair melibatkan perasaan, pengalaman dan pemikiran. Perkataan cinta, rindu, kasih, sayang, bahagia, bunga dan perkataan lain dapat dikaitkan dengan keinginan rasa cinta dalam puisi. Penghayatan yang mendalam dan mengetahui latar kehidupan penyair Dharmawijaya penting sebelum menganalisis puisi terpilih beliau. Susunan kata yang kreatif berlaku melalui penghayatan dan pengamatan dalam diri penyair terhadap sesuatu peristiwa yang pernah dilalui melibatkan keinginan rasa cinta yang diterjemahkan dalam bentuk puisi. Menurut Dharmawijaya (1988, p.7), keinginan rasa cinta dalam diri penyair diluahkan melalui puisi yang merupakan satu bentuk karya kreatif hasil dari ungkapan kata-kata terbaik dalam susunan yang terbaik berkaitan dengan perasaan.

i. Keinginan Rasa Cinta Terhadap Insan

Masyarakat petani di Kampung Talang tempat lahir penyair mempunyai semangat yang tinggi dan tidak mudah putus asa. Walaupun terpaksa bekerja sebagai seorang pesawah dan pekebun sayur. Puisi “Pintaku Padamu” (Dharmawijaya, 1974, p.1), memperlihatkan penyataan pemikiran penyair Dharmawijaya tentang semangat dan ketentuan kehidupan. Keinginan rasa cinta terhadap insan yang wujud dalam diri menyebabkan penyair cuba menguatkan semangat dalam dirinya dan memberi peransang kepada petani lain agar sentiasa berusaha bersungguh-sungguh untuk berjaya. Pemikiran penyair Dharmawijaya jelas dapat dikaitkan dengan pengalaman hidup yang pernah dilalui bersama keluarganya sebagai petani miskin di kampung kelahirannya berdasarkan puisi yang dihasilkan.

Pintaku Padamu

Kalau esok kasih kita'kan hancur jua
usah ditaburi bumi ini dengan air mata
dunia bukan semata milik orang bercinta
hidup jua bukan semata untuk berlagu kecewa.

di bawah sinar mentari pagi demikian jernihnya
hayunkan gagah langkahmu sepenuh khidmat
usapi kesetiaan hati seluruh umat.

kalau esok jua hidup dijenguk kematian
usah ditangisi sepinya tanah kelahiran
nyanyikan lagu perindu kewajah tuhan
tanda hatimu setia dalam usia pengembaraan

tau-taulah di bintang satu
di hari hidup kita mengejar bahagia dalam sengsara
di hari mati kita mengira pahala dalam doa.

(Dharmawijaya, 1974, p.1)

Persekitaran Kampung Talang yang serba kekurangan, menimbulkan konflik jiwa dalam diri penyair. Keinginan rasa cinta terhadap pekerjaan sebagai petani kampung yang bekerja dengan menggunakan tenaga empat kerat digambarkan penyair dengan bersemangat dan pasrah dengan ketentuan Tuhan. Perasaan semulajadi *id* yang wujud dalam diri telah menimbulkan keinginan rasa cinta terhadap insan dalam diri penyair. Perasaan *ego* penyair digunakan bagi memenuhi kehendak *id* akibat daripada tekanan dalam diri. Dalam hal ini *superego* dapat mengawal tindak balas *ego* untuk mencapai kepuasan dalam diri dengan meluahkan segala keinginan rasa cinta terhadap insan dalam bentuk puisi agar dapat diterima masyarakat. Hidup sebagai petani miskin di Kampung Talang telah menyebabkan penyair mendapat sumber inspirasi untuk berkarya bagi memenuhi keinginan rasa cintanya terhadap insan.

Keinginan yang lahir dalam diri penyair Dharmawijaya digambarkan dengan cabaran ketika bercucuk tanam dan kehidupan yang serba kekurangan dalam bentuk puisinya. Hal ini dapat dilihat melalui baris puisi berikut 'kalau esok jua hidup dijenguk kematian', 'usah ditangisi sepinya tanah kelahiran' baris puisi ini menjelaskan tentang

keinginan rasa cinta yang ada dalam diri penyair berkait dengan petani yang mengalami kesedihan dan rasa sunyi dalam diri. Menurut Haron Daud (2011, p.211), segala unsur yang wujud dalam kehidupan juga menjadi simbol yang berkaitan dengan diri, masyarakat dan alam. Keinginan rasa cinta terhadap insan melibatkan diri penyair sendiri wujud apabila beliau dapat mengamati dan menghayati pergolakan hidup yang pernah dilalui bersama keluarga sebagai anak petani miskin. Konflik dalaman yang dialami oleh penyair melahirkan keinginan rasa cinta terhadap dirinya dan petani lain. Kehidupan penyair juga miskin dan serba kekurangan, ibarat ‘kais pagi’, ‘makan pagi’ menggambarkan kesusahan hidup yang dialami dirinya dan keluarga. Keinginan rasa cinta terhadap insan dalam puisi “Pintaku Padamu”, menyatakan keadaan kesedihan dan kegembiraan bukan dapat dirasai oleh golongan tertentu sahaja. Penyair menjelaskan bahawa keadaan sedih dan gembira dapat juga dirasai oleh semua manusia seperti dalam rangkap pertama puisi ‘dunia bukan semata milik orang bercinta’, ‘hidup juu bukan semata untuk berlagu kecewa’ segalanya terserah kepada takdir.

Perjuangan penyair Dharmawijaya bersama ibu bapanya sebagai petani digambarkan pada baris puisi berikut, ‘di bawah sinar mentari pagi demikian jernihnya’, ‘hayunkan gagah langkahmu sepenuh khidmat’, ‘usapi kesetiaan hati seluruh umat’ baris-baris puisi ini menggambarkan sikap tanggungjawab, keikhlasan dan kesungguhan yang ada dalam diri penyair. Susunan kata yang dibina oleh penyair mengandungi maksud tersirat berlaku ketika penyair menghayati sesuatu peristiwa yang pernah dilalui disampaikan dalam bentuk puisi. Penyair Dharmawijaya menggunakan perkataan ‘jernihnya’ bagi menerangkan sifat jujur dalam diri secara *sublimasi* (*sublimation*) melibatkan tindakan yang sesuai bagi mencapai kepuasan dalam diri penyair untuk menyatakan keinginan rasa cinta terhadap insan secara spontan berkaitan dengan rasa kasih, cinta, kesetiaan dan bahagia diaplikasikan dalam puisi beliau.

Dharmawijaya menggambarkan keinginan rasa cinta terhadap pencipta dan pasrah dengan apa yang telah berlaku. Dharmawijaya secara jelas menyatakan ketakwaan dan sentiasa mengingati Tuhan seperti pada baris puisinya, ‘nyanyikan lagu perindu kewajah tuhan’, ‘tanda hatimu setia dalam usia pengembaraan’, menjelaskan penyair Dharmawijaya sanggup menempuh apa sahaja ketentuan Tuhan. Penyair Dharmawijaya banyak menggunakan perkataan ‘pengembaraan’ dalam baris puisi “Pintaku Padamu” sebagai suatu penegasan. Keadaan ini merujuk kepada usaha meneruskan kehidupan dengan rahmat Tuhan. Unsur peribadi yang terdapat dalam diri penyair, iaitu sebagai seorang yang amat menitikberatkan hubungan kasih sayang antara insan dan Pencipta agar dilimpahi rahmat Allah. Di samping itu, penyair merupakan insan seni yang mampu merakamkan segala peristiwa di sekelilingnya untuk dikaitkan dengan kekuasaan Tuhan dalam bentuk puisi. Keprihatinan atau kepekaan yang ada dalam diri penyair Dharmawijaya membolehkan beliau menghasilkan puisi bagi menzahirkan keinginan rasa cintanya kepada petani dan masyarakat ketika itu.

Keinginan rasa cinta terhadap insan merupakan perasaan semulajadi yang wujud dalam diri seseorang penyair. Puisi yang mengandungi keinginan rasa cinta dapat dikesan menggunakan Teori Psikoanalisis. Melalui puisi “Pintaku Padamu” (1974, p.2) keinginan rasa cinta terhadap insan yang timbul dalam diri telah diterjemahkan oleh penyair dengan memaparkan keakraban hubungan pasangan kekasih dalam menjalani kehidupan. Kesungguhan untuk meneruskan kehidupan dikaitkan dengan keinginan rasa cinta terhadap insan yang dapat dinyatakan oleh penyair pada baris puisi bertajuk “Pintaku Padamu”, iaitu ‘terasa kini hidupmu tenang menunggu’, ‘mesra diusapi angin lautan teduh’ menerangkan kehidupan yang bahagia dan tenang dilalui sepasang kekasih. Hubungan mesra ini dihuraikan dengan lebih jelas pada baris berikutnya ‘sulingkan kasih ke segar bunga kemesraan’ menggambarkan hubungan berkasih-sayang dan mesra yang dilalui. Keinginan rasa cinta yang wujud dalam diri menyebabkan penyair berpuisi

dengan menyusun kata-kata yang indah berkaitan dengan keinginan rasa cinta terhadap insan, iaitu merujuk kepada pasangan bahagia Rus dan Mil. Bidang seni dalam sastera dapat dianggap sebagai satu ekspresi hidup yang penting melibatkan unsur kemanusiaan yang digunakan sebagai alat untuk menyempurnakan kehidupan (Woodberry, George E, 1969, p.1-3). Pengalaman hidup yang pernah dilalui oleh penyair seperti Dharmawijaya memberi kesan emosi dan sekali gus melahirkan baris-baris puisi yang dapat menggambarkan kepenyairannya dan keistimewaan pada puisi yang dihasilkan.

Rumusan yang dapat dinyatakan, analisis terhadap puisi terpilih Dharmawijaya “Pintaku Padamu” yang dilakukan dengan menggunakan disiplin Teori Psikoanalisis Freud didapati keinginan rasa cinta terhadap insan memainkan peranan yang penting bagi memberi kepuasan dalam diri penyair. Mekanisme helah bela diri *sublimasi* digunakan akibat daripada perubahan tingkah laku *superego* yang berlaku dalam diri melibatkan nilai moral yang diterima masyarakat ketika itu. Keinginan rasa cinta terhadap insan merupakan pernyataan perasaan, pengalaman dan pemikiran penyair terhadap insan yang merujuk kepada diri penyair Dharmawijaya. Kajian ini juga dapat menjelaskan tentang perasaan semulajadi *id*, *ego* dan *superego* yang mewujudkan keinginan rasa cinta dalam diri penyair. Keinginan rasa cinta terhadap insan disampaikan dalam melalui puisi bagi mencapai ketenteraman dan kepuasan dalam diri. Melalui puisi penyair Dharmawijaya menyatakan segala keinginan yang terpendam dan tidak dicapai pada ketika itu dalam diri bagi menghilangkan keadaan tekanan yang dialami. Pengalaman yang pernah dilalui itu dimanfaatkan sepenuhnya oleh penyair bagi menghasilkan puisi yang dapat memberi kesan kepada pembaca dan masyarakat pada ketika itu sesuatu peristiwa itu berlaku.

2.4.2 Keinginan Kehormatan

Kajian yang dilakukan terhadap puisi terpilih penyair Dharmawijaya dapat mengenal pasti dan menganalisis keinginan rasa kehormatan terhadap insan, masyarakat dan alam. Teori Psikonalisis Freud banyak membantu dalam proses pengamatan dan penghayatan bagi menghuraikan keinginan kehormatan yang wujud dalam puisi penyair. Perasaan *id*, *ego* dan *superego* dalam diri penyair dipengaruhi oleh pengalaman sedia ada yang menimbulkan keinginan kehormatan. Perubahan tingkah laku superego yang diterima umum disampaikan menggunakan mekanisme helah bela diri dalam puisi bagi mencapai kepuasan.

i. Keinginan Kehormatan Terhadap Masyarakat

Penyair Dharmawijaya menggunakan mekanisme helah bela diri *represi* untuk melontarkan sindiran daripada rasa ketidakpuasaannya kepada pihak tertentu yang tidak bertanggungjawab bagi menghulurkan bantuan kepada golongan petani di kampungnya ketika itu. Bantuan benih, anak padi, baja, tanah dan saliran, bantuan kewangan dan berbagai-bagai-jenis bantuan yang akan disalurkan terus kepada golongan petani hanya tinggal janji. Segala bantuan yang dijanjikan itu tidak pernah diperolehi oleh golongan petani. Pemikiran berkait dengan kekecewaan ini memberikan tekanan kepada penyair. Penyair meluahkan perasaan tertekan yang dialami melalui mekanisme helah bela diri *represi*.

Suara dan Warna

Tapi tilik pandang dunia
Tidak bisa berdusta
Dan masih mau berbicara
Tentang tangis kerabat karibnya
Yang bergelut dengan
Perompak kemanusiaan

(Dharmawijaya, 1974, p.15)

Penyair Dharmawijaya merupakan seorang anak petani yang hidup dalam masyarakat petani miskin di Kampung Talang. Pengalaman mengenai kehidupan petani menimbulkan keinginan rasa kehormatan terhadap masyarakat petani dalam diri Dharmawijaya. Keinginan rasa kehormatan terhadap masyarakat yang wujud dalam diri penyair secara *id* akibat daripada tekanan dalam diri menyebabkan beliau berasa amat tertekan. Penyair meluahkan segala apa yang dirasai menggunakan perasaan *superego* berdasarkan pengalaman yang pernah dilalui dan sesuai dengan persekitaran ketika itu. Penyair Dharmawijaya meluahkan keinginan dirinya sebagai petani dalam bentuk puisi.

Puisi “Suara dan Warna” (1974, p.15) yang dihasilkan penyair Dharmawijaya dipengaruhi dengan pengalaman, emosi dan persekitaran dapat memberi kesan kepada masyarakat dan golongan pembaca yang membaca puisi beliau. Menurut Shaharuddin Maaruf (1994, p.16), sesuatu karya sastera itu dengan serentak mencerminkan nilai yang mendukung penciptaan dan khalayak yang hendak dipengaruhi oleh pencipta. Persoalan yang ditimbulkan oleh penyair dalam puisi ini, meluahkan rasa golongan petani yang telah bosan dengan janji-janji golongan pemimpin dan politik untuk membantu mereka. Penyair melalui puisi “Suara dan Warna”, menjelaskan masyarakat petani merasa tertipu dengan janji dan kata-kata manis untuk membantu oleh individu yang dianggap wakil mereka. Penyair juga merasakan kehormatan golongan petani sering ditekan oleh golongan pemimpin. Nilai kepercayaan dan keyakinan petani yang ada terhadap wakil pemimpin sering dipermainkan oleh golongan berkenaan dan mengamalkan tindakan sambil lewa terhadap golongan petani yang memerlukan pertolongan dan bantuan. Golongan petani sering kali ditipu pihak pengurusan sehingga segala yang dijanjikan oleh kerajaan sebelum ini, tidak pernah diterima pada peringkat bawahannya seperti di kampung-kampung dan pedalaman. Kemajuan dan kekayaan negara yang sering dihebahkan telah disalahgunakan oleh pihak berwajib. Walaupun terdapat bantuan daripada pihak atasan

tetapi, tidak sampai atau diagihkan secara menyeluruh. Penyair mengetengahkan isu ini agar pihak berwajib melakukan perubahan yang baik bagi mendapat pengiktirafan dan penghormatan daripada masyarakat petani kepada mereka dengan menangani permasalahan yang dihadapi oleh golongan petani.

dan dunia setia
manalah bisa tersenyum
kiranya masih jua
anak-anak terjaga malam
kerana dirasuk mimpi
paling ngeri-
bahawa esok
bulannya pecah
dan hatinya berdarah.

(Dharmawijaya, 1974, p.15)

Penyair secara *represi* memberi gambaran sinis berkaitan diksi yang dilaungkan oleh pihak tertentu mengatakan mereka membantu golongan petani adalah tidak benar. Maka dalam konteks pemikiran penyair berpendapat terlalu banyak penipuan yang dilakukan terhadap golongan petani miskin yang memerlukan pertolongan dan bantuan kewangan. Sikap golongan pengurusan yang tidak menjalankan amanah dan ditambah lagi keadaan dengan aktiviti penyelewengan dan rasuah memberi kesan yang besar terhadap kehidupan petani. Contohnya penjualan tanah-tanah pertanian rizab bumiputera kepada bukan bumiputera, monopoli syarikat tertentu menjadi orang tengah membeli hasil pertanian dan sistem ekonomi kapitalis yang menghimpit petani dan pekebun kecil. Secara tidak langsung nilai hormat yang ada dalam diri masyarakat petani terhadap pihak pemimpin semakin hilang dan masyarakat berpendapat petani terdiri daripada masyarakat yang mundur. Penyair Dharmawijaya begitu gigih memperkatakan tentang kesempitan hidup yang dihadapi masyarakat kampung kelahirannya. Puisi yang dihasilkan mengandungi pengalaman dan pemikiran yang terarah dalam memperjuangkan nasib kehidupan petani. Mekanisme helah bela diri represi digunakan untuk menyatakan

perasaan terpendam yang diluahkan dengan ikhlas tanpa sebarang kepentingan diri merujuk kepada keinginan dalam diri.

Kajian berkaitan keinginan rasa kehormatan terhadap masyarakat dapat memberi maklumat kepada khalayak berkaitan perasaan dan pemikiran penyair. Keinginan dalam diri disampaikan melalui perubahan tingkah laku yang dikawal oleh *superego* bagi mencapai keinginan dalam diri yang wujud akibat daripada perasaan tertekan yang dialami. Kemahiran penyair Dharmawijaya dalam menyampaikan keinginan dalam bentuk puisi kepada masyarakat dapat membuka minda khalayak dan pengkaji lain.

2.4.3 Keinginan Kemasyhuran

Keinginan rasa kemasyhuran dapat dianalisis dalam puisi terpilih Dharmawijaya bertajuk “Yang Tumpah Yang Mengalir” (Dharmawijaya, 1974, p.37). Penyair Dharmawijaya mengangkat taraf kehidupan golongan petani di Kampung Talang tempat kelahirannya melalui puisi. Mekanisme helah bela diri *sublimasi* dan *pindah gantian* digunakan bagi menyampaikan keinginan penyair dalam bentuk puisi.

i. Keinginan Kemasyhuran Terhadap Alam

Penyair Dharmawijaya menggambarkan kemasyhuran pejuang-pejuang kemerdekaan negara melalui perjuangan yang telah dilakukan oleh mereka demi menuntut kebebasan negara pada suatu ketika dahulu dalam puisi bertajuk “Yang Tumpah Yang Mengalir” (1974, p.37). Keinginan rasa kemasyhuran terhadap tanah air telah wujud dalam diri setiap rakyat khususnya para pejuang kemerdekaan. Melalui puisi penyair menggambarkan suasana ketika pengumuman tentang kebebasan negara diumumkan. Penyair Dharmawijaya menggunakan mekanisme helah bela diri *represi* bagi menggambarkan suasana gembira petani pada ketika itu seperti baris puisi ‘pagi ini’, ‘di

bawah jernih mentari’, ‘telah datang’, ‘bagai ditatang’. Hari penghargaan kepada perjuangan perwira bangsa yang berkorban menuntut kemerdekaan, hari kemenangan, hari lambang kecintaan bangsa, hari yang wujud hasil dari penat lelah namanya perjuangan, hari yang hadir hasil wujudnya cita dan cinta, hari yang dicari dengan gigih dan membara.

Yang Tumpah Yang Mengalir

I

Pagi ini
di bawah jernih mentari
telah datang
bagai ditatang
hari kemenangan bangsa
hari kecintaan tanahair
atas nama kemerdekaan
wujud dalam keagungan
dari kudrat perjuangan
cita dan cinta
yang gigih dan membara.

ii

maka hari ini
dari dulang hati
aku dan kalian
dalam menjunjung titah
bergemalah keluhuran sumpah –
“ berkat keramat bumi dipijak
berkat tuah langit dijunjung
setia kami berpaling tidak
meski derita melanda jantung”.

(Dharmawijaya, 1974, p.37)

Menerusi bahagian kedua puisi ini, penyair Dharmawijaya menyampaikan keinginan kemasyhuran terhadap alam melibatkan perasaan cinta pada negara yang ada dalam masyarakat ketika itu. Sikap setia dan rela berbakti demi menjaga keamanan menjadi jati diri masyarakat Melayu pada ketika itu. Nilai ketaatan dan kesetiaan digambarkan dalam baris puisi berikut ‘dalam menjunjung titah’, ‘bergemalah keluhuran

sumpah'. Tekanan perasaan yang ada dalam diri keinginan rasa kemasyhuran terhadap alam menyebabkan berlaku perubahan tingkah laku melibatkan pengalaman pernah dilalui. Menurut A. Karim Haji Abdullah (1991, p.237), pengalaman-pengalaman hidup kita di sesuatu tempat, dalam satu-satu keadaan pada satu saat-saat tertentu membentuk dan mempengaruhi jalan fikiran dan sikap kita. Kalau diteliti, perasaan adalah pasangan dan kembar kepada fikiran. Menurutnya lagi, kita tidak boleh memisahkan fikiran daripada perasaan kerana kedua-duanya saling mendorong, saling mempengaruhi dan saling membentuk antara satu sama lain mengaitkan perasaan ini dengan perasaan semulajadi dalam diri *id* disesuaikan dengan penghasilan puisi. Mekanisme helah bela diri *represi* digunakan oleh penyair bagi menyatakan tentang perasaan terpendam dalam diri beliau sebagaimana dalam baris puisi berikut, ‘maka hari ini’, ‘dari dulang hati’, ‘aku dan kalian’. Baris puisi ini, menggambarkan semangat nasionalisme dan perpaduan yang wujud dalam diri penyair dan masyarakat amat kuat pada ketika itu.

Mekanisme helah bela diri *pindah gantian* turut digunakan menerusi rangkap puisi, ‘dalam menjunjung titah’, ‘bergemalah keluhuran sumpah’, ‘berkat keramat bumi dipijak’, ‘berkat tuah langit dijunjung’. Pemikiran yang ikhlas dan jujur digunakan bagi menggambarkan kekuasaan Tuhan disampaikan oleh penyair Dharmawijaya dikaitkan dengan rahmat kehidupan masyarakat petani yang dapat melangsungkan kehidupan bertani di sawah dan kebun untuk memenuhi permintaan masyarakat. Kegiatan bertani sudah menjadi darah daging dalam diri mereka dan mereka terus menjalankan aktiviti tersebut sepanjang hayat.

Puisi ini juga menjelaskan tentang semangat rakyat Malaysia yang sepenuh hati menjulang martabat negara setelah negara bebas daripada cengkaman penjajah. Penyair menyatakan bahawa kuasa yang ada sekarang perlu dipertahankan bagi menyambung

perjuangan terdahulu. Namun ada waktunya kuasa tidak patut digunakan dan kita perlu mengalah, menahan perasaan dan cuba bertindak secara bijaksana. Keinginan rasa kemasyhuran terhadap negara turut menyebabkan penyair Dharmawijaya menggunakan mekanisme helah bela diri *represi* bagi menyatakan keinginan yang terpendamnya tanpa dipengaruhi oleh perasaan dendam atau malu dalam menghasilkan baris puisi berikut, ‘setia kami berpaling tidak’, ‘meski derita melanda jantung’, yang menggambarkan perasaan taat setia terhadap negara sanggup menghadapi pelbagai cabaran yang melanda demi menjaga keamanan negara yang tercinta.

Kajian ini dapat memberi maklumat kepada khalayak berkaitan pemikiran penyair Dharmawijaya melibatkan keinginan rasa kemasyhuran. Penyair Dharmawijaya melalui puisinya menggambarkan keadaan kehidupan petani dan persekitarannya masyarakat pada zaman itu. Perasaan dalaman yang melibatkan interaksi antara *id*, *ego* dan *superego* telah mewujudkan keinginan rasa kemasyhuran dalam diri. Aspek *libido* melibatkan perasaan, pengalaman dan pemikiran yang wujud dalam diri penyair dan seterusnya melahirkan keinginan-keinginan tertentu. Tekanan yang dialami menyebabkan penyair mencari ruang yang sesuai bagi meluahkannya. Mekanisme helah bela diri digunakan oleh penyair bagi melegakan perasaan dalaman yang dihadapinya. Puisi merupakan wadah yang sesuai dan diterima oleh masyarakat.

2.5 Rumusan

Teori Psikoanalisis yang diperkenalkan oleh tokoh ilmuan barat, iaitu Sigmund Freud memberi penekanan melibatkan kehendak peribadi, kreatif, bidang ilmu dan pembaca.

Latar belakang pengarang dan penciptaan bahan sastera dijadikan aspek utama dalam menilai hasil karya. Teori Psikoanalisis merupakan ilmu sastera yang melibatkan kaedah dan peraturan yang perlu diterapkan dalam sesebuah karya yang dikaji. Teori Psikoanalisis Freud dapat digunakan untuk menilai karya dan keinginan yang ingin disampaikan penyair melalui puisi yang dihasilkan. Keinginan-keinginan dan mekanisme helah bela diri dalam puisi yang dikaji memperlihatkan pemikiran, perasaan dalaman dan pengalaman penyair. Teori Psikoanalisis Freud dapat membicarakan tentang maksud sebenar hasil puisi berdasarkan pengalaman yang pernah dilalui dan persekitaran ketika itu. Objek-objek yang ada di persekitaran digunakan sebagai mekanisme helah bela diri *represi*, *sublimasi* dan *pindah gantian*. Kaedah yang digunakan dikaitkan dengan cara menganalisis puisi berdasarkan perasaan, pengalaman dan pemikiran. Pendekatan yang diaplikasikan menjadi pelengkap kepada pengkaedahan yang menjadi prinsip kajian terhadap puisi terpilih Dharmawijaya bagi mengesan konsep keinginan dan mekanisme helah bela diri. Teori Psikoanalisis yang diperkenalkan oleh tokoh ilmuan barat, Sigmund Freud memberi penekanan melibatkan pengarang (peribadi), kreativiti, bidang ilmu dan pembaca. Latar belakang pengarang dan penciptaan bahan sastera dijadikan aspek utama dalam menilai hasil karya. Penyair mengalami pergolakan jiwa dan menyampaikan segala keinginannya dalam bentuk karya sastera bagi mencapai kepuasan diri. Namun penyair tidak hanya mencatat tentang perasaan dalaman sahaja, tetapi turut menyatakan segala perkara berkaitan yang pernah dilaluinya.

BAB 3: KEINGINAN RASA CINTA

3.1 Pendahuluan

Dalam bab ini, analisis dan perbincangan dilakukan terhadap puisi terpilih Dharmawijaya untuk mengesan keinginan rasa cinta terhadap insan, masyarakat dan alam. Kajian dilakukan bertujuan bagi mengkaji keinginan rasa cinta yang berlaku secara bawah sedar ketika puisi dihasilkan oleh Dharmawijaya. Freud (1922, p.1) menyatakan *in one class of cases being in love is nothing more than object-cathexis on the part of the sexual instincts with a view to directly sexual satisfaction, a cathexis which expires, moreover, when this aim has been reached; this is what is called common, sensual love.* Freud menerangkan cinta adalah tidak lebih daripada keinginan yang wujud dalam naluri seksual dengan tujuan untuk kepuasan dan keinginan akan tamat, apabila matlamat rasa cinta telah tercapai. Sementara itu, Paul C. Vitz (1962, p.384) pula menjelaskan keinginan-keinginan merujuk kepada pengalaman penyair berhubung dengan perasaan dan pengalaman. Segala keinginan lahir daripada pengalaman dan peristiwa yang pernah dilalui oleh penyair dan diluahkan dalam bentuk lain.

Selain itu, Susilawati Kamaruzzaman (Temu bual, Julai 7, 2015) menyatakan Dharmawijaya berkeinginan menyampaikan rasa kecintaannya dan juga pengalaman hidupnya yang lebih terarah kepada dirinya, masyarakat dan alam yang pernah dilalui semasa beliau kecil dengan menggunakan bahasa yang selalu digunakan oleh masyarakat di kampung halamannya yang mudah difahami. Menurut A. Wahab Ali (2000, p.31), hasil karya seni berbentuk puisi mengandungi makna dan mesej tertentu yang ingin disampaikan oleh penyair secara halus dan kreatif. Oleh itu, berdasarkan analisis yang telah dilakukan, didapati bahawa penyair Dharmawijaya menghasilkan puisi dengan

menggunakan unsur bahasa yang baik, iaitu menggunakan susunan kata yang ringkas dan mudah difahami, namun mengandungi pemilihan kata yang kreatif. Unsur bahasa ini merupakan medium utama dalam penghasilan sesuatu puisi. Tanpa bahasa yang baik, tidak mungkin sesuatu puisi itu dapat dihasilkan dengan baik. Bahasa juga mempunyai perkaitan dengan gaya pengucapan seorang penyair atau pengarang yang dinamakan sebagai gaya bahasa. Menurut Paul Valery (1972, p.63), untuk menghasilkan sesuatu gubahan yang cantik dan berseri, tentu sekali kepelbagaian unsur yang digunakan dan salah satu unsur tersebut adalah bahasa. Penyair tidak dapat membuat pilihan untuk memilih kata-kata yang kreatif bagi menyampaikan maksud tertentu yang mengandungi perasaan, pengalaman dan pemikiran tanpa unsur bahasa. Kata-kata yang dipilih ini pula mampu menimbulkan kesan kepada khalayak berdasarkan kepada tanggapan dan interpretasi masing-masing.

Mekanisme helah bela diri yang melibatkan insan, masyarakat dan alam diberi penekanan terhadap puisi terpilih yang dianalisis. Menurut Harun Daud (2011, p.210-211) unsur kemanusiaan dari perspektif Islam merujuk kepada sebaik-baik kejadian yang berpasang-pasangan mempunyai naluri berkait dengan keinginan yang wujud dalam diri. Beliau juga menjelaskan bahawa Allah mencipta manusia dengan sifat yang sempurna termasuk nafsu dan keinginan. Melalui keinginan rasa cinta yang wujud dalam diri, maka tercipta daya kreatif dalam jiwa seperti penyair Dharmawijaya yang dapat menyatakan keinginan dalam diri yang disalurkan menggunakan mekanisme helah bela diri melalui puisi. Pemikiran yang disampaikan bertujuan bagi memenuhi keinginan penyair melibatkan susunan kata dalam bentuk puisi bagi memperlihatkan keinginan rasa cinta penyair.

Penyair Dharmawijaya dapat menyusun kata-kata untuk memperlihatkan keinginan rasa cinta dalam keseluruhan puisi terpilih yang dihasilkan. Unsur cinta amat dominan bagi puisi-puisi terpilih Dharmawijaya dalam memperlihatkan keinginan rasa cinta terhadap insan, masyarakat dan alam. Keinginan rasa cinta yang diterjemah banyak menggunakan mekanisme helah bela diri *represi*, *sublimasi* dan *pindah gantian* berkaitan dengan unsur-unsur atau objek yang ada di persekitarannya yang menggambarkan keindahan seperti sungai, bulan, bukit, haiwan atau tumbuhan. Menurut Haron Daud (2011, p.211), unsur-unsur alam bukan sahaja dilihat sebagai unsur atau objek yang ada di sekeliling mereka sahaja, unsur-unsur alam itu juga menjadi simbol yang berkaitan dengan insan, masyarakat dan alam. Tiga unsur cinta paling rapat dengan kehidupan penyair, iaitu insan, masyarakat dan alam merupakan keinginan rasa cinta yang ada dalam diri penyair yang diluahkan dalam bentuk puisi. Keinginan rasa cinta yang digambarkan dalam puisi amat sinonim dengan kehidupan masyarakat petani di kampung kelahirannya bagi menerangkan tentang keinginan rasa cinta dalam diri penyair pada ketika menjadi anak seorang petani.

Puisi-puisi terpilih Dharmawijaya yang dianalisis dapat menjelaskan bagaimana penyair memanfaatkan medium puisi untuk menyampaikan pemikirannya tentang keinginan rasa cinta terhadap insan, masyarakat dan alam. Interaksi antara *id*, *ego* dan *superego* yang wujud dalam diri penyair bertujuan bagi mencapai kepuasan diri dengan cara merealisasikan keinginan-keinginan penyair melalui puisi yang dihasilkannya. Mekanisme helah bela diri *represi*, *sublimasi* dan *pindah gantian* digunakan bertujuan bagi mententeramkan tekanan dalam diri penyair. *Superego* yang terdapat dalam diri penyair Dharmawijaya dikawal dengan tertakluk kepada rasional, moral dan spiritual dengan kehidupan manusia ketika itu. Penyair Dharmawijaya menghasilkan puisi bertujuan bagi mendapat kepuasan jiwa yang berkeinginan kepada rasa cinta terhadap

insan, masyarakat dan alam. Puisi-puisi terpilih Dharmawijaya mengandungi mesej-mesej tersurat dan tersirat yang memberi manfaat kepada masyarakat di sekelilingnya pada ketika itu. Oleh itu, dalam bab ini, analisis dijalankan bagi merungkai keinginan rasa cinta terhadap insan, masyarakat dan alam. Dharmawijaya menjelaskan maksud pemikiran dengan binaan mesej yang melebihi makna bahasa sebagai alat komunikasi dalam kehidupan bagi memenuhi keinginan-keinginannya.

3.2 Keinginan Rasa Cinta dalam Puisi Terpilih Dharmawijaya

Keinginan rasa cinta yang wujud dalam puisi terpilih penyair Dharmawijaya mempunyai hubungan secara pragmatis, iaitu saling berhubungan untuk memenuhi keperluan hidup. Manusia memerlukan sesuatu yang terbaik bagi mencapai kepuasan hidup. Dalam kajian ini, nilai keinginan rasa cinta dibahagi kepada tiga, iaitu terhadap insan, masyarakat dan alam seperti yang disenaraikan dalam Jadual 3.1 (muka surat sebelah). Analisis terhadap puisi terpilih Dharmawijaya dilakukan menggunakan Teori Psikoanalisis Freud bagi memperlihatkan hubungan jiwa penyair melibatkan perasaan, pengalaman dan pemikiran penyair untuk menyatakan keinginan rasa cinta yang wujud dalam dirinya. Perubahan tingkah laku yang berlaku timbul bertujuan untuk memenuhi keinginan dalam diri penyair bagi mencapai kepuasan diri. Interaksi *id*, *ego* dan *superego* dan dalam diri penyair disampaikan menggunakan mekanisme helah bela diri dalam bentuk puisi. Jiwa penyair Dharmawijaya sudah sebatи dengan kehidupan petani menyebabkan pemikiran dan kepenyairannya dipengaruhi oleh keadaan di persekitarannya. *Id* merupakan perasaan semulajadi dalam diri yang lahir akibat daripada rangsangan luaran yang mewujudkan perasaan tertekan dan keinginan dalam diri penyair. Peranan *ego* yang wujud dalam diri cuba memenuhi keinginan *id* dengan pelbagai tindakan liar yang di luar kawal. Sementara

itu, *superego* pula bertindak untuk mengawal tingkah laku *ego* dengan cara yang terbaik dan diterima oleh masyarakat pada ketika itu. Interaksi perasaan semulajadi yang wujud dalam diri penyair Dharmawijaya disampaikan menggunakan mekanisme helah bela diri *represi*, *sublimasi* dan *pindah gantian* bagi mencapai kepuasan dalam diri melalui puisi yang dihasilkan.

“...penglibatannya yang berterusan selama lebih empat dekad dalam bidang puisi` adalah tanda kegigihan dan daya kreativitinya yang tajam sebagai seorang penyair. Kehidupan masyarakat setempat, keindahan alam sekeliling, dan rasa cintakan desa, tempat kelahirannya menjadi sebahagian pemikiran puisi-puisinya yang tercipta sejak awal 1960-an lagi. Sebuah sajaknya yang cukup popular tentang desa ialah “Kampung Talang” – desanya yang terbiar beberapa waktu sebelum negara merdeka. Hal ini diungkapkan Dharmawijaya dengan penuh keterharuan dan melankolik”.

(A.Rahim Abdullah, 2007, p.307-308)

Dharmawijaya menggambarkan hubungan konflik dalam diri dengan keinginan rasa cinta yang disalurkan menggunakan mekanisme helah bela diri menjadi faktor utama merangsang penyair berpuisi. Keadaan tertekan yang dialami oleh penyair menimbulkan daya kreatif dalam diri yang disalurkan melalui puisi untuk mententeramkan diri dan mencapai kepuasan yang diinginkan. Melalui Jadual 3.1 (dimuka surat sebelah), analisis yang mendalam dan kefahaman terhadap puisi terpilih Dharmawijaya dapat menjelaskan hubungan yang rapat dengan pengalaman yang pernah dilalui sehingga ideanya dapat mencerminkan perasaan, pengalaman dan pemikiran penyair. Penyair meluahkan keinginan dirinya melibatkan suara hatinya secara terbuka khususnya tentang dirinya sendiri dan sedikit tentang manusia lain. Tidak mudah untuk mencari dan memahami pemikiran Dharmawijaya dalam puisi terpilih ini, kerana penyair terlalu menggunakan kata-kata yang diselit dengan metafora dan personifikasi.

Bil	Tajuk Puisi	Tarikh Puisi Dihasilkan	Unsur Cinta	Keinginan Rasa Cinta
WARNA MAYA				
1.	Pintuku Padamu	12 April 1963	kasih, bercinta, kesetiaan, perindu, bahagia	Insan
2.	Doa Pengantin	10 Mei 1963	mesra, kasih, setia	Insan
3.	Sayang yang Berlabuh	12 Ogos 1964	rindu, kasih, kesetiaan, cinta, erat, sayang	Insan
4.	Debaran	21 September 1964	rindu, sayang, setia, cinta	Alam
5.	Duhai Hati	27 November 1964	sayang, cinta, hati	Insan
6.	Tiga Ballada	30 November 1964	kekasih, kesetiaan, bahagia, sayang, setiamu	Insan
7.	Dari Lebaran ke Lebaran	01 April 1965	rindu, kasih, sayang, manja	Insan
8.	Berlagu Bimbang Bersama Sayang	11 Julai 1965	sayang, cintanya, mesra	Masyarakat
9.	Desaku	04 Jan 1966	kekasihku, perindu, bahagia	Alam
10.	Sayang Disayang	12 Mac 1967	sayang, kekasihku	Insan
11.	Kampung Talang	05 Jun 1967	kusayang, kasihmu, tercinta, kekasihku	Masyarakat
12.	Anakku Sayang	16 Nov 1967	timang, sayang, ditatang, setia, cinta	Insan
13.	Dengan Citawaja	28 Jun 1970	citawaja, rindu, hati	Masyarakat
14.	Mimpi yang Rela	21 Jun 1971	cita, berkasih, hati, bahagia,	Insan
15.	Sabda Cinta	28 Januari 1977	cinta, mesra, kesetiaan,	Insan
16.	Lagu Cinta Anak Peribumi	6 Jun 1973	budi, setia, cinta, mencium	Alam
DERITA BUANA				
17.	Di sini Berawal Berakhirnya	21 April 1974	cinta, manja, mesra, setia	Insan
18.	Beginilah	06 Julai 1976	kenangan, bunga	Insan
19.	Segalanya Padamu Ibunda	31 Ogos 1979	Merindui	Insan
20.	Risau Perantau	23 Jun 1980	Cinta	Insan
21.	Di rumah Cinta	31 Disember 1990	cinta, keagungan, setia, rindu	Alam
JEJAK KEMBARA				
22.	Di Bayanganmu	31 Januari 1995	kasih, budiman,	Alam

Jadual 3.1: Keinginan Rasa Cinta dalam puisi terpilih Dharmawijaya

3.3 Keinginan Rasa Cinta Terhadap Insan

Puisi-puisi terpilih Dharmawijaya yang dikaji mengandungi keinginan-keinginan yang tersurat dan tersirat berkaitan keinginan rasa cinta terhadap insan. Segala keinginan yang

belum dapat dicapai oleh penyair Dharmawijaya mempengaruhi keadaan dirinya dan seterusnya penyair menggunakan mekanisme helah bela diri bagi menyampaikan keinginan dalam bentuk puisi bagi melegakan tekanan dan kerisauan yang dialami. Masyarakat petani mengamalkan cara hidup saling bantu-membantu antara satu sama lain bagi menjalankan kerja sehari-hari mereka. Setiap manusia ciptaan Allah dianugerahkan dengan perasaan dan naluri kasih sayang untuk dimanfaatkan dalam kehidupan sejagat. Keinginan rasa cinta yang digambarkan penyair Dharmawijaya dalam puisinya menggunakan mekanisme helah bela bagi menggambarkan keinginan rasa cinta dalam diri. Unsur-unsur persekitaran seperti pokok, bunga, embun, laut, ombak, hujan, bulan, dan angin mempunyai perkaitan dengan apa yang ingin disampaikan. Hakikat ini jelas digambarkan dalam surah (*Surah An-Nahl*, ayat 72), “Dan Allah menjadikan bagi kamu dari diri kamu sendiri pasangan-pasangan (isteri), dan dijadikan bagi kamu dari kamu dari pasangan kamu: anak-anak dan cucu-cicit, serta dikurniakan kepada kamu dari benda-benda yang baik dan halal”. Berdasarkan petikan daripada *Surah An-Nahl*, ayat 72. tersebut, gambaran tentang keinginan rasa cinta terhadap insan, masyarakat dan alam dinyatakan dengan jelas. Tuhan menyeru umat-Nya supaya saling cinta-mencintai antara satu sama lain dengan segala yang diciptakan-Nya.

Keindahan kehidupan ciptaan Tuhan amat sempurna meliputi semua makhluk yang bernyawa dan tidak bernyawa pada setiap kejadian yang diciptakan-Nya. Manusia, haiwan, tumbuh-tumbuhan dan objek lain diwujudkan dengan tujuan untuk melengkapi kehidupan makhluk-Nya. Oleh yang demikian, penyair Dharmawijaya memperlihatkan masyarakat seperti petani di kampungnya perlu memanfaatkan ciptaan Tuhan, iaitu tumbuh-tumbuhan dan kehidupan lain untuk meneruskan kehidupan mereka. Di samping itu, manusia sebagai hamba-Nya perlu memanfaatkan segala yang dikurniakan Tuhan dengan cara terbaik dan tidak menyalahi hukum agama dan melakukan pembaziran.

Keinginan rasa cinta terhadap insan menjadi sebahagian daripada keperluan dalam kehidupan setiap manusia. Keinginan ini merupakan perasaan naluri yang lahir dalam jiwa secara semulajadi atau fitrah dan merupakan naluri yang berhubung dengan *id*, *ego* dan *superego*. Menurut Susilawati Kamaruzzaman (Temu bual, Julai 7, 2015), bagi penyair Dharmawijaya keinginan rasa cinta yang dialaminya turut dijadikan sebagai bahan untuk menceritakan tentang kehidupannya dan masyarakat di Kampung Talang. Hal ini menyebabkan beliau begitu prihatin terhadap persekitaran dan peristiwa yang berlaku di sekelilingnya pada ketika itu. Keinginan rasa cinta terhadap insan seperti kekasih, ibu bapa dan individu tertentu seperti petani digambarkan melalui puisinya. Penyair turut menggunakan mekanisme helah bela diri untuk melegakan konflik dalam diri yang dihadapinya melalui puisi.

Mekanisme helah bela diri yang digunakan berulang kali oleh penyair dalam puisi terpilihnya berbentuk *represi*, *sublimasi* atau *pindah gantian* melibatkan unsur alam dan persekitaran seperti sawah, padi, sungai, ikan dan tumbuhan-tumbuhan di sekitarnya yang digarap dalam puisi terpilih yang dihasilkan. Puisi terpilih yang dihasilkan penyair Dharmawijaya, mengandungi maksud perkataan dan susunan kata yang biasa digunakan oleh masyarakat di sekelilingnya pada ketika itu. Keinginan rasa cinta dalam diri penyair wujud dengan ikhlas, jelas dan penuh bermakna bagi menerangkan tentang kemiskinan dan kesusahan yang pernah dilaluinya sebagai petani. Petani diibaratkan sebagai golongan yang sentiasa mengalami kesusahan hidup akibat daripada sikap pihak tidak bertanggungjawab, keadaan cuaca dan penyakit pokok pada ketika itu.

Manusia tidak dapat dipisahkan dengan rasa cinta terhadap insan lain yang merupakan suatu fitrah dalam kehidupan. Keinginan rasa cinta yang wujud dalam diri dikongsi bersama dengan melakukan pelbagai pekerjaan dan aktiviti bagi mencapai

kehidupan yang bahagia. Keinginan rasa cinta terhadap insan wujud dalam diri penyair dapat memperlihatkan sikap kebertanggungjawaban kepada setiap insan terutama masyarakat petani yang bekerja bersungguh-sungguh demi masa berdepan mereka. Keinginan rasa cinta melibatkan persoalan kehidupan yang memerlukan kekuatan spiritual dalam diri. Anak perempuan penyair Susilawati Kamaruzzaman (Temu bual , Julai 7, 2015) menjelaskan keinginan rasa cinta yang ada dalam diri ayahnya tidak boleh dipisahkan dalam penghasilan puisinya. Penyair Dharmawijaya menghasilkan puisi untuk meluahkan segala keinginan yang tidak dapat dicapai pada ketika itu dan disampai akan dalam bentuk puisi yang diterima oleh khalayak tentang kehidupan masyarakat petani, nelayan dan buruh.

Hasil puisi yang mengisahkan tentang kehidupan insan dalam bentuk seni mementingkan penggunaan dan penyusunan kata yang berkaitan dengan keinginan penyair. Melalui kajian yang dilakukan puisi dapat memperlihatkan *world view* sesebuah masyarakat. Puisi terpilih Dharmawijaya mewakili kehidupan dalam ukuran sosial budaya sebenar. Sesuatu bentuk seni mempunyai nilai tertentu seperti cinta, kehormatan dan kemasyhuran yang sempurna pada bentuk dan isinya. Apabila berhadapan dengan sesuatu hasil seni seperti puisi, cerpen atau novel, keinginan rasa cinta yang wujud dalam diri mempunyai perkaitan yang rapat dengan kehidupan masyarakat di sekeliling penyair merujuk kepada pengalaman yang pernah dilalui.

Puisi-puisi terpilih Dharmawijaya yang dianalisis menggunakan Teori Psikoanalisis Freud untuk menghuraikan keinginan rasa cinta terhadap insan dengan lebih teratur dan rasional. Ramli @ Sahari Isin (1989, p.116) menerangkan bahawa masyarakat tinggal secara tetap di suatu kawasan dan menjalankan cara hidup yang sama sehari-hari dapat membentuk serta membina tatacara dan sistem hidup yang teratur. Masyarakat petani yang terdiri daripada pesawah, pekebun sayur, penternak dan penangkap ikan

menjadi objek utama dalam puisi terpilih yang dihasilkan oleh penyair Dharmawijaya untuk menggambarkan rasa cinta dalam diri. Kesungguhan golongan petani mencari rezeki dalam kehidupan mereka menjadi sumber ilham bagi penyair untuk menghasilkan puisi.

Puisi terpilih yang dihasilkan oleh penyair Dharmawijaya bukan sahaja bertujuan untuk merakam pengalaman hidup tetapi juga merupakan pernyataan diri yang dapat mengurangkan konflik jiwa yang dialami oleh penyair. Puisi terpilih penyair Dharmawijaya yang dianalisis dapat menyatakan keinginan rasa cinta dalam diri penyair terhadap insan seperti kekasih, ibu bapa dan keluarga. Keinginan rasa cinta terhadap insan yang terpendam dalam diri penyair diabadikan dalam bentuk puisi bagi meredakan konflik jiwa yang dialami. Pengisian puisi merupakan pengalaman lepas yang pernah dilalui dan dizahirkan oleh penyair bagi mencapai kepuasan diri. Bersesuaian dengan kenyataan oleh Zakaria Osman (1997, p.290) yang menjelaskan bahawa setiap peristiwa itu bukan sekadar satu kejadian yang berlaku dalam lipatan sejarah kehidupan manusia tetapi meninggalkan kesan yang berupa pancaran emosi sama ada rasa simpati, rasa terhiris yang menyayatkan, rasa ghairah yang menyeronokkan, rasa dendam, rasa marah dan rasa cinta yang menyenangkan. Pengalaman yang dilalui melahirkan rasa yang terpancar daripada emosi individu yang mengalami dan yang mengamatinya.

Keinginan rasa cinta terhadap insan yang dinyatakan oleh penyair Dharmawijaya sukar untuk diuraikan tanpa menggunakan sebarang konsep atau pendekatan. Oleh yang demikian Teori Psikoanalisis Freud digunakan bagi menjelaskan keinginan rasa cinta yang berlaku dalam diri penyair semasa berkarya. Perkataan cinta, rindu, kasih, sayang, bahagia, bunga dan perkataan lain dapat memperlihatkan keinginan rasa cinta yang ingin disampaikan oleh penyair Dharmawijaya. Puisi penyair Dharmawijaya tidak dapat

dihuraikan tanpa pemahaman dan penghayatan yang mendalam berkaitan tentang latar kehidupan penyair dan puisi yang dihasilkannya. Menurut Dharmawijaya (1988, p.7), rasa cinta dalam diri penyair diluahkan melalui puisi yang merupakan satu bentuk karya kreatif hasil daripada ungkapan kata-kata terbaik dalam susunan yang terbaik. Susunan kata-kata yang puitis terungkap dalam puisi melalui penghayatan yang berlaku dalam diri terhadap sesuatu peristiwa yang pernah dilalui oleh penyair melibatkan rasa cinta yang diterjemahkan dalam bentuk puisi.

Masyarakat petani di Kampung Talang tempat kelahiran penyair mempunyai semangat yang tinggi dan tidak mudah berputus asa dalam meneruskan kehidupan yang penuh dengan cabaran. Walaupun terpaksa bekerja sebagai seorang pesawah dan pekebun sayur. Puisi “Pintaku Padamu” (Dharmawijaya, 1974, p.1), menggambarkan bagaimana penyair Dharmawijaya menyatakan tentang semangat kuat berusaha dalam kalangan petani dalam menentukan kehidupan mereka di kampung. Semangat kuat berusaha masyarakat petani di kampungnya melahirkan keinginan rasa cinta terhadap insan yang wujud dalam diri penyair menyebabkan penyair lebih bersemangat dan bersungguh-sungguh untuk terus berusaha sehingga berjaya membantu ibu dan ayahnya. Menurut Susilawati Kamaruzzaman (Temu bual, Julai 7, 2015) pemikiran penyair Dharmawijaya jelas dapat dikaitkan dengan pengalaman hidup yang pernah dilalui bersama keluarganya sebagai petani miskin di kampung kelahirannya suatu ketika dahulu.

Pintaku Padamu

Kalau esok kasih kita’kan hancur jua
usah ditaburi bumi ini dengan air mata
dunia bukan semata milik orang bercinta
hidup jua bukan semata untuk berlagu kecewa.

di bawah sinar mentari pagi demikian jernihnya
hayunkan gagah langkahmu sepenuh khidmat
usapi kesetiaan hati seluruh umat.

kalau esok jua hidup dijenguk kematian

usah ditangisi sepinya tanah kelahiran
nyanyikan lagu perindu kewajah tuhan
tanda hatimu setia dalam usia pengembaraan

tau-taulah di bintang satu
di hari hidup kita mengejar bahagia dalam sengsara
di hari mati kita mengira pahala dalam doa.

(Dharmawijaya, 1974, p.1)

Melalui puisi yang dihasilkan oleh penyair Dharmawijaya yang menggambarkan persekitaran kampung halamannya yang hidup serba kekurangan telah menyebabkan timbulnya konflik dalaman dalam diri penyair menyebabkan beliau meluahkan keinginan rasa cinta terhadap petani dengan lebih bersemangat dan pasrah dengan ketentuan Tuhan bagi melegakan perasaannya. Interaksi *id*, *ego* dan *superego* yang berlaku dalam diri penyair telah mewujudkan keinginan rasa cinta terhadap insan dalam diri penyair. *Ego* penyair ditimbul bagi memenuhi kehendak *id* dengan menggunakan pelbagai cara liar yang tidak dikawal. Dalam hal ini *superego* bertindak mengawal tindak balas *ego* untuk mencapai kepuasan dalam diri dengan meluahkan segala keinginan rasa cinta terhadap insan dalam bentuk puisi agar dapat diterima oleh masyarakat. Susilawati Kamaruzzaman (Temu bual, Julai 7, 2015) menjelaskan bahawa ayahnya Dharmawijaya pernah hidup sebagai anak petani miskin di Kampung Talang dan menjadikan pengalaman yang dilalui sebagai sumber inspirasi untuk berkarya bagi memenuhi keinginan dalam dirinya.

Cabarannya yang dilalui oleh Dharmawijaya dalam melakukan pekerjaan untuk mencari rezeki dengan terpaksa membanting keringat tulang empat kerat untuk bercucuk tanam dan melalui kehidupan yang serba kekurangan dizahirkan dalam bentuk puisinya. Hal ini dapat dilihat melalui baris puisi berikut ‘kalau esok juu hidup dijenguk kematian’, ‘usah ditangisi sepinya tanah kelahiran’ baris puisi ini menjelaskan tentang keinginan rasa cinta yang ada dalam diri penyair berkait dengan kehidupannya sebagai petani yang menggambarkan kesedihan dan rasa sunyi yang dialami. Baris puisi ‘kalau esok juu hidup

dijenguk kematian’ misalnya menggambarkan betapa masyarakat petani begitu pasrah dengan segala ketentuan Tuhan walaupun mereka menemui kematian dalam waktu yang singkat dan disusuli dengan bait ‘usah ditangisi sepinya tanah kelahiran’ yang menunjukkan masyarakat petani redha dengan segala yang telah ditetapkan oleh-Nya terhadap keadaan kemiskinan dan cabaran hidup yang dialami.

Keinginan rasa cinta terhadap insan juga dapat dilihat melalui pengamatan penyair terhadap pergolakan hidup yang dilalui bersama keluarga sebagai petani miskin yang diungkapkan dalam karya puisinya (Temu bual: Susilawati Kamaruzzaman, Julai 7, 2015). Konflik dalaman yang dialami melahirkan keinginan rasa cinta dalam diri terhadap dirinya sendiri dan petani daripada interaksi *id*, *ego* dan *superego*. Kehidupan penyair yang miskin dan serba kekurangan ‘kais pagi’, ‘makan pagi’ turut menggambarkan kesusahan hidup yang dialaminya dan keluarga. Keinginan rasa cinta terhadap insan dalam puisi bertajuk “Pintaku Padamu” menyatakan keadaan kesedihan dan kegembiraan yang bukan hanya dapat dirasai oleh golongan tertentu sahaja. Penyair menjelaskan bahawa perasaan sedih dan gembira dapat dirasai oleh semua manusia seperti dalam rangkap pertama puisi, iaitu ‘dunia bukan semata milik orang bercinta’, ‘hidup jua bukan semata untuk berlagu kecewa’ segalanya terserah kepada takdir yang telah ditentukan oleh Tuhan dan sebagai manusia, mereka perlu berusaha untuk mendapatkan keberkatan dan rezeki daripada-Nya.

Penyair Dharmawijaya menggambarkan perjuangan ibu bapanya sebagai petani pada baris puisi berikut ‘di bawah sinar mentari pagi demikian jernihnya’, ‘hayunkan gagah langkahmu sepenuh khidmat’, ‘usapi kesetiaan hati seluruh umat’ baris-baris puisi ini menggambarkan sikap tanggungjawab ibu bapa penyair berusaha mencari rezeki untuk meneruskan kehidupan mereka. Susunan kata yang dibina oleh penyair

mengandungi maksud tersirat yang berlaku secara bawah sedar ketika penyair menghayati sesuatu peristiwa yang pernah dilalui dan disampaikan dalam bentuk puisi. Baris puisi ‘hayunkan gagah langkahmu sepenuh khidmat’ menggambarkan ibu bapanya mempunyai semangat yang kuat dan kental serta bersedia memberi khidmat untuk meneruskan kehidupannya dan anak-anak. Penyair Dharmawijaya menggunakan perkataan ‘jernihnya’ bagi menerangkan sifat jujur dalam diri yang disampaikan dengan menggunakan mekanisme helah bela diri *sublimasi* (*sublimation*) melibatkan tindakan yang tidak sesuai tetapi tetap dilakukan bagi mencapai kepuasan dalam diri penyair untuk menyatakan keinginan rasa cintanya terhadap insan yang berkaitan dengan rasa kasih, cinta, kesetiaan dan bahagia diaplikasikan dalam puisi beliau.

Dharmawijaya menggambarkan keinginan rasa cinta terhadap Tuhan dan pasrah dengan apa yang telah berlaku. Dharmawijaya secara jelas menyatakan bahawa nilai ketakwaan dan sentiasa mengingati Tuhan disampaikan melalui baris puisinya seperti berikut, ‘nyanyikan lagu perindu kewajah tuhan’, ‘tanda hatimu setia dalam usia pengembaraan’, menjelaskan bahawa penyair Dharmawijaya sanggup menempuh apa sahaja ketentuan yang telah Tuhan tetapkan. Penyair Dharmawijaya menggunakan perkataan ‘pengembaraan’ secara berulang dalam baris puisi “Pintaku Padamu” sebagai memberi penegasan terhadap dirinya tentang takdir yang ditentukan Tuhan. Keadaan ini merujuk kepada usaha meneruskan kehidupan dengan rahmat Tuhan. Unsur peribadi yang terdapat dalam diri penyair, iaitu sebagai seorang yang amat menitikberatkan hubungan kasih sayang antara insan dan Pencipta agar dilimpahi rahmat Allah. Di samping itu, penyair merupakan insan seni yang mampu merakamkan segala peristiwa di sekelilingnya untuk dikaitkan dengan kekuasaan Tuhan dalam bentuk puisi. Menurut Naffi Mat (Temuduga, 14 Februari 2016) sikap keprihatinan atau kepekaan yang ada

dalam diri penyair Dharmawijaya menyebabkan beliau menghasilkan puisi bagi menzahirkan keinginan beliau kepada petani dan masyarakat pada ketika itu.

Keinginan rasa cinta terhadap insan merupakan perasaan semulajadi yang wujud dalam diri seseorang penyair. Melalui puisi “Pintaku Padamu” (1974, p.2) keinginan rasa cinta terhadap insan yang timbul dalam diri telah diterjemahkan oleh penyair dengan memaparkan keakraban hubungan pasangan kekasih dalam menjalani kehidupan. Kesungguhan untuk meneruskan kehidupan dikaitkan dengan keinginan rasa cinta terhadap insan yang dapat dinyatakan oleh penyair pada baris puisi bertajuk “Pintaku Padamu”, iaitu “terasa kini hidupmu tenang menunggu”, ‘mesra diusapi angin lautan teduh’ menerangkan kehidupan yang bahagia dan tenang dilalui oleh sepasang kekasih.

Hubungan mesra ini diuraikan dengan lebih jelas pada baris berikutnya ‘sulingkan kasih ke segar bunga kemesraan’ yang menggambarkan hubungan berkasih sayang dan kemesraan yang dilalui. Keinginan rasa cinta yang wujud dalam diri menyebabkan penyair menghasilkan puisi menggunakan penyusunan kata-kata yang indah berkaitan dengan keinginan rasa cinta terhadap insan, iaitu merujuk kepada pasangan bahagia Rus dan Mil. Bidang seni dalam sastera dapat dianggap sebagai satu ekspresi hidup yang penting melibatkan kemanusiaan yang digunakan sebagai alat untuk menyempurnakan kehidupan (Woodberry, George E, 1969, p. 1-3). Hal ini dapat dilihat daripada pengalaman hidup yang pernah dilalui oleh penyair Dharmawijaya. Pengalaman yang pernah dilalui oleh penyair memberi kesan emosi dan menyebabkan beliau dapat melahirkan baris-baris puisi yang yang disalurkan melalui puisi menggunakan mekanisme helah bela diri.

Doa Pengantin

Dari tanah perantauan yang berlagu sendu

terbetik khabar dikau baylor kepulau jauh
terasa kini hidupmu tenang menunggu
mesra diusapi angin lautan teduh.

kawan, ada jua doa untukmu kini:
usah hendaknya badai mengamuk di hati
dalam erat-erat tangan bergenggaman
sulingkan kasih ke segar bunga kemesraan.

(Dharmawijaya, 1974, p. 2)

Penyair Dharmawijaya turut menyatakan keinginan rasa cinta dalam puisi “Doa Pengantin” (1974, p. 2) yang mengisahkan hubungan pasangan kekasih yang menjalinkan hubungan yang erat dan bakal dikurniakan cahaya mata. Perasaan tertekan dan risau melahirkan *id* yang timbul secara bawah sedar menyebabkan wujud keinginan dalam diri penyair. *Ego* bertindak balas bagi mencapai kepuasan diri dengan tanpa batas menyebabkan *superego* memilih jalan terbaik bagi mencapai kepuasan keinginan rasa cinta dalam bentuk puisi yang diterima oleh masyarakat pada ketika itu. Keinginan rasa cinta terhadap insan dalam puisi yang dihasilkan Dharmawijaya dapat dikesan melalui pemilihan kata seperti mesra, kasih dan setia yang berkaitan dengan cinta. Kesan daripada keinginan rasa cinta bawah sedar yang wujud dalam diri penyair diperlihatkan menggunakan mekanisme helah bela *pindah gantian* yang melibatkan perasaan ikhlas dan harapan kepada cahaya mata yang dikaitkan dengan individu istimewa. Keadaan ini dapat dikesan pada baris puisi berikut,

andai lahir anakmu nanti
kalungka setia ke denyut hati
ia anak suci kiriman para wali di syurga
darahnya ‘kan tumpah untuk damainya dunia.

kalau ia seorang putra
menyanyikan lagu ‘hang tuah’ pahlawan melaka
bisikkan nama ‘orang kaya bahaman’ di telinganya
kenalkan jua ‘datuk janggut’ pabila ia remaja.

kalau pula ia seorang putri
kenalkan padanya ‘tun fatimah’ serikandi
riwayatkan padanya ‘dang anum’ setia berbudi
agungkan mereka ini simbol pertiwi.

putra putrimu waspadalah sepanjang zaman
kenalkan dunia ini penuh debu berterbangan
bila menghadap hidup bagai gelombang di laut
jangan ia jadi manusia berdarah pengecut.

(Dharmawijaya, 1974, p. 2)

Penyair Dharmawijaya melalui puisi di atas menggambarkan tentang hasratnya, iaitu jika beliau memperolehi seorang anak lelaki, beliau inginkan seorang anak yang hebat dan berani seperti pahlawan Melayu Hang Tuah. Penyair Dharmawijaya merupakan seorang penyair yang mengambil berat tentang kehidupan masyarakat petani miskin di kampungnya dan menyimpan harapan agar anak-anak petani turut sama dalam membela nasib masyarakat petani suatu hari nanti. Menurut Dharmawijaya (1984, p.132), proses penulisan sesebuah puisi itu lahir daripada kata-kata yang tersusun mengandungi peristiwa yang pernah dilalui, mempunyai makna yang sukar untuk disampaikan atau dicapai dengan cara lain. Keinginan rasa cinta yang wujud dalam diri penyair menyebabkan beliau menaruh harapan agar dikurniakan seorang anak lelaki yang dapat membantunya.

Keinginan rasa cinta yang ada dalam diri penyair diluahkan bagi melegakan tekanan dalam diri dengan menggunakan mekanisme helah bela diri *pindah gantian* yang disampaikan melalui puisi. *Pindah gantian (displacement)* timbal balik perasaan kurang disenangi kepada pihak ketiga merupakan tindak balas yang digunakan dalam bentuk lebih sesuai bagi menyatakan keinginan yang wujud dalam diri melibatkan susunan kata terbaik agar diterima oleh masyarakat. Di samping itu, keinginan rasa cinta terhadap insan yang wujud dalam puisi “Doa Pengantin” juga mengharapkan dikurniakan seorang anak yang bukan hanya gagah, tetapi kaya dan mempunyai bakat kepimpinan yang tinggi seperti Datuk Bahaman dan Tok Janggut. Dharmawijaya bukan hanya berharap dikurniakan cahaya mata lelaki sahaja tetapi keinginan rasa cinta juga ada kepada cahaya mata perempuan yang dikaitkan dengan tokoh-tokoh pejuang wanita dalam dunia Melayu

seperti Tun Fatimah dan Dang Anum. Keinginan rasa cinta terhadap insan yang ada dalam diri penyair Dharmawijaya dizahirkan dalam bentuk puisi.

Sementara itu, Puisi “Sayang yang Berlabuh” (Dharmawijaya, 1974, p.3) memperlihatkan nasihat yang ingin disampaikan penyair kepada pasangan kekasih yang sedang bercinta. Setiap insan memiliki keinginan rasa cinta yang mana keinginan yang wujud kadang kala terbatas dan tidak dapat dikecapi pada ketika itu. Keadaan seperti ini menyebabkan timbulnya konflik dalam diri dan perasaan semulajadi *id*. Oleh yang demikian, penyair cuba melepaskan keinginan dalam diri melalui puisi. Penghasilan puisi merupakan tindak balas *ego* yang dikawal *superego* bagi meluahkan sesuatu perasaan. Menurut Mohamad Mokhtar Abu Hassan (Temu bual , Februari 2, 2016) segala yang dialami berdasarkan pengalaman yang pernah dilalui akan diluahkan dalam bentuk puisi.

Keinginan rasa cinta terhadap seorang kekasih jelas dapat dikesan pada baris puisi berikut ‘antara embun kasih dan tugu kesetiaan’ yang melibatkan pemilihan kata yang berhubungan dengan unsur cinta. Penyair Dharmawijaya membuat perbandingan tentang nilai kasih terhadap kekasih dan nilai kesetiaan pada negara tercinta melalui puisinya. Keinginan rasa cinta yang lahir dalam diri penyair Dharmawijaya merupakan nilai sebenar yang ada dalam dirinya. Menurut Zarah Ibrahim (1987, p.23), beliau menjelaskan *the truth of life* atau *the trueness of his descriptions* merujuk kepada perasaan sebenar yang pernah dilalui oleh penyair disampaikan melalui puisi. Keinginan rasa cinta terhadap insan yang ada dalam diri penyair juga dapat dikaitkan dengan rasa cinta terhadap negara. Baris-baris puisi “Sayang yang Berlabuh” melibatkan keinginan rasa cinta terhadap seorang kekasih.

Sayang yang Berlabuh

Tujuh senja rindu meniti

antara embunkasih dan tugu kesetiaan
terhimpun takwa ke tasik budi
menagih semarak bunga kehidupan.

paling kudus bersama debaran
antara pertemuan malam dan pagi
semoga abadi khidmat cinta simponi zaman
membakar seluruh sengketa yang diratapi.

(Dharmawijaya, 1974, p. 3)

Puisi yang dihasilkan oleh penyair Dharmawijaya menggambarkan keinginan rasa cinta penyair yang disampaikan melalui bahasa yang mudah difahami oleh pembaca. Pemilihan kata seperti rindu, embun kasih, kesetiaan, cinta, erat dan sayang menggambarkan kekuatan penyair bagi menyatakan keinginan rasa cinta terhadap insan. Baris puisi, iaitu ‘terhimpun takwa ke tasik budi’, ‘menagih semarak bunga kehidupan’ menggambarkan kehidupan penyair yang berlatarbelakangkan kemiskinan dan mengamalkan sikap rendah diri. Keinginan rasa cinta terhadap insan dizahirkan secara tersurat dan tersirat dalam puisi. Hal ini menyebabkan puisi penyair mudah difahami oleh masyarakat di sekelilingnya ketika itu. Penyair Dharmawijaya memperlihatkan keinginan rasa cinta menggunakan mekanisme helah bela diri *pindah gantian* merujuk kepada ‘tugu kesetiaan’ yang menggambarkan keinginan rasa cinta yang teguh yang ada dalam dirinya sebagai sebagai petani. Keinginan rasa cinta yang wujud dalam jiwa penyair Dharmawijaya dinyatakan dalam baris puisi berikut ‘semoga abadi khidmat cinta simponi zaman’, ‘membakar seluruh sengketa yang diratapi’ bertujuan mengajak golongan pembaca menghayati keinginan yang menjadi konflik dalam jiwanya. Menurut pengkritik Soviet Rusia seperti Belinsky, Chernyshersky, Dodrolyubor dan Plekhanor (Zahara Ibrahim, 1987, p.23), mereka bersetuju bahawa hasil sastera merupakan gambaran daripada keinginan kehidupan manusia, maka syarat pertama yang harus ada adalah ketepatan yang dikaitkan dengan realiti yang pernah dilalui. Pandangan ini bertepatan dengan puisi terpilih Dharmawijaya bertajuk “Sayang yang Berlabuh” yang dianalisis melibatkan penyataan diri berdasarkan pengalaman yang pernah dilaluinya.

Penyair Dharmawijaya memperkatakan tentang dirinya sendiri dalam puisi “Duhai Hati” (1974, p.5) yang memperlihatkan keinginan rasa cinta terhadap diri dan pengharapan penyair menjadi seorang yang tabah, bersabar dan rendah diri. Penyair Dharmawijaya menghayati semula pengalaman kehidupannya bersama masyarakat petani dan diluahkan dalam bentuk puisi. Pengalaman hidup bersama masyarakat di Kampung Talang yang penuh dengan cabaran dan rintangan diluahkan melalui puisi ini. Bagi Dharmawijaya, usaha perlu diteruskan untuk menjadi seorang yang berjaya.

Duhai Hati

Duhai hati
usah dirintih jua
hidup gersang dalam kembara
sedang cita membara bersama debaran
dalam takwa menunda kehancuran.

duhai hati
luahkan segala
sayang dan cinta
kerana dunia selamanya
resah bersama sarang derita.

(Dharmawijaya, 1974, p. 5)

Pengalaman hidup penyair Dharmawijaya di Kampung Talang, iaitu tempat kelahirannya telah memberi inspirasi kepada beliau untuk mengungkap persoalan tentang kehidupan masyarakat petani melibatkan keinginan rasa cinta terhadap insan. Pengalaman yang pernah dilalui juga menimbulkan keinginan rasa cinta yang dizahirkan dalam bentuk puisi. Pemikiran dan mesej yang ingin disampaikan oleh penyair mengisahkan kehidupannya bersama keluarga dan masyarakat petani di Kampung Talang. Melalui puisi “Duhai Hati” (Dharmawijaya, 1974, p.5) penyair meluahkan keinginan rasa cinta yang pernah dilalui melibatkan perjuangan kehidupan beliau sebagai seorang anak pesawah yang miskin. Dalam keadaan bawah sedar perasaan tertekan yang dialami menimbulkan perasaan *id* dalam diri penyair yang berlaku secara bawah sedar.

Sementara perasaan *ego* yang turut wujud dalam diri digunakan sebaik mungkin dan dikawal oleh *superego* untuk memenuhi keinginan penyair dan masyarakat.

Penyair Dharmawijaya merakamkan kejadian berdasarkan pengalaman daripada kehidupannya dan diluahkan dalam puisi. Luahan perasaan melibatkan keinginan rasa cinta penyair dalam puisi “Duhai Hati” (Dharmawijaya, 1974, p.5) merupakan penjelmaan semula keinginan dalam diri menggunakan mekanisme helah bela diri *pindah gantian*. Keinginan rasa cinta yang jelas digambarkan pada baris puisi, iaitu ‘duhai hati’, ‘luahkan segala’, ‘sayang dan cinta’ penyair mengungkapkan perasaan cintanya secara *pindah gantian*. Bersesuaian dengan pendapat George Dickie (1957, p.49), “*it seems natural to assume that there must be some psychological phenomenon which in some way removes the threat of harm...*”. Perasaan semulajadi yang ada dalam diri penyair melibatkan keinginan yang diluahkan dalam bentuk puisi memperlihatkan penyusunan kata yang merujuk kepada rasa cinta dan kasih diluahkan bagi mencapai kepuasan diri.

Penyair Dharmawijaya memperlihatkan keinginan rasa cinta terhadap insan melalui penggunaan bahasa yang cukup tersusun dan indah dalam puisinya. Bahasa yang indah ini turut didukung dengan kemampuan seperti imaginasi, intuisi dan daya kreativiti penyair. Penyair Dharmawijaya dapat menyusun kata-kata yang indah seperti berikut ‘duhai hati’, ‘usah dirintih jua’, ‘hidup gersang dalam kembara’ bagi menyatakan perasaan cinta yang ada dalam dirinya. Berdasarkan puisi yang dihasilkannya ini, pengorbanan petani tidak akan dilupakan sehingga ke akhir hayat menggambarkan nilai kesetiaan dan cinta terhadap apa yang pernah diusahakan. Dalam ilmu sosial, semua daya di atas menjadi satu dengan daya analisis, kemampuan untuk menghuraikan objek sesuai dengan kaedah-kaedah serta *metode* dan teori ilmu pengetahuan tertentu (Nyoman Kutha Ratna, 2007, p.214). Keadaan persekitaran penyair pada ketika itu telah menyebabkan

jiwa penyair berasa tertekan kerana golongan muda mula berhijrah ke bandar untuk bekerja. Ibu bapa mereka terus memerah tenaga membanting tulang bekerja sebagai pesawah tanpa mengenal erti lelah menyebabkan timbul rasa cinta dalam diri penyair terhadap kampung halamannya. untuk berhijrah ke bandar (Temu bual: Susilawati Kamaruzzaman, Julai 7, 2015).

Kesan daripada keinginan rasa cinta yang wujud dalam keadaan bawah sedar penyair Dharmawijaya telah merakamkan perasaan yang ada dalam diri berkaitan cinta. Interaksi antara *id*, *ego* dan *superego*, dikawal oleh *superego* menyebabkan penyair Dharmawijaya menyampaikan keinginan rasa cintanya dengan cara berkarya, iaitu menulis puisi. Penyair Dharmawijaya menggunakan mekanisme helah bela diri *sublimasi*, bagi meluahkan rasa sedih dan kecewa. Penyair telah melepaskan keinginan rasa cinta dalam bentuk yang diterima oleh masyarakat, iaitu melalui puisi. Penyair meluahkan keinginannya agar petani di kampungnya tidak mudah berputus asa dalam menghadapi cabaran. Penyair melahirkan rasa cinta dan kasih sayangnya dengan memberi dorongan serta semangat kepada petani di kampungnya agar mereka bekerja dengan bersungguh-sungguh. Keinginan rasa cinta terhadap masyarakat petani memberi kesan yang mendalam dalam diri penyair. Keadaan rasa cinta yang wujud dalam diri Dharmawijaya dapat dikaitkan dengan penjelasan yang dibuat oleh Jerome Stohitz (1960, p.35), di mana menurut beliau perasaan rasa cinta ialah keperluan untuk memberi perhatian yang penuh minat dan menaruh perasaan kasih dan simpati terhadap sesuatu karya bagi mencapai kepuasan diri. Semangat dalam diri Dharmawijaya lahir daripada keinginan rasa cinta dan kasih terhadap petani yang sudah lama memperjuangkan nasib mereka. Mekanisme helah bela diri *sublimasi* yang digunakan oleh penyair bagi menyatakan keinginan yang ada dalam diri melalui puisi dengan melibatkan tindakan yang sesuai bagi satu kepuasan dalam dirinya.

Dharmawijaya mengungkapkan keinginan rasa cinta yang mendalam terhadap petani melalui bunyi dan rima pada perkataan yang dipilih menguatkan lagi perasaan yang menunjukkan rasa cinta pada puisi. Rahman Shaari (2006, p.152), menyatakan bahawa puisi Dharmawijaya mengutamakan lengkok bahasa lembut tanpa berubah sejak mula berkarya. Dharmawijaya mempunyai kemahiran dalam menghasilkan puisi yang bercorak sederhana, merdu dan bermatlamat untuk memberi kesan terhadap pembaca. Penyair juga dapat menginterpretasikan keinginan dalam diri berkait dengan rasa cinta yang dialaminya dengan membina satu kepuasan dalam diri melalui puisi. Kemiskinan dan kesusahan hidup yang dinyatakan oleh penyair dihadapi dengan tabah dinyatakan dalam rangkap puisi pertamanya ‘sedang cita membara bersama debaran’, ‘dalam takwa menunda kehancuran’. Penyair menggambarkan bahawa beliau dapat menjadi seorang petani yang sanggup mengorbankan cinta dan kehidupan dunia yang sementara demi masa depan.

Di samping itu, penyair juga berharap agar petani dapat menerima segala cabaran dengan tabah sebagai seorang petani. Penyair menyatakan rasa cinta bertujuan agar penghayatan turut diberi oleh masyarakat melibatkan keinginan rasa cinta seorang petani terhadap kehidupan yang diinginkan. Berkaitan dengan puisi ini, Sapardi Djoko Damono (1978, p.3) menerangkan tentang hubungan timbal balik antara sasterawan, sastera dan masyarakat dan seseorang pengarang akan dipengaruhi oleh faktor-faktor sosial masyarakat dalam menghasilkan sesuatu karya. Hubungan penyair dengan bahan sastera dan persekitaran sangat penting kerana keadaan sekeliling akan menentukan bentuk dan isi karya sastera yang dihasilkan. Bagi memastikan bentuk dan mesej puisi itu diterima atau tidak, pengetahuan penyair berkaitan dengan sesuatu bidang sangat penting untuk menimbulkan keyakinan dan keprofesionalisme dalam kepenyairannya.

Penyair Dharmawijaya telah banyak menghasilkan puisi yang memaparkan kehidupan petani dari aspek pergolakan hidup, kemiskinan dan cabaran yang perlu dihadapinya. Selain itu, penyair juga menyentuh tentang institusi kekeluargaan terutamanya berkaitan jasa ibu. Dalam puisi bertajuk “Tiga Ballada” (Dharmawijaya, 1974, p.6) daya kreativiti pemikiran penyair memaparkan perjalanan keinginan rasa cinta melibatkan perjuangan seorang insan yang mempunyai tanggungjawab terhadap diri sendiri dan ibu bapa. Penyair memperlihatkan masyarakat di Kampung Talang bergelumang dengan kesusahan hidup bermula sejak kanak-kanak lagi. Anak-anak petani di kampung penyair perlu ke sawah dan berkebun sayur bagi membantu ibu bapa mereka mencari rezeki. Para ibu bapa terpaksa berusaha dengan bersungguh-sungguh demi mencari sesuap nasi bagi memenuhi keperluan hidup anak-anak mereka. Keinginan rasa cinta dalam diri penyair wujud daripada perasaan semulajadi, iaitu *id* yang menyebabkan timbul perasaan tertekan terhadap keinginan rasa cinta. Perasaan tertekan yang dialami cuba dipenuhi dengan *ego* yang turut ada dalam diri bagi mencapai kepuasan dan akhirnya dikawal oleh *superego* untuk memilih jalan keluar terbaik yang disampaikan melalui puisi. Dalam pada itu, penyair turut memberi ingatan kepada masyarakat supaya menghargai jasa dan pengorbanan ibu bapa.

Dharmawijaya mempunyai tanggungjawab yang besar untuk membahagiakan ibu bapanya. Penyair mengajak masyarakat di sekelingnya menghargai pengorbanan yang telah dilakukan oleh seorang ibu kepada anak tersayang. Lantaran itu, penyair Dharmawijaya mengambil kira cabaran yang dihadapi untuk mencari kebahagiaan menjaga kebijakan seorang ibu. Puisi bertajuk “Tiga Ballada” (Dharmawijaya, 1974, p.6) ini turut menerapkan nilai-nilai untuk menghargai jasa seorang ibu yang telah melahirkan dan membesarkan anak-anaknya. Keinginan rasa cinta secara semulajadi, iaitu *id* yang menyebabkan timbulnya tekanan terhadap keinginan rasa cinta terhadap jasa ibu bapa

diluahkan menggunakan *ego* yang turut ada dalam diri penyair dan seterusnya memilih jalan keluar dengan menggunakan superego dengan menghasilkan puisi ‘Tiga Ballada’ itu.

Hashim Awang (1994, p.331) menyatakan bahawa dalam konteks kehidupan dapat memberi manfaat dan mempunyai peranan yang besar dalam permasalahan hidup yang memberi pengalaman kepada manusia melibatkan dua perkara. Pertama, berkaitan dengan peristiwa yang dilalui melibatkan perlakuan dan hubungan antara manusia dari aspek baik dan buruk. Kedua, sastera sebagai maklumat yang berkaitan dengan kehidupan dan persekitaran ketika itu. Oleh itu, penyair Dharmawijaya cuba menyuarakan keinginan rasa cinta terhadap ibu supaya masyarakat petani mempunyai kesedaran terhadap kepentingan seorang ibu sepetimana yang dinyatakan dalam puisinya, “Tiga Ballada” seperti di bawah.

Tiga BalladaI

Kujunjung kasihmu
dari segala korban dan khidmat ibu
biar jauh di penjuru dunia
kesetiaan tertumpah pada mu juu.

Berdasarkan petikan puisi di atas, mekanisme bela diri *represi* yang melibatkan keadaan bawah sedar yang terpendam menginginkan kepuasan rasa cinta terhadap insan, iaitu seorang ibu diungkapkan dalam puisi. Mekanisme helah bela diri *represi* digunakan pada baris puisi “Tiga Ballada” (Dharmawijaya, 1974, p.6) menggambarkan keinginan yang terpendam dalam diri penyair yang dinyatakan secaraikhlas tanpa dipergaruhi orang lain. Kemiskinan hidup keluarga petani pernah dialami oleh penyair ketika zaman kanak-kanaknya menyebabkan beliau tidak pernah menderhaka terhadap ibu tersayang. Penyair Dharmawijaya menyedari bahawa ‘syurga berada di bawah tapak kaki ibu’ seperti yang diperlihatkan pada baris puisinya bertajuk “Tiga Ballada” seperti berikut:

meskipun hidup tanpa mengenal bahagia
cuma kehampaan melingkari usia
tak pernah hati ini bersuling derhaka
kerana syurgaku di bawah tapak kakimu jua.

(Dharmawijaya, 1974, p.6)

Di samping itu, rasa cinta yang ada dalam diri penyair dianggap menjadi pembakar semangat dalam dirinya sebagai petani yang miskin ‘kais pagi makan pagi’ sebelum ini lebih terbela. Ternyata keinginan rasa cinta yang lahir dalam diri penyair telah menyebabkan beliau menghargai pengorbanan seorang insan yang bergelar ibu.

Penyair Dharmawijaya merupakan seorang seniman yang sensitif dan peka dengan keadaan ahli keluarganya. Puisi “Dari Lebaran Ke Lebaran” (Dharmawijaya, 1974, p.9) pula menjelaskan tentang diri penyair yang mencintai dan merindui ayahnya yang telah meninggal dunia. Perasaan rasa cinta semakin dirasai oleh penyair apabila menjelang hari lebaran seperti dalam baris puisi berikut ‘dari lebaran ke lebaran’, ‘hidup ini tambah berjauhan’ yang menyebabkan rasa cinta semakin bertambah. Perasaan cinta terhadap ayahnya tersayang dinyatakan dalam puisi ‘berkocak hati ke tasik rindu’, dan ‘gigih menatap kasih piatu’ yang menggambarkan wujudnya konflik dalam jiwanya melibatkan rasa rindu. Rasa tertekan yang dialami oleh penyair melibatkan perasaan semulajadi *id* yang menyebabkan wujudnya keinginan rasa cinta terhadap ibu bapa yang disayangi. Pada waktu yang sama perasaan *ego* cuba memenuhi keinginan *id* melibatkan tindakan luar kawal, tetapi *superego* mengawal *ego* dengan meredakan perasaan tertekan *id* menggunakan mekanisme helah bela diri *represi* bagi mengalih kesedaran masyarakat untuk mencapai kepuasan dalam diri. Penyair Dharmawijaya melontarkan keinginan rasa cinta dalam bentuk puisi yang diterima masyarakat pada ketika itu. Pelbagai kenangan terimbau semula pada hari lebaran berdasarkan pengalaman yang pernah dilalui penyair. Bagi melepaskan tekanan dalam diri, penyair menghasilkan puisi untuk melegakan dan mencapai kepuasan dalam diri. Puisi yang bertajuk “Dari Lebaran ke Lebaran” ini

memberi pengertian yang amat mendalam bagi penyair dan pembaca yang dapat menghayati puisi beliau.

Makna yang terkandung dalam puisi “Dari Lebaran ke Lebaran” menjelaskan tentang keinginan rasa cinta yang sarat dengan pengalaman bersama keluarga tersayang. Penyair menyampaikan keinginan dalam diri menggunakan susunan kata yang berkesan. Penyampaian idea dan pemikiran yang disusun dengan teratur dan kemas mengandungi makna yang mendalam berjaya mengusik perasaan pembaca melalui baris puisi berikut ‘hidup ini tambah berjauhan’, ‘antara engkau dan aku’, ‘berkocak hati ke tasik rindu’, ‘gigih menatap kasih piatu’. Melalui baris puisi ini penyair Dharmawijaya menyatakan perasaan sedihnya setiap kali menyambut hari lebaran kerana tanpa ayah dan ibu di sisinya. Keinginan rasa cinta terhadap ibu bapanya digambarkan oleh penyair dengan keadaan hati dan jiwa resah sebagai seorang anak petani yatim piatu yang hidup dalam kekurangan dan mengharapkan bantuan daripada pihak lain. Keinginan rasa cinta ini digambarkan dalam puisi di bawah:

Dari Lebaran Ke Lebaran

I
Dari lebaran ke lebaran
hidup ini tambah berjauhan
antara engkau dan aku
berkocak hati ke tasik rindu
gigih menatap kasih piatu

Tenteramah
terhimpun restu yang syahdu
ke denyut nadimu selalu
setia mendandani wajah
dengan simponi cita
milik adam dan hawa.

mengertilah
ya, mengertikan sendiri manisku
setiap detik masa berlalu
tidak berpaling kiblatku.

(Dharmawijaya, 1974, p.9)

Penyair Dharmawijaya juga menyatakan perasaan yang tenang lahir dari dalam diri setelah beliau dapat menerima hakikat kematian bapanya. Melalui puisi ini juga, penyair menyatakan bahawa beliau tidak pernah melupakan pengorbanan bapanya selagi beliau masih hidup seperti pada baris puisi berikut ‘tambah marak untaian madah’, ‘meniuip restu dan kasih’, ‘untuk rohmu, ayah!’. Penyair berjanji akan terus berjuang sehingga berjaya. Hal ini dinyatakan dalam perenggan kedua puisi “Dari Lembaran ke Lembaran”:

II

dari syawal ke zulhijah
tambah marak untaian madah
meniuip restu dan kasih
untuk rohmu, ayah!

damailah dikau dalam pengabdian
dibunga sayang gemilang di neraca tuhan
dan anakmu ini
yang kehilangan kasih dan manja
akan datang jua padamu nanti
tika kembara ini berlabuh ke ujang senja.

akan kudakap hatimu, ayah!
akan terhimpun khidmatku, ayah!
selamanya tak pernah tertumpah.

(Dharmawijaya, 1974, p.9)

Masyarakat Islam mendekati diri kepada Allah dan menjauhi diri daripada segala mungkar dan melakukan banyak perkara kebaikan dalam bulan puasa. Sambutan Hari Raya Aidilfitri pada setiap 1 Syawal menandakan kemenangan dalam diri setiap umat Islam setelah berjaya menjauhkan diri daripada kemungkaran sepanjang sebulan berpuasa. Setiap 1 Syawal umat Islam yang mencari rezeki dan tinggal di bandar-bandar akan pulang ke kampung bersama keluarga untuk menyambut hari lebaran bersama ibu bapa dan sanak-saudara. Pengalaman yang ada dalam diri penyair menyebabkan beliau menggunakan mekanisme helah bela diri *represi* bagi meluahkan perasaan terpendamnya melibatkan keinginan rasa cinta terhadap bapanya dalam bentuk puisi secara jujur dan ikhlas. Penyair jelas menggambarkan bahawa puisi yang dihasilkan bukan hanya

berdasarkan imaginasi semata-mata tetapi terdapat tujuan tertentu, iaitu rasa cinta. Puisi yang dihasilkan mengandungi perasaan, pengalaman dan pemikiran untuk membuat pernyataan diri yang sebenar untuk disampaikan kepada masyarakat pada ketika itu. Susunan kata dalam baris puisi ‘meniup restu dan kasih’, ‘untuk rohmu, ayah!’ yang dihasilkan Dharmawijaya lahir daripada perasaan tertekan *superego* yang wujud dalam diri melibatkan perasaan sedih terhadap ayahnya. Hal ini jelas dapat dikesan dalam puisi beliau yang bersesuaian dengan pendapat Achdiat K. Miharja (1950, p.16) yang menyatakan bahawa, “Pengalaman hidup merupakan salah satu faktor yang dasar bagi sesuatu karya sastera, sesuai dengan bunyi salah satu definisi yang menyatakan bahawa karya merupakan ‘rakaman’ daripada pengalaman hidup...”. Perasaan tekanan yang wujud dalam diri secara semulajadi juga merujuk kepada pengalaman yang pernah dilalui dan diterjemahkan dalam bentuk puisi.

Penyair hanya mampu berdoa agar roh ayah dan ibunya dirahmati Tuhan. Penyair Dharmawijaya percaya dengan pengorbanan ayahnya yang bekerja sebagai pesawah dan pekebun sayur mencari rezeki untuk menyara kehidupan ahli keluarganya dirahmati Tuhan. Keadaan ini, dijelaskan pada baris puisinya ‘damailah dikau dalam pengabdian’, ‘dibunga sayang gemilang di neraca tuhan’. Penyair menerima ketentuan Allah kerana setiap yang hidup pasti akan mati. Rasa cinta pada seorang ayah digambarkan dengan baris puisi ‘yang kehilangan kasih dan manja’ dan ‘akan datang juad padamu nanti’ yang menjelaskan tentang ingatan penyair berkait dengan pengorbanan ayahnya tidak akan dilupakan sehingga ke akhir hayatnya.

Sayang Disayang

Senyumlah senyum
hatiku sayang
menyapa rimbun
padi di ladang.

renunglah renung
citaku sayang

bila ke gunung
tempua terbang.

menguning emaslah
padiku sayang
melimpah tuah
keringan terbuang.

lenalah lena
tidurmu sayang
esok kuduga
terisilah jelapang...

Suasana di Kampung Talang tempat lahir penyair Dharmawijaya yang aman dan tenang menyebabkan penyair dapat menghayati kehidupan yang pernah dilalui dengan lebih kritis dan kreatif. Puisi yang dihasilkan penyair Dharmawijaya bertajuk “Sayang Disayang” (Dharmawijaya, 1974, p.29) di atas adalah merujuk kepada diri penyair sendiri sebagai seorang anak pesawah yang yatim piatu. Keinginan rasa cinta dengan suasana kampung tergambar melalui senyuman apabila melihat rumpun-rumpun padi di sawah yang mewujudkan suasana damai seperti dalam baris puisi berikut ‘Senyumlah senyum’, ‘hatiku sayang’, ‘menyapa rimbun’, ‘padi di ladang’. Tekanan daripada perasaan *id* dalam diri penyair berlaku secara bawah sedar menyebabkan penyair cuba mencapai kepuasan melalui *ego*. Perasaan *ego* yang lahir dalam diri cuba memenuhi keinginan rasa cinta terhadap apa yang dirasakan dengan pelbagai cara tanpa dikawal. Sementara pada ketika yang sama *superego* berperanan memilih jalan keluar terbaik bagi mencapai kepuasan diri melalui puisi yang mengandungi nilai moral yang diterima masyarakat pada ketika itu. Penyair menggambarkan perasaan gembira dan sayang yang terukir pada wajahnya sebagai seorang petani pada baris puisi berikut ‘senyumlah senyum’, ‘hatiku sayang’, ‘menyapa rimbun’, ‘padi di ladang’. Keinginan rasa cinta dalam diri penyair digambarkan apabila beliau melihat sawah padi yang luas terbentang. Penyair menerangkan perasaan tertekan wujud setiap kali melihat sawah padi kerana mengenangkan nasib ibu bapanya yang menjadi pesawah untuk menyara kehidupannya semasa kecil.

Kehidupan keluarga penyair Dharmawijaya di Kampung Talang bergantung hidup sepenuhnya pada hasil padi dan tanaman sayur. Menurut Talib Samat (2000, p.281), dalam masyarakat petani, anak-anak bukan hanya menjadi tanggungjawab ibu dan bapanya sahaja tetapi menjadi tanggungjawab keluarga besar di sesebuah kampung. Keinginan rasa cinta mula lahir dalam diri penyair pada sawah dan kebun untuk bercucuk tanam sejak kecil lagi. Kampung Talang tempat lahir penyair menjadi tempat bermain dan tempat mengisi masa lapang beliau. Sawah padi dan kebun sayur yang diusahakan oleh kedua-dua ibu bapanya meninggalkan banyak kenangan suka dan duka yang tidak dapat dilupakan. Keinginan rasa cinta penyair wujud dalam diri penyair Dharmawijaya melihat sawah padi ‘menguning emaslah’ menyebabkan lahir senyuman pada wajah beliau setiap kali melihat sawah padi yang luas terbentang. Padi yang menguning merujuk kepada buah padi yang telah masak dalam jumlah yang banyak di sawah. Bagi diri penyair yang merupakan seorang anak petani, beliau berasa gembira melihat pemandangan sawah padi yang diusahakan dengan tulang empat kerat yang menggambarkan tanaman yang diusahakan mula membawa hasil. Penyair menggambarkan beliau dapat tidur lena kerana segala usaha yang dilakukan telah mendapat kejayaan. Hal ini digambarkan dalam puisi “Sayang Disayang” (Dharmawijaya, 1974, p.29) berikut:

renunglah renung
citaku sayang
bila ke gunung
tempua terbang.

Pada rangkap kedua puisi “Sayang Disayang”, penyair menerangkan tentang keindahan pemandangan Kampung Talang tempat kelahirannya. Pemandangan kampung yang indah menimbulkan keinginan rasa cinta yang digambarkan dengan sawah padi yang luas terbentang berlatarkan gunung dan burung-burung berterbang. Penyair mengisahkan kehidupan burung tempua dalam puisinya bagi mengaitkan sifat rendah diri yang diamalkan masyarakat petani di kampungnya. Dharmawijaya menggunakan

mekanisme helah bela diri *sublimasi* bagi menyatakan sifat rendah diri dan sederhana yang diamalkan oleh golongan petani di kampungnya dengan cara terbaik. Sikap rendah diri dan sederhana yang hanya bergantung pada hasil padi dan sayuran yang ditanam menyebabkan masyarakat kampung sentiasa memerlukan bantuan daripada pihak bertanggungjawab dan hidup dalam keadaan serba kekurangan. Umar Junus (1980, p.9) menyatakan bahawa puisi-puisi pada peringkat awal 1960-an masih bersifat melankolik, menangisi keadaan dan mengharapkan orang akan memperbaikinya sehingga timbul masa depan yang bahagia. Situasi ini berlaku kerana penyair menyedari keadaan taraf hidup golongan petani yang rata-ratanya tidak berpendidikan tinggi dan tidak berharta yang menyebabkan timbul rasa rendah diri. Sekali lagi mekanisme helah bela diri *sublimasi* digunakan oleh penyair bagi menyatakan keinginan rasa cinta terhadap insan diluahkan dengan berkesan dalam puisinya.

menguning emaslah	→	a
padiku sayang	→	b
melimpah tuah	→	a
keringat terbuang.	→	b

Rima dan bunyi menjadi unsur penting dalam penghasilan puisi moden. Menurut Karsono H Saputra, (2001, p.19), beliau menjelaskan rima dan bunyi sememangnya memainkan peranan dalam mencari makna puisi yang tidak dibangunkan oleh bunyi bahasa dan subsistem bahasa lainnya. Ini dipaparkan dari segi rima akhir pada setiap baris puisi tersebut mirip dengan skema pantun a – b – a – b. Bunyi rima akhir baris pertama berpasangan dengan baris ketiga dan baris kedua berpasangan dengan baris keempat memberi keindahan bunyi yang menyentuh jiwa. Ciri-ciri skema pantun yang melibatkan bunyi rima seperti ini sedikit sebanyak telah dapat mengindahkan lagi puisi dan mencuit hati golongan pembaca apabila membaca puisi penyair. Keindahan bunyi tersebut juga dapat dikaitkan dengan keinginan rasa cinta insan yang wujud dalam perenggan puisi di atas. Umar Junus, (1976, p.245) menyatakan puisi ini lebih ditentukan oleh jalan

fikirannya sendiri tanpa manipulasi struktur puisi dan bahasanya. Baris puisi Dharmawijaya bersambung secara langsung dan penyair sangat mementingkan rima akhir. Bagi baris puisi yang terdiri daripada empat baris, biasanya rima a – b – a – b, a – b – b – a, a – a – a – a atau paling kurang a – a – b – c menggambarkan penyair juga mementingkan keindahan bunyi dalam puisi yang dihasilkan.

rialah ria
hidupmu sayang
lima benua
restuku mengembang

cekal tenteramlah
keimanan mu sayang
rela berpapah
derita sorang.

meskipun piatu
sejahteramu sayang
luhur kasihku
ke sayup bintang.

(Dharmawijaya, 1974, p.29)

Penyair menjelaskan bahawa setiap keluarga pesawah turun ke bendang untuk melihat hasil padi yang dituai. Melalui puisi penyair menyatakan petani berkumpul beramai-ramai sambil membawa makanan ke sawah bagi menggambarkan perasaan gembira dan rasa cinta terhadap hasil yang diperolehi. Penyair menggambarkan keadaan gembira ketika itu, dalam baris puisi yang dihasilkan ‘rialah ria’, ‘hidupmu sayang’, ‘lima benua’ dan ‘restuku mengembang’. Dharmawijaya rasa bersyukur dengan rezeki yang dilimpahkan dan berharap agar pendapatan mereka sentiasa bertambah dari musim ke musim. Perkerjaan sebagai pesawah dan pekebun yang diwarisi daripada keluarganya telah memberi semangat dalam dirinya untuk terus menghargai perjuangan ayah dan ibunya (Susilawati Kamaruzzaman, 2015, Julai 7).

Selain itu, puisi “Sayang Disayang” (Dharmawijaya, 1974, p.29) dihasilkan disebabkan perasaan tertekan yang berlaku dalam diri penyair melibatkan keinginan rasa

cinta terhadap dirinya sebagai anak petani. Penyair Dharmawijaya menyatakan keadaan seperti ini melalui susunan kata-kata pada baris kedua setiap rangkap puisi seperti: ‘hatiku sayang’, ‘citaku sayang’, ‘padiku sayang’, ‘tidurmu sayang’, ‘hidupmu sayang’, ‘keimananmu sayang’, ‘sejahteramu sayang’ yang merujuk kepada perasaan cinta dalam semua aspek kehidupan. Keinginan rasa cinta terhadap insan dalam diri penyair merupakan satu fatamorgana yang indah dan tidak berpenghujungnya. Nilai keindahan juga terdapat dalam puisi terpilih Dharmawijaya dan tidak terletak pada bahan tetapi juga pada pasangan bunyi yang serasi melalui penggunaan bahasa. Kehidupan yang dilalui petani di kampung penyair dinyatakan dengan susunan bahasa yang teratur dan jelas bagi menggambarkan keinginan dalam diri. Melalui pemilihan diksi dan susunan kata yang indah didapati penyair Dharmawijaya amat prihatin dengan kehidupan petani di kampung kelahirannya. Kegigihan petani yang berterusan dan berbudi kepada tanah untuk mencari rezeki bagi menyara keperluan keluarga. Rasa cinta yang wujud dalam diri penyair melibatkan rasa sedih dan simpati mengenangkan jasa dan budi yang dicurahkan oleh golongan petani di Kampung Talang yang akan sentiasa dikenang. Penyair Dharmawijaya melalui puisinya menjelaskan betapa tingginya pengorbanan petani yang diberikan kepada masyarakat lain.

Pemikiran penyair Dharmawijaya dalam puisi yang dihasilkan sudah cukup sinonim dengan kehidupan di desa melibatkan kesantunan berbahasa masyarakat di sekelilingnya ketika itu. Penyair meluahkan keinginan rasa cintanya terhadap insan, iaitu apabila mengenangkan petani memperhambakan diri kepada tanah untuk mencari rezeki. Puisi yang dihasilkan oleh penyair Dharmawijaya pada awal tahun 1960-an bertajuk “Anakku Sayang” (Dharmawijaya, 1974, p.39) ini mengamalkan struktur pengulangan kata pada setiap permulaan rangkap puisi menggambarkan penegasan keinginan rasa cinta terhadap

seorang anak. Perasaan *id* yang wujud akibat tekan dalam diri terhadap keinginan rasa cinta telah menyebabkan penyair bertindak balas bagi mencapai kepuasan dalam diri.

Penyair Dharmawijaya menggunakan perasaan *ego* bagi membebaskan tekanan dalam diri yang dialami dengan pelbagai cara namun disesuaikan dengan *superego* yang mengandungi nilai norma masyarakat yang disampaikan menggunakan mekanisme helah bela diri *represi* yang disalurkan ke dalam puisi agar dapat memberi kesedaran dan diterima oleh masyarakat pada ketika itu. Penyair pada awal pengkaryaannya masih terikat dengan gaya penulisan puisi lama seperti syair, gurindam dan seloka dari segi rima dan pengulangan kata. Pengulangan kata yang berlaku dalam puisi “Sayang Disayang” melibatkan pengulangan perkataan ‘anakku sayang’ digunakan pada permulaan setiap rangkap puisi. Pengulangan perkataan berlaku bertujuan bagi memberi penegasan tentang keinginan rasa cinta terhadap insan, iaitu anak disampaikan oleh penyair menggunakan mekanisme helah bela diri *represi* untuk mengalih pandangan masyarakat tentang pentingnya menjaga kebajikan anak-anak. Sementara pengulangan baris ayat yang sama juga dapat memberi maksud sebagai satu penegasan idea.

Puisi “Anakku Sayang” (Dharmawijaya, 1974, p.39) merupakan salah sebuah puisi mengisahkan tentang harapan seorang ibu terhadap anak yang disayangi. Harapan yang digambarkan jelas memperlihatkan keinginan rasa cinta terhadap anak, iaitu wujud dalam diri penyair yang disampaikan melalui puisi menggunakan mekanisme helah bela diri. Mekanisme helah bela diri *represi* diterapkan dalam puisi bagi menyatakan perasaan terpendam dan menyedarkan masyarakat pada ketika itu tentang keadaan diri penyair secara ikhlas, melibatkan rasa cinta seorang ibu. Keinginan rasa cinta dalam diri penyair lahir daripada pengalaman yang pernah dilalui dan kemudiannya diluahkan dalam bentuk puisi. Keinginan rasa cinta terhadap insan yang diluahkan dalam puisi dapat memberi kelegaan dalam diri yang sebelum ini tertekan dan tidak tenteram.

Pada rangkap permulaan baris puisi bertajuk “Anakku Sayang” (Dharmawijaya, 1974, p.39) di bawah menjelaskan tentang perasaan dan harapan seorang ibu terhadap anaknya seperti berikut, ‘luhurlah mengalir’ dan ‘darah pejuang’, berharap anaknya menjadi seorang yang berani berjuang dan kuat berusaha. Keinginan rasa cinta seorang ibu terhadap anaknya dapat dilihat melalui harapannya agar anaknya dapat membantunya pada usia tua nanti.

Anakku Sayang

Lahirlah lahir
anakku sorang
luhurlah mengalir
darah pejuang.

timanglah timang
anakku sayang
besarmu jangan
berbudi telanjang.

Selain itu penyair juga menggambarkan keinginan rasa cinta seorang ibu terhadap anaknya agar apabila dewasa kelak mereka akan menjaga maruah dan nama baik keluarga. Baris puisi seperti ‘besarmu jangan’, ‘berbudi telanjang’ membawa maksud seorang anak itu perlu menjaga marwah diri dan tidak melakukan perkara yang tidak baik dan ditegah oleh agama. Ibu juga mengharapkan agar anak yang disayangi itu dapat membalas budi ibu bapa yang menjaganya sehingga dewasa.

dengarlah dengar
anakku sayang
sumpah nanar
usah ditatang.

Penyair menyatakan tentang perasaan cinta seorang ibu berkait dengan sumpah seperti dalam puisi ‘sumpah nanar’, ‘usah ditentang’. Bagi masyarakat petani sesuatu perkara yang dikaitan dengan sumpah merupakan perkara yang tidak boleh dipandang ringan kerana jika sumpah itu tidak tertunai individu berkenaan akan hilang ingatan dan hidup tidak ketentuan (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2007, p.32). Pemilihan kata

‘sumpah nanar’ bererti sumpah yang tidak bersungguh atau tidak boleh dipercayai. Ini bermakna apabila berlaku sumpah yang tidak bersungguh-sungguh, maka kita tidak perlu menghiraukan sumpah itu.

Di samping itu, keinginan rasa cinta juga dikesan apabila ibu turut berharap agar anak tersayang tidak mudah berputus asa dengan berbagai-bagai cabaran yang perlu dihadapi. Hal ini kerana sebagai umat Islam perlu berpegang teguh pada ajaran agama. Setiap umat Islam perlu berusaha terlebih dahulu sebelum berserah kepada takdir. Mekanisme helah bela diri *represi* digunakan bertujuan menyatakan keinginan terpendam yang tidak dipengaruhi oleh perasaan dendam atau malu menyebabkan kata-kata berkaitan dengan cinta seperti, kasih, sayang, setia dan bahagia digunakan dalam puisi Dharmawijaya. Penyair menjelaskan setiap keburukan dan kegagalan yang berlaku merupakan dugaan Allah dan perlu dihadapi dengan hati yang tenang dan terbuka. Dalam puisi “Anakku Sayang” di bawah ini, keinginan rasa cinta terhadap insan, iaitu rasa cinta dan sayang seorang ibu terhadap anaknya agar tidak cepat mengalah dalam menghadapi dugaan dalam kehidupan kerana setiap kejayaan bermula daripada kegagalan.

cekallah cekal
hatimu sayang
usah disesal
derita mendatang.

setialah setia
citamu sayang
melerai sengketa
di keadilan timbang

relalah rela
kudratmu sayang
mententeram dunia
bergolak bimbang.

(Dharmawijaya, 1974, p.39)

Dalam petikan puisi di atas, nilai kesetiaan juga menjadi pengisian dalam puisi ini. Penyair menyatakan bahawa ibu mengharapkan seorang anak yang setia dapat menyelesaikan masalah keluarga dan masyarakat di sekelilingnya yang hidup dalam serba kekurangan. Harapan juga diberi terhadap generasi muda akan datang agar dapat menikmati segala kemudahan asas seperti air, elektrik, pendidikan dan sistem perhubungan yang baik. Sistem perhubungan dan pendidikan yang baik amat diperlukan terutama di kawasan perkampungan penyair yang sukar dihubungi. Selain itu petani di kampung kelahiran penyair juga terpaksa bergantung kepada penggunaan enjin petrol bagi mendapatkan bekalan elektrik terutamanya pada waktu malam. Menurut Rosnah Baharudin (2000, p.112), kecenderungan berkarya terpancar melalui lukisan nasib, pandangan, pendapat dan harapan masyarakat golongan petani menunjukkan bahawa nasib manusia itu tidak dapat mengelak daripada dibentuk oleh keadaan. Penyair meluahkan perasaan dengan merujuk kepada harapan seorang ibu bagi menyatakan permasalahan dan harapannya. Penyair menyatakan bahawa hasrat ibu dalam puisi yang merelakan segala apa yang telah terjadi kepada perjalanan kehidupannya sebelum ini. Harapan bagi melihat wujud kehidupan kerjasama ada pada bait puisi, iaitu ‘mententeram dunia’ agar dapat hidup dengan aman dan tidak berlaku sebarang kesusahan.

Jiwa penyair Dharmawijaya sudah sebatи dengan kehidupan sebagai seorang anak pesawah dan pekebun sayur. Kebanyakan puisi beliau yang dikaji menggunakan persekitaran Kampung Talang sebagai latar tempat yang menentukan corak sosial kehidupan masyarakat petani di kampungnya. Tekanan dalam diri wujud menyebabkan berlakunya interaksi *id*, *ego* dan *superego*, iaitu *id* melahirkan rasa cinta terhadap apa yang dilalui di kampung halamannya. Keinginan *id* cuba dicapai melalui *ego* bagi kepuasan dalam diri tanpa mengira keadaan ketika itu menyebabkan *superego* berperanan agar perasaan tertekan yang dialami oleh penyair diluahkan dalam puisi yang

mengandungi nilai norma masyarakat pada ketika itu. Hubungan mesra dan semangat kekitaan masih wujud di kampung penyair. Keinginan rasa cinta terhadap masyarakat yang wujud dalam diri penyair melibatkan masyarakat petani dan pesawah Kampung Talang tempat kelahirannya.

Menyusur perkembangan puisi-puisi yang dikaryakan oleh Dharmawijaya dalam tahun 1970-an, penyair mula melemparkan idea-idea berkaitan tentang pembangunan dan kemajuan Kampung Talang daripada segi pertanian dan kemudahan asas yang diperolehi. Contohnya dalam puisi “Mimpi Yang Rela” (Dharmawijaya, 1975, p.65), penyair Dharmawijaya memperkatakan tentang cabaran yang bakal ditempuh oleh anak-anak petani pada masa akan datang. Kenyataan tentang cabaran yang perlu dihadapi jelas terdapat pada baris puisi berikut, ‘pada mimpi semalam’ menyatakan tentang harapan setiap petani untuk mencapai masa depan yang berjaya dan bahagia. Dua kemungkinan yang akan berlaku sama ada seseorang petani itu berjaya atau tidak berjaya dalam menghadapi cabaran kehidupan. Mimpi yang dinyatakan oleh penyair menggambarkan keadaan bahagia terutama kepada anak-anak petani peribumi yang bakal mendapat keistimewaan dan keselesaan hidup.

Keinginan rasa cinta insan yang wujud dalam diri penyair lahir diperlihatkan apabila beliau berjaya menghayati tentang pengalaman kehidupan yang pernah dilaluinya melibatkan keadaan suka duka yang pernah dialami di kampung Talang sejak zaman kanak-kanak sehingga remaja. Sikap rendah diri dan berbudi tinggi merupakan sikap peribadi setiap masyarakat peribumi kampung penyair.

Mimpi Yang Rela

Pada mimpi semalam
pawana berdandan tirai salam
salam cita mahawangsa
membuka kelopak rasa anak-anak peribumi

subur di mata jiwa
keramat dipinta maya.

berkasih mesralah ia
memburu hari yang tiada esoknya
kerana mimpi masakini
akan sujud di bawah gerak budi
mereka yang merendah
rimba hidup di bumi resah
bersama keringat lelah
dan kerelaan senyum tabah.

mimpi semalam yang menyapa mimpi masakini
alunnya ke teluk hati
gemanya merimbuni perjuangan
bahagia sentosa tanpa menadah tangan.

(Dharmawijaya, 1974, p.65)

Keinginan rasa cinta terhadap insan yang wujud dalam diri penyair Dharmawijaya menyebabkan beliau menyatakan tentang perjalanan hidupnya semasa tinggal di Kampung Talang. Kehidupan petani tempat kelahiran penyair amat sukar kerana perlu menghadapi pelbagai rintangan yang semakin mencabar selaras dengan perkembangan arus masa dan pembangunan pada ketika itu. Situasi ini digambarkan dalam baris puisinya seperti berikut ‘rimba hidup di bumi resah’, ‘bersama keringat lelah’, ‘dan kerelaan senyum tabah’. Keadaan pembangunan dalam semua bidang seperti pembangunan sektor pertanian, perhubungan dan ekonomi menyebabkan kos sara hidup semakin meningkat dan golongan muda anak-anak petani perlu melipatgandakan usaha bagi menambah sumber pendapatan harian mereka. Penyair Dharmawijaya menggambarkan jati diri dan semangat yang cekal anak-anak petani bagi meneruskan kehidupan mereka dengan menggunakan mekanisme helah bela diri *represi*, iaiti bagi menyatakan perasaan terpendam dan menyedarkan masyarakat terhadap kehidupan golongan petani yang tidak mundur dan malas secara terus terang merujuk kepada objek lain. Penyair menyatakan pengalaman yang pernah dilalui memberi kesan kepada dirinya masa kini seperti dalam baris puisi ‘mimpi semalam yang menyapa mimpi masa kini’. Penyair memberi penekanan tentang harapannya pada ketika itu yang perlu diteruskan

oleh anak-anak muda dengan bersungguh-sungguh bagi memenuhi cita-cita ibu bapa mereka. Usaha yang bersungguh-sungguh dilakukan memberi kesan yang mendalam bagi melahirkan suasana yang bahagia dan gembira dalam sesebuah keluarga.

Rasa cinta sememang telah wujud secara semulajadi dalam jiwa manusia terhadap sesama manusia, masyarakat dan persekitarannya. Nilai kasih sayang timbul apabila sesuatu perkara yang sama berlaku secara berulang-ulang akan memberi kesan yang kekal dalam diri dan disimpan menjadi sebuah kenangan atau pengalaman. Penyair Dharmawijaya menyatakan rasa cinta sebagai satu perasaan mesra yang lahir dalam hidup yang diluahkan dalam bentuk puisi bertajuk “Sabda Cinta” (1974, p.77). Interaksi *id*, *ego* dan *superego* yang berlaku akibat daripada proses tekanan dalam diri dan pengalaman yang dilalui melahirkan keinginan rasa cinta terhadap insan dalam diri penyair Dharmawijaya. Keinginan *id* cuba dipenuhi oleh *ego* dengan pelbagai cara liar di luar kawal menyebabkan *superego* berperanan untuk mengawal tindakan *ego* dengan mencari memilih jalan keluar yang sesuai dan diterima oleh masyarakat.

Mekanisme helah bela diri *represi* digunakan bagi menyalurkan keinginan penyair ke dalam puisi yang dihasilkannya untuk memberi pandangan dan mengalih kesedaran masyarakat pada ketika itu dengan jelas tentang nilai cinta dan kasih sayang seorang ibu terhadap anaknya. Perasaan rasa cinta antara lelaki dan wanita sememangnya menjadi proses kehidupan semulajadi manusia yang dijadikan berpasang-pasangan. Pada rangkap pertama puisi “Sabda Cinta” penyair Dharmawijaya mengaitkan rasa cinta beliau dengan menggunakan perkataan ‘mesra rasa’ yang membawa maksud cinta yang berulang-ulang.

A. Wahab Ali (1988, p.120) menyatakan bahawa teknik penghasilan puisi di mana setiap penyair mempunyai kebebasan untuk memilih dan menerapkan apa-apa teknik yang difikirkan sesuai yang dapat menyalurkan pemikirannya. Penyair menggambarkan rasa

cinta yang lahir dengan cara menggunakan kata-kata mesra bagi membenarkan perasaan cinta yang terpendam dalam jiwa diluahkan dan disemarakkan melalui puisi.

Rasa cinta dan sayang merupakan perasaan semulajadi yang wujud dalam diri setiap insan yang lahir daripada keadaan tertekan atau kerisauan yang berlaku dalam diri. Diri seseorang manusia akan menjadi kosong tanpa pengisian rasa cinta dan sayang yang berlaku terhadap sesama insan atau objek yang berada dekat dengan jiwa dan sentiasa diingati.

Sabda Cinta

Hidup berbunga cinta
jernih membenihkan suara
mesra rasa
dari benua ke benua
singgah membuaikan kelenaan mimpi
derita budi yang dibenci.
pun cinta
kelak menjadi candu dunia
bila manusia
matanya gerhana
dan dadanya
berdebu pawana
maka kembara cinta
tulus bersabda
rimba gunung lurah ladangku
istananya kesetiaan
berteluk tanjung pantai pulauku
bahteranya kebenaran.

(Dharmawijaya, 1974, p.77)

Sementara itu, keinginan rasa cinta yang wujud secara bawah sedar dalam jiwa penyair telah menyebabkan beliau meluahkan perasaan *superego* yang dirasai dalam baris-baris puisi seperti berikut ‘jernih membenihkan suara’, ‘mesra rasa’, ‘dari benua ke benua’. Rasa cinta dalam diri penyair telah melahirkan harapan dan igauan tanpa memikirkan tentang rasa kecewa atau kesusahan yang akan dihadapi. Keinginan rasa cinta insan menyebabkan penyair mengalami keadaan yang tidak tenteram dalam diri selagi rasa cinta tidak tercapai. Pergolakan dalam diri dan keadaan tidak terurus berlaku seperti digambarkan dalam baris puisi penyair ‘matang gerhana’, ‘dan dadanya’, ‘berdebu

pawana' menerangkan tentang keinginan tidak tercapai yang berlaku dalam diri penyair. Situasi seperti yang dimaksudkan oleh Dharmawijaya dapat dijadikan satu bentuk rangsangan dalam diri yang sedang dilamun cinta dan berkasih sayang.

Mekanisme helah bela diri *represi* diaplikasikan bagi menerangkan maksud sebenar yang terpendam dalam diri penyair berkaitan dengan rasa cinta yang telah dialami melalui puisi. Puisi terpilih Dharmawijaya bertajuk "Sabda Cinta" (1974, p.77) yang dikaji menggunakan Teori Psikoanalisis Freud dapat menghuraikan tentang keinginan rasa cinta dan perjalanan cinta dalam puisi penyair pada baris puisi berikut 'maka kembara cinta', 'tulus bersabda' yang merujuk tentang keikhlasan dan ketulusan yang perlu ada dalam diri bagi mencapai kebahagiaan dan rasa cinta. Nilai ikhlasan dan ketulusan penting dalam sesuatu hubungan berkasih sayang untuk mengeratkan lagi hubungan yang dibina. Banyak cabaran dan dugaan yang perlu dilalui seperti pada baris puisi berikut, iaitu 'rimba gunung dan lurah ladangku', 'rimba gunung...' yang merujuk kepada halangan yang sukar dan rintangan yang sering ada seperti '...dan lurah ladangku' menggambarkan cabaran dan rintangan yang perlu dilalui. Masyarakat petani Kampung Talang secara tidak langsung mempunyai keinginan rasa cinta terhadap apa yang telah dilakukan sehari-hari. Menurut Muhammad Hj Salleh (1986, p.205), penyair yang baik dapat menajamkan deria penglihatan, memperkenalkan kepada jalur warna yang ditangkap daripada kenyataan kepada bentuk dan binaan ayat bagi menggambarkan keindahan melibatkan kehidupan kerana penyair mahir untuk membawa pembaca menjiwai dan menghayati. Secara jelas, Dharmawijaya dapat menggambarkan penderitaan petani mengejar kebahagiaan hidup dengan menghambakan diri bercucuk tanam seawal pagi lagi.

Pada akhir puisi penyair menggambarkan keadaan bahagia merujuk kepada terbinanya istana melambangkan kehidupan yang indah dan gembira, penuh kesenangan

dan kesetiaan antara satu sama lain. Penyair juga menerangkan pada ketika itu mula tercapainya puncak kebahagiaan dalam hidup bercinta dengan menggunakan mekanisme helah bela diri *pindah gantian* pada baris puisi berikut ‘teluk tanjung pantai pulauku’ merujuk kepada tahap kebahagiaan yang paling indah seperti ‘teluk’ menggambarkan peribadi wanita dan ‘tanjung’ sebagai puncak kebahagiaan. Segala yang dicapai memberi makna tentang nilai sebenar keinginan rasa cinta dalam diri penyair yang digambarkan dengan susunan kata yang indah penuh makna.

Puisi yang dihasilkan oleh Dharmawijaya bertajuk “Di Sini Berawal Berakhirnya” (1974, p.6) menggambarkan perasaan keinginan rasa cinta yang wujud secara bawah sedar dalam diri penyair. Perasaan yang tertekan tentang kesusahan hidup yang dihadapi menyebabkan penyair mengambil jalan keluar dengan menghasilkan puisi. Keinginan rasa cinta yang wujud dalam diri menyebabkan jiwa penyair tidak tenteram dan bersedih dengan keadaan yang dialami oleh ibunya. Rangsangan terhadap pengorbanan ibunya yang sanggup melakukan apa saja demi anak tersayang menimbulkan perasaan tertekan dan menyebabkan berlakunya interaksi *id*, *ego* dan *superego* dalam diri penyair. *Id* bertindak balas dengan keadaan persekitaran yang wujud keinginan rasa cinta dalam diri. Keinginan ini cuba dipenuhi dengan *ego* bagi mencapai kepuasan diri dengan melakukan pelbagai tindakan luar kawal yang tidak diterima oleh masyarakat. Seterusnya, tindak balas terhadap perasaan dalam diri *ego* dikawal dengan *superego* menyebabkan penyair Dharmawijaya menghasilkan puisi agar diterima masyarakat pada ketika puisi ini dihasilkan. Puisi Dharmawijaya mengisahkan tentang pengorbanan seorang ibu yang dicintai. Perasaan cinta yang hadir dalam diri penyair diluahkan semula berdasarkan pengalaman yang pernah dilalui. Penyair menjelaskan pengorbanan ibu yang sanggup berjaga siang dan malam untuk anak tersayang pada baris puisi berikut ‘rela budiman’, ‘menitikkan goda’, ‘ke siang malamku’, ‘berembun lara’. Baris baris puisi ini

menggambarkan budi dan jasa ibu yang amat besar bagi memastikan anak yang dipelihara dapat hidup dengan selesa. Seorang ibu tidak tidur sehingga ke pagi menyebabkan keadaan badan menjadi tidak sihat.

Di Sini Berawal Berakhirnya

Kadang waktu
relabudimu
menitipkan goda
ke siang malamku
berembun lara.

kadang waktu
manja mesramu
menghamilkan dusta
ke redup mataku
berkolam duka.
kadang waktu
murnikasihmu
menghamparkan gelora
ke ngeri mimpiku
berbulan jingga.
waktu ke waktu
aku semakin tidak menentu
menikahi hari
yang enggan kumiliki lagi.
di sini budi
bercerai berkecainya setia
di sini hati
berawal berakhirnya cinta.

(Dharmawijaya, 1974, p.6)

Penyair Dharmawijaya menganggap bahawa ibunya seorang yang sentiasa melakonkan watak gembira bagi menyenangkan hati anak tersayang walaupun dalam keadaan sedih. Mekanisme helah bela diri *represi* digunakan oleh penyair bagi menjelaskan keinginan rasa cinta yang telah lama terpendam dalam diri yang diluahkan semula. Situasi ini jelas dizahirkan dalam baris puisi berikut ‘kadang waktu’, ‘manja mesramu’, ‘menghamilkan dusta’, ‘keredup matamu’, ‘berkolam duka’, keadaan sedih digambarkan oleh penyair merujuk kepada mata ibu yang redup dan air mata menyatakan kesedihan, tetapi ibu tetap gembira. Ketika penyair masih kecil beliau terpaksa

menghadapi kesusahan hidup bersama keluarga melahirkan perasaan sedih dan keinginan rasa cinta terutamanya kepada ibunya melalui puisi.

Puisi yang dihasilkan oleh penyair Dharmawijaya melibatkan keinginan yang wujud dalam dirinya seperti keinginan rasa cinta terhadap insan. Penyair berpuisi untuk mengungkapkan perasaan *id* dalam diri dan meluahkan apa yang dirasai melalui *ego* yang dikawal oleh *superego* yang mengandungi pengalaman dan nilai norma sesebuah masyarakat pada ketika itu. Rasa kepuasan dan senang hati timbul dalam diri penyair sekiranya dapat diluahkan terhadap sesuatu perkara yang menjadi tekanan dalam diri (Sahlan Mohd Saman, Othman Puteh dan Ramli Isnin, 1986, p.4). Penyair Dharmawijaya dalam puisinya bertajuk “Beginilah” (1992, p.3) memperkatakan tentang keinginan rasa cinta yang ada dalam diri penyair mengenangkan kehidupan yang dilalui. Berdasarkan pengalaman yang pernah dilalui oleh penyair mengenangkan pengorbanan yang telah dilakukan sebagai pesawah. Penyair mengusahakan sawah setiap hari bagi membantu ibu bapanya mencari rezeki dijelaskan dengan menggunakan mekanisme helah bela diri *sublimasi* tentang perkara yang sebenar berlaku dan disampaikan dalam keadaan paling sesuai walaupun bertentangan dengan keinginan *superego*. Puisi yang dihasilkan penyair Dharmawijaya juga menyatakan tentang kehidupan harian petani seperti dalam baris puisi ‘senja pun turun’, ‘mengusir rambut gadis’, ‘di jendela tanpa langsir’ menggambarkan keadaan gembira anak-anak petani mempersiapkan diri menyambut kepulangan ibu bapanya dari sawah dan kebun.

Keinginan rasa cinta juga wujud dalam puisi penyair Dharmawijaya melibatkan amalan beribadat masyarakat petani di kampungnya. Masyarakat kampung biasanya menunaikan solat maghrib dan isyak di surau setelah seharian bekerja mencari rezeki di sawah.

Beginilah

Senja pun turun
menyisir rambut gadis
di jendela tanpa langsirnya.

sebentar lagi
malam akan mengandung
hatinya membujuk kenangan
pada pagi yang
menggugurkan bunga
di sanggul remajanya.

(Dharmawijaya, 1992, p.3)

Selain itu keinginan rasa cinta terhadap alam juga dapat dilihat pada puisi penyair melibatkan hubungan mesra anak-anak petani bersama keluarga mereka. Keinginan rasa cinta digambarkan oleh penyair melibatkan keadaan selepas makan dengan berehat sambil bertukar fikiran. Segala yang berlaku dijadikan kenangan oleh penyair seperti hasil usaha yang diraih dengan banyak daripada sawah yang merupakan punca rezeki diibaratkan dengan bunga yang gugur dari sanggul seorang remaja wanita.

Selain itu puisi yang dihasilkan oleh penyair Dharmawijaya banyak menyatakan tentang keinginan rasa cinta terhadap jasa ibu. Masyarakat di kampung penyair digambarkan mementingkan sikap hormat kepada ibu bapa. Penyair menganggap ibu adalah individu yang banyak berkorban untuk mendewasakan dirinya yang disampaikan melalui puisi. Keinginan rasa cinta yang wujud dalam diri penyair terhadap seorang ibu amat mendalam dan tidak ternilai bagi dirinya. Penyair secara bawah sedar berdasarkan pengalaman yang pernah dilalui menzahirkan rasa cinta terhadap ibu melalui karya puisinya yang bertajuk “Segalanya Padamu Ibunda” (1992, p.30). Penyair Dharmawijaya menghasilkan puisi bagi menggambarkan perasaan yang terpendam dalam dirinya (Susilawati Kamaruzzaman, 2015, Julai 7).

Segalanya Padamu Ibunda

Masa silam yang terpendam
di suram matamu
merantai badai beban waktu

kutahu
kau masih berupaya
meniduri hamparan duka.

masa kini yang terukir
di senyum ramahmu
mendepani gementar siang gelisah malam
kutahu
kau adalah ladang segala kesabaran
tegak teguh merimbuni pohon ketabahan.
masa depan yang terpancar
di nyala dadamu
kutahu
kau tak rela daun-daun harapan
gugur luruh menampar gegaman.

(Dharmawijaya, 1992, p.30)

Pada rangkap pertama puisi, penyair menggambarkan wajah suram seorang ibu yang mengenangkan masa silam yang penuh dengan rintangan. Kehidupan dalam sebuah keluarga petani miskin turut dihadapi oleh penyair. Peranan ibu sebagai seorang petani digambarkan dalam keadaan sedih terhadap apa yang dilalui dengan membanting tenaga sepanjang hari di sawah mencari rezeki bagi menyara hidup anak-anak. Keadaan ini dinyatakan dalam bait puisi berikut ‘masa silam yang terpendam’, ‘disuram matamu’, ‘merantai badai beban waktu’, ‘kutahu’. Golongan petani sukar untuk melakukan sesuatu perubahan daripada rutin kehidupan mereka kerana kesempitan hidup dan miskin. Mereka mengamalkan sikap rendah diri dan sentiasa bersyukur dengan kehidupan yang telah lalui selama ini sebagai petani pesawah dan pekebun sayur.

Berkat kesabaran dan ketabahan, penat lelah seorang ibu telah terbalas dengan kejayaan anaknya yang telah dewasa. Masa kini yang lebih selesa dan senang dirasai menyebabkan ibu mampu tersenyum dan gembira digambarkan dalam baris puisi berikut, iaitu ‘masa depan yang terpancar’, ‘di nyala dadamu’. Penyair menggambarkan keadaan perasaan dalam dirinya secara *represi*, iaitu secara berterus-terang tanpa melindungi perasaan sedih dan tidak tenang yang pernah dilalui dan dipendam dalam diri.

Berkat ketabahan, kesabaran dan keinginan rasa cinta seorang ibu memainkan peranan penting mengurus keluarga dan mencari rezeki di sawah. Keinginan rasa cinta wujud dalam diri penyair terhadap seorang ibu yang sanggup bersusah-payah berusaha bersungguh-sungguh untuk menjaga dan menyara kebajikan anak-anak.

Dharmawijaya meneruskan kehidupan bagi mencari kejayaan dalam hidup dengan merealisasikan dunia sasteranya. Pada awal tahun 1960-an penyair Dharmawijaya telah berhijrah ke Kuala Lumpur untuk bertugas di Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur (Dharmawijaya, 1998, p.12). Segala pengalaman yang pernah dilalui diluahkan dalam bentuk puisi melibatkan pelbagai cabaran kehidupan terutama dari segi kos sara hidup di bandar besar. Tekanan dalam diri penyair timbul berkaitan dengan kehidupan di bandar yang memerlukan pengorbanan yang besar untuk mencari rezeki bagi menyara kehidupan keluarga (Susilawati Kamaruzzaman, 1999, p.43).

Penyair melakukan perbandingan kehidupan di Bandaraya Kuala Lumpur dengan kehidupan di tempat kelahirannya di Kampung Talang. Masalah kehidupan warga kota telah menyebabkan timbul perasaan tidak selesa dan tekanan dalam diri penyair berlaku secara bawah sedar, iaitu perasaan *id. Superego* digunakan bagi mencapai kepuasan dalam diri yang melibatkan *ego* yang dikawal daripada melakukan pelbagai tindakan yang tidak sesuai dengan norma masyarakat pada ketika itu. Penyair menyesuaikan keadaan tertekan yang dialami dengan cara menghasilkan puisi. Keinginan rasa cinta yang wujud dalam diri penyair Dharmawijaya telah menyebabkan beliau meluahkan segala yang diinginnya dalam puisi yang bertajuk “Risau Perantau” (Dharmawijaya, 1992, p.36) menggunakan mekanisme helah bela diri.

Risau Perantau

Kurasakan

risau perantau
di sangat kenangan mengimbau
ke kampung halaman
berkemarau panjang
di sawah ladang.

kulupakan
risau perantau
di saat mata terpukau
ke bunga-bunga perjalanan
mengelopakan cinta
di impian keluarga.

(Dharmawijaya, 1992, p.36)

Penyair menganggap dirinya sebagai perantau ketika berada di Kuala Lumpur.

Keinginan rasa cinta kepada keluarga dan kampung halaman wujud dalam diri penyair secara bawah sedar. Keadaan persekitaran sawah dan kebun yang indah menyebabkan lahirnya rasa rindu pada keluarga dan kampung halaman. Keinginan rasa cinta dalam diri penyair berlaku secara bawah sedar menyebabkan wujud rasa risau dengan keadaan yang dihadapi oleh ayah, ibu, adik dan penduduk kampung. Menurut Hashim Awang (2002, p.13), jangkaan permasalahan ini merisaukan jiwa penyair. Penyair beranggapan dirinya sebagai perantau, namun jiwanya masih dekat dengan masyarakat kampung dan dalam waktu sama penyair memikirkan permasalahan cuaca yang boleh mengakibatkan banjir dan kemarau.

Sikap keprihatinan yang tinggi dalam jiwa penyair telah melahirkan keinginan rasa cinta kepada diri dan keluarga agar dapat menikmati kehidupan yang lebih selesa. Penyair berpendapat bahawa beliau perlu meneruskan cita-cita untuk berjaya seperti dalam baris puisi berikut, ‘ke bunga-bunga perjalanan’, ‘mengelopakkan cinta’ dan ‘impian keluarga’. Baris-baris puisi menggambarkan keinginan rasa cinta dalam diri penyair untuk memenuhi harapan keluarga terhadap dirinya. Keinginan rasa cinta terhadap keluarga yang mendalam menyebabkan penyair sanggup berkorban dengan menjadi seorang perantau di Kuala Lumpur. Nyoman Kutha Ratna (2007, p.216) menyatakan

bahawa keindahan dalam perjalanan dapat berubah menjadi pengalaman kehidupan yang dapat dikaitkan dengan sesuatu masalah melibatkan memerlukan pemahaman bagi menyelesaikan permasalahan hidup yang ada pada masyarakatnya. Penyair Dharmawijaya dapat menyatakan keinginan rasa cinta dalam diri dengan perkataan yang biasa digunakan sehari-hari dalam kehidupannya sebagai petani. Perkataan yang digunakan mengandungi makna yang mendalam.

Dharmawijaya menggunakan pengalaman yang pernah dialami untuk mengungkapkan persoalan hidup yang ada dalam masyarakat di bandar dan petani di Kampung Talang. Penyair menggambarkan cabaran tetap ada walaupun di mana berada berbekalkan semangat dan ketabahan untuk meneruskan kehidupan. Pergolakan hidup yang dialami oleh penyair Dharmawijaya ketika berada di kota memberi kesan psikologi yang dilahirkan dalam bentuk puisi. Pemikiran yang berlandaskan realiti kehidupan telah berjaya diolah menjadi sebuah puisi yang biasa digunakan oleh seorang petani tetapi mengandungi makna yang mendalam.

Keinginan rasa cinta melibatkan perasaan *id* sememangnya telah wujud secara semulajadi dalam diri penyair. Keinginan rasa cinta yang wujud dalam diri secara bawah sedar memberi tekanan dalam diri menyebabkan penyair akan cuba melakukan sesuatu tindakan bagi memenuhi kehendak yang ada dalam diri dengan *ego* melalui *superego* supaya diterima oleh masyarakat ketika itu. Penyair cuba memenuhi kepuasan dalam diri melalui puisi. Kehidupan sebagai anak petani yang miskin ‘kais pagi makan pagi’ telah dapat membina sikap jati diri bagi memperjuangkan nasib diri dan keluarga. Menurut Hashim Awang (2002, p.7), dalam penghasilan kesasteraan akan tercermin atau rakaman pengalaman daripada pengaruh persekitaran kehidupan yang pernah dialami oleh manusia sasterawan, ini termasuk antaranya perasaan dan keperibadiannya sendiri.

3.4 Keinginan Rasa Cinta Terhadap Masyarakat

Keinginan rasa cinta terhadap masyarakat dianalisis menggunakan puisi-puisi terpilih yang dihasilkan oleh Dharmawijaya. Analisis ini melibatkan perasaan, pengalaman dan pemikiran yang disampaikan menggunakan mekanisme helah bela diri. Hashim Awang (1997, p.99) telah mengaplikasikan pendekatan Teori Psikoanalisis Freud dalam teks sastera tanah air. Keinginan rasa cinta terhadap masyarakat digunakan untuk meneliti hasil karya sastera sebagai suatu ciptaan seni yang dikaitkan dengan keinginan dalam diri yang berlaku semasa karya puisi itu dihasilkan. Keadaan tertekan yang berlaku dalam diri penyair Dharmawijaya secara bawah sedar menyebabkan berlakunya interaksi *id*, *ego* dan *superego*. *Id* menimbulkan keinginan rasa cinta terhadap masyarakat dalam diri penyair yang cuba dipenuhi oleh *ego* melibatkan pelbagai tindakan liar di luar kawal. *Superego* berperanan untuk mengawal tindakan *ego* dengan menyampaikan keinginan dalam diri menggunakan mekanisme helah bela diri yang mengandungi nilai norma masyarakat yang dapat diterima pada ketika itu. Analisis yang dilakukan dapat menjelaskan bagaimana penyair Dharmawijaya dapat menggunakan medium puisi untuk meluahkan perasaan *superego* melibatkan keinginan rasa cinta terhadap masyarakat dalam bentuk puisi. Mekanisme helah bela diri *represi*, *sublimasi* dan *pindah gantian* digunakan untuk mewakili keinginan yang hendak diluahkan dalam puisi yang dihasilkan oleh penyair. Kesan daripada hasil analisis dapat digunakan kepada masyarakat secara menyeluruh dalam bidang ilmu kesusasteraan dan kehidupan.

Suasana Kampung Talang yang damai dan tenang telah menimbulkan keinginan dalam diri Dharmawijaya untuk menghasilkan puisi yang mengisahkan tentang kehidupan masyarakat petani di kampung kelahirannya. Dharmawijaya mengaitkan keakraban kehidupan masyarakat petani dengan lebih jelas melalui puisi yang bertajuk

“Berlagu Bimbang Bersama Sayang” (1974, p.11). Penyair menyatakan kehidupan yang bermula sejak awal pagi hingga ke malam seperti baris puisi ‘Pagi yang jernih’, ‘dan kicau murai’ dan ‘bermandi embun’. Keadaaan tertekan melibatkan perasaan *superego* dalam diri menyebabkan penyair meluahkan perasaannya dalam puisi agar diterima oleh masyarakat ketika itu. Aktiviti harian bercucuk tanam memberi kesan yang mendalam dalam diri penyair sehingga terciptanya puisi bertajuk “Berlagu Bimbang Bersama Sayang” (1974, p.11) puisi ini dihasilkan bertujuan untuk memberi kepuasan dalam diri penyair yang ingin meluahkan keinginan rasa cinta terhadap sikap petani yang dianggap rajin dan kuat berusaha. Penyair Dharmawijaya menerangkan tentang pengalaman yang pernah dilalui sebagai seorang petani dengan cara mengisahkan corak dan gaya kehidupan petani ke sawah.

Pengalaman yang pernah dilalui oleh penyair sejak kecil bersama-sama ibu bapanya ke sawah menimbulkan keinginan rasa cinta dalam diri penyair. Perasaan *id* yang wujud secara semulajadi melahirkan keinginan rasa cinta dalam diri penyair terhadap masyarakat petani di sekelilingnya. Keinginan rasa cinta yang wujud dalam diri penyair diluahkan dengan tindakan *superego* yang lebih sesuai agar diterima oleh masyarakat melalui puisi. Penyair memperlihatkan kesungguhan perjuangan dan pergorbanan golongan petani kepada masyarakat dengan sanggup keluar ke sawah dan ke kebun setiap awal pagi. Keinginan rasa cinta terhadap masyarakat dapat dikesan apabila penyair menggambarkan sikap tanggungjawab golongan petani terhadap keperluan makanan asasi seperti beras dan membekalkan hasil makanan lain terhadap masyarakat disekitarnya.

Berlagu Bimbang Bersama Sayang

Pagi yang jernih
dan kicau murai
bermandi embun

menyapa dan menggetar
hati kita, sayang.

senja yang bening
disapa tabtibau
diintai bulan
dan kita lena
dalam sengketanya.

Dharmawijaya mengaitkan keakraban kehidupan masyarakat petani dalam hidupnya melalui puisi bertajuk “Berlagu Bimbang Bersama Sayang” (1974, p.11). Pemilihan kata yang tepat dapat merealisasikan nilai keakraban kehidupan penyair dengan masyarakat di Kampung Talang pada ketika itu. Rangkap pertama puisi penyair menjelaskan tentang kebahagiaan yang dikecapi oleh petani dalam alam kehidupan kampung yang tenang dan damai. Faktor alam sekeliling dikaitkan dengan mekanisme helah bela diri *pindah gantian (displacement)* merupakan timbal balik perasaan kurang disenangi kepada pihak ketiga melibatkan embun dan suara burung-burung (murai dan tabtibau) bagi menyatakan suasana keceriaan yang ingin dialami oleh penyair Dharmawijaya. Faktor waktu digunakan dengan cara yang berbeza jika dibandingkan dalam puisi “Cinta Sayang di Sawah Ladang” (1974, p.13). Walaupun pemikiran penyair mempunyai persamaan dari segi mesej yang ingin disampaikan tentang perjuangan hidup golongan petani yang bergantung hidup pada hasil tanaman. Penyair Dharmawijaya dalam puisi “Berlagu Bimbang Bersama Sayang” menggambarkan suasana yang segar pada waktu pagi dengan ‘kicau murai’ dan ‘kedinginan embun’. Manakala waktu senja pula digambarkan dengan suasana yang bening untuk menerangkan satu jarak waktu penghujung hari siang. Penyair beranggapan masyarakat petani akan menempuh perjalanan masa dengan penuh cabaran. Keindahan waktu senja digambarkan dengan baris puisi berikut ‘senja yang bening’ dan ‘burung tabtibau’, dikaitkan dengan waktu senja bagi golongan petani berehat dan beribadat setelah sehari bekerja.

Penyair menggunakan mekanisme helah bela diri *pindah gantian* bagi menjelaskan waktu berehat petani berdasarkan baris puisi berikut, iaitu ‘diintai bulan’, ‘dan kita lena’, merujuk kepada waktunya senja dengan kehadiran bulan dan masa untuk tidur. Puisi bertajuk “Berlagu Bimbang Bersama Sayang” (1974, p.11) juga menerangkan tentang perjalanan kehidupan masyarakat petani setiap hari yang ikhlas berusaha besawah dan berkebun. Penggunaan perkataan ‘sayang’ yang berulang-ulang dalam baris puisi membuktikan penegasan terhadap keinginan rasa cinta yang diluahkan oleh penyair terhadap masyarakat petani di kampungnya. Penyair menjelaskan masyarakat petani di kampungnya bekerja dengan bersungguh-sungguh untuk menyara keluarga dengan memerah keringat sepanjang hari mengusahakan sawah padi dan kebun untuk meneruskan kehidupan. Puisi yang dihasilkan penyair Dharmawijaya bertajuk “Berlagu Bimbang Bersama Sayang” berhasil daripada pengalaman yang pernah dilalui oleh penyair sebagai petani miskin yang hidup dalam kesusahan ‘kais pagi, makan pagi’. Berdasarkan keadaan dan pengalaman yang dilalui mewujudkan keinginan rasa cinta yang tidak dapat dikawal dalam diri penyair. Sesuai dengan pendapat yang diberi oleh John Hosper (1969, p.50), “...it is assumed that there is a close connection between art and emotion. ...is a good one because it contains sincere feeling, or because it expresses certain emotions”. Perasaan *id* penyair amat mendalam sehingga menimbulkan keinginan rasa cinta terhadap masyarakat. *Ego* penyair cuba memenuhi keinginan *id* dengan melakukan pelbagai cara melibatkan tindakan liar, Sementara *superego* penyair mendesak *ego* supaya memenuhi keinginan tersebut mengikut norma masyarakat pada ketika itu dengan cara berkarya.

Telah kaukenal
daerah petani
cita dan cintanya
sawah dan lumpur
tulang dan keringatnya

telah kautau

daerah ini
peri bangunnya
jalan merah
berinai debu
lantas mengusik
kebaya birumu.

Keinginan rasa cinta terhadap masyarakat dinyatakan oleh penyair Dharmawijaya berkaitan dengan persekitaran kehidupan masyarakat petani ketika itu. Masyarakat petani yang tidak dapat dipisahkan dengan suasana kampung rumah kayu, sawah padi, kebun sayur, haiwan ternakan, sungai dan bukit-bukau menggambarkan kehidupan petani. Penyair mengaitkan suasana damai dan tenang di Kampung Talang dengan pembangunan sistem perhubungan melibatkan keadaan jalan yang mula ditambah dengan tanah merah bagi pembinaan jalan berturap. Perubahan yang berlaku diibaratkan seperti dalam baris puisi ‘berinai debu’, ‘lantas mengusik’, ‘kebaya birumu’ menyebabkan timbul keinginan rasa cinta masyarakat petani dengan persekitaran dahulu yang indah dan bersih. Pengalaman yang pernah dilalui oleh penyair mewujudkan tekanan bawah sedar, iaitu perasaan *id* penyair amat mendalam sehingga menimbulkan keinginan rasa cinta terhadap masyarakat. *Ego* penyair cuba memenuhi keinginan rasa cinta tersebut. Sementara *superego* penyair mendesak *ego* supaya memenuhi keinginan tersebut mengikut norma masyarakat, iaitu secara berkarya puisi. Pengalaman yang pernah dilalui merupakan satu bentuk ilmu yang dapat meningkatkan rasa prihatin penyair melalui keinginan rasa cintanya terhadap masyarakat.

semalam
kita hidu khabar
parlimen digegar suara
tulang-belulang
setia di sawah
akan dihantar rasa
akan dihantar mesra.

O, daerah ini
bumi keramat
anak-anak tani
akan ada mahsurinya

akan ada malinjanya.

sedang yang datang
derita abad
berpaut rapat
diiringi bimbang
bersamamu, sayang.

(Dharmawijaya, 1974, p.11)

Sikap bekerjasama telah menjadi budaya kehidupan masyarakat petani dalam mengusahakan sawah dan kebun mereka. Sikap kerjasama yang diamalkan terutamanya semasa menjalankan majlis keraian dapat memperlihatkan hubungan mesra dalam kalangan masyarakat petani memperlihatkan keinginan rasa cinta penyair terhadap masyarakat petani. Menurut Talib Samat (2000, p.281), masyarakat adalah unit sosial yang besar memiliki nilai hidup dalam masyarakat seperti kepercayaan agama, budi bahasa dan adat resam sangat dijunjung tinggi, maka dalam unit sosial yang besar itu, ikatan antara anggota keluarga cukup kuat. Kesan daripada amalan kerjasama dan tolong-menolong yang diamalkan, kehidupan masyarakat petani di Kampung Talang menjadi aman dan damai. Unsur persekitaran yang sesuai dikaitkan dengan kehidupan insan, masyarakat dan alam ketika itu bagi disampaikan dalam bentuk puisi.

Dalam puisi ini penyair juga menyatakan tentang berita baik yang akan diterima oleh masyarakat petani di kampungnya. Anak-anak masyarakat petani di Kampung Talang berpeluang melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Kehebatan anak-anak petani dalam kampung penyair dinyatakan seperti dalam baris puisi ‘akan ada mahsurinya’, ‘akan ada malinjanya’, merujuk kepada tokoh hebat dalam legenda Melayu. Menurut Zakaria Othman (1997, p.290), sesuatu perkara yang berlaku dalam lipatan sejarah kehidupan seseorang meninggalkan kesan yang berupa pancaran emosi, sama ada rasa simpati, rasa dendam, rasa sayang, rasa marah, rasa indah dan menyenangkan, malah segala rasa yang terpancar daripada emosi setiap mereka yang mengalami dan mengamatinya akan cuba dizahirkan dalam bentuk karya kreatif. Kesan perubahan

kehidupan yang berlaku dalam masyarakat petani ini menggambarkan akan lahir golongan cerdik pandai dalam kalangan anak petani dari Kampung Talang. Keinginan rasa cinta insan yang digambarkan oleh penyair merujuk kepada perasaan risau dalam baris puisi ‘diiringi bimbang’, ‘bersamamu sayang’ yang menggambarkan sikap prihatin penyair.

Puisi “Kampung Talang” (1974, p.32) dihasilkan lebih merujuk kepada keadaan Kampung Talang yang dihuni oleh masyarakat petani yang bergantung hidup pada hasil pertanian sepenuhnya sebagai sumber rezeki utama. Penyair banyak menerangkan tentang kehidupan masyarakat petani di kampung kelahirannya berkaitan tentang perjalanan hidup yang perlu dilalui dengan penuh cabaran dan penderitaan. Keperitan hidup yang ditanggung oleh masyarakat petani disampaikan melalui puisi “Kampung Talang” (1974, p.32). Keinginan rasa cinta terhadap masyarakat menyebabkan penyair mengalami tekanan dalam diri yang tidak terkawal, iaitu *id* menyebabkan penyair Dharmawijaya berada dalam keadaan bawah sedar. Perasaan *ego* yang wujud dalam diri cuba untuk meluahkan keinginan dalam diri. Penyair memilih jalan keluar *superego* dengan cara berkarya bagi menyelesaikan keadaan tertekan yang dialami. Penyair Dharmawijaya secara *represi* menjelaskan keinginan rasa cinta terhadap masyarakat yang terpendam dengan ikhlas tanpa melibatkan rasa marah atau dendam terhadap pihak tertentu dalam puisinya untuk menyedarkan masyarakat.

Kampung Talang

Duhai kampung Talang
Limpah budimu memangnya kusayang
Sekadarkan di tiap ucap dan kenang
Air mata ini sering berlinang.

Pada rangkap pertama puisi “Kampung Talang” yang dihasilkan oleh Dharmawijaya, penyair menyuarakan keinginan rasa cinta terhadap masyarakat dengan

jujur yang diluahkan daripada dalam jiwa penyair. Keinginan rasa cinta yang dinyatakan oleh penyair melibatkan tempat kelahirannya dengan tanah yang subur memberi manfaat kepada penduduk di Kampung Talang. Penyair Dharmawijaya juga, meluahkan keinginan rasa cinta terhadap masyarakat petani di kampungnya berkaitan peristiwa suka dan duka yang pernah dialami merujuk kepada musim menuai dan musim kemarau. Keadaan ini telah dapat digambarkan pada baris akhir rangkap pertama puisi, iaitu ‘limpah budimu memangnya kusayang’ dan ‘air mata ini sering berlinang’. Keinginan rasa cinta terhadap masyarakat dikesan apabila penyair menjelaskan tentang nasib hidup penduduk di kampung kelahirannya berkaitan dengan pembangunan yang tidak membantu menambah baik kebajikan masyarakat kampung. Sebaliknya penyair berpendapat bahawa proses pembangunan yang berlaku memusnahkan khazanah alam di kampungnya seperti sungai, sawah dan hutan. Kesedihan yang dirasai timbul akibat daripada wujud keinginan rasa cinta terhadap masyarakat di sekeliling penyair.

dan hari ini
atas nama kurnia
yang mengisi dan menempa
wajah baru daerah tercinta
hai, di sayap hidup ini
telah terasa
di kiri duri
di kanan api.

(Dharmawijaya, 1974, p.32)

Penyair Dharmawijaya dalam puisi bertajuk “Kampung Talang” (1974, p.32), juga menjelaskan tentang kesempitan hidup petani. Pembangunan yang berlaku di Kampung Talang telah menyebabkan wujudnya masalah pengambilan tanah pertanian yang menjadi tempat mencari rezeki masyarakat petani. Dalam rangkap puisi di atas terdapat susunan kata yang berkait dengan rasa bimbang berkenaan seperti berikut ‘di kiri duri’, ‘di kanan duri’ menerangkan bahawa kehidupan masyarakat petani mengalami tekanan dengan proses pembangunan yang berlaku di kampungnya. Mekanisme helah bela diri *represi*

digunakan oleh penyair Dharmawijaya untuk menyedarkan masyarakat tanpa berselindung bagi menyatakan keinginan rasa cintanya yang telah lama terpendam terhadap masyarakat Kampung Talang melibatkan perubahan kehidupan dari segi gaya hidup mereka. Keinginan rasa cinta terhadap masyarakat petani yang terdapat dalam puisi Dharmawijaya dapat diterima oleh golongan pembaca sebagai pengajaran dan pengiktibaran. Penyair Dharmawijaya berharap agar puisi yang dihasilkan melibatkan masyarakat petani di kampungnya dapat diselesaikan dan tidak hanya menjadi satu impian.

Dengan Citawaja

Dengan citawaja
mari kita meniti dada dunia
cekal di bawah hangat mentarinya
menunda gelombang mainan lautnya
tanpa seribu sangsi
di debu bunga mimpi.
lalukan rindu ke pulau jauh
pinta sendu pinta rapuh
di denyut rasa unggun keyakinan
di ladang hati mahkota kerelaan.
dengan citawaja
nyanyian citawaja
nyanyikan selama
hidup menatang perjuangan
mati mengusung kemenangan.

(Dharmawijaya, 1974, p.54)

Penyair menaruh harapan terhadap masa depan masyarakat petani supaya tidak lagi terus menjadi petani miskin. Analisis yang dilakukan terhadap puisi bertajuk “Dengan Citawaja” (1974, p. 54) yang dihasilkan oleh penyair Dharmawijaya memperlihatkan pemikiran berdasarkan pengalaman yang pernah dilalui. Perasaan tertekan terhadap nasib masyarakat petani di Kampung Talang telah mewujudkan perasaan *id* dalam diri penyair. Tekanan dalam diri yang berlaku cuba diluahkan menggunakan *ego* bagi mencapai kepuasan dalam diri. Perasaan *ego* penyair dikawal berdasarkan pengalaman yang pernah dilalui dengan *superego* menggunakan mekanisme helah bela diri *represi* melibatkan perasaan yang telah lama terpendam dalam jiwa penyair yang diluahkan dalam puisi.

Penyair berharap agar dengan cara berpuisi golongan petani diberi semangat untuk bertani dengan lebih bersemangat dan bersungguh-sungguh bagi mendapatkan hasil yang lebih baik. Masyarakat petani perlu menpunyai tekad dan azam dalam hidup tanpa berputus-asa untuk terus berjaya dalam usaha mereka. Keadaan yang dimaksudkan jelas pada rangkap pertama puisi, iaitu ‘cekal di bawah hangat mentari’ yang menerangkan golongan petani tetap bersemangat bekerja dan berusaha walaupun di bawah panas terik matahari.

dengan citawaja
nyanyian citawaja
nyanyikan selama
hidup menatang perjuangan
mati mengusung kemenangan

Penyair juga menaruh harapan agar masyarakat petani di kampungnya dapat berfikiran lebih ke hadapan untuk terus berjaya dan tidak mudah berputus asa, segala rintangan perlu diharungi dengan semangat yang kuat. Pemikiran yang lahir daripada perasaan yang terpendam dalam diri penyair disampaikan menggunakan mekanisme helah bela diri *represi* yang mempunyai kaitan dengan keinginan penyair. Penghayatan terhadap kehidupan masyarakat petani di Kumpung Talang digunakan oleh penyair bagi memperlihatkan sikap kebergantungan masyarakat petani terhadap hasil tanaman yang ditanam. Perasaan cinta terhadap masyarakat dalam diri penyair menyebabkan puisi ini dihasilkan. Kehidupan perlu diteruskan dengan semangat yang kental dan segala kejayaan yang telah dicapai perlu diberitahu kepada umum agar semangat yang wujud dalam diri warga petani tidak pudar seperti dalam puisi ‘nyanyian citawaja’, ‘nyanyikan selama’, ‘hidup menatang perjuangan’ dan ‘mati mengusung kemenangan’. Segala yang ditinggalkan akan menjadi kenangan berkekalan dan dapat dibanggakan oleh masyarakat akan datang.

3.5 Keinginan Rasa Cinta Terhadap Alam

Keinginan rasa cinta terhadap alam wujud dalam diri penyair kerana perasaan yang tertekan menginginkan keselesaan, keindahan dan kebahagiaan. Penyair seperti Dharmawijaya meluahkan keinginan rasa cinta terhadap alam yang ada dalam diri melalui karya puisi yang dihasilkan. Keinginan rasa cinta terhadap alam dalam puisi Dharmawijaya merujuk kepada suasana kampungnya dan hasil pertanian yang diperolehi dari sawah dan kebun sayur. Puisi terpilih Dharmawijaya dikaji melibatkan keinginan rasa cinta terhadap alam kehidupan petani di Kampung Talang tempat kelahiran penyair sesuai dengan Teori Psikoanalisis Freud yang digunakan, masyarakat petani di Kampung Talang bekerja dengan bersungguh-sungguh mengusahakan sawah dan kebun sayur. Pendapatan masyarakat petani di Kampung Talang berkurang jika tanaman yang ditanam tidak menjadi atau rosak diserang penyakit. Masyarakat petani perlu menghadapi masalah ini kerana mereka bergantung hidup sepenuhnya dalam bidang pertanian yang menjadi sumber rezeki kehidupan mereka.

Pengalaman hidup bersama keluarga di Kampung Talang menyebabkan penyair meluahkan perasaannya melalui puisi bertajuk “Debaran” (Dharmawijaya, 1974, p.4) yang dihasilkan bertujuan untuk menerangkan kepada golongan pembaca dan masyarakat tentang keinginan rasa cinta terhadap tempat lahirnya. Penyair menyatakan perasaan rindu bertujuan bagi menerangkan tentang keinginan rasa cinta yang sentiasa wujud terhadap kampung halaman. Perasaan tertekan yang wujud daripada perasaan *id* dalam diri menyebabkan diri penyair tidak tenteram. Oleh yang demikian, perasaan *ego* dan *superego* yang wujud secara semulajadi dalam diri penyair membenarkan rasa tertekan yang dialaminya diluahkan dalam bentuk puisi. Walaupun penyair Dharmawijaya telah merantau ke serata tempat dan menghadapi banyak rintangan, tetapi rasa cinta terhadap

kampung halaman tetap ada dalam diri penyair. Sanjungan yang tinggi terhadap kampung halamannya diberikan oleh penyair seperti dalam baris puisi berikut ‘telah jauh hidup menjengkau gunung dan lurah’, ‘dalam ratap dan tangis manusia’, ‘lalu padamu cinta terakhir tertumpah’, ‘mengharap damai bagai para wali di syurga’ menggambarkan keindahan kehidupan di kampung yang ada dalam diri penyair. Keinginan rasa cinta penyair diluahkan dalam bentuk puisi bagi mendapatkan kepuasan dalam dirinya.

Debaran

Semarak kenangan berlengkar ke titisan rindu
antara pertemuan siang dan malamnya
dan hati paling kudus berlagu
mengharap sayang dan setia selamanya berbunga.

telah jauh hidup menjengkau gunung dan lurah
dalam ratap dan tangis manusia
lalu padamu cinta terakhir tertumpah
mengharap damai bagai para wali di syurga.

semakin dekat sayang berlabuh ke puncak
tambah kencang debaran di dada
kalau esok duniaku retak
takut hatimu berpaling pula.

(Dharmawijaya, 1974, p.4)

Penyair Dharmawijaya menggunakan mekanisme helah bela diri *sublimasi* yang melibatkan tindakan yang sesuai bagi kepuasan dalam diri. *Sublimasi* dapat melindungi *id* penyair daripada terus tertekan dan mencapai kepuasan dalam bentuk penghasilan puisi. Puisi “Debaran” (1974, p. 4) terhasil ketika penyair sedang menjiwai dan menghayati keinginan rasa cinta yang wujud dalam diri penyair terhadap kampung halamannya. Pengalaman yang pernah dilaluinya digunakan bagi membentuk tindak balas dalam dunia bawah sedar penyair. Penyair membariskan kata-kata berkaitan dengan keinginan rasa cinta yang ada dalam diri bagi mencapai kepuasan dan melegakan tekanan dalam diri.

Penyair Dharmawijaya menggambarkan keadaan kesusahan yang dialami ketika berada di perantauan. Penyair mengajak masyarakat menghayati rasa rindu yang dirasakan terhadap kehidupan di kampung halamannya. Keinginan rasa cinta yang wujud dalam diri penyair dinyatakan dalam bentuk puisi. Masyarakat dan golongan petani di Kampung Talang dapat menghargai segala kenikmatan yang ada di tempat lahir penyair. Sikap atau nilai yang muncul daripada keinginan dalam diri penyair ini sejajar dengan pandangan Friedrich Nietzsche. (2007, p.169), iaitu “*irony attitude is that which finds nothing great, ... the attitude can readily become tiresome..., where the author presents all his material with equal detachment, can be a true composition be made...*”. Beliau menerangkan permasalahan kehidupan yang dihadapi menyebabkan timbul berbagai-bagi tindakan yang memberi kesan mendalam dalam diri. Dalam puisi terpilih Dharmawijaya yang dianalisis bertajuk “Debaran” dapat memperlihatkan bahawa keinginan rasa cinta jelas dapat dihayati daripada jiwa penyair sendiri. Keadaan ini dapat dikesan pada setiap rangkap atau bait-bait puisi yang menaruh harapan bagi memperlihatkan keinginan terhadap rasa cinta.

Sebagai menghargai kehidupannya di Kampung Talang, penyair Dharmawijaya menghasilkan puisi bertajuk “Desaku” (1974, p.16). Beliau menggambarkan keinginan rasa cinta terhadap alam, iaitu merujuk kepada kehidupan petani di kampungnya yang menghadapi pelbagai masalah seperti hujan dan kemarau. Masyarakat di kampung penyair menanam padi dan berkebun sayur semenjak Kampung Talang mula dibuka seperti yang digambarkan dalam baris puisinya ‘jalan merahnya’, ‘berinai debu’, ‘sawah ladangnya’ dan ‘kemarau selalu’. Penyair menjelaskan tentang keadaan kampung yang baru dibuka dengan keadaan jalan tanah merah yang belum berturap. Naffi Mat (2010, p.525) menjelaskan bahawa penyair Dharmawijaya tidak lari daripada mengungkapkan permasalahan masyarakat yang berkait dengan masalah kehidupan golongan petani

miskin yang berhadapan dengan fenomena alam dari segenap sudut kehidupan. Alam kehidupan penduduk Kampung Talang juga menjadikan tumbuhan seperti pucuk paku, herba dan kayu hutan di sekeliling sebagai khazanah yang berharga dan menjadi punca pendapatan sampingan mereka untuk meneruskan kelangsungan hidup.

Penyair menerima banyak pengajaran tentang kehidupan sebagai anak petani semasa di Kampung Talang. Perasaan *id* terhadap alam kehidupan masyarakat di kampungnya yang hidup sebagai petani menyebabkan penyair Dharmawijaya berasa tertekan menimbulkan keinginan rasa cinta terhadap alam merujuk kepada Kampung Talang. Keinginan yang wujud secara semulajadi dalam diri menyebabkan penyair cuba menghilangkan perasaan tertekan yang dialami *ego* tentang apa yang dirasakan. Tindak balas yang sesuai berlaku bawah sedar *superego* yang turut wujud dalam diri penyair berdasarkan kepada pengalaman yang pernah dilalui menyebabkan penyair menghasilkan puisi sebagai jalan keluar daripada perasaan tertekan.

Desaku

Desa tumpah kasihku
betapalah peribangunmu
jalan merahnya
berinai debu
sawah ladangnya
kemarau selalu.
desaku tanah perindu
besar dan dewasa
usia anak-anakmu
gigih meminta-minta
dirangsang derita
dan pestanya
bermandi mentari hanyut sendiri.

Alam kehidupan penduduk Kampung Talang yang mengusahakan tanah sawah untuk menanam padi dan berkebun sayur sejak turun-temurun melahirkan keinginan rasa cinta terhadap alam dalam diri penyair. Keadaan cuaca yang tidak menentu yang

digambarkan dalam baris puisinya, iaitu ‘sawah ladangnya’ dan ‘kemarau selalu’ merujuk kepada cabaran yang perlu ditempuhi petani Kampung Talang. Petani di kampung penyair mengharapkan bantuan daripada pihak kerajaan seperti yang digambarkan dalam baris puisi, iaitu ‘usia anakmu’, ‘gigih meminta-minta’ merujuk kepada bantuan benih tanaman, baja pokok dan peralatan pertanian untuk bercucuk tanam. Penyair Dharmawijaya dan masyarakat petani di kampungnya menjadikan perkerjaan menanam padi dan berkebun sayur sebagai perkerjaan yang perlu warisi daripada keluarganya. Penyair Dharmawijaya berterusan memperlihatkan halangan dan rintangan hidup golongan petani dalam puisinya begitu bertujuan menggambarkan kecekalan wujud dalam diri petani di kampungnya. Keadaan seperti ini, dianggap sebagai cabaran bagi menguatkan jati diri masyarakat petani. Walaupun pelbagai halangan dihadapi seperti kemarau dan penyakit pokok, keinginan rasa cinta terhadap alam melibatkan tanah yang diusahakan tidak dilupakan. Penyair mengharapkan perubahan hidup yang lebih baik dalam alam kehidupan sebagai petani di kampungnya.

desaku
di hati anak-anakmu
dalam debar menanti
limpah kurnia dunia
akan dimamah sepi
dan dalam setia
bersama takwanya
ai, yang mampat di dada
takbir menghiba

(Dharmawijaya, 1974, p.16)

Pemikiran penyair yang ikhlas tanpa berselindung menyampaikan keinginan rasa cinta terhadap alam menggunakan mekanisme helah bela diri *represi* untuk mengalah pandangan dan menyedarkan masyarakat terhadap alam melibatkan suasana di kampungnya yang mengharapkan perubahan bagi terus maju. Menurut Wordsworth (Dharmawijaya, 1988, p.56) menjelaskan bahawa puisi Dharmawijaya terhimpun

perasaan dan pemikiran. Luahan perasaan dan pemikiran itu dijelaskan oleh penyair Dharmawijaya melalui bahasa yang mempunyai bunyi yang indah dapat dihayati oleh pembaca seperti pada rangkap ketiga puisi “Desaku” (1974, p.16) di atas. Penyair Dharmawijaya menghayati segala keinginan melalui emosi dan imaginasi yang wujud akibat daripada perasaan tertekan dalam diri yang menimbulkan interaksi *id*, *ego* dan *superego* terhadap perkara yang pernah dilalui. Perasaan tertekan yang dilalui tersebut cuba dipenuhi dengan *ego* melibatkan tindakan liar tanpa dikawal menyebabkan *superego* bertindak dengan menggunakan mekanisme helah bela diri *represi* untuk menyalurkan keinginan rasa cinta terhadap alam dalam bentuk puisi untuk menyedarkan masyarakat. Kesan daripada kepuasan yang ingin dicapai penyair menghasilkan puisi yang mengandungi bunyi rima akhir yang indah pada setiap baris puisi seperti berikut ‘di hati anak-anakmu’, ‘dalam debar menanti’, ‘limpah kurnia dunia’, ‘akan dimamah sepi’ diwakili dengan selang bunyi pada rima akhir yang menarik dan penghayatan yang lebih mendalam berlaku dalam kalangan pembaca.

Lagu Cinta Anak Peribumi

Dengan keringat lelah
telah kubelah
resah malam ke ujung pagi
antara limpah budi
bayang bulan bahang mentari
dalam ramah setianya
pada mengumtum bunga
harum mimpi
anak peribumi.

Penyair Dharmawijaya banyak menggambarkan keistimewaan yang dianugerahkan Tuhan kepada penduduk di Kampung Talang seperti dalam puisi bertajuk “Lagu Cinta Anak Peribumi” (1974, p.76). Amalan seperti beribadat ke surau pada sebelah malam untuk memohon keberkatan kepada Tuhan bagi dilimpahi keberkatan dengan hasil yang berganda seperti pada rangkap pertama puisi. Penyair menyatakan bahawa masyarakat

petani mempunyai keinginan rasa cinta terhadap alam kerana segala hasil pertanian yang diusahakan menjadi subur berkat kesuburan tanah di kampungnya. Masyarakat petani sememangnya inginkan hasil pulangan yang baik bagi mengubah cara hidup dengan mengusahakan tanah yang dimiliki dengan bersungguh-sungguh.

Keadaan seperti ini menimbulkan perasaan tertekan *id* dalam diri penyair terhadap alam kehidupan petani di kampungnya. Pada masa yang sama perasaan *ego* yang turut ada dalam diri telah menyebabkan penyair cuba meluahkan perasaan tertekan yang dialami berdasarkan pengalaman dalam diri. Sementara itu *superego* mengambil tempat dengan membenarkan segala perasaan tertekan dialami itu diluahkan dalam bentuk puisi berkaitan kehidupan petani di kampungnya. Masyarakat petani yang dilahirkan di Kampung Talang menjadi anak peribumi yang mempunyai keyakinan diri berusaha dengan titik peluh sendiri bagi mendapatkan rezeki yang halal bersumberkan hasil alam.

Dalam keadaan bawah sedar penyair Dharmawijaya dapat menghayati pengalaman lalu yang pernah dialami bersama keluarga tersayang di kampung kelahirannya. Penyair melahirkan keinginan rasa cinta terhadap tanah tempat lahirnya. Menurut Hashim Awang (1997, p.99) sesebuah karya seni itu haruslah terbentuk dalam keadaan bawah sedar supaya berhasil untuk memberikan kepuasan bagi memenuhi keinginan emosi yang di bawah sedar melalui fantasi, baik untuk penulis maupun peminat atau pembaca. Melalui puisi “Lagu Cinta Anak Peribumi” (1974, p.78) penyair telah dapat menyatakan keinginan rasa cinta terhadap alam mengisahkan tentang tanah yang diusahakan dengan tenaga tulang empat kerat seperti dalam baris puisi berikut, ‘antara limpah budi’, ‘bayang bulan bahang mentari’ dan ‘dalam ramah setianya’ yang merujuk kepada rintangan yang dihadapi semasa mengusahakan tanah unutk bercucuk tanam.

Mekanisme helah bela diri *pindah ganian* yang digunakan oleh penyair untuk menyatakan tentang sesuatu perkara kepada pihak ketiga berkaitan dengan keinginan rasa cinta terhadap alam berlaku secara berselindung. Objek alam seperti ‘bulan’ dan ‘mentari’ digunakan bagi mewakili pihak lain yang dianggap menjadi saksi tentang apa yang telah dilakukan oleh petani kampungnya. Pada rangkap akhir puisi penyair menjelaskan keinginan rasa cinta terhadap alam persekitaran di kampungnya dan pekerjaan bercucuk tanam telah menjadi pengalaman yang tidak dapat dilupakan. Kehidupan masyarakat petani di kampung kelahiran penyair telah mashyur dengan gaya hidup masyarakat petani yang kuat berusaha.

maka setiap air mata dan darah ini
telah menjadi lagu cinta anak peribumi
alunnya menyapa teluk tanjung dasar lautan
gemanya mencium lirik jernih awan-gemawan
lalu bersatu di ladang kehidupan
tumbuh bercambah
rendang dan berbuah
ke denyut rasa
jantung sentosa.

(Dharmawijaya, 1974, p.78)

Hasil pertanian dari Kampung Talang telah dikenali ramai dan menjadi pilihan ramai penduduk dari kawasan lain kerana hasil sayurannya yang segar. Hasil daripada kejayaan yang dicapai masyarakat petani Kampung Talang telah berusaha dengan lebih bersungguh-sungguh dalam bidang pertanian. Hasil yang berlipat ganda seperti dalam baris puisi ‘tumbuh bercambah’, ‘rendang dan berbuah’ telah menggambarkan kejayaan masyarakat petani di kampung penyair. Penyair memperlihatkan keinginan rasa cinta terhadap alam melibatkan kegembiraan yang dirasai.

Analisis yang dilakukan mendapati penyair Dharmawijaya berjaya menzahirkan idea melalui pengalaman yang pernah dilalui dengan kreatif dan kritis. Segala peristiwa yang pernah dilalui dapat dinyatakan melibatkan perasaan *superego* dalam bentuk puisi

menggunakan susunan kata yang indah dan teratur. Unsur keintelaktuan dalam kepenyairan Dharmawijaya melibatkan pemikiran yang dapat membawa maksud mendalam menjadikan puisi yang dihasilkan bermutu tinggi. Sikap ketakwaan dan pasrah kepada tuhan menjadikan penyair seorang bercita-cita tinggi untuk berjaya dan membangun bersama masyarakat di sekelilingnya.

Secara umumnya, puisi terpilih Dharmawijaya yang dianalisis kurang memperkatakan tentang ketuhanan. Terdapat tiga buah puisi dalam kumpulan puisi “Derita Buana” sahaja yang secara jelas berunsur keislaman dan ketuhanan, iaitu puisi ‘Di Lambaian Syawal’, ‘Mengucup Rahmat-Nya’ dan puisi ‘Di Rumah Cinta’. Puisi bertajuk ‘Di Rumah Cinta’ merupakan karya terkini dalam kumpulan puisi “Derita Buana” kerana diletakkan pada akhir halaman kumpulan puisi ini. Puisi ini mengandungi unsur keagamaan yang dikira mendukung nilai ketuhanan dan peribadi muslim. Kesyahduan ini bukan terlihat pada ungkapan puisi, namun yang lebih jelas pada pemilihan diksi yang dilakukan.

Puisi bertajuk “Di Rumah Cinta” (1992, p.64) yang dihasilkan oleh penyair Dharmawijaya menjurus pada alam kehidupan umat Islam dan amalannya mekanisme helah bela diri *sublimasi* (*sublimation*) digunakan oleh penyair bagi melakukan tindakan yang sesuai bagi satu kepuasan dalam diri. Bagi masyarakat kampung yang tinggal di desa, surau merupakan rumah ibadat yang terdekat dengan kehidupaan mereka untuk menunaikan ibadat. Sementara masjid yang besar selalunya berada di pekan atau di bandar yang ramai penduduknya. Surau digunakan oleh umat Islam di kampung kecil untuk menjalankan aktiviti ibadat dan aktiviti sosial dalam kehidupan bermasyarakat. Penyair menggambarkan suasana di surau kampungnya sebagai tempat masyarakat petani berkumpul terutama pada waktu malam bagi menunaikan solat berjemaah maghrib dan

isyak. Di samping mengerjakan solat, penduduk kampung penyair mengambil kesempatan untuk berbincang bertukar-tukar pengalaman bagi menyelesaikan masalah yang mereka hadapi.

Di Rumah Cinta

Setiap kali kukunjungi
rumah cinta
kurasakan
pintu takwa
semakin membukaan
sinar makna
kandil wahyu
titian keagungan-Mu.

Dalam puisi “Di Rumah Cinta” (1992, p.64), sentuhan keimanan benar-benar menguasai diri penyair, mewujudkan perasaan yang menyalaikan rasa cinta dan rindu pada Tuhan. Puisi ini lebih dekat dengan makna ruang ketenangan dan penghayatan. Kunjungan dan kehadiran penyair bermaksud setiap ketika tatkala penyair mengadap Tuhan dengan bermunajat baik dalam solat atau pada waktu seperti malam atau juga pada waktu-waktu lainnya. Munajat menjadi ruang tempat penyair berkomunikasi secara langsung dengan Tuhan. Pada ketika itulah, penyair merasakan kebesaran kuasa Tuhan. Keinginan rasa cinta terhadap alam menggambarkan penyair dapat mendekatkan diri dan menambah keimanannya terhadap keagungan Tuhan. Penyair Dharmawijaya menggunakan mekanisme helah bela diri secara *pindah gantian* dengan unsur metafora yang indah dan mengandungi makna yang mendalam.

Keadaan dan suasana ketika berada di rumah ibadat digambarkan oleh penyair Dharmawijaya melalui baris-baris puisinya “Di rumah cinta” (1986, p.64). Keinginan rasa cinta terhadap alam termasuk tempat ibadat telah menimbulkan perasaan tekanan yang menyebabkan berlakunya interaksi *id*, *ego* dan *superego* dalam diri penyair melahirkan keinginan dalam diri. *Id* wujud akibat daripada keadaan tertekan terhadap

alam melibatkan peristiwa yang pernah dilalui oleh penyair menimbulkan keinginan rasa cinta terhadap alam dalam dirinya. *Ego* berperanan untuk memenuhi keinginan *id* dengan melakukan pelbagai tindakan di luar kawal. *Superego* berperanan untuk mengawal tindakan *ego* dengan melakukan perubahan tingkah laku yang sesuai diluahkan dalam bentuk puisi. Keinginan rasa cinta terhadap alam kehidupan ketika itu digambarkan pada baris-baris puisi berikut ‘Setiap kali ku kunjungi’, ‘rumah cinta’, ‘kurasakan’, ‘pintu takwa’, ‘semakin membuka sinar makna’ menggambarkan alam kehidupan Islam yang tenang dan damai menimbulkan keinginan rasa cinta terhadap alam. Keinginan rasa cinta juga menimbulkan perasaan rendah diri kepada kekuasaan Tuhan dengan cara menggunakan mekanisme helah bela diri *represi*, iaitu dengan berterus terang tanpa berselindung untuk menyedarkan dan mengalih pandangan masyarakat tentang kepentingan untuk bertakwa dan melakukan ibadat. Sikap rendah diri dan bertakwa kepada Tuhan telah menyebabkan masyarakat Islam Melayu banyak melakukan perkara kebajikan seperti saling bantu-membantu bagi diberkati Tuhan.

Penyair menyatakan perasaan dekat kepada Tuhan ini, dalam baris puisinya pada rangkap pertama, iaitu ‘semakin membukakan’, ‘sinar makna’ dan ‘kandil wahyu’, menjelaskan bahawa semakin banyak amal ibadat dilakukan, maka pintu hati seseorang insan itu akan semakin terbuka dengan sinar iman menyebabkan timbul rasa rendah diri kepada Tuhan yang maha berkuasa. Kesedaran pada kebesaran Tuhan merupakan kesedaran yang sangat indah dalam alam pengalaman manusia beribadat. Puisi “Di Rumah Cinta” memperlihatkan kesedaran penyair terhadap kelemahan dirinya dan keagungan Allah yang menciptanya. Penyair berada dalam ruang munajat ini, beliau akan membingkisan janji setia berserah diri kepada Allah. Dalam perjalanan rohaninya, penyair sentiasa mengingati waktu kematian yang kekal abadi di sisi Allah seperti dalam baris puisi berikut:

Setiap kali ku tiduri
rumah cinta ini
kubingkaikan
suara setia
di kamar penyerahan
rindu sentosa
pelayaran kalbu
ke pelabuhan.

(Dharmawijaya, 1992, p.64)

Penyair Dharmawijaya meluahkan keinginan rasa cinta terhadap alam melalui puisi “Di Rumah Cinta”, dengan melakukan penghayatan yang mendalam kepada kekuasaan Tuhan dan alam ciptaan-Nya. Rumah ibadat umat Islam seperti surau di kampung penyair sememangnya telah mashyur dalam kalangan penduduk kampung. Surau yang menjadi tempat ibadat bukan sahaja bagi masyarakat petani tetapi, seluruh umat Islam. Aktiviti beribadat menggambarkan kesetiaan kepada Tuhan dan keinginan rasa cinta terhadap alam ciptaan-Nya. Sikap rendah diri kepada Tuhan yang Maha Berkuasa seluruh alam wujud secara semulajadi menyebabkan timbul nilai keinsafan.

Pengalaman hidup merupakan sesuatu kenangan yang abadi tersimpan dalam diri penyair. Penyair Dharmawijaya dalam puisi “Di Bayanganmu” (1999, p.40) cuba menggambarkan tentang pengalaman hidupnya di Kampung Talang. Penyair menyatakan keinginan rasa cinta terhadap alam kehidupan petani di kampungnya yang tidak berubah-ubah ke arah kemajuan dan pembangunan hidup. Keadaan yang dialami menyebabkan rasa cinta terhadap alam kehidupan di kampung menjadi semakin menebal dalam diri penyair berdasarkan kepada puisi tersebut:

Di Bayanganmu

Ketika kulabuhkan hati
ke bendang sepimu
Kampung Talang yang kujelang
kutatap masih
di bukit berjurangmu

bayangan kasih
terdampar dilingkar kemarau
masa lampau.
ketika ku sentuhkan simpati
ke bendang budinya
Kampung Talang yang kukenang
terimbau masuk
di sungai berlinangmu
bayangan pedih
melanda tebing impian
masa depan.

(Dharmawijaya, 1999, p.40)

Pengalaman hidup yang pernah dilalui oleh penyair dengan melakukan pelbagai kerja seperti besawah padi dan berkebun sayur mewujudkan perasaan *id* dalam diri penyair melibatkan keinginan rasa cinta terhadap alam kehidupan di kampung tempat kelahiran penyair. Perasaan tertekan yang dialami juga menimbulkan perasaan semulajadi *ego* yang bertindak untuk menghilangkan tertekan dalam diri tanpa mengira keadaan. Berdasarkan pengalaman yang pernah dilalui penyair menggunakan perasaan *superego* bagi menyatakan keinginan rasa cinta terhadap alam dalam bentuk puisi yang dapat diterima masyarakat pada ketika itu. Nama Kampung Talang dikaitkan dengan hasil pertanian seperti padi dan sayuran memang telah diketahui ramai. Keadaan kehidupan masyarakat petani di kampung penyair yang susah dan miskin telah menyebabkan penyair sentiasa terkenang dengan nasib penduduk kampungnya walaupun di mana sahaja beliau berada. Keinginan rasa cinta terhadap alam yang wujud dalam diri dinyatakan dalam rangkap pertama baris puisi, iaitu ‘ke bendang sepimu’, ‘Kampung Talang yang ku jelang’ dan ‘kutatap masih’ yang bermaksud penyair menyanjung tinggi dengan megah nama baik kampung kelahirannya memberi banyak pengalaman kehidupan dan rasa cinta terhadap alam.

Dharmawijaya mempunyai daya kreativiti yang hebat, dapat menghayati perjalanan kehidupan masyarakat petani di kampungnya menyebabkan wujud keinginan rasa cinta

terhadap alam tempat tinggal penyair. Penyair memperlihatkan keinginan rasa cinta terhadap alam secara *pindah gantian* melalui baris puisi berikut seperti ‘Kampung Talang yang kukenang’, ‘terimbau masuk’, ‘di sungai berlinangmu’ yang menyampaikan pemikiran dengan maksud yang tersirat kepada pihak ketiga. Kesusahan dan kemiskinan yang ditempuhi menjadi pengalaman yang dapat membentuk gaya kehidupan baru dengan lebih kuat berusaha untuk keluar dari taraf kemiskinan tegar. Menurut Hashim Awang (1997, p.122), penulis akan dapat mengkaji ragam dan perlakuan manusia yang dapat dialami untuk menilai aspek-aspek positif dan negatif bagi maksud dijadikan cermin perbandingan. Rintangan dan halangan yang dialami oleh masyarakat merupakan pengalaman yang dapat dinyatakan oleh penyair dalam puisi-puisi yang dihasilkan.

Dharmawijaya secara bawah sedar berasa cukup terkesan dengan kehidupan petani dan diluahkan dalam baris puisi ‘betapa di sungai berlinangmu’, ‘bayangan pedih’. Mekanisme helah bela diri *pindah gantian* digunakan merujuk kepada timbal balik perasaan kurang disenangi kepada pihak ketiga, objek ‘sungai’ bagi menjelaskan tentang kehidupan sebenar masyarakat petani di kampung kelahirannya yang hidup dalam kesusahan dan miskin. Masyarakat di kampung penyair bekerja sebagai pesawah dan pekebun sayur untuk menyara kehidupan keluarga. Masyarakat petani di Kampung Talang memanfaatkan tanah yang diwarisi sebaik mungkin bagi mendapatkan hasil tanaman padi dan sayuran yang banyak. Penggunaan ungkapan ‘bayangan sedih’ pula merupakan gambaran keadaan sedih dengan kehidupan yang semakin mencabar dan perlu merempuh pelbagai rintangan untuk keluar dari belenggu kemiskinan. Sehubungan dengan ini, ‘di sungai berlinangmu’, ‘bayangan pedih’ merupakan susunan kata yang mengandungi perkaitan rapat dengan objek alam bagi menerangkan apa yang sebenarnya dihadapi oleh masyarakat petani. Petani bergantung hidup sepenuhnya kepada hasil pertanian dan sekaligus mengharapkan kebahagiaan. Puisi yang memaparkan mesej

perjuangan hidup golongan petani ini, mempunyai perkaitan dengan keinginan rasa cinta terhadap alam yang diterjemahkan dalam bentuk puisi. Dharmawijaya secara jujurnya menggesa masyarakat petani agar tidak mudah berputus asa dalam mengharungi kehidupan di kampungnya. Persoalan kehidupan masyarakat dipaparkan oleh penyair dengan penggunaan unsur bahasa yang cukup berhati-hati untuk memastikan pemahaman yang jelas dapat disampaikan kepada golongan pembaca dan kepuasan bagi diri penyair.

3.6 Rumusan

Keinginan rasa cinta penyair terhadap insan, masyarakat dan alam dapat diperlihatkan dalam puisi-puisi terpilih yang dihasilkan oleh penyair Dharmawijaya menggunakan Teori Psikoanalisis Freud. Puisi yang dianalisis bersesuaian dikaji menggunakan Teori Psikoanalisis untuk membincangkan keinginan rasa cinta dalam puisi yang dihasilkan berkaitan dengan perasaan, pengalaman dan pemikiran dalam diri penyair. Keadaan bawah sedar yang melibatkan keinginan rasa cinta dizahirkan oleh penyair dalam bentuk puisi melibatkan diri penyair, masyarakat dan alam. Perasaan tertekan yang wujud secara semulajadi dalam diri penyair melibatkan interaksi *id*, *ego* dan *superego* yang melahirkan keinginan dalam diri bagi mencapai kepuasan dalam dirinya. Pengalaman kehidupan penyair bersama keluarga, masyarakat dan persekitaran di Kampung Talang digambarkan melalui susunan kata yang indah. Pengalaman hidup yang serba kekurangan dan miskin melahirkan idea kepada penyair bagi diluahkan dalam bentuk puisi.

Penyair banyak memperkatakan tentang masalah kehidupan dirinya, masyarakat dan alam yang penuh cabaran. Penyair melalui puisinya juga berkeinginan untuk

meluahkan perasaan tertekan yang dilalui berkaitan kehidupan golongan petani di kampungnya yang sukar menerima perubahan. Secara tidak langsung mekanisme helah bela diri *represi* digunakan bertujuan untuk menyedarkan masyarakat tentang keadaan sebenar melibatkan keinginan yang ikhlas dan jujur tanpa kepentingan diri. Sementara itu, keinginan rasa cinta secara spontan diluahkan dengan cara yang terbaik, melibatkan tindakan *sublimasi* yang sesuai menjadi perantaraan bagi mencapai kepuasan dalam diri penyair diaplikasikan melalui puisi dengan menyatakan rasa cinta, kasih, kesetiaan dan kebahagiaan. Mekanisme helah bela diri *pindah gantian* juga digunakan dalam penghasilan puisi oleh penyair Dharmawijaya merujuk perasaan kurang disenangi kepada pihak ketiga kepada objek di persekitarannya pada ketika itu, seperti tumbuh-tumbuhan dan haiwan bagi menggambarkan sesuatu keadaan dan peristiwa yang berkaitan dengan keinginan rasa cinta. Objek seperti sawah padi, kebun dan sungai telah merupakan suatu objek yang menjadi pelengkap suasana kehidupan masyarakat petani. Penyair turut melakukan perbandingan antara kehidupan masyarakat petani di kampungnya dengan masyarakat yang tinggal di bandar-bandar besar yang sesak dengan kenderaan dan bangunan batu yang tersergam megah. Persekutaran yang telah dilalui oleh penyair menyebabkan timbul keinginan rasa cinta terhadap insan, masyarakat dan alam dalam diri penyair sendiri terhadap kehidupan di kampung halamannya.

BAB 4: KEINGINAN KEHORMATAN

4.1 Pendahuluan

Karya puisi yang dihasilkan oleh penyair Dharmawijaya dianalisis dalam Bab Lima ini untuk menghuraikan keinginan penyair yang melibatkan keinginan kehormatan terhadap insan, masyarakat dan alam. Tekanan perasaan yang dialami oleh penyair yang berlaku secara bawah sedar dapat dihuraikan dengan jelas menggunakan Teori Psikoanalisis Freud. Interaksi *id*, *ego* dan *superego* yang wujud secara semulajadi dalam diri penyair berlaku akibat pengamatan terhadap pengalaman yang pernah dilalui menimbulkan rasa keinginan kehormatan dalam diri penyair. Freud (1962, p.384) memberi penegasan dalam ceramahnya ke-23 tentang psikoanalisis, iaitu:

“The artist has also introvert disposition and has not far to go to become neurotic. He is one who is urged on by instinctual needs which are too clamorous; he longs to attain honor, power, riches, fame and love; but he lacks the means of achieving these gratifications. So, like any other with an unsatisfied longing, he turns from reality and transfers all his libido too, on to the creation of his wishes in the life of phantasy...”

Perasaan tertekan dan kerisauan yang dialami oleh penyair menginginkan kehormatan, kekuasaan, kekayaan, kemasyhuran dan rasa cinta. Menurut Susilawati Kamaruzzaman (Temu bual, Julai 7, 2015), puisi Dharmawijaya banyak menggambarkan keluh kesah dan keinginan agar sesuatu yang diingininya tercapai. Keinginan-keinginan penyair seperti kehormatan terhadap insan, masyarakat dan alam disampaikan melalui puisi untuk menenangkan keadaan dalam diri. Keadaan ini menyebabkan puisi yang dihasilkan oleh penyair bertujuan untuk mencapai kepuasan dan menjadi ruang untuk keluar daripada tekanan yang dialaminya.

Gabungan interaksi *id*, *ego* dan *superego* yang wujud secara semulajadi dalam diri penyair akibat daripada rangsangan pengalaman yang pernah dialaminya. Interaksi *id*, *ego* yang dibantu dengan *superego* dikawal daripada dalam diri dengan cara terbaik bagi mencapai satu tahap kepuasan yang diterima oleh masyarakat ketika itu. Melalui analisis yang dijalankan terhadap puisi terpilih Dharmawijaya didapati tekanan dalam diri penyair diluahkan dengan menggunakan mekanisme helah bela diri seperti *represi*, *sublimasi* dan *pindah gantian*. Mekanisme helah bela diri digunakan oleh penyair bagi melegakan tekanan dalam diri. Puisi yang dihasilkan oleh penyair Dharmawijaya mengandungi peristiwa sebenar yang pernah dialami, dilihat atau didengar berdasarkan pengalaman, pengamatan dan pemerhatian penyair. Menurut Freud (1955, p.15), penulis menghasilkan bahan seni bertujuan untuk mencapai rasa kepuasan terhadap sesuatu yang tidak dicapai sebelum ini. Kepuasan dapat dicapai melibatkan kepada keinginan kehormatan yang diharapkan terhadap insan, masyarakat dan alam. Nilai keindahan diertikan sebagai pengamatan yang simpati terhadap sesuatu perkara tanpa dorongan luar yang dilakukan semata-mata untuk kepuasan.

Keindahan berkait dengan susunan kata yang mengandungi nilai keindahan yang digambarkan tetapi tidak mempunyai tujuan atau matlamat tertentu. Keinginan kehormatan yang diperjuangkan oleh penyair Dharmawijaya dalam puisinya menggunakan mekanisme helah bela diri *represi* melibatkan perasaan yang telah lama terpendam dan diluahkan dalam puisi. Penyair mengimbas kembali atau mengingati semula segala kejadian yang pernah dialami melibatkan perasaan, pengalaman dan menzahirkan kembali pemikiran-pemikiran melalui imaginasi liar kepada keinginan *id*. Keinginan yang wujud dalam diri untuk masyarakat di sekelilingnya dan bukan kerana mengharapkan pujian atau sanjungan daripada pihak tertentu. Keinginan kehormatan yang timbul merupakan satu keperluan kehidupan penyair dan masyarakat ketika itu.

Penyair Dharmawijaya menghasilkan puisi terpilih yang berkaitan dengan keinginan kehormatan bagi memperjuangkan kehidupan petani di kampung halamannya. Menurut Susilawati Kamruzzaman adik perempuan kepada Dharmawijaya (Temu bual , Julai 15, 2015), “sejak dari zaman persekolahan beliau sering membantu ibu bapanya di bendang dan kebun sayur kerana keluarganya dari golongan warga tani”. Penyair Dharmawijaya mempunyai keinginan kehormatan yang tersendiri terhadap insan, masyarakat dan alam di kampungnya. Melalui puisi penyair berharap agar golongan petani, nelayan dan buruh yang hidup serba kekurangan dihormati seperti golongan masyarakat lain dalam sistem kehidupan bermasyarakat. Di samping itu, penyair menggunakan mekanisme helah bela diri *represi*, *sublimasi* dan *pindah gantian* bagi menyampaikan keinginan kehormatan dan menarik pandangan masyarakat tentang kehidupan petani, nelayan dan buruh melibatkan pengalaman yang pernah dialaminya. Objek-objek seperti sawah, padi, bukit-bukau, sungai, haiwan dan tumbuh-tumbuhan kerap digunakan dalam puisi terpilihnya bagi dihayati dan dirasai bersama dengan golongan pembaca dan masyarakat pada ketika itu.

Menurut Mohd Thani Ahmad (1988, p.257), Dharmawijaya dapat menggambarkan kehidupan dalam suasana kesusahan dengan mengisahkan segala kepincangan yang pernah dialaminya melalui puisi. Menurut Susilawati Kamaruzzaman (Temu bual , Julai 7, 2015) jiwa Dharmawijaya amat dekat dengan kehidupannya semasa kecil hingga remaja dalam keluarga petani. Keadaan ini mempengaruhi perasaan, pengalaman dan pemikiran dalam kepenyairannya. Kehidupan masyarakat petani mempunyai perkaitan rapat dengan kehidupan penyair. Penyair Dharmawijaya memperlihatkan permasalahan petani dari segi kemiskinan yang perlu diharungi bagi meneruskan kehidupan. Bagi penyair Dharmawijaya, petani hanya bermodalkan tulang empat kerat untuk meneruskan

hidup. Masyarakat petani bekerja keras semata-mata untuk menyara hidup serta mengharapkan segala usahanya dapat mengubah nasib hidup mereka.

4.2 Keinginan Kehormatan dalam Puisi Terpilih Dharmawijaya

Penyair Dharmawijaya menyatakan bahawa terdapat hubungan secara pragmatis yang pernah dilalui, iaitu keinginan kehormatan sesama manusia untuk memenuhi keperluan hidup. Menurut Mahmood Nazar Mohamed (1990, p.259), menerangkan bahawa Sigmund Freud merupakan orang yang pertama membincangkan Teori Psikoanalisis yang berkaitan dengan keadaan dalam diri dan keinginan penyair. Freud membuat kesimpulan bahawa kehidupan setiap individu hampir sepenuhnya melibatkan keadaan bawah sedar, menyebabkan tindakan luar kawal tanpa disedari berlaku bagi memenuhi keinginan yang wujud dalam diri. Keinginan atau dorongan akibat daripada tekanan dalam diri akan kekal ada dalam keadaan bawah sedar dan akan cuba mencari ruang untuk dipenuhi dan mencapai kepuasan diri. Menurut Naffi Mat (Temu bual, Februari 14, 2016) puisi Dharmawijaya mengandungi mesej yang sarat dengan harapan dan kerisauan terhadap golongan susah dan miskin ketika itu terutamanya mengisahkan tentang kehidupan petani di kampungnya. Keinginan yang biasa wujud dalam diri pengarang atau penyair sastera melibatkan keinginan kehormatan melibatkan perasaan supaya dihormati, dihargai dan disanjung bagi mencapai kepuasan dalam diri yang disampaikan melalui puisi.

Menurut Ali Ahmad (1988, p.20), sifat ini berhubung rapat dengan sifat halus dan sensitiviti jiwa manusia. Dalam konteks ini, penyair mempunyai perasaan untuk mencerahkan pengalaman yang terkumpul untuk dikongsi bersama bagi mencapai

kepuasan dalam diri. Sumber pengalaman yang dilakui oleh penyair hasil daripada pengamatan terhadap masyarakat di sekitarnya atau melalui sumber-sumber lain mewujudkan keinginan kehormatan dalam dirinya. Keinginan kehormatan yang wujud dapat dibahagikan kepada tiga, iaitu terhadap insan, masyarakat dan alam seperti dalam Jadual 4.1 (dimuka surat sebelah). Analisis dilakukan bagi menghuraikan jenis-jenis keinginan kehormatan yang terdapat dalam puisi terpilih Dharmawijaya. Keinginan yang ingin disampaikan oleh penyair Dharmawijaya dalam puisinya dianalisis menggunakan Teori Psikoanalisis Freud. Analisis ini menghubungkan diri penyair dengan perasaan, pengalaman dan pemikiran yang digunakan semasa menghasilkan puisi. Pengalaman yang pernah dilalui oleh penyair Dharmawijaya digunakan semasa proses pengkaryaannya bagi mencapai kepuasan dalam diri yang sebelum ini tidak dapat dicapai dalam kehidupannya sebagai seorang anak petani.

Keinginan kehormatan yang disampaikan melalui puisi oleh penyair bertujuan bagi mengalih kesedaran masyarakat kepada golongan petani pada ketika itu. Penyair mengharapkan masyarakat luar memberi perhatian dan peluang bagi golongan petani, nelayan dan buruh merasai pembangunan dari segi kemudahan awam, ekonomi dan pendidikan. Dharmawijaya juga begitu serius memperkatakan tentang permasalahan kehidupan masyarakat kampungnya yang terdiri daripada petani miskin dan golongan muda yang pergi berhijrah ke bandar untuk mencari pekerjaan. Secara jelas, Dharmawijaya menghasilkan puisi bertujuan untuk merakamkan pengalaman hidup yang pernah dilaluinya semenjak kanak-kanak sehingga remaja bagi memperjuangkan kehidupan petani, nelayan dan buruh yang miskin yang tinggal di Kampung Talang khasnya. Segala ungkapan dalam puisinya dapat dianggap sebagai suatu manifestasi kehidupan yang dialami oleh penyair dan golongan petani yang memerlukan perubahan dalam kehidupan mereka. Penyair Dharmawijaya dapat dianggap sebagai seorang

penyair yang mengalami tekanan dalam diri dan cuba meluahkan segala keinginan kehormatan yang ada dalam dirinya untuk mencapai kepuasan diri. Keadaan keinginan rasa cinta terhadap insan, masyarakat dan alam digambarkan menerusi puisi-puisi terpilih yang dihasilkannya.

Dalam Jadual 4.1, analisis dilakukan menggunakan Teori Psikoanalisis Freud dalam keseluruhan puisi Dharmawijaya yang dikaji. Puisi terpilih Dharmawijaya dipilih daripada empat buah kumpulan puisi, iaitu Warna Maya (1974), Derita Buana (1992), Jejak Kembara dan Mutiara Kenangan (2006). Puisi terpilih dianalisis bagi menghuraikan hubungan Teori Psikoanalisis Freud dengan keinginan kehormatan yang ingin disampaikan terhadap insan, masyarakat dan alam. Keinginan kehormatan terhadap insan, masyarakat dan alam yang digambarkan menerusi susunan kata yang berkaitan dengan unsur kehormatan seperti pengorbanan, keagungan, bakti dan keluhuran. Puisi terpilih Dharmawijaya dianalisis bagi mengesan interaksi *id*, *ego* dan *superego* yang semulajadi wujud dalam diri penyair. Interaksi *id*, *ego* dan *superego* yang berlaku dalam diri penyair menimbulkan konflik dalam diri melahirkan rasa tertekan dan kerisauan yang ingin diluahkan dengan cara yang terbaik diterima oleh masyarakat di sekeliling penyair pada ketika itu.

Mekanisme helah bela diri *represi*, *sublimasi* dan *pindah gantian* digunakan oleh penyair Dharmawijaya bagi menyatakan keinginan kehormatan yang wujud dalam dirinya dengan cara mengalih kesedaran masyarakat melibatkan susunan kata-kata yang indah. Justeru, keinginan kehormatan terhadap insan, masyarakat dan alam yang terdapat dalam puisi-puisi terpilih Dharmawijaya akan dianalisis berserta dengan penghuraian. Melalui puisi terpilih Dharmawijaya terdapat banyak perkataan yang menggambarkan unsur kehormatan dalam puisi yang dihasilkannya. Puisi terpilih Dharmawijaya yang

dianalisis menunjukkan beliau mula memperkatakan tentang keinginan kehormatan terhadap insan, masyarakat dan alam sejak beliau mula berkarya pada tahun 60-an. Hubungan perasaan, pengalaman dan pemikiran di samping keinginan kehormatan dalam puisi terpilih Dharmawijaya dapat dilihat pada Jadual 4.1 sebagaimana berikut:

Bil	Tajuk Puisi	Tarikh Hasilan	Unsur Kehormatan	Keinginan Kehormatan
WARNA MAYA				
1.	Cinta Sayang di Sawah Ladang	30 Sept 1965	merendah, kurnia, khidmat, keadilan	Masyarakat
2.	Suara dan Warna	24 Nov 1965	berbicara, setia,	Masyarakat
3.	Senyum Anak Tani	24 April 1966	limpah kurnia, titis keringat, dewa	Insan
4.	Anak Penyair	22 Sept 1966	unjuk rela, salam sejahtera	Insan
5.	Janganlah	12 Okt 1966	limpah kurnia, keazaman, tekad	Insan
6.	Balada Gadis Tani	27 Okt 1966	kudrat, harapan, kemakmuran	Insan
7.	Dengan Kasih Sayang	15 Feb 1967	luhur, merdeka, kejujuran	Insan
8.	Sekarang	3 Julai 1967	pengorbanan, kemakmuran, perjuangan	Insan
9.	Biru Warna	7 Sept 1967	gelombang, rebut, bahang	Alam
10.	Antara yang Telah Terisi: Pada yang Pernah Memberi	11 Jan 1968	kemerdekaan, keagungan, kesedaran	Masyarakat
11.	Gigih Jiwa	1 Mac 1968	kebenaran, bakti, perdamaian	Insan
12.	Kurnia Hidup	21 Julai 1968	keluhuran, kemakmuran, rela	Insan
13.	Senandung Rakyat	7 Sept 1968	tercinta, kasihnya, korban, membangun	Masyarakat
14.	Lagu Kebangkitan	30 Sept 1969		Alam
15.	Sekali Ini	3 Mac 1970	perjuangan, pengorbanan, citawaja	Masyarakat
16.	Tentukan Kini	4 Julai 1971	budi, dipuja, mengagih	Insan
DERITA BUANA				
17.	Kepada Petani	21 April 1973	keringat, budi, setia	Masyarakat
18.	Beginilah Aku	6 Julai 1974	bakti, bahagia, permata,	Insan
19.	Warga Petani	30 Mei 1983	keringatmu, hormatku, budimu	Insan
20.	Masih Ada	9 Sept 1976	menepis, bersalamans, mendukung	Masyarakat
JEJAK KEMBARA				
21.	Yang Ku Tanyakan	23 Jun 1994	Kedamaian	Masyarakat
22.	Buana Pelaut	26 Jun 1994	menggenggam, mententeram, membela	Masyarakat

Jadual 4.1: Keinginan Kehormatan dalam Puisi Terpilih Dharmawijaya

4.3 Keinginan Kehormatan Terhadap Insan

Puisi terpilih yang dihasilkan oleh penyair Dharmawijaya didapati mengandungi keinginan kehormatan terhadap insan, masyarakat dan alam. Merujuk kepada Teori Psikoanalisis Freud, keinginan-keinginan yang belum dapat dicapai akan menyebabkan berlakunya tekanan bawah sedar yang kemudian diluahkan melalui puisi. Gabungan interasi *id*, *ego* dan *superego* yang wujud secara semulajadi dalam diri akibat daripada rangsangan pengalaman yang pernah dialami oleh penyair. Interaksi *id*, *ego* yang dibantu dengan *superego* dikawal daripada dalam diri dengan cara terbaik bagi mencapai satu tahap kepuasan yang diterima oleh masyarakat pada ketika itu. Penyair Dharmawijaya cuba mencapai keinginan kehormatan terhadap insan dengan cara menulis puisi untuk keluar dari tekanan yang dihadapinya. Keinginan kehormatan insan ini melibatkan diri sendiri, ibu bapa dan individu tertentu.

Senyum Anak Tani

I
menguntumlah senyum anak-anak tani
beriring takwa ke pantai hidup damai terbentang
dalam jernihnya manik-manik embun pagi
yang rela menyapa dan menyambut datang.

lantas kembang ranumlah hati
tika kerlip mata meniti pandang
diliuk lintuk embun padi
limpah kurnia serik getir tulang belulang.

esok akan menari rialah jari
dari tangkai ke tangkai yang setia berbudi
dan bersama titis keringat dibakar mentari
terisilah debar-harap milik sendiri.

Keinginan kehormatan dapat dilihat dalam puisi bertajuk “Senyum Anak Petani” (Dharmawijaya, 1974, p.18). Penyair Dharmawijaya menghasilkan puisi yang berkaitan dengan keinginan kehormatan terhadap insan untuk memperjuangkan kehidupannya

sebagai petani kampung. Puisi yang dihasilkan menekankan keinginan kehormatan terhadap insan, iaitu diri penyair sendiri. Penyair Dharmawijaya cuba menzahirkan perasaan gembiranya kerana memperoleh pendapatan atau hasil daripada kerja keras beliau dan ahli keluarganya seperti dalam baris puisi, ‘menguntumlah senyum anak-anak tani’, ‘beriring takwa ke pantai hidup damai terbentang’. Baris puisi berkenaan menjelaskan tentang perasaan gembira dan penghormatan penyair kepada tuhan yang mengurniakan kehidupan yang selesa dan damai bagi dirinya. Keinginan kehormatan terhadap insan yang mengerjakan sawah padi dizahirkan dalam puisi bertajuk “Senyum Anak Tani” (1974, p.18). Menurut Sohaimi Abdul Aziz (1998, p.105), pengalaman dianggap sebagai satu proses estetik intertekstual yang memperlihatkan konsep triniti yang melibatkan unsur dialogik. Penyair Dharmawijaya meluahkan pengalaman dan perasaan tertekan yang dialaminya dalam bentuk puisi menggunakan susunan kata yang indah bertujuan agar diterima oleh masyarakat pada ketika itu.

Puisi yang dihasilkan oleh penyair Dharmawijaya dapat dikaitkan dengan keadaan diri penyair sendiri merupakan gambaran pengalaman yang pernah dilalui olehnya. Mekanisme helah bela diri *sublimasi* (*sublimation*) digunakan bagi melibatkan tindakan yang sesuai bagi mencapai kepuasan dalam diri. Penyair menyatakan keinginan kehormatan terhadap insan bagi menggambarkan rasa gembira yang pernah dilaluinya apabila turun ke sawah. Hal ini dapat dilihat pada baris puisi seperti ‘jernihnya manik-manik embun pagi’, ‘yang rela menyapa dan menyambut datang’ menerangkan tentang perasaan gembira dan kejujuran penyair yang diibaratkan dengan ‘manik-manik embun pagi’ yang sentiasa ke sawah pada waktu pagi. Penyair menceritakan mengenai kehidupannya di kampung dengan menggunakan susunan kata yang indah dan penuh makna berdasarkan pengalamannya. Segala apa yang dirasai cuba dinyatakan dalam puisi, “Senyum Anak Tani” (1974, p.18). Penyair Dharmawijaya menginginkan imbalan

terhadap apa yang telah diusahakan sejak turun temurun, sebagai pesawah dan pekebun sayur melibatkan keinginan kehormatan terhadap insan, iaitu dirinya. Menurut Hashim Awang (2002, p.3), karya sastera Melayu harus berani dan jujur mendedahkan permasalahan yang dianggap menjadi punca kepada berlakunya segala keresahan sosial dan kepincangan hidup masyarakat serta kegoyahan iman umat Islam. Perjalanan hidup dan masalah yang dihadapi oleh penyair sebagai petani yang bekerja keras bagi meneruskan kehidupan bersama keluarga dan petani mewujudkan tekanan dalam diri penyair.

Penyair menjelaskan kejayaan yang telah dicapai melibatkan pulangan hasil tanaman yang banyak dan memuaskan. Penyair mempunyai keinginan kehormatan dalam diri dan berasa bangga melihat tanaman padi dan sayur hasil usaha kerja keras tulang empat keratnya. Usaha yang dilakukan mendatangkan hasil yang semakin bertambah setiap musim. Penyair juga merupakan seorang manusia yang inginkan balasan berupa penghormatan daripada masyarakat dengan apa yang telah diusahakan. Balasan yang diinginkan itu, merupakan rasa penghormatan yang perlu diberi kepada dirinya sebagai petani atas usaha dan kerja keras yang dilakukan. Penyair menggunakan mekanisme helah bela diri *represi* dalam puisinya bertajuk “Senyum Anak Tani” (Dharmawijaya, 1974, p.18) bagi menyedarkan dan mengalih perhatian masyarakat ketika itu agar mempunyai keinginan kehormatan terhadap insan, iaitu petani. Keinginan kehormatan terhadap insan digunakan bagi mendapatkan balasan atau keuntungan daripada kerja keras beliau membanting tulang sebagai petani. Perkara ini, jelas sekali dapat dilihat pada rangkap kedua puisi, ‘diliuk lintuk embun padi’, ‘limpah kurnia serik getir tulang belulang’, menjelaskan golongan petani bermula seawal pagi lagi telah turun ke sawah dengan menggunakan tenaga tulang empat kerat mengusahakan sawah padi

mereka. Melalui puisi yang dihasilkan oleh Dharmawijaya, penyair menerangkan tentang cabaran yang dilalui dan usaha gigih yang dilakukannya sebagai petani.

Rasa kecewa merupakan perasaan yang dialami oleh setiap manusia. Emosi kecewa ini ditonjolkan oleh penyair Dharmawijaya dalam rangkap ketiga puisi “Senyum Anak Tani” (Dharmawijaya, 1974, p.18), iaitu ‘dari tangkai ke tangkai yang setia berbudi’, ‘dan bersama titis keringat dibakar mentari’, ‘terisilah debar-harap milik sendiri’, penyair menjelaskan petani telah banyak mengorbankan tenaga dan keringat untuk bercucuk tanam bagi memenuhi keperluan masyarakat ketika itu. Melalui puisi penyair Dharmawijaya menyatakan keinginan kehormatan dalam baris puisi beliau ‘terisilah debar harap milik sendiri’, menerangkan agar hasil keuntungan tanaman padinya tidak diraih oleh pihak lain atau orang tengah. Keadaan kegusaran yang dialami dinyatakan secara *represi* dalam baris-baris puisi yang melibatkan susunan kata-kata indah bagi menyedarkan masyarakat kepada rasa syukur terhadap hasil padi yang dibanyak.

II
ai, dari jernih pagi kehening malamnya
anak-anak tani bertasbih hiba
meskipun keringat setia tertumpah
dan khidmat bumi berkurun menyembah
sedang esok, lusa dan seterusnya
derita lara dipapah juga.

o , para dewa di jantung parlimen
dalam tidur dalam jaganya
digegar dan menggegar ucap keramat
keadilan, keamanan dan kemakmuran-
tapi apalah,
kalau cita sekadar bicara
kalau cinta sekadar rasa.

(Dharmawijaya, 1974, p.18)

Perjuangan dan pengorbanan para petani kepada masyarakat setempat disampaikan oleh penyair Dharmawijaya pada bahagian kedua puisi ini ‘meskipun keringat setia tertumpah’, ‘dan khidmat bumi berkurun menyembah’. Keinginan kehormatan terhadap insan dalam puisi ini memperlihatkan penyair Dharmawijaya secara berterus terang menjelaskan peranan dan sumbangan beliau dalam membantu kemajuan petani tanpa mengira masa. Penyair merupakan seorang petani Kampung Talang yang miskin dan hidup dalam serba kekurangan. Penyair melalui puisinya menyatakan bahawa petani sepertinya memerlukan perhatian dan bantuan daripada pihak bertanggungjawab seperti pemimpin-pemimpin tempatan supaya tidak terlepas pandang. Muhd. Mansur Abdullah (1996, p.182), menjelaskan bahawa bagi orang-orang miskin menerima kesemuanya sebagai suatu yang telah ditakdirkan. Melalui puisi yang dihasilkan penyair Dharmawijaya, jelas memperlihatkan petani di kampung halamannya tetap bercucuk tanam walaupun terpaksa berhadapan dengan pelbagai masalah.

Petani di kampung halaman penyair tetap meneruskan perjuangan mereka dengan besawah padi kerana aktiviti bercucuk tanam merupakan sumber pendapatan mereka. Keadaan tertekan yang dihadapi menyebabkan timbul keinginan kehormatan terhadap diri sendiri supaya dihargai oleh masyarakat pada ketika itu. Penyair menggarapkan secara sinis janji-janji pihak bertanggungjawab dalam membantu masyarakat petani. Mekanisme helah bela diri *sublimasi* digunakan bagi menyalurkan rasa kekecewaan dan kekurangan yang dialami dengan cara menulis puisi. Pemilihan kata yang terdapat dalam puisi seperti ‘dewa’ merujuk kepada pihak tertentu sebagai sindiran yang hanya mahu disanjung dan menabur janji kosong. Interaksi *id*, *ego* dan *superego* yang wujud secara semulajadi dalam diri akibat daripada rangsangan pengalaman yang pernah dialami oleh penyair menimbulkan rasa tertekan. Interaksi *id*, *ego* yang dibantu dengan *superego* dikawal bagi mencapai satu tahap kepuasan dalam diri yang diterima oleh masyarakat

ketika itu melalui puisi. Keadaan tertekan yang dialami oleh penyair Dharmawijaya menyebabkan wujud keinginan kehormatan terhadap insan dengan cara meluahkan rasa tidak puas hati penyair kepada pemimpin yang tidak menunaikan janji. Penyair Dharmawijaya (2007, p.27) sendiri pernah memberi sorotan bahawa corak penyuaraannya dibawa dalam suasana pengucapan baru, tidak berlebih-lebihan tentang kemiskinan dan kemelaratan. Nada puisinya seimbang bagi menyuarakan rasa tidak puas hatinya dengan fenomena hidup masyarakat yang pernah berada di sekelilingnya. Penyair Dharmawijaya berjaya mententeramkan diri secara *superego* yang diterima umum dengan menghasilkan pemikiran pada rangkap terakhir puisi secara sinis menyindir pemimpin tentang janji yang tidak tertunai.

Kehidupan penyair Dhamarwijaya sebagai anak petani memberi pengalaman kehidupan dalam diri tentang golongan petani di kampungnya. Pengalaman yang pernah dilalui oleh penyair Dharmawijaya menyebabkan timbul rasa tertekan dalam diri secara bawah sedar sehingga puisi bertajuk “Anak Penyair” (1974, p.22) berkait rapat dengan kehidupannya. Perasaan tertekan wujud apabila penyair mengenangkan kehidupannya semasa kecil bersama keluarga sebagai petani. Menurut Shahnon Ahmad (1994, p.1), insan ialah makhluk yang bertanggungjawab atas segala tingkah lakunya yang dicipta dengan sifat-sifat ketuhanan. Penyair Dharmawijaya menyatakan keinginan kehormatan terhadap insan dalam bentuk puisi. Interaksi *id*, *ego* dan *superego* yang wujud secara semulajadi dalam diri akibat daripada rangsangan pengalaman yang pernah dialami oleh penyair. Interaksi *id*, *ego* yang dibantu dengan *superego* dikawal daripada dalam diri dengan cara terbaik bagi mencapai satu tahap kepuasan yang diterima oleh masyarakat ketika itu. Perasaan *superego* dalam diri telah menyebabkan penyair mencapai keinginan kehormatan terhadap insan melalui penghasilan puisi dan diterima oleh masyarakat.

Anak Penyair

Anda,
ku mohon dikau mengerti
pada tilik pandang sendiri
bahawa pertama dan terakhir
debar ria anak-anak penyair
akan gigih meraih segala rupa
akan setia meniti segala peristiwa.

(Dharmawijaya, 1974, p.22)

Dalam rangkap pertama puisi, penyair menjelaskan tentang penghormatan terhadap sikap kesabaran dan kegigihan yang ada dalam diri penyair sebagai petani pada ketika itu. Penyair bersama keluarga sentiasa berjuang untuk meneruskan kehidupan sebagai petani (Temu bual, Susilawati Kamaruzzaman, Julai 7, 2015). Sementara itu, ilmuan sastera Hashim Awang (1998, p.60) menyatakan bahawa penghayatan atau pengamatan merupakan sikap estetika. Hashim Awang berpendapat bahawa pengamatan pengarang yang melahirkan rasa simpati tanpa satu-satu tujuan dan renungan terhadap sebarang benda yang menarik perhatian. Pendapat Hashim Awang itu dapat dikaitkan dengan analisis kajian puisi terpilih Dharmawijaya tentang pemilihan perkataan-perkataan yang indah tetapi mengandungi sindiran sebagai satu saluran untuk menyatakan rasa kecewa yang dialami penyair. Kesungguhan berserta azam dan tekad petani untuk terus bekerja dan besawah merupakan satu semangat yang harus diberi penghormatan oleh masyarakat lain. Tanpa golongan pesawah dan petani, masyarakat tidak mendapat bekalan seperti beras dan sayur-sayuran.

Golongan petani perlu mengatur langkah dan perancangan dalam menghadapi peredaran zaman untuk masyarakat setempat. Penyair menggunakan mekanisme helah bela diri *sublimasi* bagi menyalurkan rasa kebimbangan yang dialami melibatkan perubahan tingkah laku yang dapat diterima oleh masyarakat ketika itu. Baris puisi yang dihasilkan oleh penyair Dharmawijaya memberi nasihat dalam baris puisi yang berbunyi ‘tiap diatur langkah’, ‘akan beriring salam sejahtera’, ‘dan kembang segala unjuk rela’,

menerangkan masyarakat petani perlu bersatu dan bekerjasama bagi merancang masa depan yang lebih baik. Perkembangan bidang pertanian yang semakin maju menyebabkan terdapat masyarakat petani yang akan ketinggalan. Keadaan ini, menyebabkan desakan hidup pada ketika itu membuat petani tidak mempunyai pilihan untuk meneruskan jati diri sebagai seorang yang kuat berusaha.

Sejarah hidup biasanya memberi kesedaran kepada seseorang individu untuk mengubah cara hidup mereka. Interaksi *id*, *ego* dan *superego* dalam diri penyair menyebabkan beliau mengalami tekanan dalam diri yang dikawal oleh *superego* sehingga lahir tindakan yang diterima oleh masyarakat dengan cara menghasilkan puisi bertajuk “Anak Penyair” (1974, p.22). Apabila dilihat dalam konteks meluahkan perasaan penyair secara *sublimasi* menyatakan tentang keinginan kehormatan terhadap insan yang perlu diberi kepada petani merujuk kepada dirinya yang menanam padi demi kelangsungan hidup diri dan keluarganya.

Janganlah

Janganlah jangan
hidup sekadar dicumbu angan
malam yang penuh keheningan
mengajak kita cekal dalam perhitungan
kerana siang yang bakal tiba
limpah kurnianya di kudrat kita.
janganlah jangan
sekadar meratap tangiskan
hidup yang dimamah kehampaan
kerana saraf nadi kehidupan
adalah segumpal keazaman
yang bertunjang keyakinan
janganlah jangan
digigih tekad memburu harapan
akan ada punah memunahkan
citarasa kemanusiaan!

(Dharmawijaya, 1974, p.23)

Manusia mempunyai angan-angan dan impian. Manusia merupakan makhluk yang berkehendak dan berkeinginan terhadap sesuatu yang terbaik. Bagi memenuhi sesuatu keinginan penyair Dharmawijaya bukan hanya sekadar berangan-angan tetapi ingin mengubah sesuatu impian agar menjadi kenyataan. Manakala sesuatu keinginan yang ingin dijadikan kenyataan perlu bergantung kepada perasaan yang disebut sebagai harapan. Penyair Dharmawijaya dalam puisi “Janganlah” (1974, p.23) dianalisis menggunakan Teori Psikoanalisis Freud bagi membincangkan keinginan kehormatan terhadap insan dalam puisi terpilih Dharmawijaya.

Penyair menyampaikan keinginannya mengenai kehormatan terhadap insan kepada masyarakat di sekelilingnya, iaitu penyair berharap agar mereka berusaha dengan bersunguh-sungguh untuk mengubah kehidupan sendiri dan keluarga. Perasaan semulajadi melibatkan interaksi *id*, *ego* dan *superego* yang wujud dalam diri akibat daripada tekanan dalam diri tentang kehidupan sebagai petani miskin. *Ego* yang turut wujud dalam diri penyair cuba memberi kepuasan kepada *id* tanpa mengira apa cara sekali pun. *Superego* beperanan mengawal keadaan ini, supaya keinginan kehormatan terhadap insan *id* dicapai dengan cara terbaik yang diterima masyarakat. Oleh itu penyair meluahkan keinginan kehormatan terhadap insan dalam bentuk puisi.

Janganlah jangan
hidup sekadar dicumbu angan
malam yang penuh keheningan
mengajak kita cekal dalam perhitungan
kerana siang yang bakal tiba
limpah kurnianya di kudrat kita.

Daripada puisi di atas, penyair juga menggambarkan golongan petani mempunyai sifat cekal dan tabah seperti dalam baris puisi yang dihasilkannya ‘mengajak kita cekal dalam perhitungan’. Melalui puisi ini, penyair menjelaskan tentang perjuangan golongan petani

dalam rutin kehidupan mereka, iaitu mencari rezeki daripada hasil titik peluh sendiri. Ketabahan dalam menempuh rintangan hidup dijelmakan oleh penyair dengan rasa sedih, berduka lara, kecewa dan hampa yang pernah dialami. Dharmawijaya menggunakan pengalaman lepas terhadap perkara yang dihadapi ketika itu, bagi meneruskan kehidupan sebagai seorang petani yang dihormati. Menurut Hashim Awang (2002, p.27), pengalaman-pengalaman hidup manusia dapat disalurkan menerusi pengajaran dan pengetahuan sebagai satu pemangkin untuk membentuk nilai-nilai moral yang baik. Penyair ingin menonjolkan bahawa perkara utama dalam membina kehidupan adalah keazaman, kecekalan, ketabahan, keyakinan dan bersikap positif dalam menangani apa-apa perkara.

Di samping itu, penyair menjelaskan tentang sifat manusia dalam memburu kejayaan dan kepentingan peribadi yang diseleweng oleh hawa nafsu sendiri. Penyair Dharmawijaya memperkatakan dalam puisinya tentang kerakusan manusia mencari harta benda, pangkat dan kedudukan akan lahir sifat dan sikap yang tidak membina seperti, iri hati, dengki, tamak, materialistik dan juga pentingkan diri. Dharmawijaya juga cuba menyimpulkan sifat dan sikap manusia itu tadi merupakan satu entiti kehidupan. Perkara ini, dapat dikesan dalam puisi “Janganlah” (1974, p.23). Puisi yang dihasilkan oleh penyair Dharmawijaya ini didapati sesuai dikaji dengan menggunakan Teori Psikoanalisis Freud. Analisis yang dijalankan mendapati penyair Dharmawijaya mengharapkan masyarakat memberi penghormatan dan pengiktirafan kepada golongan petani yang cekal menjadi seorang petani untuk meneruskan kelangsungan kehidupan. Mekanisme helah bela diri *represi* yang berlaku dalam keadaan bawah sedar melibatkan perasaan tidak puas hati yang terpendam dalam diri berdasarkan pengalaman penyair yang dinyatakan dengan jujur dan ikhlas tanpa dipengaruhi oleh pihak lain. Penyair

menasihatkan agar masyarakat lebih prihatin dan memberi kehormatan terhadap golongan petani yang bekerja keras bagi memenuhi keperluan semua.

Balada Gadis Tani

I

pabila menyambar rendah burung lelayang
bermain riak air di kolam
akan mengertilah gadis di sawah ladang
desa kerdilnya bakal diintai malam.

lantas berlengganglah gadis meniti permatang
dalam kepapaannya hati berpaut
antara desir dan kerimbunan padi
limpah kudrat diserik getir anak tani.
demikianlah siang yang berpayung mentari
mengalir keringatnya membangun cita dan harapan
dan malam yang lena dibuai mimpi
mampatlah ke teluk hatinya segumpal keyakinan.

(Dharmawijaya, 1966, p.24)

Dharmawijaya merupakan seorang penyair yang dilahirkan dalam sebuah keluarga petani miskin. Beliau mempunyai pengalaman kehidupan yang mencabar sebagai anak tani. Pengalaman kehidupan sebagai anak petani yang pernah dilalui mewujudkan tekanan dan keinginan dalam diri untuk diluahkan kepada masyarakat tentang apa yang dialaminya. Pengalaman lepas yang dihayati secara bawah sedar menyebabkan sesuatu tindak balas berlaku berdasarkan apa yang pernah dialami bagi meluahkan keinginan kehormatan terhadap diri penyair sendiri sebagai petani ketika itu. Rangsangan luaran yang dihadapi oleh penyair Dharmawijaya menyebabkan beliau berasa tertekan mewujudkan interaksi perasaan semulajadi *id*, *ego* dan *superego* dalam dirinya. *Ego* yang turut wujud dalam diri penyair ingin memberi kepuasan kepada *id* dengan pelbagai cara. *Superego* mengawal *id* dan *ego*, supaya keinginan kehormatan terhadap insan dicapai dengan cara terbaik mententeramkan diri dengan menerangkan kehidupan golongan petani dalam bentuk puisi agar diterima umum ketika itu. Wan Abdul Kadir (1994, p.51)

berpendapat bahawa pengalaman hidup orang-orang Melayu dengan alam sekitarnya banyak memberi pengajaran kepada mereka. Alam sekitarnya itu juga dapat memberikan ilmu pengetahuan tentang hidup. Keinginan kehormatan terhadap insan dalam diri penyair Dharmawijaya yang berada dalam keadaan tertekan menyebabkan beliau meluahkan apa yang dirasai dalam diri melalui puisi “Ballada Gadis Tani” (*Warna Maya*, 1966, p.24).

Berehat selepas penat bekerja di sawah merupakan salah satu daripada nikmat terbesar bagi petani yang penat bekerja. Setelah sehari membanting tulang besawah dan bercucuk tanam, waktu pulang daripada bekerja merupakan masa yang ditunggu-tunggu oleh petani. Dalam puisi ini, menggambarkan tentang kenikmatan yang dirasai oleh kaum petani ketika pulang daripada membanting tulang di bendang. Tabiat burung-burung yang terbang sekawan pulang ke sarang pada lewat petang dijadikan sebagai satu simbolik berakhirnya waktu siang. Rutin keadaan ini merupakan satu sindiran oleh penyair agar berlaku kesedaran supaya manusia mempunyai keinginan kehormatan terhadap insan, iaitu bersyukur dengan nikmat yang Tuhan dikurnakan.

Penyair menerapkan rasa kegirangan hati pesawah melihat relung sawah padi yang hijau menguning hidup subur menghiasi perjalanan pulang mereka. Rasa kepuasan wujud dalam diri penyair Dharmawijaya apabila melihat pemandangan sawah yang diusahakan memberi seribu kepuasan dengan keringat yang dicurahkan sehari di bendang. Setelah penat bekerja, masyarakat petani berehat pada waktu malam bersama keluarga. Semasa berehat, petani-petani memikirkan tentang urusan pekerjaannya untuk hari esok dan menghitung hasil padi yang akan dituai. Penyair menginginkan agar diberi penghormatan kepada petani yang telah banyak berkorban mengerjakan bidang pertanian untuk

masyarakat. Penghormatan yang diberikan kepada petani menjadi motivasi dalam kepada petani agar mereka bekerja dengan lebih bersungguh-sungguh.

II

hari ini dan esok yang diiring penderitaan
hilang jerit tangisnya ditilik pandang kesedaran
bahawa hidup ini semakin menagih rasa kemanusiaan
yang mencium wajah hanyalah ucap kepura-puraan.

maka bersabdalah gadis tani ke dada dunia
bahawa tiap yang dirasa dan dimilikinya
adalah secebis serpihan emas urai kemakmuran
para kekasih junjungannya di jantung parlimen.
dan manalah bisa hatinya tenteram berjabat tangan
kalau dipinta bersorak sorai tentang ranumnya keadilan
kerana siang malam kerabat karibnya masih juga
besar dan dewasa dalam dunia berombak sengketa.

(Dharmawijaya, 1966, p.24)

Bahagian kedua puisi “Ballada Gadis Tani” (1974, p.24), menerangkan perasaan kecewa penyair terhadap golongan atasan yang tidak menjadikan amanah dan tanggungjawab dengan baik dalam memastikan kehidupan masyarakat petani tidak dipandang rendah. Penyair mengajak pembaca menyelami perasaan petani apabila masyarakat tidak menghargai pengorbanan mereka dapat dilihat dalam baris puisi ‘adalah secebis serpihan emas urai kemakmuran’ penyair Dharmawijaya merasakan dirinya dan petani lain seolah-olah dipandang rendah dan kurang diperlukan dalam pembangunan negara. Golongan pemimpin yang bertanggungjawab tidak menjalankan tugas dan menghargai sumbangan yang diberikan golongan petani kepada masyarakat luar seperti dalam baris puisi ‘hilang jerit tangisnya ditilik pandang kesedaran’, ‘bahawa hidup ini semakin menagih rasa kemanusiaan’, ‘yang mencium wajah hanyalah ucap kepura-puraan’. Penyair menyatakan tentang ketidakadilan yang dilakukan oleh golongan berkuasa dan berdudukan tentang kebijakan petani.

Penyair menjelaskan bahawa golongan atasan hanya memberikan kelebihan dan memandang tinggi terhadap mereka yang berdarjat dan berkedudukan seperti mereka. Sikap seperti ini menyebabkan berlakunya jurang sosial antara petani dan golongan yang berkedudukan tinggi. Menurut Rohana Yusof (1997, p.220), jurang sosial ini juga membawa maksud stratifikasi sosial, iaitu proses membeza-bezakan individu dalam masyarakat yang menyebabkan munculnya satu hierarki yang terdiri daripada lapisan atau strata yang berlainan kedudukannya. Berdasarkan pengalaman lalu penyair sebagai anak petani, penyair telah cuba meluahkan rasa tidak puas hati terhadap masyarakat yang tidak menghormati sumbangan petani. Penyair menggunakan mekanisme helah bela diri *represi* bagi mengalih kesedaran masyarakat terhadap perasaan kekecewaan yang dizahirkan kembali bagi mencapai kepuasan diri. Menurut J.U. Nasution (1975, p.54) berdasarkan latar belakang pendidikan yang baik itu menjadikan sumbangan mereka berjaya memperkayakan puisi dengan teknik serta pemikiran yang berkesan sebagai suatu pengucapan seni. Perasaan dan pemikiran penyair semakin kritis untuk mengungkapkan persoalan kehormatan terhadap masyarakat petani melibatkan sumbangan mereka dalam soal-soal ekonomi, sosial dan politik.

Penyair melalui puisi yang dihasilkan mempersoalkan tentang keinginan kehormatan terhadap sumbangan petani bagi membantu kegiatan ekonomi yang tidak diberi perhatian oleh masyarakat dan pemimpin. Puisi “Balada Gadis Tani” memperlihatkan kehalusan serta kelembutan pengucapan melalui penguasaan bahasa oleh Dharmawijaya yang lebih banyak bersifat perlambangan dan rima.

maka bersabdalah gadis tani ke dada dunia
bahawa tiap yang dirasa dan dimilikinya
adalah secebis serpihan emas urai kemakmuran
para kekasih junjungannya di jantung parlimen.

Sejarah hidup merupakan pengalaman hidup individu yang banyak memberi pengaruh dalam kehidupan manusia. Menurut Braginsky (1994, p.34), kesan ini berpunca dari aspek luaran atau fizikal dan dapat menimbulkan semacam berahi dalam jiwa yang merenungnya. Aspek luaran yang diharapkan oleh petani akan berterusan sehingga wujud keinginan kehormatan terhadap insan yang lahir akibat tekanan dalam diri dibebaskan oleh penyair Dharmawijaya dalam karya puisinya yang bertajuk “Balada Gadis Tani” (1974, p.24). Dalam puisi ini, penyair ingin menyatakan bahawa beliau tidak pernah merasai makna keadilan yang sebenarnya, jika masyarakat masih lagi berada dalam keadaan sengketa dan tidak bersatu padu.

Sekarang

Tentukan cita kita sekarang
dengan sarat muatan
kerana gunung lurah sawah dan ladang
menggamit segala pengorbanan
dari hati budi yang tergadai
dan harap pinta yang tersadai.

berangkat kita sekarang
dengan segala cinta segala
dan gigih takwa perhitungan
pada membangun erti kehidupan
kerana emas-urai kemakmuran
manakan bisa datang tumpah melimpah
dalam tidur jaga sebuah nyanyian
dalam serik getir sebuah tangisan.

ini tulang daging dan darah
yang telah lama dikenal
segumpal kurnia paling mahal
o, sarikatkanlah
segala kudrat dan iradat
keazaman dan keyakinan
ketika meniti bara perjuangan
untuk mengisi telaga impian

(Dharmawijaya, 1974, p.34)

Manusia perlu merancang demi mencapai kejayaan pada masa hadapan. Tindakan perlu dilakukan bagi terus bergerak maju ke hadapan dan mengubah corak hidup

daripada susah kepada senang, daripada mundur kepada maju dan daripada pasif kepada aktif. Penyair menghasilkan puisi bagi menjelaskan keinginan kehormatan terhadap dirinya. Setiap puisi yang dihasilkan Dharmawijaya berlandaskan pengalaman hidup sebagai anak petani. Hashim Awang (1996, p.37) menjelaskan bahawa tanggapan sastera kini bersifat pengalaman hidup, dapat menyingkapkan dan memberikan pengalaman. Begitu juga dengan penyair yang menjadikan cita-cita dan keinginan sebagai pegangan untuk mengubah kehidupan petani. Analisis yang dilakukan terhadap puisi penyair Dharmawijaya menggunakan Teori Psikoanalisis Freud dapat menjelaskan perubahan tingkah laku yang berlaku secara bawah sedar atau *introvert*. Interaksi terjadi antara *id*, *ego* dan *superego*. Perasaan *id* yang lahir daripada keadaan tertekan yang dialami penyair menyebabkan wujud keinginan kehormatan insan dalam diri. *Ego* cuba memenuhi keinginan *id* dengan pelbagai cara. Perasaan *ego* dalam diri berjaya dikawal dengan *superego*, iaitu keinginan yang wujud dalam diri disampaikan dengan cara terbaik dan diterima ramai. Oleh yang demikian, penyair menghasilkan puisi bertujuan memenuhi keinginan kehormatan terhadap insan yang dialami.

Puisi Dharmawijaya bertajuk “Sekarang” (1974, p.34) mengajak masyarakat dan golongan pembaca memberi kehormatan terhadap petani ke arah mengubah kehidupan mereka. Pendidikan merupakan satu medium yang digunakan oleh masyarakat petani untuk mengubah taraf hidup mereka yang dibelenggu oleh kemiskinan. Anak petani dihantar ke sekolah dengan harapan agar satu hari nanti mereka akan dapat mengubah nasib keluarganya yang miskin melalui kerjaya yang lebih baik. Penyair Dharmawijaya menganggap bahawa pendidikan merupakan satu cara untuk mendapat kedudukan yang lebih tinggi dalam masyarakat. Penyair cuba menyatakan keinginan kehormatan terhadap insan, iaitu petani yang sanggup menggadaikan harta benda, sawah dan ladang mereka semata-mata untuk pendidikan kepada anak mereka sehingga ke universiti.

Mekanisme helah bela diri *represi* digunakan penyair bagi mengalih kesedaran masyarakat bagi mewujudkan keinginan kehormatan terhadap petani secara jujur dan ikhlas melibatkan pengorbanan mereka dalam pendidikan anak-anak. Menurut Yusof Othman (1998, p.3), semua manusia memerlukan ilmu untuk memandu dan membangunkan kehidupan secara individu, berkeluarga, bermasyarakat dan bernegara. Selain itu, juga penyair sangat berharap agar anak-anak petani dapat memikirkan masa depan dengan belajar bersungguh-sungguh kerana ibu bapa mereka telah banyak berkorban untuk memberi pendidikan yang terbaik kepada anak-anak mereka. Penyair menjelaskan tentang sesuatu kejayaan itu tidak datang dengan sendiri tanpa ada usaha dan pengorbanan.

Penyair menggunakan mekanisme helah bela diri *represi* bagi menyedarkan dan mengalih pandangan masyarakat di sekelilingnya melalui puisi bagi menjelaskan gambaran sebenar untuk mencapai kejayaan bermula dengan usaha yang gigih dan tekun. Terdapat unsur seruan yang ditekankan oleh penyair terhadap masyarakat petani supaya tidak membuang masa dan berlengah-lengah untuk maju ke hadapan. Penyair menerangkan nilai penghormatan terhadap ibu bapa daripada seorang anak dalam masyarakat petani. Daripada pengalaman lepas penyair, puisinya memberi gambaran tentang para ibu bapa yang sanggup berkorban apa sahaja demi kejayaan anak-anak mereka demi masa hadapan. Pengorbanan yang digambarkan termasuklah kesanggupan menjual sawah bendang dan binatang ternakan bagi menampung perbelanjaan kos pendidikan anak-anak untuk meneruskan pendidikan ke peringkat yang lebih tinggi. Masyarakat petani di kampung kelahiran penyair hidup dalam kemiskinan dan hidup mereka bergantung sepenuhnya pada sumber tanaman yang ditanam bagi menampung kos pendidikan anak-anak mereka. Penyair Dharmawijaya menaruh keinginan kehormatan terhadap insan seperti yang terdapat dalam baris puisinya, iaitu ‘menggamit

segala pengorbanan’, ‘dari hati budi yang tergadai’, ‘dan harap pinta yang tersadai’, penyair berharap anak-anak petani harus memberi penghormatan terbaik membala jasa ibu bapanya mereka yang telah memberikan perhatian sepenuhnya dalam mendidik mereka sehingga berjaya.

Puisi yang dihasilkan oleh Dharmawijaya berdasarkan pengalaman lalunya yang hidup dalam kesusahan bersama ibu bapa sebagai petani di Kampung Talang. Penyair dan ibu bapanya bertungkus lumus dan bergadai harta benda untuk meneruskan kehidupan mereka. Mekanisme helah bela diri *sublimasi* digunakan oleh penyair bagi meluahkan keinginan kehormatannya terhadap insan dengan cara menyalurkan rasa kekecewaan yang dialami dengan menghasilkan puisi. Melalui puisi yang dihasilkan oleh penyair Dharmawijaya yang bertajuk “Sekarang” (1974: 34), keinginan kehormatan wujud dalam puisi yang dihasilkan oleh Dharmawijaya dengan cara mengucapkan terima kasih terhadap ibu bapanya yang mendidiknya dari kecil sehingga berjaya menjadi seorang penyair.

Gigih Jiwa

Jika tak bersedia mengakui
gigih jiwa ini untuk diri
maka sebenarnya kita
telah khianat dan berdusta
pada hidup yang menjunjung kebenaran
pada hidup yang memburu cita impian.

jika rela diikrarkan
gigih jiwa ini melaut-lepaskan
teluk rasa kemanusiaan
pun sebenarnya kita
telah pepura
pada dunia yang melambai rasa
keluhuran bakti sepenuh bukti
pada manusia yang menagih kurnia
kasih simpati yang tak dimungkiri

betapalah tidaknya
o, perindu sejahtera sentosa
di mana didakap suara melakukan kemakmuran

di sana ditatap rintih derita menatang kehidupan
di mana bergema suara melagukan perdamaian
di sana bertiup taufan sengketa antara mayat bergelimpangan.

(Dharmawijaya, 1974, p.41)

Penyair Dharmawijaya menjadikan pengalaman yang ada dalam diri untuk berkarya. Puisi “Gigih Jiwa” (Dharmawijaya, 1974, p.41) yang ditulis oleh beliau berdasarkan perasaan, pengalaman dan pemikiran sebagai anak petani yang hidup dalam kemiskinan. Keperitan hidup yang dilalui penyair menyebabkan timbul rasa tertekan dalam diri. Interaksi *id*, *ego* dan *superego* yang ada dalam diri penyair secara semulajadi diluahkan bagi mencapai kepuasan akibat daripada tekanan yang dihadapi. *Ego* merupakan tindakan liar yang dikawal oleh *superego* bagi mencapai kepuasan diri dengan cara yang terbaik melalui puisi. Pemikiran Dharmawijaya ini didapati sejajar dengan pandangan Hashim Awang (2002, p.16) menyatakan bahawa pengalaman penyair yang dirakamkan terdiri daripada pemerian mengenai pelbagai ragam atau jenis dan perlakuan serta perbuatan manusia yang dapat pula memperkayakan pengalaman dan juga menjadi cermin perbandingan atau pengibaran yang jelas kepada pembaca. Perasaan semulajadi melibatkan interaksi *id*, *ego* dan *superego* dizahirkan oleh penyair Dharmawijaya bagi mencapai kepuasan diri berdasarkan perasaan, pengalaman dan pemikiran dengan cara yang sesuai dalam puisi.

Persoalan yang dilontarkan dalam puisi bertajuk puisi “Gigih Jiwa” (1974, p.41) yang dihasilkan oleh Dharmawijaya melibatkan kejujuran dan integriti dalam kehidupan masyarakat petani. Nilai moral dan etika diri yang diamalkan anak petani dapat mempertahankan prinsip jati diri dan dihormati. Gejala seperti rasuah, tidak berintegriti, menggadaikan maruah diri dan tidak jujur dalam melakukan sesuatu pekerjaan diperlihatkan sebagai gagal mempengaruhi prinsip dan jati diri petani. Penyair turut mengutarakan kelemahan yang ada pada sikap anak petani yang telah berjaya dalam

kehidupan. Mereka mula lupa asal usul mereka sebagai seorang anak petani. Hal ini dapat dilihat dalam puisi berikut, ‘benarlah selamanya akan mengalir’, ‘detik-detik kehampaan’, ‘diharap pinta kehidupan’. Perasaan kecewa dan sedih yang digambarkan oleh penyair dalam puisinya menjelaskan sikap tidak bertanggungjawab anak-anak petani yang berpendidikan dan berjaya dalam kehidupannya.

Mereka yang berjaya dalam kehidupan didapati hanya mementingkan diri sendiri tanpa melihat kepada kehidupan lalu yang telah ditempuhi. Hal ini dapat dilihat dalam baris puisi ‘gigih jiwa ini melaut-lepaskan’, ‘teluk rasa kemanusiaan’, ‘pun sebenarnya kita’, ‘telah pepura’, menerangkan sikap pura-pura anak petani dalam menjaga kepentingan kehidupan yang diwarisi. Kerjasama yang diberikan oleh anak-anak petani hanya untuk menjaga hati ibu bapa mereka. Keinginan kehormatan terhadap insan dalam diri anak petani seolah-olah telah terhakis. Baris-baris puisi tersebut memperlihatkan anak petani yang telah berjaya, berpura-pura merasa simpati terhadap petani miskin sedangkan mereka pernah mengalami keadaan kehidupan yang sama.

Anak petani yang digambarkan dalam puisi “Gigih Jiwa” (1974: 41) cepat lupa diri dan sedikit pun tidak membantu golongan petani yang susah dan miskin. Masyarakat petani bekerja keras semata-mata untuk menyara hidup serta mengharapkan segala usahanya dapat mengubah nasib hidup. Menurut Mohd Thani Ahmad (1988, p.257), Dharmawijaya dapat menggambarkan kehidupan dalam suasana jelik dan dengan segala kepincangannya melalui puisi. Sikap dan minda anak petani yang berjaya, amat mengecewakan harapan ibu bapa mereka. Penyair menggambarkan rasa kecewa masyarakat petani miskin terhadap golongan muda yang telah berjaya tetapi lupa untuk membala jasa kedua ibu bapa mereka. Pengorbanan yang telah dilakukan oleh ibu bapa mereka tidak diperjuangkan bagi

memenuhi keinginan kehormatan terhadap kehidupan petani. Mekanisme helah bela diri *sublimasi* yang terdapat dalam disiplin Teori Psikoanalisis Freud digunakan oleh penyair Dharmawijaya untuk mengalihkan rasa kekecewaannya terhadap anak-anak petani. *Sublimasi* digunakan dalam puisi “Gigih Jiwa” (1974: 41) menerangkan sandaran harapan penyair kepada anak petani. Penyair melalui puisinya menyatakan anak-anak petani tidak mempunyai keinginan kehormatan terhadap ibu bapa mereka.

Kurnia Hidup

Pabila kembang sari yakin ini dalam pencarian
atas segala keluhuran dan kebenaran
maka tiap kurnia disayap takdir
benarlah selamanya akan mengalir
detik-detik kehampaan
diharap pinta kehidupan
aku dan kalian.

sedang segala saraf dan nadi di gigih jiwa
akan terus berdenyut dan bergetar jua
mengejar cita dan cinta
meski secebis cuma
emas urai kemakmuran dunia
bisa kita rasa antara debar getirnya .

tapi semakin jauh kita di ombak perjalanan
maka terjunjung sudah sebuah penentuan
bahawa dunia ini adalah
bara yang tiada kunjung padamnya
dan hidup ini adalah
derita yang tiada ujungnya.
lantas antaranyalah
bersama keringat dan air mata yang tertumpah
kita rela jatuh bangun sendiri
tanpa diratap-tangiskan lagi.

(Dharmawijaya, 1974, p.44)

Penyair menggunakan pengalaman sedia ada untuk menggambarkan keinginan yang sentiasa menekan diri. Tekanan yang dihadapi oleh penyair menimbulkan interaksi *id*, *ego* dan *superego* dalam dirinya. *Id* yang dialami oleh penyair melahirkan keinginan kehormatan terhadap insan cuba dipenuhi oleh *ego* bagi mencapai kepuasan dalam diri

dengan pelbagai cara. *Superego* mengawal keadaan *id* dan *ego* menyebabkan penyair memilih jalan keluar yang sesuai dengan menulis puisi bagi mencapai kepuasan diri. Menurut Anis Sabirin (1989, p.11), perasaan penyair menggambarkan jiwa kepada puisinya berdasarkan pengalaman yang pernah dilalui. Emosi dan keinginan dalam diri penyair telah memberikan tekanan jiwa terhadap penyair dan mengambil jalan penyelesaian dengan menghasilkan puisi yang bertajuk “Kurnia Hidup” (1974, p.44). Puisi penyair menggambarkan kehidupan ibarat sebuah pencarian. Dimensi pencarian dalam puisi ini menjelaskan kebenaran dan keikhlasan petani dalam mengerjakan besawah. Penyair memberi tanggapan semua rezeki telah ditentukan bahagiannya masing-masing oleh Tuhan kepada setiap manusia.

Dharmawijaya juga menyatakan persoalan tentang keinginan kehormatan terhadap petani yang perlu diberikan disebabkan keluhuran budi para petani yang melakukan pekerjaan bercucuk tanam. Keinginan kehormatan terhadap insan dapat dikesan dalam baris puisi “Kurnia Hidup” (1974, p.44) pada rangkap kedua, iaitu ‘sedang segala saraf dan nadi di gigih jiwa’, ‘akan terus berdenyut dan bergetar jua’, ‘mengejar cita dan cinta’, baris puisi ini menggambarkan petani sebagai seorang yang kuat bekerja rela berpanas mencari rezeki di sawah. Semangat mereka bekerja sebagai seorang petani amat tinggi dan kuat digambarkan dengan ‘berdenyut dan bergetar’. Keuntungan hasil tanaman mereka sedikit tidak dibandingkan dengan perkerjaan lain, walaupun pengorbanan petani sangat besar untuk dinilai oleh masyarakat luar. Mereka bekerja sebagai petani bagi meneruskan kelangsungan hidup. Masyarakat di sekeliling penyair memandang golongan petani sebagai miskin, tidak berpendidikan dan tidak memberi apa-apa kepentingan kepada mereka. Dharmawijaya menggambarkan perasaan yang terpendam dalam dirinya dengan ikhlas dan jujur yang digambarkan menggunakan mekanisme helah bela diri *represi* dalam rangkap ketiga puisi, iaitu ‘tapi semakin jauh kita di ombak

perjalanan’, ‘maka terjunjung sudah sebuah penentuan’, daripada baris puisi berkenaan jelas penyair Dharmawijaya menampakkan rasa emosi terhadap masyarakat yang tidak menghormati peranan golongan petani dalam kehidupan bermasyarakat. Rasa sedih dan kecewa dapat dikesan pada baris puisi berikut, ‘bahawa dunia ini adalah’, ‘bara yang tiada kunjung padamnya’, dan ‘hidup ini adalah’, ‘derita yang tiada ujungnya’, menerangkan tentang nilai kehormatan yang langsung tidak diberi kepada petani. Golongan petani tidak memikirkan kekayaan asalkan dapat menyara kehidupan keluarga dengan titik peluh sendiri. Penyair Dharmawijaya melalui puisinya menjelaskan golongan petani terpaksa mengharungi kehidupan yang sukar dan perit dalam menyara diri dan keluarga mereka.

Sikap masyarakat yang tidak menghargai peranan golongan petani telah dinyatakan oleh penyair dengan menggunakan mekanisme helah bela diri *represi* yang dikesan dalam baris puisi “Kurnia Hidup” (1974, p.44), iaitu ‘keringat dan air mata’, diibaratkan sebagai mengalih kekecewaan golongan petani yang tidak pernah diambil peduli disampaikan dalam puisi. Petani dibiarkan hidup dalam suasana mundur, sehingga golongan petani tidak lagi menaruh harapan daripada mana-mana pihak untuk membantu kehidupan mereka. Mekanisme helah bela diri *represi* digunakan oleh penyair bagi mengalih kesedaran masyarakat dengan menyatakan keinginan kehormatan terhadap petani yang berusaha bersungguh-sungguh untuk mencari rezeki bagi menyara kehidupan keluarganya. Masyarakat petani meneruskan kehidupan tanpa meminta simpati daripada orang lain kerana permintaan terhadap pertolongan itu dianggap sia-sia. Petani tidak pernah berputus asa mengusahakan sawah dan kebun yang mereka miliki.

Penyair Dharmawijaya merupakan seorang anak petani yang sangat menghormati penduduk di kampungnya. Pengalaman dan kehidupan penyair bersama keluarga dalam masyarakat petani memberikan idea dan kreativiti untuk beliau meluahkan keinginan

kehormatan terhadap insan. Perasaan tertekan yang dialami menekan dirinya untuk menceritakan bagaimana hakikat sebenar kehidupan sebagai petani. Mekanisme helah bela diri *represi* digunakan oleh penyair bagi mengalih kesedaran masyarakat ketika itu berkaitan kekecewaan dan penderitaan kehidupan masyarakat petani di kampungnya.

Tentukan Kini

Engkau duniaku
serik petani hiba nelayan
engkau hatiku
wajah murbah resah pengharapan
hari ini cukup sudah
mengagih budi dan kasih menyerah
kerana wangi bahagia yang digenggam
bakal terbakar pada pesona dan dendam.

esok bangun sendiri dari mimpi restu
jadikan api lembut nafasmu
deru peluru gerak tangamu
tanpa sangsi hancur- leburkan
tiap citarasa yang membenihkan
lain di wajah lain dijiwa
lain dititah lain dipuja.

lalu suara dari tahun derita ini
engkau rakamkan penentuan anak peribumi
bahawa hidup yang memapah takdir
akan menjadi debu kerikil yang cair
dalam genderang tulang belulang
di suram malam di bimbang siang.

(Dharmawijaya, 1974, p.63)

Puisi karya Dharmawijaya bertajuk “Tentukan Kini” (1974, p.63) dianalisis menggunakan Teori Psikoanalisis Freud, melibatkan pengalaman dan interaksi *id*, *ego* dan *superego*. Perasaan *id* yang merujuk kepada perasaan semulajadi dalam diri berdasarkan pengalaman penyair telah mewujudkan keinginan kehormatan terhadap insan dalam diri penyair. *Ego* penyair digunakan bagi memenuhi kehendak *id* akibat daripada tekanan yang dialami. Susilawati Kamaruzzaman (Temu bual , Julai 7, 2015) menjelaskan bahawa ayahnya Dharmawijaya pernah hidup sebagai anak petani miskin

di Kampung Talang dan menjadikan pengalaman yang dilalui sebagai sumber inspirasi untuk berkarya bagi memenuhi keinginan dalam dirinya. Menurut Dharmawijaya (1987, p.31), kehidupan dan pengalaman merupakan dua sumber yang sentiasa menyentuh kehalusan rasa setiap penyair untuk menggerakkan dunia kreativitinya. Kehidupan dalam kelompok tertentu menggambarkan seseorang itu mengikut corak berfikir dan gaya hidup kelompok tersebut.

Gaya hidup masyarakat dan corak pemikiran dipengaruhi oleh persekitaran ketika itu, iaitu miskin, tidak berpendidikan dan kerja ‘kais pagi, makan pagi’. Penyair Dharwijaya memperkatakan keadaan ini dalam rangkap pertama puisinya “Tentukan Kini” (1974, p.63), iaitu ‘wajah murbah resah pengharapan’, ‘hari ini cukup sudah’, ‘mengagih budi dan kasih menyerah’, ‘kerana wangi bahagia yang digenggam’. Baris-baris puisi ini menggambarkan harapan dan keinginan kehormatan yang wujud dalam diri Dharmawijaya. Susilawati Kamaruzzaman (Temu bual, Julai 7, 2015) menyatakan bahawa penyair merupakan seorang anak pesawah, perlu berusaha membantu ibu bapanya setiap pagi ke sawah menanam padi dan pulang pada waktu petang menjadi rutin hidup keluarganya setiap hari. Ibu bapa penyair tidak pernah mengeluh dengan rutin pekerjaan yang dilakukan pada setiap hari demi menyara kehidupan keluarganya. Masyarakat petani sanggup bekerja dalam keadaan panas terik cahaya matahari menggambarkan sikap kesungguhan dan kerajinan wujud dalam diri petani di kampung penyair. Golongan petani juga inginkan perubahan, kemajuan dan pengiktirafan terhadap pekerjaan yang mereka lakukan. Penyair Dharmawijaya menyatakan keinginan kehormatan dalam diri sebagai satu penghormatan.

Penyair Dharmawijaya mengangkat semangat berdikari yang ada pada diri petani kepada umum kerana suara golongan petani dianggap kecil dan lemah tidak diberi

perhatian. Menurut Ahmad Kamal Abdullah (1993, p.88) Dharmawijaya pernah menyatakan tentang konsep dan falsafah hidupnya, iaitu: “Dalam falsafah hidup saya, derita dan bahagia itu adalah milik manusia, manusia itu kalau mengalami penderitaan akhirnya akan bahagia”. Ini kerana dia sanggup mengalami penderitaan pada permulaan hidupnya dan dia akan menemui kebahagiaan pada akhirnya. Jika manusia itu berada dalam keadaan bahagia tanpa pandangan yang positif, dia akan menderita pada akhirnya. Pemikiran yang hendak disampaikan dalam puisi meminta golongan petani berdiri sendiri tanpa mengharapkan pertolongan pihak lain. Kebajikan petani sering diabaikan seperti dalam pemilihan daksi puisinya, iaitu ‘lain’ yang digunakan berulang kali oleh penyair bagi menggambarkan taraf kehidupan petani yang selalu memandang rendah oleh masyarakat. Penyair Dharmawijaya memberi penegasan secara *sublimasi* yang digunakan oleh penyair bagi menyatakan keinginan yang ada dalam diri melalui puisi dengan melibatkan tindakan yang sesuai bagi satu kepuasan dalam diri.

Penyair Dharmawijaya menggunakan mekanisme helah bela diri *sublimasi*, bagi meluahkan rasa sedih dan kecewa yang dilalui oleh masyarakat petani di kampungnya. Penyair telah melepaskan keinginan kehormatan secara *sublimasi* bagi mengalah kesedaran masyarakat ketika itu dalam bentuk yang diterima, iaitu melalui puisi. Mekanisme helah bela diri *sublimasi* jelas digunakan dalam baris puisi berikut ‘lalu suara dari tahun derita ini’, ‘engkau rakamkan penentuan anak perbumi’, ‘bahawa hidup yang memapah takdir’ penyair Dharmawijaya menjelaskan perasaan masyarakat petani yang berasa kecewa dengan cabaran yang perlu mereka lalui. Puisi “Tentukan Kini” (Dharmawijaya, 1974, p.63) menjelaskan masyarakat petani miskin perlu bekerja setiap hari dan berserah kepada takdir. Sekiranya ada wakil daripada golongan petani yang akan diangkat menjadi pemimpin, maka harapan akan disandarkan dalam menebus kembali

kekecewaan dahulu terhadap sistem yang sering menghimpit golongan petani untuk terus maju dan berjaya.

Keinginan kehormatan terhadap insan yang terpendam dalam diri penyair disampaikan melalui puisi. Keinginan kehormatan terhadap insan yang wujud dalam diri akibat keadaan persekitaran yang pernah dialami menekan dirinya. Dharmawijaya melalui pengalaman hidup sebagai anak petani miskin diungkapkan dalam puisi sebagai satu cermin kehidupannya. Keadaan tertekan yang dialami melahirkan interaksi *id*, *ego* dan *superego* merupakan perasaan semulajadi yang ada dalam diri penyair. *Ego* berperanan untuk memenuhi keinginan *id* tanpa batasan bagi mencapai kepuasan dengan pelbagai cara. Dalam hal ini *superego* mengawal tindak balas *ego* untuk mencapai kepuasan dalam diri dengan meluahkan segala keinginan kehormatan terhadap insan dalam bentuk puisi agar dapat diterima oleh masyarakat. Pengalaman hidup penyair menjadi perangsang bagi menyatakan keinginan kehormatan terhadap insan yang disalurkan melalui puisi “Beginilah Aku” (Dharmawijaya, 1986, p.3).

lalu hari berhari
akan beginilah aku
dalam enggan meratapi
hampa nestapa masa lalu
gua kehancuran di rimba negeri
semakin hampir membukakan pintu.

Umar Kayam (1982, p.242) menyatakan bahawa sasterawan selalu berusaha mengungkapkan idea dan pemikiran serta memberikan tafsiran yang sewajarnya tentang kehidupan sesebuah masyarakat itu dengan segala kenyataan persoalan dan permasalahan yang telah ditanggapi dan direnungi secara jujur. Penyair Dharmawijaya merupakan seorang sasterawan dan seorang anak tani yang dapat menghayati setiap apa yang berlaku dalam kehidupan petani. Puisi “Beginilah Aku” (1986, p.3) yang dihasilkan

oleh Dharmawijaya menggunakan mekanisme helah bela diri *represi* bagi menyatakan perasaan yang telah lama terpendam untuk menyedarkan masyarakat tentang kehidupan yang dilaluinya sebagai seorang anak petani. Susunan perkataan yang dibina dalam baris puisi menggunakan perkataan yang dapat menyentuh perasaan pembaca bertujuan untuk memberi kesedaran tentang kehidupan masyarakat pada ketika itu. Persoalan keinginan kehormatan terhadap insan melibatkan diri penyair sebagai seorang anak petani. Kekecewaan yang dialami ‘hampa nestapa masa lalu’ tidak memutuskan semangat untuk terus membantu keluarganya bercucuk tanam. Penyair menyatakan cabaran yang perlu dilaluinya setiap hari sebagai seorang anak petani miskin dijadikan perangsang untuk keluar dari ‘rimba ngeri’ kesusahan dalam kehidupannya. Walaupun penyair hidup dalam sebuah keluarga petani yang miskin beliau tetap berharap agar perubahan berlaku dalam kehidupannya.

Pada rangkap puisi ketiga “Beginilah Aku” (Dharmawijaya, 1986, p.3) penyair menaruh harapan yang tinggi untuk keluar daripada penderitaan yang dialami. Rasa suka

hari berhari
lena lelahku
mengumpul bakti
ladang bahagia
berlumpur permata.

(Dharmawijaya, 1986, p.3)

seronok dan ceria semasa turun bekerja di bendang setiap hari. Hasil kerja sampingan daripada menangkap ikan dan mendapat untung hasil daripada jualan menimbulkan rasa gembira dalam diri penyair. Mekanisme helah bela diri *represi* digunakan dalam puisi bagi menyedarkan masyarakat tentang keadaan kehidupan yang dialaminya. Penyair Dharmawijaya secara ikhlas tanpa berselindung menyatakan ‘mengumpul bakti’, ‘ladang

bahagia', 'berlumpur permata' keinginan kehormatan terhadap dirinya sebagai anak tani yang hidup dalam sebuah keluarga miskin. Di samping itu, wujud juga perasaan sedih dalam diri petani di Kampung Talang apabila tanaman diserang penyakit atau musim kemarau menyebabkan berlakunya banyak kerugian. Pekerjaan sebagai petani perlu berhadapan dengan pelbagai cabaran yang perlu ditempuhi seperti musim kemarau, banjir, penyakit pokok dan serangga perosak yang dapat menjelaskan hasil tanaman. Dharmawijaya banyak menyatakan tentang pengalaman hidup yang pernah dilalui semasa di kampung halamannya. Analisis yang dilakukan mendapati mekanisme helah bela diri yang digunakan oleh penyair Dharmawijaya dapat menyembunyikan perasaan resah dan tertekan yang berlaku dalam dirinya. Inilah kebijaksanaan penyair Dharmawijaya meletakkan diri dalam ruang komunikasi yang bersifat *self-pity* merujuk kepada rasa simpati dan kasihan pada diri sendiri untuk harga diri. Dalam puisi "Beginilah Aku" (1986, p.3), Dharmawijaya menjelaskan keinginan kehormatan terhadap insan yang wujud dalam diri.

Lalu hari berhari
aku beginilah dalam enggan meratapi
hampa nestapa masa lalu
gua hancur di rimba ngeri
semakin hampir membuka pintu.

Keinginan kehormatan terhadap insan diri adalah nilai kebijaksanaan daripada kematangan fikiran. Puisi "Beginilah Aku" (1986, p.3) yang dihasilkan oleh Dharmawijaya menggambarkan petani mempunyai sikap kesabaran yang tinggi dan berlapang dada dengan apa yang berlaku. Segala ujian atau musibah, baik atau buruk tetap diterima oleh mereka dengan hati yang tabah.

Puisi yang dihasilkan oleh Dharmawijaya mengisahkan tentang kegigihan dan sumbangsih besar golongan petani terhadap masyarakat lain. Penyair mempunyai keinginan kehormatan terhadap golongan petani yang dinyatakan dalam puisi “Warga Petani” (1986, p.46).

Warga Petani

Sepatutnyalah
hamparan kasihku
warga petani
kubentangkan di rumah relamu
selagi
lading keringatmu
mengisi lapar kenyang
siang malamku

selamanyalah junjung hormatku
warga petani
kuletakkan di langkah setiamu
selagi
lelah budimu
menjadi
darah daging
gelisah hidupku

(Dharmawijaya, 1986, p.46)

Kehidupan dan kehormatan diberi oleh penyair Dharmawijaya terhadap petani diperlihatkan melalui puisi bertajuk “Warga Petani” (1986, p.46). Puisi yang dihasilkan mengandungi pemikiran dan persoalan tentang keinginan kehormatan terhadap petani. Penyair menghasilkan puisi bagi menjelaskan keinginan bawah sedar *superego* dalam diri diluahkan dengan menghasilkan baris-baris puisi yang diterima masyarakat. Menurut Hashim Awang (2002, p.26), sastera atau puisi menjadi perakam, penyataan pemikiran dan pengalaman manusia yang boleh mempengaruhi perasaan, peribadi dan kehidupan masyarakat. Penyair Dharmawijaya mahu mengangkat kedudukan dan martabat golongan petani bagi menggambarkan keinginan kehormatan terhadap insan melalui medium puisi.

Mekanisme helah bela diri *represi* yang digunakan dalam puisi terpilih Dharmawijaya untuk mengalih kesedaran masyarakat terhadap keperihalan kehidupan golongan petani yang tidak pernah lekang dengan pelbagai permasalahan hidup. Pemilihan kata yang tepat pada rangkap pertama puisi berdasarkan pengalaman yang dilalui, iaitu ‘ladang keringatmu’, ‘mengisi lapar kenyang’, ‘siang malamku’ dapat mengalih kesedaran di kalangan pembaca dan masyarakat bagi menghayati puisi penyair yang mengandungi perasaan kebimbangan, kerisauan dan takut dengan nasib petani ketika itu. Penyair meluahkan keinginan kehormatan kepada golongan petani bagi melahirkan kesedaran dalam kalangan masyarakat umum pada ketika itu untuk membela dan menghargai golongan petani. Pemilihan kata dalam baris puisi berikut ‘hamparan kasihku’, membawa makna yang mendalam, iaitu penyair sebenarnya ingin menyatakan penghormatan kepada golongan petani. Perasaan tertekan yang dialami oleh penyair Dharmawijaya menyebabkan beliau melalui puisinya “Warga Petani” (1986, p.46) memberi penghormatan kepada golongan petani yang bertungkus lumus bekerja untuk keluarganya dan masyarakat.

Rangkap kedua puisi, penyair Dharmawijaya menyatakan berharap agar masyarakat luar turut membantu, membela dan mempertahankan kebajikan golongan petani yang miskin. Mekanisme helah bela diri *represi* yang digunakan oleh penyair bagi menyatakan keinginan kehormatan terhadap insan, iaitu petani dengan menyedarkan masyarakat agar turut menghormati golongan petani. Kepercayaan yang diberikan oleh masyarakat terhadap golongan petani dapat memberi semangat baru untuk merka berusaha bersunguh-sungguh bagi meneruskan kelangsungan hidup. Keinginan kehormatan terhadap insan disampaikan dengan menggunakan susunan kata yang indah dan bertepatan dengan matlamat keinginan seperti dalam baris puisi ‘selagi’, ‘lelah budimu’ ‘menjadi’, ‘darah daging’, ‘gelisah hidupku’. Melalui susunan kata yang indah

penyair Dharmawijaya menjelaskan nilai penghargaan dan kehormatan yang diberi oleh penyair Dharmawijaya kepada golongan petani yang sentiasa berusaha tanpa mengira penat dan lelah.

4.4 Keinginan Kehormatan Terhadap Masyarakat

Keinginan kehormatan dalam diri penyair melibatkan perasaan semulajadi dalam diri *id* dicapai dengan berlakunya perubahan tingkah laku *ego* dan *superego* secara bawah sedar yang sesuai dengan persekitaran dan penerimaan golongan pembaca dan masyarakat ketika itu. Perubahan tingkah laku yang berlaku secara bawah sedar melibatkan mekanisme helah bela diri seperti *represi*, *sublimasi* dan *pindah ganti* yang digunakan oleh penyair Dharmawijaya semasa menghasilkan puisi bagi menyatakan keinginan secara spontan. Keinginan kehormatan terhadap masyarakat yang melibatkan masyarakat petani juga, dinyatakan oleh penyair. Puisi-puisi terpilih Dharmawijaya banyak memperkatakan tentang keinginan kehormatan terhadap masyarakat petani yang telah bekerja bersungguh-sungguh demi meneruskan kehidupan mereka.

Golongan petani perlu meneruskan kehidupan sehingga berjaya bagi menimbulkan rasa bangga di kalangan masyarakat di sekelilingnya ketika itu. Rasa kegembiraan wujud dalam diri apabila mereka berjaya mengumpul hasil tanaman yang banyak. Keperitan hidup yang dirasai oleh petani bersama ahli keluarganya membina jati diri yang lebih kuat dan bersemangat dalam menghadapi pelbagai permasalahan kehidupan yang perlu dilalui. Puisi “Cinta Sayang di Sawah Ladang” (Dharmawijaya, 1974, p.13) menggambarkan perasaan penyair apabila melihat golongan petani pulang dari sawah dengan perasaan gembira.

Cinta Sayang Di Sawah Ladang

I
Pagi yang berbunga emas mentarinya
Petang yang tiada tempua merendah sarangnya
Adalah limpah kurnia menguntum
Dalam debar anak tani di sawah ladang.

Tika daerahnya dihidu senja
Akan berlenggang pulang sebuah rangka
Disapa haruan menyembar pematang
Terlepas senyum pahitnya ke bulan rembang.

Dan malam yang meniti di dangau tua
Petani lena berinai takwa
Semoga esok yang dibakar cahaya
Janganlah jangan padinya hampa.

(Dharmawijaya, 1974, p.13)

Penyair Dharmawijaya menggambarkan kesedaran masyarakat petani di kampungnya bahawa mereka akan mendapat perhatian apabila berjaya dalam kerja dan usaha yang dilakukan. Penyair Dharmawijaya melalui puisi yang dihasilkan menginginkan masyarakat dapat memberi pembelaan yang sewajar terhadap nasib golongan petani di kampung kelahirannya. Melalui puisi yang dikaji, penyair menghasilkan puisi ini melalui perasaan, pengalaman dan pemikiran bagi menyatakan keinginan kehormatan yang wujud dalam diri beliau. Penyair menyampaikan keinginan kehormatan dalam puisi pada baris-baris awal dalam puisi “Cinta Sayang di Sawah Ladang” (1974, p.13), iaitu:

I
Pagi yang berbunga emas mentarinya
Petang yang tiada tempua merendah sarangnya
Adalah limpah kurnia menguntum
Dalam debar anak tani di sawah ladang.

Puisi di atas memperlihatkan harapan penyair agar masyarakat dapat memberi penghormatan terhadap kegigihan golongan petani yang bekerja dari pagi hingga ke

petang mencari rezeki bagi menjaga kebajikan keluarga mereka. Puisi bertajuk “Cinta Sayang Di Sawah Ladang” ini menerangkan perjalanan kehidupan harian petani di Kampung Talang. Pemilihan perkataan ‘pagi yang berbunga emas mentarinya’, menggambarkan suasana waktu pagi yang amat berharga bagi memulakan sesuatu pekerjaan. Pada waktu pagi petani mempunyai tenaga baru dan badan yang sihat untuk mengusahakan sawah dan kebun. Baris puisi ‘petang yang tiada tempua merendah sarangnya’, dikaitkan dengan kehidupan yang sederhana. Penyair menggambarkan kehidupan masyarakat petani mempunyai maruah biarpun terpaksa menghadapi banyak cabaran hidup dan kemiskinan. Keinginan kehormatan terhadap masyarakat yang wujud dalam diri penyair Dharmawijaya digambarkan dengan perubahan arus kehidupan hasil dari usaha masyarakat petani bekerja.

Pagi yang berbunga emas mentarinya
Petang yang tiada tempua merendah sarangnya
Adalah limpah kurnia menguntum
Dalam debar anak tani di sawah ladang.

Baris puisi ‘petang yang tiada tempua merendah sarangnya’ pula, penyair menerangkan corak kehidupan petani di kampungnya ketika itu. Masyarakat mengamalkan sikap rendah diri yang biasanya tidak dilakukan oleh golongan mewah. Walaupun terdapat petani yang telah berjaya, mereka tetap bersikap sederhana dan menerima bantuan yang diberi untuk keselesaan mereka. Menurut Hashim Awang (2002, p.19), pencipta sastera menggunakan bahasa yang berlapis, perlambangan, penamaan dan pemerian sifat watak, serta jalan cerita yang ringkas. Maksud awal yang ingin disampaikan penyair jelas dan memerlukan penghayatan yang mendalam bagi memahami perkaitan maksud yang terdapat dalam rangkap puisi seterusnya.

Dan malam yang meniti di dangau tua
Petani lena berinai takwa
Semoga esok yang dibakar cahaya
Janganlah jangan padinya hampa.

Waktu malam bagi golongan petani merupakan waktu untuk berehat setelah seharian penat bekerja. Harapan yang tinggi sentiasa bermain di fikiran golongan petani untuk mendapatkan hasil tanaman yang baik walaupun sedang berehat di rumah. Masyarakat petani juga mempunyai keinginan kehormatan terhadap masyarakatnya kerana telah kerja keras bercucuk tanam untuk keperluan masyarakat.

Penyair menggunakan mekanisme helah bela diri *represi* dalam puisi yang dihasilkan bagi mengalih kesedaran masyarakat, iaitu petani yang mengerah keringat di sawah padi dan di kebun bukan hanya untuk diri sendiri sahaja, tetapi untuk memenuhi keperluan masyarakat di sekelilingnya seperti beras dan sayur-sayuran. Mekanisme helah bela diri *represi* yang digunakan penyair Dharmawijaya menggambarkan perasaan yang terpendamnya bahawa masyarakat petani merupakan golongan yang sentiasa bersyukur dan berserah kepada takdir terhadap apa yang diterima seperti dalam baris puisi berikut ‘petani lena berinai takwa’, ‘semoga esok yang dibakar cahaya’, ‘janganlah jangan padinya hampa’. Puisi penyair Dharmawijaya jelas memperlihatkan kegigihan petani membanting tulang di bendang dengan harapan semoga esok tanaman menjadi dan mengeluarkan hasil yang baik. Keinginan rasa kehormatan terhadap masyarakat wujud dalam diri petani dijelmakan dengan nilai rasa syukur dan reda dengan ketentuan Tuhan setelah berusaha bersungguh-sungguh. Ismail Hamid (1988, p.73), menjelaskan bahawa nilai sosial yang wujud dalam sesebuah masyarakat merupakan konsep yang wujud dalam alam fikiran penyair. Pengalaman yang pernah dilalui oleh penyair dalam kehidupan sebuah keluarga petani menyebabkan beliau dapat menghayati sifat rendah diri dan bekerja keras yang diamalkan dalam kehidupan masyarakat petani.

Masyarakat petani di kampung halaman penyair bergantung hidup sepenuhnya daripada hasil sawah padi dan kebun sayuran untuk membina masa hadapan. Hari esok dan hari-hari mendatang yang dinanti menimbulkan pelbagai persoalan baik atau buruk. Perjalanan kehidupan sebagai petani untuk hari esok perlu dilalui bermula waktu pagi, tengah hari, petang dan malam dengan penuh kesabaran dan kesungguhan. Masyarakat petani meneruskan kelangsungan hidup mereka dengan bergantung sepenuhnya pada hasil tanaman padi. Esok dan hari mendatang akan mewarnai kehidupan golongan petani dengan berkat usaha yang dilakukan di sawah. Perasaan, pengalaman dan pemikiran yang ada dalam diri penyair Dharmawijaya berpandukan kepada apa yang pernah dilalui atau diperhatikan mewujudkan rasa tertekan dalam diri. Melihat kepada kesusahan dan kemiskinan yang dilalui oleh petani di kampung menyebabkan wujud keinginan kehormatan terhadap masyarakat petani di kampung kelahiran penyair. Penyair meluahkan kehormatannya menggunakan susunan kata yang ringkas tetapi mengandungi makna yang mendalam dan indah bagi mencapai kepuasan dalam diri. Ini sejajar dengan pandangan F.E. Sparshott (1963, p.361) menyatakan bahawa :

“language, which is among other thing a way of dealing with things by proxy, is a system of symbols. But the thing to which natural signs refer stand in a fixed spatio-temporal relation to them. It is widely and quite reasonably held to be the distinctive mark of human intelligence that it can operate with symbols, not with natural signs only”.

Penyair Dharmawijaya juga mengungkapkan keinginan yang wujud dalam diri dengan menggunakan konsep *pindah gantian* bertujuan bagi meluahkan perasaan yang terpendam merujuk kepada persekitaran ketika itu. Pesekitaran kampung yang dikelilingi dengan pokok memberi ilham kepada penyair Dharmawijaya bagi memperkatakan tentang kehidupan petani yang masih berkaitan dengan masa. Baris puisi, ‘malam yang meniti di dangau tua’, ‘petani lena berinai takwa’, mengaitkan pengalaman penyair yang

pernah dilalui. Penyair Dharmawijaya seorang yang prihatin kerana dapat memberi gambaran tentang kehidupan petani yang miskin di kampungnya melalui puisi yang dihasilkan. Tekanan perasaan yang dihadapi penyair diluahkan dalam bentuk puisi menggunakan mekanisme helah bela diri, iaitu *pindah gantian*. Objek ‘dangau tua’, membawa pengertian tentang pondok kecil yang kebiasaannya terdapat di tengah sawah atau kebun yang digunakan oleh petani untuk berehat. Penyair Dharmawijaya melalui baris puisi berikut, ‘meniti di dangau tua’, ingin menyatakan masyarakat petani di kampungnya masih lagi mengamalkan cara hidup lama dengan menanam padi. Situasi ini, juga dikaitkan dengan kemiskinan dan kesusahan yang dihadapi petani sesuai dengan konsep pindah gantian yang digunakan ‘dangau tua’.

Pemilihan perkataan yang disusun dengan teratur menghasilkan rima bunyi yang indah pada setiap penghujung baris puisi dengan huruf vokal. Secara tidak langsung dapat menimbulkan rasa sayu dan sedih terhadap kehidupan yang dilalui oleh masyarakat petani yang miskin.

II

Ai, dari jernih pagi ke hening malamnya
Anak-anak tani bertasbih hiba
Meskipun keringat setia tertumpah
Dan khidmat bumi berkurni menyembah
Sedang esok, lusa dan seterusnya
Derita lara dipapah jua.
O, para dewa di jantung parlimen
Dalam tidur dalam jaganya
Digegar dan menggegar ucap keramat
-keadilan, keamanan dan kemakmuran-
Tapi apalah,
Kalau cita sekadar bicara
Kalau cinta sekadar rasa.

(Dharmawijaya, 1974, p.13)

Pada puisi “Cinta Sayang Di Sawah Ladang” (1974, p.13) bahagian kedua, penyair meluahkan rasa keinginan kehormatan terhadap masyarakat dalam diri secara bawah sedar akibat Perasaan tekanan yang berlaku dalam diri penyair. Pengalaman hidup yang dilalui oleh penyair Dharmawijaya di Kampung Talang, tempat kelahirannya telah melahirkan perasaan dan pemikiran yang kreatif bagi menyalurkan ekspresi dan idea daripada pengalaman yang pernah dilaluinya dalam setiap baris ayat dalam puisi yang dihasilkan. Puisi yang dihasilkan oleh Dharmawijaya bersesuaian dengan penjelasan Shahnon Ahmad (1994, p.139), beliau menjelaskan kesusasteraan itu dapat mengalirkan makna yang sebenar kepada mental atau minda individu, masyarakat, bangsa atau kepada yang lebih bercorak sejagat. Peristiwa yang dilalui oleh penyair di kampung halamannya dijadikan sebagai pengalaman. Penyair mempamerkan rasa kekecewaan yang tidak berpenghujung terhadap golongan petani yang tidak pernah dihormati sebagai golongan yang mempunyai kepentingan dalam masyarakat. Golongan petani sering dianggap sebagai golongan bawahan yang tidak perlu dipandang, dibantu dan diberi perhatian. Melalui puisi “Cinta Sayang Di Sawah Ladang” penyair ‘Anak-anak tani bertasbih hiba’, ‘Meskipun keringat setia tertumpah’ menjelaskan masyarakat luar berpandangan golongan petani sekadar bekerja di sawah dan kebun pada waktu pagi dan pulang pada waktu petang. Golongan petani dianggap hanya sekadar wujud bagi memenuhi keperluan makanan masyarakat lain sahaja.

Namun begitu, penyair Dharmawijaya mempunyai keinginan tinggi sebagai seorang anak petani (Susilawati Kamaruzzaman, Temu bual, 2015, Julai 7), beliau cuba menyatakan rasa kecewa sebagai petani dalam puisi. Puisi ini dihasilkan oleh penyair Dharmawijaya bagi mengalih kesedaran masyarakat tentang sumbangan golongan petani kepada umum yang membekalkan sumber makanan kepada masyarakat di sekelilingnya. Ahli politik dan akademik juga diharap berperanan untuk membantu menyelesaikan

masalah ini, dari segi memberi bantuan prasarana, kewangan dan pendidikan yang diperlukan. Dalam puisi “Cinta Sayang Di Sawah Ladang” (1974, p.13), penyair mengangkat kehormatan petani sebagai golongan masyarakat yang tidak pernah berputus asa dengan apa yang dikerjakan. Walaupun bantuan tidak pernah diterima daripada mana-mana pihak, petani tetap cekal mencari rezeki dengan bercucuk tanam untuk meneruskan kehidupan mereka.

Penyair Dharmawijaya menggunakan mekanisme helah bela diri *represi* bagi menyedarkan masyarakat melalui puisi dengan menyatakan keinginan kehormatan terhadap masyarakat petani perlu. Melalui puisinya penyair secara *sublimasi* melontarkan sindiran terhadap pihak tertentu yang bertanggungjawab menghulurkan bantuan kepada golongan petani. Bantuan benih, anak padi, baja, tanah dan saliran, bantuan kewangan dan berbagai-bagai-jenis bantuan yang akan disalurkan terus kepada golongan petani hanya tinggal janji. Segala bantuan yang dijanjikan itu tidak pernah diterima oleh golongan petani. Pemikiran berkait dengan kekecewaan ini memberikan tekanan kepada penyair. Keinginan kehormatan terhadap masyarakat petani lahir daripada perasaan dan pengalaman yang dilalui oleh penyair. Mekanisme helah bela diri *sublimasi* digunakan dalam puisi bagi mencapai kepuasan dan melegakan perasaan tertekan yang dialami dengan cara memberi kesedaran kepada masyarakat agar dapat membantu golongan petani.

Suara dan Warna

Tapi tilik pandang dunia
Tidak bisa berdusta
Dan masih mau berbicara
Tentang tangis kerabat karibnya
Yang bergelut dengan perompak kemanusiaan

(Dharmawijaya, 1974, p.15)

Penyair Dharmawijaya merupakan seorang anak petani yang hidup dalam masyarakat petani miskin di Kampung Talang. Pengalaman mengenai kehidupan petani menimbulkan keinginan kehormatan terhadap masyarakat petani dalam diri Dharmawijaya. Keinginan kehormatan terhadap masyarakat yang wujud dalam diri menyebabkan penyair berasa tertekan. Perasaan tertekan yang dialami oleh penyair secara bawah sedar melibatkan interaksi *id*, *ego* dan *superego* yang diluahkan melalui puisi bagi mencapai kepuasan dalam diri. *Id* wujud akibat daripada tekanan yang dialami dalam diri penyair dan cuba dipenuhi oleh *ego* dengan pelbagai cara. Pengalaman yang pernah dilalui penyair Dharmawijaya membantu *superego* bagi mengawal tindakan *ego* dengan melakukan perubahan tingkah laku yang sesuai bagi mencapai kepuasan keinginan kehormatan terhadap masyarakat petani dalam bentuk puisi bagi meredakan rasa tertekan dan kerisauan yang bergolak dalam diri Dharmawijaya.

Puisi “Suara dan Warna” (1974, p.15) yang dihasilkan penyair Dharmawijaya dipengaruhi oleh pengalaman, emosi dan persekitaran dapat memberi kesan kepada masyarakat dan golongan pembaca yang membaca puisinya. Menurut Shaharuddin Maaruf (1994, p.16), sesuatu karya sastera itu dengan serentak mencerminkan nilai yang mendukung penciptaan dan khalayak yang hendak dipengaruhi oleh pencipta. Pandangan ini berkaitan dengan persoalan yang ditimbulkan oleh penyair dalam puisinya. Puisi ini memperlihatkan luahan rasa golongan petani yang telah bosan dengan janji-janji golongan pemimpin untuk membantu mereka. Penyair melalui puisi “Suara dan Warna”, menjelaskan bahawa masyarakat petani merasa tertipu dengan janji dan kata-kata manis untuk membantu oleh pihak-pihak tertentu individu yang dianggap wakil mereka. Penyair juga merasakan kehormatan golongan petani sering ditekan oleh golongan pemimpin. Nilai kepercayaan dan keyakinan petani terhadap wakil pemimpin

sering dipermainkan oleh golongan berkenaan dan mengambil sikap tidak peduli terhadap golongan petani yang memerlukan pertolongan.

Golongan petani sering kali ditipu pihak pengurusan sehingga segala yang dijanjikan oleh kerajaan sebelum ini, tidak pernah diterima pada peringkat bawah seperti di kampung-kampung dan kawasan pedalaman. Kemajuan dan kekayaan negara yang sering dihebahkan telah disalahgunakan oleh pihak berwajib. Baris puisi terpilih Dharmawijaya “Suara dan Warna”, iaitu ‘Yang bergelut dengan’, ‘perompak kemanusiaan’ menggambarkan terdapat bantuan daripada pihak atasan yang diagihkan tidak sampai kepada golongan petani. Penyair mengenangkan isu ini agar pihak berwajib melakukan perubahan yang baik bagi mendapat pengiktirafan dan penghormatan daripada masyarakat petani kepada mereka dengan menangani permasalahan yang dihadapi oleh golongan petani.

dan dunia setia
manalah bisa tersenyum
kiranya masih jua
anak-anak terjaga malam
kerana dirasuk mimpi
paling ngeri-
bahawa esok
bulannya pecah
dan hatinya berdarah

(Dharmawijaya, 1974, p.15)

Penyair menyedarkan dan mengalih pandangan masyarakat dengan menggunakan mekanisme helah bela diri *represi* yang disampaikan melalui puisi dengan memberi gambaran sinis berkaitan diksi yang dilaungkan oleh pihak tertentu mengatakan mereka membantu golongan petani adalah tidak benar. Maka dalam konteks pemikiran penyair berpendapat terlalu banyak penipuan yang dilakukan oleh pihak bertanggungjawab terhadap golongan petani miskin yang memerlukan pertolongan dan bantuan kewangan.

Sikap golongan pengurusan yang tidak menjalankan amanah dan ditambah lagi keadaan dengan aktiviti penyelewengan dan rasuah memberi kesan yang besar terhadap kehidupan petani. Contohnya penjualan tanah-tanah pertanian rizab bumiputera kepada bukan bumiputera, monopoli syarikat tertentu menjadi orang tengah membeli hasil pertanian dan sistem ekonomi kapitalis yang menghimpit petani dan pekebun kecil. Secara tidak langsung nilai hormat yang ada dalam diri masyarakat petani terhadap pihak pemimpin semakin hilang dan masyarakat berpendapat petani terdiri daripada masyarakat yang mundur. Penyair Dharmawijaya melalui puisi yang dihasilkan memperkatakan tentang kesempitan hidup yang dihadapi oleh masyarakat kampung kelahirannya. Puisi yang dihasilkan mengandungi perasaan, pengalaman dan pemikiran yang terarah secara *represi* bagi mengalih kesedaran masyarakat tentang masalah yang dihadapi oleh masyarakat petani.

Dengan Kasih Sayang

Dengan rasa kasih sayang lah
Akan luhur tertumpah
Seluruh untuk simpati
Atas nama bakti dengan bukti
Pada teluk hatinya yang derita lara
Meskipun tanahairnya merdeka
Dan gegar dengan nama kayaraya!
Dengan rasa kasih sayang ini
Mari kita mengetuk pintu hati
Anak-anak keramat di dada kota
Yang siang malamnya
Lena dengan mobil dan pesta-pesta
Bahawa sekali ini
Jatuh bangun anak-anak tani
Usah lagi dibunga janji
Kerana baginya erti kemanusiaan
Adalah segala kejujuran
Adalah segala kebenaran.
Dan dengan rasa kasih sayang ini juga
Mari kita hantarkan ke puncak sadarnya
Sekali hati ini pernah dilukakan
Selamanya marak dendam kebencian.

(Dharmawijaya, 1974, p.28)

Keinginan kehormatan terhadap masyarakat yang wujud dalam diri penyair berlaku secara bawah sedar akibat daripada tekanan dalam diri penyair. Interaksi *id*, *ego* dan *superego* yang wujud secara semulajadi dalam diri penyair berlaku akibat pengamatan terhadap peristiwa yang pernah dilalui menyebabkan berlakunya perubahan tingkah laku dalam diri penyair bagi menyatakan keinginan terhadap masyarakat. Tindakan *ego* yang bebas bagi memenuhi keinginan *id* dikawal oleh *superego* yang mengandungi nilai moral yang diterima oleh bagi menyatakan keinginan kehormatan terhadap masyarakat petani pada puisi yang dihasilkan. Persoalan utama yang diberi perhatian oleh penyair dalam puisi “Dengan Kasih Sayang” (1974, p.28), berkaitan keinginan kehormatan terhadap masyarakat petani.

Pengertian kehormatan yang cuba dijelaskan oleh penyair melibatkan golongan muda agar tidak memperlekehkan sumbangan yang diberi oleh petani. Penyair berpendapat bahawa petani perlu dihormati dan dihargai dalam konteks sebagai golongan yang mempunyai kepentingan tersendiri dalam kehidupan bermasyarakat. Puisi “Dengan Kasih Sayang” yang dihasilkan oleh penyair Dharmawijaya berdasarkan pengalaman yang pernah dilalui bersama keluarga di tempat kelahirannya di Kampung Talang (Susilawati, Temu bual, Julai 7, 2015). Penyair sangat mengerti kehidupan para petani yang terpaksa berhempas pulas mengerjakan sawah dan kebun demi mencari sesuap nasi digambarkan dalam baris puisi ‘atas nama bakti dengan bukti’, dan ‘pada teluk hatinya yang derita lara’. Dalam puisi tersebut penyair secara tidak langsung mengajak pembaca sama-sama menghayati erti derita dan bahagia, golongan petani kerana sepanjang masa dan usia mereka dihabiskan di bawah terik matahari untuk bekerja sebagai petani. Penyair turut meluahkan harapan agar masyarakat luar tidak terus menerus memandang rendah terhadap golongan petani.

Gambaran tentang golongan muda yang bersenang-lenang di kota seperti dalam baris puisi ‘anak-anak keramat di dada kota’, ‘yang siang malamnya’, ‘lena dengan mobil dan pesta-pesta’, hanya pandai berfoya-foya dan bergembira sahaja. Golongan muda tidak dapat memberi penghormatan terhadap masyarakat petani yang bekerja keras mencari rezeki menanam padi dan berkebun. Penyair melalui puisinya “Dengan Kasih Sayang” penyair Dharmawijaya cuba mengalih kesedaran masyarakat secara *represi* tentang rasa kecewa penyair terhadap anak muda yang tidak menghormati perjuangan petani pada ketika itu. Segala janji yang pernah dibuat oleh golongan muda kepada masyarakat dan ibu bapa mereka telah dilupakan. Penyair meluahkan rasa gusar secara tersirat dengan keadaan masyarakat petani ketika itu. Perhatian dan bantuan yang diharapkan daripada golongan muda tidak berlaku. Jurang kehidupan antara masyarakat di bandar dengan masyarakat petani di kampung menyebabkan keinginan kehormatan hilang antara mereka. Masyarakat petani merupakan rakyat marhaen yang sering kali tidak diberi perhatian bagi menikmati kemakmuran dan kemajuan negara. Penyair melalui puisinya cuba menyedarkan masyarakat bukan petani ‘Mari kita hantarkan ke puncak sadarnya’ agar keinginan kehormatan terhadap kehidupan masyarakat petani wujud dalam kehidupan semua.

Rakyat Malaysia yang lahir dalam sebuah negara merdeka perlu mengerti makna kebebasan. Kemerdekaan memberi kebebasan kepada rakyatnya mencari rezeki di tanah air sendiri yang sebelum ini dikawal oleh penjajah. Masyarakat bebas untuk membina empayar perniagaan di dalam negara sendiri dan mereka juga bebas untuk menikmati kekayaan, pembangunan dan kemakmuran di negara sendiri. Selain itu, kerajaan juga dapat memberi bantuan kepada rakyat termasuk golongan petani. Sehubungan itu, keinginan kehormatan dan pengiktirafan harus diberi oleh masyarakat kepada golongan petani yang turut sama berjuang dalam memerdekakan negara.

Antara yang Telah Terisi Pada yang Pernah Memberi

Di bawah payung langit kemerdekaan
di atas saraf dan nadi bumi kemerdekaan
di tengah alun dan gelombang laut kemerdekaan
telah sepuluh musim aku dan kalian
bersama mata nan jernih ini menatap peristiwa
bersama hati nan cekal ini memburu harap dan cita

hari ini kita melangkah lagi
dengan mentafsir dan mentaksir apa yang telah terisi
dan apa yang telah pernah diberi
untuk muara sejahtera bangsa kekal menyanyikan kemakmuran
untuk bahtera keramat bangsa kekal menjunjung keagungan

pun kita telah begitu dewasa
dalam mengenal harga diri anak merdeka
kerana musim yang pergi menggunakan pengalaman
musim yang datang mengakar-tunjangkan kesedaran

maka akan durhakalah kita di dada zaman
pabila dalam sorak sorai tergadai kampung laman
dan akan bercermin bangkailah kita
diucap kenang anak-anak bakal mengenal dunia
pabila dikepuk sendiri kita kempunangkan padi
di kolam sendiri kita kelemasan mandi.

(Dharmawijaya, 1974, p.40)

Puisi di atas bertajuk “Antara yang Telah Terisi Pada yang Pernah Memberi” (1974, p.40) yang dihasilkan oleh Dharmawijaya menjelaskan tentang rasa kecewa yang dialami penyair sesudah merdeka. Puisi yang dihasilkan oleh penyair Dharmawijaya berhasil akibat wujudnya rasa kecewa dan tertekan dalam dirinya terhadap kehidupan masyarakat selepas merdeka. Perjuangan yang dilakukan oleh masyarakat sebelum ini demi kemerdekaan memerlukan pengisian yang baik bagi melahirkan semangat jati diri di kalangan golongan muda. Gabungan interaksi *id*, *ego* dan *superego* yang berlaku dalam diri penyair disebabkan perasaan tertekan yang wujud dalam diri penyair berdasarkan pengalaman yang pernah dilalui. *Superego* mengawal tindakan *ego* bagi memenuhi kehendak *id* dengan cara terbaik bagi mencapai satu tahap kepuasan yang diterima oleh masyarakat ketika itu. Penyair juga mengalih kesedaran pembaca dengan menggunakan mekanisme helah bela diri *represi* bagi menghayati perasaan, pengalaman

dan pemikirannya berkaitan perjuangan antara perwira tanah air dan masyarakat ketika itu. Perpaduan dan semangat kemerdekaan merupakan tonggak asas kesejahteraan dan kemakmuran negara bagi memastikan negara megah berdiri mengecapi dan mempertahankan kemerdekaan.

Persoalan yang terdapat dalam rangkap ketiga puisi berkaitan dengan ingatan atau amaran kepada anak bangsa bagi mempertahankan kebebasan yang selama ini dikecapi. Baris puisi berikut ‘dalam mengenal harga diri anak merdeka’, ‘kerana musim yang pergi menggunungkan pengalaman’, ‘musim yang datang mengakar-tunjangkan kesedaran’, menjelaskan agar golongan anak merdeka yang terdiri daripada mereka yang lahir selepas merdeka dan mewarisi perjuangan bangsa. Golongan muda diharapkan tidak melupakan asal-usul mereka dan sentiasa menghargai kepayahan hidup golongan terdahulu agar keinginan kehormatan terhadap agama, bangsa dan negara tidak hilang.

Penyair Dharmawijaya mengalih kesedaran masyarakat agar tidak melupakan sejarah dan peradaban nenek moyang bangsa dalam mempertahankan kemerdekaan dan kebebasan yang dikecapi. Sebagai anak petani, mereka tidak perlu takut atau malu dengan selut sungai, lintah dan lumpur di bendang kerana sumbangannya itu menjadi asam garam kehidupan anak petani sehingga maju dan berjaya mengubah hidup. Segala kejayaan yang dicapai bermula daripada kesungguhan nenek moyang mereka terdahulu. Kesungguhan golongan petani terdahulu sanggup bersusah payah untuk memperoleh kesenangan telah dapat dirasai oleh generasi petani sekarang. Penyair Dharmawijaya menyatakan sifat kesungguhan seperti dalam puisi berikut ‘kerana musim yang pergi menggunungkan pengalaman’, ‘musim yang datang mengakar-tunjangkan kesedaran’. Melalui puisi penyair Dharmawijaya berharap agar semua lapisan masyarakat sedar dengan menjaga dan mempertahankan hak kemerdekaan yang telah dicapai. Penyair

berharap agar masyarakat tidak mudah lupa diri sehingga sanggup menggadaikan pusaka warisan kepada bangsa lain yang hanya tahu mengambil kesempatan. Perubahan sikap golongan muda yang merupakan generasi baru menunjukkan sifat malas bekerja dan sanggup menganggur. Mereka mula melibatkan diri dengan gejala negatif seperti mencuri dan menghisap dadah. Istilah yang tepat untuk disampaikan oleh penyair adalah jangan sampai anak petani merempat di bumi sendiri akibat daripada kebodohan dan kealpaan sendiri.

Keinginan penyair untuk meluahkan perasaannya berdasarkan pengalaman beliau sebagai anak petani. Keinginan kehormatan beliau diluahkan dalam keadaan dapat dikesan menggunakan Teori Psikoanalisis Freud. Keinginan kehormatan yang wujud dalam diri berdasarkan pengalaman yang pernah dilalui. Perasaan tertekan yang dialami dalam diri penyair menyebabkan wujud keinginan dalam diri bagi meluahkan apa yang dirasakan dengan pelbagai cara. Puisi “Senandung Rakyat” (1974, p.45) dihasilkan oleh penyair Dharmawijaya kesan daripada interaksi *id*, *ego* dan *superego* yang berlaku dalam diri penyair. Keinginan *id* cuba ditunaikan oleh *ego* melibatkan tindakan bebas bagi mencapai kepuasan *id*. *Superego* mengawal keadaan bagi meluahkan segala yang dialami dengan cara terbaik dan diterima oleh masyarakat, iaitu disampaikan melalui puisi.

Senandung Rakyat

Atas kurnia tercinta
darah dan air mata
lahirlah anak-anak rakyat
mewarisi derita abad
untuk besar dan dewasanya
menerima siang dan malam wajah dunia.
sedang erti kasihnya
tiadalah batas tepinya
rela menagih budi
rela memberi hati.
lantas jadilah ia
para perwira tanah air
di bawah korban nyawa dan darah mengalir

jadilah ia
para petani sengsara
di bawah hangat mentari dan hening senja
jadilah ia
para nelayan pencita laut dan gelora
sekadar membujuk tangis di gubuk tua
jadilah ia
para buruh paling setia
membangun istana pesta pemilik kota.

tapi tiap yang menerima pengorbanannya
entah di mana belas kasihannya
maka kerana itulah
bersama tenaga lahir batin yang tumpah
anak-anak rakyat meski di mana-mana
bergema jerit dan laungannya.

(Dharmawijaya, 1974, p.45)

Persoalan yang disampaikan penyair Dharmawijaya dalam puisinya melibatkan rasa kesedihan dan kekecewaan tentang pandangan masyarakat luar terhadap masyarakat petani. Rangkap pertama puisi “Senandung Rakyat”, iaitu ‘untuk besar dan dewasanya’, ‘menerima siang dan malam wajah dunia’, ‘mewarisi derita abad’, menjelaskan kehidupan petani yang cinta dan sayang kepada tanah tempat mereka dibesarkan. Masyarakat petani dikatakan menjadi pesawah atau pekebun bagi mewarisi pekerjaan yang dilakukan oleh keluarga mereka seperti pada baris puisi ‘mewarisi derita abad’ sejak turun-temurun. Mereka hanya meneruskan pekerjaan yang dilakukan oleh ibu bapa mereka tanda penghormatan mereka terhadap pekerjaan yang diwarisi. Sikap keikhlasan yang ada dalam diri masyarakat digambarkan ‘rela menagih budi’, ‘rela memberi hati’ sanggup berkorban apa sahaja demi meneruskan kehidupan sebagai petani. Pekerjaan sebagai petani, nelayan dan buruh dianggap sebagai pejuang ‘lantas jadilah ia’, ‘para perwira tanah air’ yang berusaha untuk keluar daripada alam kemiskinan yang dilaluinya. Penyair Dharmawijaya melalui puisinya juga menyatakan masyarakat petani, nelayan dan buruh hanya berusaha untuk kebahagiaan orang lain.

para petani sengsara
di bawah hangat mentari dan hening senja
jadilah ia
para nelayan pencita laut dan gelora
sekadar membujuk tangis di gubuk tua
jadilah ia
para buruh paling setia
membangun istana pesta pemilik kota.

Taraf kehidupan golongan petani pada ketika itu amat rendah sehingga masyarakat lain tidak mahu mengambil tahu tentang penderitaan yang dialami oleh petani, nelayan dan buruh. Mekanisme helah bela diri *represi* yang terdapat dalam disiplin Teori Psikoanalisis digunakan oleh penyair Dharmawijaya bagi menyedarkan masyarakat terhadap kehidupan golongan miskin melalui puisinya. Puisi penyair Dharmawijaya menggambarkan kesungguhan petani, nelayan dan buruh seperti baris puisi berikut ‘tapi tiap yang menerima pengorbanannya’, ‘entah di mana belas kasihannya’ menjelaskan tentang sifat masyarakat yang tidak menghargai pengorbanan golongan miskin ini bagi meneruskan kehidupan. Kepentingan masyarakat petani, nelayan dan buruh digambarkan melalui baris berikut,

tapi tiap yang menerima pengorbanannya
entah di mana belas kasihannya
maka kerana itulah
bersama tenaga lahir batin yang tumpah
anak-anak rakyat meski di mana-mana
bergema jerit dan laungannya.

Golongan petani, nelayan dan buruh berasa mereka juga merupakan golongan masyarakat yang penting untuk membekalkan sumber makanan dan pembangunan kepada masyarakat lain.

Puisi Dharmawijaya memperkatakan tentang kepentingan dan peranan golongan kelas bawahan seperti petani, nelayan dan buruh juga penting dalam memacukan

pembangunan negara seperti dalam rangkap terakhir puisi ‘tapi tiap yang menerima pengorbanannya’ dan ‘entah di mana belas kasihannya’. Melalui puisi, penyair menganggap golongan petani, nelayan dan buruh merupakan tenaga penting kepada golongan pertengahan dan atasan. Puisi yang dihasilkan oleh penyair Dharmawijaya cuba mengalah kesedaran masyarakat bagi menghayati puisinya agar tidak memandang rendah terhadap kehidupan masyarakat petani, nelayan dan buruh. Keinginan kehormatan terhadap masyarakat petani, nelayan dan buruh mempamerkan sikap prihatin penyair terhadap kesusahan dan kepayahan mereka. Masyarakat perlu mempunyai sifat bertanggungjawab dan lebih prihatin, terhadap golongan yang susah dan miskin bagi membentuk sebuah negara yang bersatu padu dan aman.

Dharmawijaya menyatakan keinginan kehormatan terhadap masyarakat dalam puisinya dengan membawa pemikiran yang serius bagi membangkitkan semangat dan sentimen perjuangan golongan bawahan seperti petani, nelayan dan buruh. Penyair menyatakan bahawa masyarakat umum telah memahami tentang perjuangan yang dilakukan golongan terdahulu merujuk kepada semua masyarakat Melayu pada ketika itu. Perasaan tertekan yang dialami penyair mewujudkan pergolakan dalam diri terhadap kehidupan masyarakat miskin seperti petani menyebabkan berlakunya interaksi *id*, *ego* dan *superego* dalam diri penyair yang ingin mencapai keinginan kehormatan terhadap masyarakat. Keadaan *ego* cuba memenuhi keinginan *id* dengan pelbagai cara tanpa batasan. *Superego* mengawal tindakan *ego* agar keinginan kehormatan terhadap masyarakat yang diingini dizahirkan dalam bentuk yang lebih sesuai dan diterima oleh masyarakat pada ketika itu, iaitu menghasilkan puisi bertajuk “Sekali ini” (1974, p.51). Menurut Hashim Awang (1988: 40), beranggapan bahawa kreativiti sebagai mimpi dalam sedar, iaitu di mana cara penyair memberi kepuasan bagi satu-satu keinginan atau kemahuan yang tidak dipenuhi atau diakui. Keinginan dan pengalaman yang pernah

dilalui oleh penyair diluahkan dalam puisi berdasarkan keadaan persekitaran yang pernah berlaku. Hal ini bertujuan mencapai keinginan kehormatan terhadap masyarakat dengan kreatif dan mempunyai perkaitan yang jelas dengan kehidupan penyair Dharmawijaya. Jerome Stolnitz (1960, p.35) menerangkan bahawa pemikiran seorang pengarang akan memberi kesan rasa yang mendalam sehingga menimbulkan kesan keinginan, malah persepsi pengarang mampu memberi motivasi, seperti puisi “Sekali Ini” (Dharmawijaya, 1974, p.51).

Sekali Ini

Sekali ini
di bumi milik kita sendiri
yang sudah diberi erti
kemerdekaan:
dari darah dan air mata perjuangan
kedaulatan:
dari hangat keringat pengorbanan
mak, kalau masih jua
diwarisi derita dunia
jangan tenggelam bersamanya!

sekali ini
biar di kiri duri di kanan api
biar di belakang topan di hadapan gelora
kita akan bangun dan melangkah jua
bersama citawaja yang tak terkalahkan
bersama sari yakin yang tak terpecahkan.

Susunan dixi yang dilakukan dalam puisi juga mempunyai perkaitan yang sesuai bagi menyampaikan keinginan kehormatan yang terpendam. Perasaan marah dan tidak puas hati penyair terhadap masyarakat luar yang mementingkan diri sendiri dan tidak menjaga kepentingan masyarakat petani dilunaskan dapat dilihat dalam rangkap pertama puisi bertajuk “Sekali Ini” (1974, p.51). Baris-baris puisi yang berkaitan dengan perjuangan adalah seperti berikut ‘dari darah dan air mata perjuangan’, ‘kedaulatan:’, ‘dari hangat keringat pengorbanan’, ‘maka, kalau masih jua’, ‘diwarisi derita dunia’ memperlihatkan luahan penyair tentang keinginan kehormatan agar masyarakat menghayati sumbangan

dan perjuangan golongan sebelum ini untuk memastikan generasi akan datang dapat hidup dalam keadaan aman dan bahagia.

Keinginan kehormatan oleh penyair secara bawah sedar menjelaskan peranan yang dimainkan oleh golongan petani yang mahu bangkit bersama masyarakat lain berjuang daripada kesengsaraan, kepayahan dan kesukaran hidup yang dialami pada ketika itu. Penyair menggambarkan perjuangan masyarakat petani dalam baris puisi beliau, seperti berikut:

sekali ini
biar di kiri duri di kanan api
biar di belakang topan di hadapan gelora
kita akan bangun dan melangkah jua
bersama citawaja yang tak terkalahkan
bersama sari yakin yang tak terpecahkan.

Rangkap puisi di atas menggambarkan golongan petani akan terus berusaha dengan rajin, dan tekun melibatkan tekad serta azam untuk mengubah kehidupan mereka. Mekanisme helah bela diri *sublimasi* yang digunakan oleh penyair bagi menyalurkan rasa kecewa dan keinginan kehormatan terhadap masyarakat petani yang ada dalam dirinya disampaikan melalui puisi. Tindakan ini memberikan kepuasan dalam diri penyair terhadap golongan petani supaya mereka disegani dan dihormati oleh masyarakat lain. Keinginan kehormatan dalam diri penyair timbul apabila menyedari bahawa kejayaan golongan petani akan dihargai dan dikagumi dengan cara meningkatkan hasil tani. Peningkatan hasil pertanian secara tidak langsung suara golongan petani mula didengari oleh masyarakat. Keinginan kehormatan terhadap masyarakat petani disampaikan oleh penyair bagi membangkitkan semangat dalam diri melakukan perubahan terhadap gaya hidup dan pekerjaan mereka. Melalui puisi yang dihasilkan penyair memperkatakan secara tegas dan jujur tentang perjalanan hidup golongan petani yang penuh dengan cabaran, cemuh dan pandangan negatif masyarakat luar yang perlu dilalui.

Kepada Petani

Petani
di tanah kasihmu ini
ku temui ria tempua
gugur di ujung senja
dan tangis takdir
tenggelam dalam keringat mengalir.

petani
di hening malammu ini
ku junjung budi dan kurnia
milik tulang belulangmu yang bernama
lenggang setia
langkah perkara

(Dharmawijaya, 1974, p.74)

Kehidupan penyair Dharmawijaya sebagai anak petani memperlihatkan banyak pengalaman kehidupan yang dilaluinya terutama pergolakan hidup masyarakat petani di kampungnya. Melalui pengalaman yang pernah dilalui ini, maka timbul rasa keinginan kehormatan terhadap masyarakat yang diluhukan dalam bentuk puisi melibatkan perasaan kecewa dan tidak puas hati. Interaksi antara *id*, *ego* dan *superego* yang berlaku secara semulajadi dalam diri penyair. *Ego* yang cuba memenuhi keinginan *id* dikawal oleh *superego* menyebabkan penyair Dharmawijaya menghasilkan puisi bagi menyatakan keinginan kehormatan yang ada dalam dirinya. *Superego* menyampaikan keinginan dalam diri melibatkan nilai moral yang ada dalam masyarakat pada ketika itu. Puisi yang dihasilkan oleh penyair Dharmawijaya bertajuk “Kepada Petani” (1974: 74), memperlihatkan keinginan penyair melibatkan keinginan kehormatan terhadap masyarakat. Menurut Zakaria Osman (1998, p.76), pengarang menghasilkan karya berlandaskan pengalaman dan realiti kehidupan. Penyair Dharmawijaya menghasilkan puisi bertujuan menyatakan pengalaman beliau seperti dalam rangkap pertama puisi ‘gugur di ujung senja’, ‘dan tangis takdir’, ‘tenggelam dalam keringat mengalir’, penyair mengharapkan diberi pengiktirafan dan penghormatan kepada golongan pesawah dan pekebun.

Penyair Dharmawijaya menggambarkan tentang kepayahan kerja yang dilakukan sebagai petani dari pagi hingga ke petang seperti baris puisi berikut ‘di hening malammu ini’, merujuk kepada suasana rehat golongan petani setelah keringat tenaga tulang empat kerat digunakan untuk bercucuk tanam. Pengalaman yang pernah dilalui oleh penyair Dharmawijaya berkaitan dengan kehidupan masyarakat petani di kampung kelahirannya melahirkan keinginan kehormatan terhadap masyarakat yang disampaikan dalam bentuk puisi. Mekanisme helah bela diri *represi* digunakan bagi mengalih kesedaran masyarakat tentang kekecewaan yang dialami untuk mencapai keinginan kehormatan terhadap masyarakat petani. Pengalaman yang pernah dilalui sebagai petani di Kampung Talang diluahkan melalui puisi. Sehubungan dengan itu, penyampaian puisi oleh penyair disampaikan dengan jelas menggunakan diksi-diksi yang tepat untuk memberi penghormatan dan pengiktirafan yang sesuai kepada golongan petani. Berdasarkan pengalaman sebagai anak petani penyair dapat menjelaskan tentang sumbangan petani yang dalam rangkap terakhir puisi, iaitu ‘milik tulang belulangmu yang bernama:’, ‘lenggang setia’, ‘langkah perkara’, menerangkan tentang pengorbanan masyarakat petani yang terus berusaha menaman padi dan berkebun demi masa depan masa depan mereka. Masyarakat petani akan terus berusaha mengusahakan tanah yang mereka miliki untuk mencari rezeki.

Puisi yang dihasilkan oleh penyair Dharmawijaya banyak melibatkan pengalamannya yang pernah dilalui bersama keluarganya di Kampung Talang. Diksi-diksi terpilih yang digunakan dalam penghasilan puisi mengandungi nilai keindahan yang dapat memurnikan makna dalam puisi. Penyair Dharmawijaya menghayati keadaan persekitaran pada ketika itu untuk dijadikan sumber ilham bagi menulis puisi. Pengalaman yang dilalui menjadi sumber terpenting bagi sesebuah puisi yang dihasilkannya. Menurut Shahnon Ahmad (1992, p.67) pengalaman yang diperolehi

memberi idea dan kisah yang berkesan dalam karya. Pengalaman yang pernah dilalui akan dieksplotasikan selari dengan keinginan yang wujud dalam diri. Kehidupan masyarakat petani dan nelayan berhadapan dengan halangan-halangan yang hampir sama, iaitu halangan di darat dan di air. Nelayan terpaksa membelah ombak dan gelombang yang mencabar untuk mencari rezeki. Puisi penyair Dharmawijaya mengisahkan tentang pergolakan hidup manusia. Semangat tinggi yang ada dalam diri golongan nelayan membolehkan mereka meneruskan kehidupan seperti masyarakat lain.

Masih Ada

Kicau burung di hujung dahan. Masih ada
sayap paginya kematian angin
sedang siang terus melambai
melayang pulang

pelaut rebah di bibir pantai. masih ada
dada senjanya menepis ombak
sedang malam kian mendekat
memagari mimpi.

burung dan pelaut
di snilah hatinya saling bersalaman
sebelum berangkat mendukung derita
ke lain pangkalan.

(Dharmawijaya, 1986, p.18)

Puisi bertajuk ‘Masih ada’ (1986, p.18) yang dihasilkan oleh penyair Dharmawijaya, menjelaskan tentang perjalanan kehidupan seorang insan sebagai nelayan. Kehidupan nelayan yang diterjemahkan oleh penyair dikatakan menghadapi banyak masalah ketika ke laut. Penyair Dharmawijaya dapat menghayati semula peristiwa yang pernah dilalui berdasarkan pengalaman hidupnya. Penghayatan terhadap pengalaman yang dilalui dianalisis menggunakan disiplin Teori Psikoanalisis Freud, bagi mengesan keinginan kehormatan terhadap masyarakat nelayan yang wujud akibat daripada rasa tertekan yang dialami oleh penyair. Perasaan tertekan yang dialami menyebabkan wujud interaksi *id*, *ego* dan *superego* dalam diri penyair melahirkan

keinginan kehormatan terhadap masyarakat dalam diri. *Ego* yang cuba memenuhi keinginan *id* dengan melakukan pelbagai cara. Tetapi keadaan *id* dan *ego* yang ditenteramkan dan dikawal oleh *superego* dengan menggunakan tindakan terbaik yang diterima oleh masyarakat pada ketika itu. *Superego* menggunakan medium puisi bagi meluahkan perasaan terhadap nelayan yang hidup miskin. Pemikiran yang hendak disampaikan oleh penyair dalam puisinya menggambarkan pengorbanan nelayan yang perlu diberi penghormatan bagi mencapai kepuasan dalam dirinya.

Pada rangkap pertama puisi “Masih Ada” (1986, p.18) penyair menggambarkan tentang rezeki yang dianugerahkan Allah kepada nelayan sebagaimana dalam baris puisi berikut ‘sayap paginya kematian angin’, ‘sedang siang terus melambai’, ‘melayang pulang’, menggambarkan nelayan perlu terus berusaha mencari rezeki tanpa berputus asa. Penyair Dharmawijaya menggunakan mekanisme helah bela diri *represi* bagi menyedarkan masyarakat pada ketika itu agar memberi perhatian terhadap kehidupan golongan nelayan yang hidup dalam kemiskinan. Puisi tersebut memperlihatkan bahawa golongan nelayan mempunyai jati diri yang kuat dalam menghadapi risiko dari segi masalah peralatan, cuaca dan kekurangan hasil ikan. Sikap tidak mudah berputus asa golongan nelayan, masih tetap mahu turun ke laut bagi mencari rezeki. Menurut Zurinah Hassan (2004, p.141-142), laut melambangkan keluasan dan keagungan, gelombang ombak menceritakan tentang perasaan bahawa kenangan itu datang dengan kuat memukul hati, malah laut diberi imej sebagai pencabar dan cabaran, itulah yang mendewasakan golongan nelayan. Tekanan hidup yang dihadapi golongan nelayan menyebabkan puisi ini dicipta bagi tujuan untuk melepaskan keinginan kehormatan terhadap golongan nelayan yang bersusah payah mencari sumber ikan di laut.

Persoalan banyak atau sedikit rezeki dari hasil tangkapan menjadi percaturan hidup sebagai nelayan. Bagi penyair golongan nelayan, perlu bersabar dan sentiasa bersyukur ketika menerima dugaan serta cabaran bagi meneruskan kehidupan dan berlapang dada pada masa kesusahan. Segala cabaran yang dihadapi oleh nelayan perlu dihargai dan dihormati oleh masyarakat lain memandangkan perjuangan mereka seperti yang digambarkan dalam rangkap kedua puisi.

pelaut rebah di bibir pantai, masih ada
dada senjanya menepis ombak
sedang malam kian mendekat
memagari mimpi.

Daripada rangkap puisi “Masih Ada” (1986, p.18) di atas, diperlihatkan golongan nelayan telah bersusah payah mendapatkan sumber laut seperti ikan, sotong dan ketam untuk keperluan semua sehingga sanggup bertarung nyawa. Dalam hal ini, puisi yang dihasilkan oleh penyair Dharmawijaya menyatakan perasaan simpatinya terhadap perjuangan golongan nelayan yang gigih berhadapan dengan laut untuk mencari rezeki bagi menampung kehidupan keluarganya. Nelayan turun ke laut pada awal pagi dan pulang ke pantai waktu petang dengan hasil tangkapan mereka. Pekerjaan nelayan mempunyai persamaan dengan petani, menjadikan waktu siang untuk bekerja dan malam berehat bersama keluarga. Penyair meluahkan keinginan kehormatan terhadap nelayan dalam bentuk puisi bagi mengalih kesedaran masyarakat dan bagi mencapai kepuasan dalam dirinya.

Sebuah puisi bertajuk “Yang Kutanyakan” (1999, p.15), penyair Dharmawijaya menyatakan pemikirannya tentang nasib hidup petani miskin yang bergantung hidup pada hasil pertanian yang ditanam seperti padi dan sayur-sayuran. Puisi dua rangkap ini diibaratkan pertanyaan pemikiran penyair yang merangkumi kehidupan masyarakat

petani secara menyeluruh yang bergantung nasib pada hasil pertanian semata-mata. Perasaan tertekan yang wujud dalam diri penyair terhadap kehidupan golongan petani di kampung kelahirannya menyebabkan berlaku interaksi *id*, *ego* dan *superego* dalam dirinya. Melalui disiplin Teori Psikoanalisis *id* wujud dalam diri akibat daripada perasaan tertekan terhadap kehidupan golongan petani miskin yang menginginkan kehormatan daripada masyarakat di sekelilingnya. *Ego* yang ada secara semulajadi dalam diri penyair cuba memenuhi keinginan *id* dengan pelbagai cara tanpa batasan. Bagi mencapai tindakan yang sesuai *ego* dikawal oleh *superego* untuk mendapatkan perubahan tingkah laku yang terbaik dan diterima oleh masyarakat pada ketika itu. Penyair Dharmawijaya menggunakan mekanisme helah bela diri *pindah gantian* seperti burung untuk dikaitkan dengan kehidupan masyarakat petani. Penyair mengibaratkan objek burung dalam puisinya dengan situasi yang menggambarkan suasana yang terpaksa dihadapi oleh masyarakat petani. Penyair pernah menjalani kehidupan sebagai petani miskin di tempat kelahirannya Kampung Talang dengan besawah dan berkebun sayur. Penyair melalui puisinya meluahkan segala keinginan rasa kehormatan dalam diri yang ingin dicapai akibat daripada perasaan tertekan dalam dirinya.

Yang Ku Tanyakan

Seringkali kutanyakan
burung- burung yang riang
berterbangan
sebelum senja menjelang
pernahkah di ambang pagi
bertemankan sepi.

sering kali ku tanyakan
burung- burung yang pulang
bersendirian
meniduri sarang
pernahkah melenakan kedukaan
di gerhana kemanusiaan.
sampai kini
masih juga ku tanyakan
dalam denyut pumpunan nadi
burung dan insan

pernahkah menabun api
di padang kedamaian.

(Dharmawijaya, 1999, p.15)

Puisi bertajuk “Yang Kutanyakan” (1999, p.15), yang dihasilkan beliau menggambarkan pengalaman sebagai seorang insan yang pernah melalui kehidupan sebagai anak petani. Pengalaman hidup penyair dapat menggambarkan kehidupan suka dan duka menjadi seorang petani kampung. Persoalan dibawa oleh penyair berkaitan kehidupan petani yang berhadapan dengan pelbagai masalah dan kehidupan mereka perlu dihormati. Kehidupan seorang petani miskin yang masih belum selesai dan memerlukan bantuan dinyatakan sebagaimana dalam rangkap pertama puisi berkaitan dengan kesepian. Puisi ini juga memperlihatkan penyair menggunakan pengulangan ‘ku tanyakan’ sebagai gaya bahasa penegasan. Diksi ‘ku tanyakan’ merupakan tanda ketegasan penyair untuk menimbulkan kesan terhadap golongan pembaca pada ketika itu. Diksi ‘ku tanyakan’ yang digunakan secara berulang-ulang menggambarkan perasaan dalaman penyair. Diksi ‘ku tanyakan’ juga memperlihatkan perasaan penyair Dharmawijaya melalui pengalaman yang pernah dilalui dari pelbagai peristiwa. Diksi tersebut menerangkan bahawa penyair amat prihatin dengan nasib golongan petani yang bergantung hidup dengan hasil tanaman yang ditanam.

Seringkali kutanyakan
burung- burung yang riang
berterbangun
sebelum senja menjelang
pernahkah di ambang pagi
bertemankan sepi.

Perkataan ‘sepi’ dalam puisi membawa maksud tersirat berkaitan tentang permulaan kehidupan masyarakat petani yang bekerja di sawah atau kebun sejak awal pagi. Penyair menyatakan perasaan keceriaan, keriangan dan kegembiraan bermula

daripada kesepian, kekosongan dan juga sendirian. Petani mula turun ke sawah awal pagi dengan penuh semangat untuk mengusahakan petak sawah masing-masing. Apabila menjelang waktu petang mereka mula beransur pulang ke rumah. Semangat baru dikatakan wujud dalam kalangan petani apabila melihat hasil kerja semasa berjalan pulang. Hasil kerja yang dilakukan oleh petani itu dikongsikan bersama petani yang lain semasa mereka berehat. Perasaan kerisauan yang wujud dalam diri penyair menerangkan tentang keadaan dirinya melibatkan keinginan kehormatan terhadap petani kampung pada ketika itu. Kerisauan yang sering wujud dapat dijelaskan berdasarkan persoalan dalam puisi, iaitu tentang perasaan, kehidupan dan masalah yang dihadapi oleh masyarakat petani.

sampai kini
masih jua ku tanyakan
dalam denyut pumpunan nadi
burung dan insan
pernahkah menabun api
di padang kedamaian.

Petikan puisi di atas “Yang Kutanyakan” (1999, p.15) memperlihatkan keprihatinan penyair yang bertanya ‘masih jua ku tanyakan’, ‘dalam denyut pumpunan nadi’ melibatkan perasaan penyair tentang masalah dalam kehidupan masyarakat petani. Perasaan bertanggungjawab dalam diri penyair menimbulkan keinginan kehormatan terhadap masyarakat petani yang menyebabkan beliau memperkatakan tentang kehidupan dan kebijakan mereka.

Nasib golongan nelayan, tidak ubah sama seperti kehidupan golongan petani. Penyair Dharmawijaya turut dapat merasai kesusahan hidup yang dialami oleh golongan nelayan. Perasaan tertekan yang dihadapi penyair terhadap kesusahan hidup masyarakat nelayan menimbulkan interaksi *id*, *ego* dan *superego* yang berlaku dalam diri penyair.

Keinginan *id* yang wujud secara semulajadi cuba dipenuhi oleh *ego* dengan pelbagai cara bagi mencapai kepuasan diri. Perubahan tingkah laku yang dilakukan dalam diri penyair dikawal dengan *superego* bagi memenuhi nilai norma masyarakat pada ketika itu berkait dengan keinginan kehormatan terhadap masyarakat yang disampaikan melalui puisi.

Buana Pelaut

Telah kutatap liang lara
tangan seorang pelaut
menggenggam titipan hampa
suram berpaut
di sepi senjanya.
telah kutanggap bayang takwa
dada seorang pelaut
mententeram resah keluarga
hening bersujud
di mimpi malamnya.
telah kudakap tunjang setia
bauna seorang pelaut
membelah ombak gelora
di negeri paginya.

(Dharmawijaya, 1999, p.37)

Perjalanan hidup nelayan digambarkan dalam puisi bertajuk “Buana Pelaut” (Dharmawijaya, 1999, p.37). Pelaut yang digambarkan seperti petani yang perlu menghadapi cabaran dan melakukan pengorbanan yang besar untuk meneruskan kehidupan. Pemilihan perkataan ‘buana’ membawa maksud tempat bekerja yang mencabar bagi nelayan. Penyair berkeinginan memberi penghormatan kepada golongan nelayan yang sanggup bergadai nyawa menangkap ikan di laut untuk keperluan makanan masyarakat di sekitarnya.

Melalui puisi “Buana Pelaut” (1999, p.37) penyair Dharmawijaya menyatakan dilema yang dihadapi golongan nelayan telah menyentuh perasaan penyair. Keinginan kehormatan wujud akibat daripada tekanan dalam diri terhadap perasaan sedih yang

dialami penyair terhadap golongan nelayan. Mekanisme helah bela diri *pindah gantian* diaplikasikan dalam baris puisi berikut ‘di sepi senjanya’, ‘di mimpi malamnya’, ‘di ngeri paginya’ melibatkan tindakan timbal balik perasaan kecewa penyair yang memberi makna yang jelas tentang golongan nelayan masih berada dalam kemiskinan. Waktu senja, petang dan pagi menggambarkan waktu yang amat berguna bagi golongan nelayan dan petani.

Penyair turut membawa persoalan tentang kepentingan nilai ketuhanan dan perasaan rendah diri dalam kehidupan seorang nelayan. Keinginan kehormatan yang wujud dalam diri merupakan fitrah semulajadi manusia. Konsep kehidupan beragama penting bagi mengawal tingkah laku manusia daripada melakukan perkara-perkara yang tidak baik dalam kehidupan. Jika sistem beragama tidak diamalkan, kehidupan manusia akan menjadi kucar-kacir tanpa pedoman. Umat Islam menjadikan al-Quran sebagai panduan dan rujukan dalam kehidupan. Konsep ketuhanan dan beragama perlu diamalkan bagi melahirkan keinginan kehormatan terhadap alam ciptaan Tuhan.

Perasaan tertekan dan risau yang dialami oleh golongan nelayan terhadap hasil tangkapan mereka yang tidak menentu mengharapkan rezeki dan rahmat daripada Tuhan setelah penat berusaha. Namun begitu, golongan nelayan tetap berusaha bersungguh-sungguh dan yakin akan mendapat imbalan setimpal sesuai dengan usaha yang telah dilakukan. Perjalanan kehidupan harian masyarakat nelayan diperlihatkan sebagai golongan yang sanggup membelah lautan untuk mencari rezeki dengan keikhlasan dan kejujuran. Sikap nelayan yang kuat berusaha sanggup bergadai nyawa demi mencari rezeki yang halal untuk keluarga mereka perlu dihormati oleh masyarakat lain yang berada di sekelilingnya. Oleh yang demikian, melalui pemerhatian yang pernah dilalui, Dharmawijaya dapat menghayati kehidupan masyarakat nelayan menyebabkan lahirnya

perasaan tertekan dan kerisauan dalam diri dan menzahirkan keinginan kehormatannya melalui puisi.

4.5 Keinginan Kehormatan Terhadap Alam

Analisis yang dilakukan terhadap puisi terpilih Dharmawijaya dengan mengaplikasikan Teori Psikoanalisis Freud bagi merungkaikan tentang keinginan kehormatan terhadap alam. Perasaan tertekan yang dialami oleh penyair berkaitan kehidupan petani, nelayan dan buruh menyebabkan wujud segala macam keinginan dalam diri seperti kehormatan, kekuasaan, kekayaan, kemasyhuran dan rasa cinta (Sigmund Freud, 1962, p.384). Penyair menginginkan kehormatan yang kuat yang tidak mampu dicapai melalui tingkah laku tetapi dipenuhi dengan menghasilkan puisi. Puisi terpilih yang dihasilkan oleh penyair Dharmawijaya dikaji bertujuan mengesan sejauh mana unsur alam seperti lautan dan mentari digunakan oleh penyair Dharmawijaya untuk mengungkap mesej dan pemikirannya berkaitan keinginan kehormatan. Analisis dilakukan dengan mengesan keinginan kehormatan terhadap alam yang ada dalam diri melibatkan pengalaman yang pernah dilalui oleh penyair.

Biru Warna

Telah berkata gadis kota
dengan gigih jiwanya
bahawa kerdip neon di biru warna
adalah lambang kasih dan mesra

telah berkata gadis nelayan
antara gelombang dan ribut dilautan
bahawa biru warna
adalah lambang rintih deritanya.

telah berkata gadis tani
bersama pesta bahang mentari
bahawa langit biru warna

dalam tenang damai keindahannya
bisa juga menjadi payung hidup manusia
dengan debar kudrat kewadi lara.

(Dharmawijaya, 1974, p.38)

Merujuk kepada puisi “Biru Warna” (1974, p.38) menggambarkan alam kehidupan yang dilalui oleh masyarakat kota, nelayan dan petani. Keinginan kehormatan yang kuat tidak mengimbangi keadaan dirinya. Penyair tidak mempunyai kekuatan diri untuk mencapai keinginannya. Perasaan tertekan yang dialami penyair menyebabkan berlakunya interaksi *id*, *ego* dan *superego* dalam diri penyair secara bawah sedar. *Id* dalam diri penyair menginginkan kehormatan terhadap alam kehidupan warga kota, nelayan dan petani. Peranan *ego* cuba memenuhi keinginan dengan apa cara sekalipun tetapi dikawal dengan norma kehidupan masyarakat yang ada dalam *superego* bagi mencapai kepuasan diri. Mekanisme helah bela diri pindah gantian digunakan oleh penyair Dharmawijaya bagi menyatakan keinginan kehormatannya terhadap alam, iaitu ‘gadis kota’, ‘gadis nelayan’ dan ‘gadis tani’ dalam puisi. Penyair Dharmawijaya menjelaskan cabaran kehidupan yang perlu dihadapi oleh semua golongan masyarakat walaupun di mana berada.

Pengalaman yang pernah dilalui penyair semasa di kota juga telah menyebabkan timbul rasa tertekan dalam diri secara bawah sedar. Puisi “Biru Warna (1974, p.38), memperlihatkan keinginan kehormatan terhadap alam kehidupan yang wujud dalam diri penyair. Menurut Shanon Ahmad (1994: 103) penyair begitu setia memainkan peranan mereka merakamkan kehidupan sebenar masyarakat dan merakamkan fenomena yang berlaku di depan matanya. Kehidupan masyarakat bekerja kota, nelayan dan petani yang sentiasa bergantung pada nasib turut digambarkan oleh penyair dalam puisi ini. Puisi penyair menggambarkan persamaan antara kehidupan seorang nelayan dengan kehidupan seorang petani dari segi cabaran yang perlu dihadapi. A.Rahim Abdullah

(2007, p.89) menyatakan *pindah gantian* diungkapkan sebagai citra, iaitu gambaran atau tiruan bentuk seseorang atau sesuatu objek yang tergambar dalam fikiran dan bentuk yang dicipta penulis untuk dijadikan model atau digambarkan dalam pengertian. Pemilihan diksi bagi memperkatakan tentang masyarakat di sekitarnya merujuk kepada ‘gadis kota’, ‘gadis nelayan’ dan ‘gadis tani’, yang terdapat pada setiap rangkap puisi. *Pindah gantian* merupakan mekanisme helah bela diri yang digunakan dalam puisi bertujuan mencapai keinginan kehormatan terhadap alam dengan menggunakan helah bela diri kepada objek lain.

Istilah ‘gadis kota’ yang digunakan dalam rangkap pertama puisi ‘Telah berkata gadis kota’, ‘dengan gigih jiwanya’, penyair menjelaskan tentang kehidupan di kota memerlukan semangat dan kegigihan. Warga kota perlu bekerja bersungguh-sungguh untuk menjalani kehidupan yang mencabar di kota dengan kos sara hidup yang tinggi dari segi tempat tinggal, makanan dan kemudahan asas lain. Penggunaan istilah gadis kota hanyalah sebagai bayangan atau objek yang digunakan oleh penyair untuk menggambarkan dirinya sebagai seorang yang pernah melalui kehidupan sebagai warga kota pada ketika itu. Melalui puisi juga penyair turut menjelaskan keinginan kehormatan terhadap alam kehidupan golongan nelayan ‘telah berkata gadis nelayan’, ‘antara gelombang dan ribut di lautan’, perlu meredah gelombang dan ribut besar untuk mencari rezeki di laut. Bagi nelayan, sumber rezeki mereka bergantung pada hasil laut. Baris puisi berikut menerangkan keperitan hidup nelayan, iaitu ‘antara gelombang dan rebut di lautan’, ‘bahawa biru warna’, ‘adalah lambang rintih deritanya’, laut dijadikan objek utama bagi penyair menerangkan tentang kehidupan golongan untuk mencari rezeki. Nelayan memanfaatkan sepenuhnya kekayaan hasil laut dalam kehidupan mereka bagi menyara hidup keluarga. Lautan yang luas menjadi penentu kepada kehidupan nelayan.

Masyarakat nelayan sangat bersyukur dengan alam cipta Tuhan terutamanya lautan luas yang kaya dengan hidupan untuk dijadikan sumber rezeki mereka.

Golongan nelayan sanggup berkorban nyawa mencari rezeki bagi menyara hidup ahli keluarganya. Melalui puisi ini juga, penyair memperkatakan tentang cabaran yang perlu dilalui oleh golongan petani, iaitu ‘gadis tani’.

bersama pesta bahang mentari
bahawa langit biru warna
dalam tenang damai keindahannya
bisa juga menjadi payung hidup manusia
dengan debar kudrat kewadi lara.

Golongan petani bekerja sama di bawah perit matahari ‘bersama pesta bahang mentari’ dengan besawah dan berkebun untuk mencari sesuap nasi bagi menyara kehidupan keluarga mereka. Keperitan yang dilalui ketiga-tiga golongan ini berlaku untuk mencapai kebahagiaan hidup masa hadapan. Keinginan kehormatan terhadap alam melibatkan kehidupan warga kota, nelayan dan petani dizahir dalam puisi oleh penyair. Walaupun warga kota, nelayan dan petani merupakan golongan yang berbeza, namun, tangggung jawab yang dipikul adalah sama. Penyair berkeinginan untuk memberi kehormatan kepada golongan ini kerana mereka sanggup bersusahan payah demi kehidupan keluarga dan masyarakat di sekelilingnya. Peranan alam dan persekitaran dalam puisi ‘Biru Warna’ menjelaskan bahawa warga kota, petani dan nelayan perlu bekerjasama dan sangat bergantung kepada sumber alam di sekitarnya dalam melakukan aktiviti mereka seharian. Usaha gigih oleh golongan petani dalam mencari rezeki dengan bercucuk tanam membawa hasil yang baik. Hasil yang tanaman adalah untuk kegunaan keluarga dan masyarakat lain. Cuaca cerah dengan langit yang membiru memberikan kegembiraan kepada masyarakat petani kerana mereka merasakan bahawa

Allah merahmati mereka. Nikmat Allah yang diterima digunakan sebaik mungkin oleh golongan petani dengan bercucuk tanam untuk mencari rezeki. Unsur alam seperti tanah merupakan aset paling berharga bagi golongan petani untuk bercucuk tanam.

Puisi-puisi yang dihasilkan oleh penyair Dharmawijaya mengemukakan permasalahan tentang dirinya, masyarakat dan alam kehidupan yang pernah dilaluinya. Penyair amat akrab dengan kehidupan petani dan mengolah puisi-puisinya untuk menyatakan kepada khalayak tentang kesusahan, kemiskinan, perjuangan dan pengorbanan yang menggambarkan alam kehidupan golongan petani yang memperjuangkan nasib mereka. Pengalaman yang dilalui sejak kanak-kanak dan remaja ketika di kampung kelahirannya memberi kesan kepada Dharmawijaya untuk menyampaikan pengalaman yang pernah dilaluinya. Alam kehidupan di kampung halaman telah melahirkan keinginan dalam diri penyair untuk menyalurkan semangat patriotik sebagai teras dalam puisi bertajuk "Lagu Kebangkitan" (1974, p.50). Menurut Shahnon Ahmad (1994, p.139) bidang sastera dapat mengalirkan makna sebenar kepada pemikiran insan, masyarakat dan alam yang lebih bercorak segagat. Melalui kajian yang dilakukan penyair Dharmawijaya mempunyai kesedaran untuk memaparkan alam kehidupan masyarakatnya kepada masyarakat di luar melalui puisi yang dihasilkannya.

Lagu Kebangkitan

Di ladang hati
anak-anak peribumi
bermukim sudah
keluhuran sumpah
menjunjung setia dan kecelakaan
daging darah perjuangan.

mati hari
tanpa diisi sangsi
mereka meredah membela jua
kelam suram kolam-singgah
permakaman segala rintih gelisah.

Melalui rangkap puisi “Lagu Kebangkitan” (1974, p.50) di atas, penyair memperlihatkan keinginan kehormatannya kepada mereka yang bangkit berjuang demi mengangkat taraf hidup golongan petani pada ketika itu. Perasaan tertekan yang wujud dalam diri penyair berkait dengan perjuangan anak-anak petani pada ketika itu menyebabkan berlakunya interaksi *id*, *ego* dan *superego* dalam diri penyair. *Superego* yang terdapat dalam disiplin Teori Psikoanalisis mengawal tindakan *ego* yang bebas untuk memenuhi keinginan *id* agar perubahan tindakan yang berlaku dapat dikawal dan diterima oleh masyarakat pada ketika itu. Puisi yang dihasilkan oleh penyair menjelaskan perjuangan yang dilakukan memerlukan semangat, perancangan dan keikhlasan. Penyair Dharmawijaya melalui baris puisinya ‘keluhuran sumpah’, ‘menjunjung setia dan kecelakaan’, ‘daging darah perjuangan’ mengajak anak-anak petani bersumpah dengan sepenuh kesetiaan bagi memperjuangkan kehidupan petani. Rangkap puisi ini memaparkan kata sumpah daripada kalangan masyarakat petani untuk terus berbakti pada tanah. Mereka sanggup untuk berhadapan dengan segala cabaran.

Golongan petani mengharapkan kehidupan yang lebih baik dan selesa dalam sebuah negara yang sudah merdeka, hubungan yang harmoni antara manusia dengan alam disekitarnya mengamalkan budaya yang pernah dijajah. Tindakan *superego* dalam diri penyair yang disampaikan menggunakan mekanisme helah bela diri *represi* mengandungi nilai moral bertujuan memberi kesan dan kesedaran terhadap golongan petani untuk berusaha bersungguh-sungguh. Puisi “Lagu kebangkitan” (1974, p.50) menerangkan bahawa petani perlu melakukan tugas mereka bertani dengan lebih bersungguh setelah negara mengecapi kemerdekaan bagi menikmati perubahan hidup. Melalui puisi penyair menggambarkan golongan petani melakukan pekerjaan mereka dengan bersungguh-sungguh seperti dalam baris puisinya, iaitu ‘mati hari’, ‘tanpa diisi sangsi’, penyair menjelaskan bahawa golongan petani melakukan tugas mereka tanpa ada

rasa resah gelisah dengan sepenuh hati. Keinginan kehormatan terhadap alam diperlihatkan dengan perasaan senang hati dan gigih oleh para petani kerana mereka telah memiliki sebuah negara yang merdeka. Alam kehidupan petani selepas kemerdekaan digambarkan oleh penyair melibatkan tindakan golongan petani dengan lebih bersungguh-sungguh untuk berbakti kepada tanah.

pada tanah yang kupijak ini
tidak akan ku tinggalkan
jejak- jejak pagi
di bawah bulan kesiangan
dan ku ingkari segala kota janji
menadahkan tangan
ke langit mendung
sedang hujannya tak jadi
demikian tanah ini
gunung lurahnya
hamparan dadaku
kerikil debunya
genggaman setiaku

(Dharmawijaya, 1974, p.50)

Baris puisi yang menyatakan tentang janji, iaitu ‘dan ku ingkari’, ‘segala kota janji’, ‘menadahkan tangan’, ‘ke langit mendung’, penyair menjelaskan janji yang telah dibuat oleh golongan petani terhadap golongan masyarakat untuk terus memberi sumbangan kepada mereka. Kemerdekaan yang diperoleh menyebabkan petani menganggap mereka bertanggungjawab untuk bekerja bersungguh-sungguh bercucuk tanam untuk keperluan semua golongan masyarakat. Kerjasama yang diberikan oleh golongan petani dalam menyediakan keperluan makanan seperti padi dan sayuran kepada masyarakat lain menimbulkan keinginan kehormatan terhadap alam kehidupan yang dilalui oleh golongan petani.

Keinginan kehormatan dalam diri penyair terhadap alam digambarkan melalui puisinya merujuk kepada kesungguhan golongan petani bercucuk tanam untuk menyara

kehidupan keluarga dan untuk memenuhi keperluan masyarakat lain di sekelilingnya pada ketika itu. Keinginan kehormatan terhadap alam yang terdapat dalam puisi terpilih Dharmawijaya menjelaskan rasa tanggungjawab dalam dirinya untuk mengalih semangat golongan petani agar bekerja bersungguh-sungguh demi perubahan hidup yang lebih baik. Penyair meluahkan rasa kesetiaan kepada tanah tumpah darahnya tempat petani mencari rezeki. Golongan petani digambarkan terus memberikan kesetiaan kepada negara dan berbakti kepada tanah untuk memberi hasil sumbangan kepada semua.

4.6 RUMUSAN

Dalam menjalankan analisis ini, puisi terpilih Dharmawijaya dianalisis dengan menggunakan Teori Psikoanalisis Freud bagi menganalisis keinginan kehormatan penyair terhadap insan, masyarakat dan alam. Pengalaman yang dilalui sejak dari kanak-kanak sehingga remaja ketika di kampung halaman telah memberi kesan kepada penyair Dharmawijaya untuk menyampaikan pengalamannya dengan cara yang terbaik dan diterima oleh masyarakat. Keinginan yang tidak dapat dicapai dengan tingkah laku dipendamkan dalam diri penyair dan akan disampaikan dengan cara yang lebih sesuai. Interaksi *id*, *ego* dan *superego* berlaku dalam diri penyair secara semulajadi akibat daripada perasaan terpendam yang tidak dapat diluahkan. Peranan *superego* yang mengandungi nilai moral masyarakat dapat mengawal *ego* dalam memenuhi keinginan *ego* yang tidak terkawal bagi mencapai ketenangan diri. Oleh yang demikian, penyair menghasilkan puisi berdasarkan pengalaman dan persekitaran pada ketika itu. Keinginan kehormatan yang terdapat dalam puisi terpilih penyair Dharmawijaya disalurkan menggunakan mekanisme helah bela diri yang terdapat dalam disiplin Teori Psikoanalisis Freud, iaitu *represi*, *sublimasi* atau *pindah gantian*. Puisi dihasilkan untuk mencapai kepuasan diri dan keinginan sebenar yang dikaitkan dengan pengalaman yang

pernah dilalui oleh penyair. Melalui puisi penyair Dharmawijaya banyak melontarkan pemikiran berkaitan dengan perasaan kekecewaan dan kesedihan golongan bawah seperti petani, nelayan dan buruh. Pengamatan dan penghayatan terhadap puisi terpilih Dharmawijaya dapat menterjemahkan tentang keinginan kehormatannya dan mengalih kesedaran masyarakat dengan permasalahan yang dihadapi. Keinginan kehormatannya yang diluahkan oleh penyair Dharmawijaya melalui puisi merupakan keperluan kehidupan masyarakat ketika itu dan untuk mencapai kepuasan dirinya.

BAB 5: KEINGINAN KEMASYHURAN

5.1 Pendahuluan

Bagi menerangkan tentang keinginan kemasyhuran yang terdapat dalam puisi terpilih Dharmawijaya, analisis dalam bab ini memperlihatkan bahawa penyair seringkali menekankan tentang permasalahan keinginan kemasyhuran insan, masyarakat dan alam dalam puisi yang dihasilkannya. Oleh itu, pada peringkat awal kajian, proses mengkaji tentang latar belakang kehidupan dan penghayatan terhadap puisi terpilih penyair Dharmawijaya sebelum dianalisis dijalankan. Freud (1962, p.384) memberi penjelasan dalam ceramahnya ke-23 tentang psikoanalisis, iaitu:

“The artist has also introvert disposition and has not far to go to become neurotic. He is one who is urged on by instinctual needs which are too clamorous; he longs to attain honor, power, riches, fame and love; but he lacks the means of achieving these gratifications. So, like any other with an unsatisfied longing, he turns from reality and transfers all his libido too, on to the creation of his wishes in the life of phantasy...”

Perasaan tertekan dan kerisauan yang sering dialami oleh penyair melibatkan keinginan kehormatan, kekuasaan,kekayaan, kemasyhuran dan rasa cinta. Berdasarkan kajian yang dilakukan penyair Dharmawijaya dianggap sebagai seorang individu atau manusia *introvert* yang berada dalam keadaan bawah sedar semasa bekarya. Penyair mengilhamkan semula tentang fantasi berdasarkan pengalaman yang pernah dilaluinya. Pengalaman penyair melahirkan perasaan, pengalaman dan pemikiran dalam diri yang menimbulkan keadaan tertekan dan kerisauan yang mewujudkan konflik dalam jiwa berkaitan dengan keinginan kemasyhuran. Keadaan tertekan yang dialami oleh penyair menimbulkan daya kreatif dalam diri yang disalurkan melalui puisi untuk mententeramkan diri dan mencapai kepuasan yang diingini. Keinginan kemasyhuran

dalam diri penyair dapat dikaitkan dengan peristiwa di kampung halamannya yang menyebabkan berlakunya tekanan dalam diri berdasarkan pengalaman yang pernah dilalui penyair sebagai anak petani. Menurut Naffi Mat (Temu bual, Februari 14, 2016) puisi Dharmawijaya mengandungi mesej yang sarat dengan harapan dan kerisauan terhadap golongan Melayu ketika itu terutamanya mengisahkan tentang kehidupan petani di kampung halamannya. Penyair Dharmawijaya menjadikan puisi sebagai cara untuk menyalurkan perasaan, pengalaman dan pemikiran tentang keinginan kemasyhuran untuk mendapatkan ketenangan dan mengurangkan rasa tertekan yang dialami.

Penyair Dharmawijaya mengalami perasaan yang tertekan menyebabkan berlakunya interaksi *id*, *ego* dan *superego* dalam dirinya bagi mencapai kepuasan. Freud (1933, p.76), menjelaskan perasaan *superego* mengawal perubahan tingkah laku melalui mekanisme helah bela diri yang diterima oleh semua untuk mententeramkan keadaan *ego* dalam diri. Keinginan kemasyhuran yang wujud melalui *id* dalam diri penyair cuba dipenuhi oleh *ego* dengan pelbagai cara tanpa dikawal. Sementara itu, *superego* dalam diri penyair berperanan untuk mengawal tindakan *ego* terhadap *id* bagi mencapai kepuasan dengan cara yang terbaik menggunakan mekanisme helah bela diri yang disampaikan melalui puisi. Puisi terpilih Dharmawijaya dihasilkan daripada pengalaman sebenar yang berlaku terhadap sesuatu peristiwa bagi menggambarkan kehidupan insan, masyarakat dan alam (Naffi Mat, Temu bual, Februari 14, 2016).

Selain itu, kesan terhadap perubahan tingkah laku yang menggunakan mekanisme helah bela diri, juga dianalisis bagi melengkapkan lagi kajian yang dilakukan. Mekanisme helah bela diri seperti *represi*, *sublimasi* dan *pindah gantian* digunakan bertujuan untuk menggambarkan keinginan kemasyhuran yang ada dalam diri penyair agar diterima oleh masyarakat di sekelilingnya. Keinginan kemasyhuran yang ingin disampaikan oleh

penyair Dharmawijaya menggunakan mekanisme helah bela diri yang dapat dikaitkan dengan sikap dan norma kehidupan golongan petani, nelayan dan buruh yang tinggal di kampung dan di bandar. Mekanisme helah bela diri digunakan bagi mengurangkan perasaan tertekan dan konflik yang berlaku dalam diri penyair. Di samping itu, mekanisme helah bela diri juga digunakan untuk memenuhi keinginan *superego* penyair bagi mencapai kepuasan dalam diri yang disalurkan melalui puisi agar diterima oleh masyarakat.

Keinginan kemasyhuran dalam sastera Melayu sebenarnya juga dipengaruhi oleh faktor agama yang menyuarakan kebesaran dan kesucian Tuhan dan telah berkembang sejak zaman kebangkitan Islam di Tanah Arab. Menurut Baha Zain (2015, p.38), Puisi yang berunsur agama ini namun bukanlah sesuatu yang baharu, kerana masyarakat Melayu itu ialah masyarakat Islam dan budayanya telah banyak berlandaskan nilai-nilai dan norma Islam. Perkembangan kesusasteraan dan kesenian Islam giat dilakukan oleh penulis-penulis Islam dalam bentuk hadis, tafsir al-Quran, riwayat hidup Nabi, sejarah, puisi dan cereka. Kebanyakan bahan sastera Islam yang dihasilkan oleh pengarang Islam juga mengisahkan tentang kemasyhuran dan perkembangan agama Islam pada ketika itu.

Keinginan kemasyhuran ini turut terkesan dalam senario perkembangan dunia sastera di tanah air. Hal ini dapat dibuktikan melalui analisis yang dilakukan melibatkan penggunaan mekanisme helah bela diri yang dapat melahirkan kepuasan kepada masyarakat apabila membaca puisi Dharmawijaya. Menurut Mohamad Mokhtar Abu Hassan (Temu bual, Februari 2, 2016) “penyair Dharmawijaya seorang yang kreatif dan sensitif kerana beliau boleh menyatakan tentang keluarga dan masyarakat. Beliau berkarya untuk melahirkan perasaan dan pengalaman dengan bahasa yang indah melalui puisi”. Kepuasan yang hendak dicapai oleh penyair Dharmawijaya juga dapat dilihat pada

susunan kata dan pernyataan yang mengandungi makna seperti menyantung, nilai kebaikan, kelebihan dan keistimewaan yang dapat dikaitkan dengan kehidupan masyarakat di kampungnya semasa beliau tinggal bersama keluarganya di Kampung Talang.

5.2 Keinginan Kemasyhuran dalam Puisi Terpilih Dharmawijaya

Dalam puisi terpilih Dharmawijaya, pemikiran dan sikap penyair dapat dikesan menerusi pengalaman yang digambarkan melalui puisi. Menurut Kamaruzzaman Abd. Kadir (1988, p.109), penyair mengungkapkan perasaan, pengalaman dan pemikiran melalui sebuah daya khas untuk memperlihatkan jiwa dan keinginan penyair. Jiwa dan keinginan penyair adalah akar yang mencerminkan akal budinya. Daripada bahasa ini terolahlah inti puisi dan persoalan-persoalan yang berkait dengan keinginan yang wujud dalam diri penyair. Dharmawijaya menyampaikan keinginan kemasyhuran melalui puisi bagi memperlihatkan gaya hidup yang pernah dilalui sebagai petani di kampung halamannya.

Meneliti secara terperinci terhadap puisi terpilih dalam kumpulan puisi *Warna Maya* (1974), *Derita Buana* (1992), *Jejak Kembara* (1999) dan *Mutiara Kenangan* (2006) menggambarkan dan menyakinkan bahawa penyair Dhamarwijaya tergolong dalam kumpulan penyair besar, iaitu mereka yang berkarya dengan tujuan untuk melahirkan pengalaman dan pemikiran dengan bahasa yang indah melalui puisi (Mohamad Mokhtar Abu Hassan, Temu bual, 2016 Februari 2). Ini adalah salah satu gambaran pemikiran penyair yang bijaksana dalam berpuisi. Gambaran ini dapat dikesan melalui tiga persoalan, iaitu perasaan, pengalaman dan pemikiran penyair yang disampaikan melalui puisi dan diterima oleh masyarakat ketika puisinya dihasilkan. Penyair Dharmawijaya lebih menitikberatkan tentang pemikiran yang bertujuan untuk menyampaikan keinginan

kemasyhuran terhadap insan, masyarakat dan alam yang berkait rapat dengan Teori Psikoanalisis Freud.

Dharmawijaya seorang penyair yang mula menghasilkan puisi pada dekad 1960-an. Menurut Mohd Thani Ahmad, Sarah Sadon (1988, p.255), menyatakan kekuatan puisi Dharmawijaya menyerlah pada tahun 1970-an, apabila beliau telah memperindah bentuk, gaya dan pengucapan puisinya pada dekad itu. Puisi yang dihasilkan Dharmawijaya merupakan pandangan hidupnya, berdasarkan persepsi dan kebenaran peristiwa yang berlaku di sekelilingnya, dan adakalanya pengalaman yang diperolehi untuk dikongsi bersama khalayak. Hal ini dianggap sebagai pengorbanan peribadi yang luhur. Setiap permasalahan petani di kampungnya digarap dengan teliti walaupun persoalan hanyalah perkara yang kecil tetapi amat memberi kesan yang besar kepada penyair.

Puisi terpilih Dharmawijaya menghubungkan pengalaman yang pernah dilaluinya bagi mencapai keinginan kemasyhuran dalam diri. Setiap manusia memerlukan sesuatu yang terbaik untuk dirinya bagi memenuhi kepuasan keinginan hidup. Penyair Dharmawijaya mengaplikasikan segala pengalaman hidupnya dalam puisi yang dihasilkan menggunakan lambang dan unsur di sekitarnya bagi menghuraikan makna yang tersirat (Jelani Harun, 2003, p.29). Penyair Dharmawijaya banyak menggunakan pengalaman zaman kanak-kanak, zaman remaja dan zaman dewasa untuk diterjemahkan dalam bentuk puisi. Perjalanan kehidupan dalam sebuah keluarga petani yang miskin dan seterusnya berhijrah ke bandar untuk menuntut ilmu banyak memberi idea dan inspirasi kepada beliau untuk menghasilkan puisi.

Penyair Dharmawijaya menggunakan pengalaman dan ilmu sastera yang dimiliki bagi menggambarkan gaya hidup golongan petani di kampungnya yang kuat berusaha melalui puisi. Interaksi *id*, *ego* dan *superego* yang berlaku dalam diri secara semulajadi mengerakkan tingkah laku penyair. *Superego* mengawal tindakan *ego* dalam memenuhi keinginan *id* dengan melakukan tindakan yang mengandungi nilai norma masyarakat di kampung penyair. Golongan petani tidak terlepas dengan persekitaran alam bagi meneruskan aktiviti bercucuk tanam sebagai tanggungjawab bagi mereka untuk meneruskan kehidupan. Situasi tertekan yang berlaku dalam diri penyair Dharmawijaya melibatkan perasaan, pengalaman dan pemikiran disampaikan menggunakan mekanisme helah bela diri seperti *represi*, *sublimasi* dan *pindah gantian*. Perubahan tingkah laku yang berlaku dalam diri penyair telah digunakan bagi memperluaskan persepsinya dalam bentuk puisi.

Perasaan manusia dan keinginan dalam diri mempunyai hubungan yang pragmatis, iaitu manusia memerlukan kepuasan dan kedua-duanya bertindak untuk memenuhi keinginan hidup. Dalam kajian ini keinginan kemasyhuran disenaraikan dalam Jadual 5.1 di bawah dan dianalisis menggunakan Teori Psikoanalisis Freud.

Bil	Tajuk Puisi	Tarikh Hasilan	Unsur Kemasyhuran	Keinginan Kemasyhuran
WARNA MAYA				
1.	Jemu Menanti	16 Feb 1966	berkembangan	Insan
2.	Abadilah	6 Sept 1966	puncak, memercik, sakti	Insan
3.	Tugu	12 Julai 1966	kenangan, abadi, keagungan	Alam
4.	Yang Tumpah Yang Mengalir	31 Ogos 1967	kemenangan, keagungan, gigih	Alam
5.	Rindu Seorang Seniman	3 Mac 1970	hangatnya, puncak, terungkai	Insan
6.	Antara Kerelaan	1 Feb 1971	wangi, kemakmuran, kemenangan	Masyarakat
DERITA BUANA				
7.	Betapa Lanya	2 Mac 1975	menemukan, iktibar	Insan

8.	Rakaman Rasa	22 Ogos 1987	keramatnya, puja, menatang, menegak	Masyarakat
9.	Pagi dan Malammu Seri Begawan	23 Jun 1986	kemakrufan, bakti, hormatku	Alam
10.	Derita Perjalanan	24 Mei 1974	menarik, cabaran	Alam
JEJAK KEMBARA				
11.	Suara Impian di Tinta Kenangan	30 April 1994	kesyukuran, warisan, kental	Insan

Jadual 5.1: Keinginan Kemasyhuran dalam Puisi terpilih Dharmawijaya

Analisis keinginan kemasyhuran dibahagikan kepada tiga, iaitu terhadap insan, masyarakat dan alam seperti dalam Jadual 5.1 di atas. Analisis yang dilakukan menggunakan puisi terpilih penyair Dharmawijaya melibatkan perasaan, pengalaman dan pemikiran yang disampaikan menggunakan mekanisme helah bela diri *represi*, *sublimasi* dan *pindah gantian* yang disalurkan melalui puisi. Keinginan kemasyhuran digambarkan dengan pemilihan kata seperti kelebihan, kemenangan, keagungan, kejayaan, keistimewaan dan perkataan lain yang dapat dikaitkan dengan kemasyhuran. Pengalaman kehidupan yang dilalui oleh penyair sebagai anak petani sejak zaman kanak-kanak sehingga remajanya banyak membantu beliau untuk berkarya (Susilawati Kamaruzzaman, Temu bual, Julai 7, 2015). Keinginan kemasyhuran yang wujud dalam diri penyair menyebabkan penyair berasa tertekan dan cuba meluahkan keinginannya kepada masyarakat di sekelilingnya tentang apa yang dialami melalui puisi yang dihasilkan. Penyair Dharmawijaya merupakan seorang anak petani yang berpendidikan dan mencari ruang untuk keluar dari tekanan dan kerisauan yang dihadapi dari zaman kanak-kanak sehingga remaja di kampung halamannya. Keadaa tertekan yang dialami oleh penyair menimbulkan daya kreatif dalam diri yang disalurkan melalui puisi untuk mententeramkan diri dan mencapai kepuasan yang diinginkan.

5.3 Keinginan Kemasyhuran Terhadap Insan

Penyair Dharmawijaya berhadapan dengan proses perubahan tingkah laku bagi memenuhi keinginan yang lahir akibat tekanan dalam diri. Puisi yang dihasilkan oleh penyair itu lahir dari hati nurani dan daya kreativiti yang jujur. Pengamatan yang mendalam terhadap persekitaran atau peristiwa yang berlaku di sekelilingnya menimbulkan perasaan yang tertekan dalam diri penyair Dharmawijaya. Karya puisi tidak dihasilkan secara bersahaja sebaliknya dihasilkan melalui perasaan, pengalaman dan pemikiran yang melibatkan sesuatu peristiwa dan permasalahan yang pernah dilalui. Puisi yang dihasilkan oleh penyair Dharmawijaya memperkatakan tentang permasalahan insan, masyarakat dan alam. Karya puisi Dharmawijaya terhasil daripada kesungguhan dan keutuhan dalam diri penyair sehingga terhasilnya puisi tanpa paksaan atau kepentingan peribadi. Puisi yang dihasilkan oleh penyair Dharmawijaya dapat dikaitkan dengan pemikiran beliau yang serius merakam segala pengalaman yang pernah dilalui dalam kehidupannya sejak kanak-kanak sehingga remaja di kampung halamannya (Naffi Mat, Temu bual, Februari 14, 2016). Menurut Othman Puteh (1997, p.71), menjelaskan bahawa pengarang mencipta karyanya dengan mengambil modal dan subjek cerita dari persekitaran kehidupan dirinya sendiri melalui pengalaman yang pernah dilaluinya. Sementara Mana Sikana (2005, p.263), melihat hasil karya kesusasteraan akan mencerminkan realiti kehidupan manusia di luar kesusasteraan itu sendiri. Pengalaman menjadi sumber idea bagi penyair mengilhamkan sesebuah puisi untuk mencapai kepuasan dalam diri terhadap sesuatu perkara yang pernah dilalui.

Kesimpulannya, kesusasteraan mengambil peristiwa kehidupan manusia yang benar-benar berlaku bagi dijadikan permasalahan yang perlu diselesaikan. Puisi bukan hanya merupakan suatu imaginasi sahaja. Puisi dihasilkan berdasarkan perasaan,

pengalaman dan pemikiran. Interaksi *id*, *ego* dan *superego* berlaku secara semulajadi dalam diri penyair akibat daripada perasaan yang tertekan dan kerisauan. Daya kreatif yang ada dalam diri penyair digunakan bagi menghasilkan puisi. Analisis yang dilakukan menggunakan Teori Psikoanalisis Freud terhadap puisi terpilih Dharmawijaya bagi mengesan kewujudan keinginan kemasyhuran terhadap insan, masyarakat dan alam. Mekanisme helah bela diri seperti *represi*, *sublimasi* dan *pindah gantian* turut digunakan oleh penyair dalam pengkaryaan puisi-puisinya bagi menyampaikan keinginan kemasyhuran yang wujud dalam diri dengan cara terbaik dan diterima oleh masyarakat.

Berbekalkan semangat yang kuat sebagai seorang anak petani, penyair meneruskan kehidupan bersama keluarganya di Kampung Talang. Penyair Dharmawijaya merakam semula pengalaman hidupnya bagi mengalih kesedaran masyarakat berkaitan dengan kehidupan petani yang miskin (Mohamad Mokhtar Abu Hassan, Temu bual, Februari 2, 2016). Penyair Dharmawijaya menghasilkan puisi “Jemu Menanti” (1974, p.17) yang berkonsepkan penggunaan rima akhir yang berselang-seli telah memberi kesan terhadap minat pembaca. Kekecewaan yang dialami menyebabkan penyair berasa jemu merenung nasib dirinya dinyatakan dalam baris puisi, iaitu ‘Kulagukan’, ‘jemu menanti’, ‘tika sendirian’, ‘di malam sepi’, menggambarkan perjalanan hidup Dharmawijaya bagi menyatakan keinginan dalam dirinya tentang perjalanan kehidupannya di kampung halamannya.

Penyair Dharmawijaya menghasilkan puisi dengan menggunakan susunan kata yang mengandungi makna yang mendalam bagi menyatakan keinginan dan harapan di dalam dirinya terhadap nasib petani. Puisi “Jemu Menanti” (1974, p.17) dihasilkan berdasarkan pengalaman yang pernah dilalui atau dilihat dan mengisahkan semula kehidupannya dan petani lain yang hidup dengan penuh kesederhanaan. Hashim Awang

(1988, p.4), menjelaskan kritikan kesusasteraan pun menjadi sedemikian juga merujuk kepada sejarah dan teori bagi melahirkan satu kritikan terhadap karya sastera yang konkret. Suatu kritikan tidak akan berlaku tanpa adanya persoalan, konsep, petunjuk (*reference*) dan permasalahan (*generalizations*).

Jemu Menanti

Kulagukan
jemu menanti
tika sendirian
di malam sepi.

kurestukan
jemu menanti
membenih harapan
di jernih pagi.

Penyair Dharmawijaya yang hidup sebagai anak petani ingin melakukan perubahan dalam hidupnya. Penyair terpaksa meninggalkan kampung halamannya untuk mencari peluang hidup yang lebih baik. Harapan yang tinggi untuk keluar dari keadaan kemiskinan yang dialami dinyatakan oleh penyair dalam puisinya yang bertajuk “Jemu Menanti” (1974, p.17). Menurut Mohd Thani Ahmad, Sarah Sadon (1988, p.255), menyatakan kekuatan puisi Dharmawijaya menyerlah apabila beliau telah memperindahkan bentuk, gaya dan pengucapan puisinya. Puisi yang dihasilkan Dharmawijaya merupakan pandangan hidupnya, berdasarkan persepsi dan kebenaran peristiwa yang berlaku di sekelilingnya, dan adakalanya pengalaman yang diperolehi untuk dikongsi bersama khalayak. Hal ini dianggap sebagai pengorbanan peribadi yang luhur. Setiap permasalahan petani di kampungnya digarap dengan teliti walaupun persoalan hanyalah perkara yang kecil tetapi amat memberi kesan yang besar kepada penyair.

Pengalaman menjadi sumber ilmu telah memberi pengajaran kepada penyair untuk mengubah nasib hidupnya. Ilmu yang ada pada penyair digunakan untuk menjadi seorang yang prihatin dan bertanggungjawab terhadap masyarakat petani di kampungnya. Puisi yang hebat lahir daripada seorang penyair yang berilmu yang dapat menghayati dan menjawai segala yang dialami dengan ilmu. Perkembangan ilmu yang berlaku dalam diri penyair tidak mempengaruhi corak pemikiran penyair yang sentiasa mengenang kampung halamannya seperti pada rangkap pertama puisi ‘Kulakukan’, ‘jemu menanti’, ‘tika sendirian’, ‘di malam sepi’. Berlandaskan persepsi sastera, ‘perkara’ yang ingin dinyatakan oleh penyair ialah setiap kali berada dalam keadaan sendirian beliau mengingatkan suasana di kampung halamannya.

kurindui
jemu menanti
kuntum sayang
melepas bimbang.

mengertilah anda
kecintaan hayat.

hendaknya anda
ranumlah dunia
ke teluk pantai
berinai damai
mengiring sejahtera
anak kembara.

(Dharmawijaya, 1974, p.17)

Penyair mengisahkan tentang dirinya yang terdiri daripada golongan petani yang tinggal di Kampung Talang yang perlu menjalani kehidupan dalam dunia kemiskinan yang penuh mencabar. Walaupun terpaksa berhijrah dan berhadapan dengan pelbagai halangan dan dugaan, namun perasaan terhadap kampung halaman yang ditinggalkan sentiasa segar dalam ingatan. Dharmawijaya menyatakan tentang kehidupan masyarakatnya yang tidak terlepas dari kemiskinan menyebabkan dirinya perlu berhijrah.

Penghijrahan untuk membina kehidupan baru merupakan perubahan yang memberi kesan terhadap status ekonomi. Seseorang yang ingin mengubah prestasi hidup perlu menggerakkan perubahan dalam semua aspek bukan sekadar ilmu yang dipelajari tetapi mampu menghadapi segala cabaran. Penghijrahan sedikit memberi kesan untuk mengingati peristiwa yang pernah dilalui yang tidak mudah dilupakan. Walaupun penyair Dharmawijaya keluar dari segala permasalahan, namun sanubarinya tidak tenteram. Tekanan hidup yang dihadapi meminta beliau untuk melangkah keluar dari desanya. Keadaan tertekan yang dialami dalam dirinya menyebabkan beliau menghasilkan puisi bertajuk “Jemu Menanti” (1974, p.17).

Menurut Karsono H Saputra (2001, p.28) setiap satuan mempunyai makna kontekstual. Ruang tersebut dipisahkan di antara perasaan penyair dengan pencarian hidup yang diterokai di tempat lain. Namun demikian, perasaan penyair tetap setia pada anggota masyarakatnya walaupun terpaksa mengembara untuk membaiki kehidupannya. Melalui puisinya penyair Dhamawijaya seperti seorang yang banyak bercakap dengan dirinya sendiri. Keadaan dalam diri yang tidak tenteram menyebabkan berlakunya interaksi *id*, *ego* dan *superego* yang melahirkan keinginan dalam diri. Keinginan *id* yang hendak dicapai melalui *ego* melibatkan tindakan bebas tanpa dikawal. Penyair tidak melepaskan emosi, sebaliknya mendidik emosi dengan penuh ramah melalui *superego*. Oleh sebab itu, beliau tahu mengurus keresahan dan kedukaan hati. Penyair menjelaskan tentang kehidupan petani yang merujuk kepada diri penyair tentang usaha dan kesabarannya ketika bersama ibu dan ayahnya mengerjakan sawah padi. Perubahan yang diinginkan dari segi peluang pekerjaan, pembangunan dan kebijakan petani merupakan sesuatu yang amat diharapkan oleh golongan muda di kampungnya. Sifat sabar golongan petani yang digambarkan oleh penyair dalam puisi yang dihasilkan “Jemu Menanti” (Dharmawijaya, 1974, p.17) bagi menggambarkan petani di kampungnya dikenali

sebagai golongan penyabar dan kemasyhuran. Perjalanan hidup penyair sebagai anak petani dapat dijelaskan menerusi usaha yang dilakukan berdasarkan pada rangkap pertama dan kedua puisi.

kulagukan
jemu menanti
tika sendirian
di malam sepi.

kurindui
jemu menanti
kuntum sayang
melepas bimbang

Puisi terpilih “Jemu Menanti” (Dharmawijaya, 1974, p.17) mengisahkan tentang diri penyair, iaitu seorang yang berusaha untuk melakukan perkara yang diharapkan berkaitan dengan kehidupan akan datang agar lebih baik dan berjaya seperti pada baris puisi berikut ‘membenih harapan’, ‘dijernih pagi’. Penyair menaruh harapan agar kehidupan petani di kampungnya akan berubah menjadi lebih baik dan berjaya. Kenangan masa lalu bersama masyarakat di kampung halaman dengan kesulitan hidup tetap berada dalam ingatan penyair. Segala keinginan kemasyhuran terhadap insan, iaitu diri penyair wujud dalam keadaan ketika petani menantikan hasil pertanian seperti padi dan sayuran yang mereka tanam. Penyair Dharmawijaya menghasilkan puisi “Jemu Menanti” bagi menyatakan keinginan kemasyhuran melibatkan kesedaran terhadap masyarakat luar agar menjadi lebih prihatin terhadap nasib petani di kampung penyair yang hidup dalam kesusahan. Penyair menaruh harapan agar pekerjaan sebagai petani dikenali ramai dan berjaya.

Penyair Dharmawijaya menggunakan mekanisme helah bela diri *represi* bagi menyatakan perasaan terpendam dan mengalih kesedaran masyarakat supaya dapat

memberi harapan dan semangat yang ikhlas kepada golongan petani di kampungnya untuk maju dan berjaya. Melalui puisi yang dihasilkan penyair juga ingin menerangkan tentang cabaran yang perlu dihadapi oleh seorang petani, seperti beliau yang perlu berhadapan dengan pelbagai cabaran dan kesusahan dari segi kewangan, bantuan pertanian dan perhubungan untuk meneruskan kehidupan. Namun demikian Dharmawijaya tetap sayang dengan pekerjaannya dan ibu bapanya sebagai petani. Ungkapan ‘berinai damai’ pada rangkap kelima menggambarkan rasa gembira jika segala yang diharapkan telah tercapai. Penyair Dharmawijaya menggunakan pemilihan kata ‘berinai’ merujuk kepada amalan yang diamalkan oleh masyarakat Melayu bagi menggambarkan tanda kebahagiaan dan dimasyurkan seperti seorang pengantin.

Puisi ini juga, memperlihatkan penyair mengajak pembaca dan masyarakat luar untuk menghargai perjuangan golongan petani dalam memenuhi keperluan hidup secara bersama melalui aktiviti bercucuk tanam. Menurut A. Samad Said (2007, p.176), perjuangan adalah hidup itu sendiri dan menyatakan bahawa hanya kematian yang akan menamatkan sesuatu perjuangan. Beliau juga meletakkan perjuangan sebagai suatu unsur kehidupan yang wajib dilalui oleh setiap individu. Penjelasan ini dapat dikaitkan dengan perjuangan penyair Dharmawijaya dalam karyanya, iaitu meneruskan pengalaman hidupnya bersama keluarga dan menyumbang khidmat sebagai petani. Dharmawijaya juga berharap agar pengorbanan beliau dan golongan petani lain dihargai sebagai petani yang berjasa dalam memenuhi keperluan kehidupan masyarakat di sekelilingnya.

Penyair Dharmawijaya dapat menghayati semula peristiwa yang pernah dilaluinya bagi diluahkan kepada masyarakat petani di kampung halamannya. Menurut Mana Sikana (2005, p.263), beliau melihat hasil karya kesusasteraan seperti puisi akan mencerminkan realiti kehidupan manusia di luar kesusasteraan itu sendiri. Keinginan kemasyhuran yang

wujud dalam diri penyair terhadap kehidupannya sebagai petani di Kampung Talang yang gigih berusaha diterjemahkan melalui puisi. Pengalaman hidup dalam diri penyair dapat memperkembangkan lagi idea penyair untuk berkarya. Pengalaman ini diterima secara langsung ataupun melalui proses penghayatan terhadap sesuatu peristiwa yang mempunyai kaitan dengan pengalaman hidup penyair. Ini dapat dilihat melalui puisi “Abadilah” (Dharmawijaya, 1974, p.21), yang mengisahkan tentang perjuangan kehidupan golongan nelayan. Penghayatan yang mendalam berlaku dalam diri penyair terhadap kehidupan nelayan menimbulkan keinginan kemasyhuran terhadap insan melibatkan kehidupan mereka. Menurut Susilawati Kamaruzzaman (1999, p.43), kebanyakan puisi yang dihasilkan oleh Dhaarmawijaya memperkatakan tentang perjuangan, di samping turut menyuarakan pembelaan nasib golongan petani, buruh dan nelayan. Selepas merdeka, penyair yang baru muncul seperti Dharmawijaya berdepan dengan situasi dan fenomena kehidupan masyarakat yang sama.

Penyair berada dalam keadaan tidak tenteram memikirkan tentang kehidupan nelayan agar berlaku sesuatu perubahan yang terbaik dalam kehidupan mereka. Puisi terpilih Dharmawijaya dianalisis menggunakan Teori Psikoanalisis Freud bagi mengesan keinginan kemasyhuran terhadap insan melibatkan keinginan penyair yang disampaikan melalui puisi. Keadaan tertekan yang dialami oleh penyair menyebabkan berlakunya interaksi *id*, *ego* dan *superego* dalam diri penyair. *Ego* yang bertindak bebas bagi memenuhi keinginan *id* dikawal dengan *superego* untuk menjelaskan keinginan kemasyhuran terhadap insan melibatkan mekanisme helah bela diri yang diterima oleh masyarakat nelayan yang inginkan perubahan pada ketika itu.

Melalui penghayatan penyair Dharmawijaya menjelaskan tentang kemasyhuran ilmu alam laut yang dimiliki oleh golongan nelayan semasa mereka turun ke laut.

Kehidupan golongan nelayan yang turun ke laut mencari rezeki dari pagi hingga ke petang menimbulkan keinginan kemasyhuran dalam diri penyair terhadap nelayan yang begitu gigih dan berani meredah gelombang laut. Penyair Dharmawijaya melalui puisinya “Abadilah” (1974, p.21) telah menyatakan bahawa golongan nelayan berjaya menjalani kehidupan sebagai nelayan yang masyhur dengan kemahiran menangkap ikan dalam kalangan masyarakat luar yang mengenali mereka.

Abadilah

Kemasyhuran dan subang
telah sama dijenguk hati
lantas menguntum cinta sayang
bagaikan rapat Kinabalu ke puncak merapi.

pun pantai kesang dan pulau sebatik
betapalah lembut ombaknya mesra memercik
mencium wajah anak-anak bakal dewasa
menghantar dendam kesumatnya jauh ke sayap dunia.

esok lusa dan selamanya
akan terbang elang laut seputih hatinya
melingkari tanjung periuk ke selat melaka
mengiring dendang nelayan berinai salam sentosa.

telah erat-erat tangan bergenggaman
teman kerabat dicumbu kenangan
dalam lonjak ria dan deria air mata
o, abadilah limpah keluhuran pancasila.

dan kau adam malik dan harlina!
akan ku keramatkan namamu
atas timbang terima putra putriku
bahawa dikau nadi sakti ladang perdamaian
dikau juga murni budi muara kemanusiaan.

(Dharmawijaya, 1974, p.21)

Penyair menggunakan mekanisme helah bela diri *pindah gantian* bagi memperlihatkan perasaan kurang senangnya kepada pihak ketiga, iaitu pada setiap rangkap puisi seperti ‘ke puncak merapi’ yang menggambarkan tahap kejayaan tertinggi yang melibatkan keinginan kemasyhuran terhadap nelayan yang dilakukan perbandingan

kepada objek lain. Perasaan *superego* yang mengawal tindakan *ego* mengandungi nilai norma masyarakat yang diterima sebagai peraturan kehidupan dan perlu diamalkan oleh masyarakat nelayan pada ketika itu. Penyair sebenarnya berkeinginan untuk menyatakan bahawa kehidupan golongan nelayan perlu dimasyhurkan dan dihargai kerana mereka telah berusaha sepenuh tenaga untuk memenuhi keperluan sumber makanan bagi semua masyarakat di sekelilingnya pada ketika itu. Nilai penghargaan yang diharapkan meliputi bantuan keperluan hidup seperti pembangunan tempat tinggal, pendidikan, kesihatan dan keperluan asas lain yang perlu diberikan kepada golongan nelayan sebagai tanda terima kasih.

Mekanisme helah bela diri *pindah gantian* yang digunakan oleh penyair juga dapat menerangkan tentang keinginan kemasyhuran terhadap kebahagiaan dalam baris puisi berikut, iaitu ‘pantai kesang dan pulau sebatik’ yang merujuk kepada tempat tinggal nelayan yang mempunyai corak kehidupan tersendiri yang aman dan bahagia. Hasil daripada rezeki yang diterima membolehkan golongan nelayan menghantar anak-anak mereka untuk meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih baik. Menurut Wan Abdul Kadir (1994, p.6), pegangan kepada konsep nasib dan rezeki inilah yang memberi kekuatan kepada orang-orang Melayu untuk bekerja dengan lebih gigih. Kegiatan mencari rezeki selalu dikaitkan kepada nilai-nilai yang baik. Rezeki daripada hasil titik peluh digunakan oleh golongan nelayan bagi merealisasikan keinginan kemasyhuran agar anak-anak mereka menjadi masyarakat yang lebih berjaya.

Dalam rangkap puisi seterusnya, penyair menerangkan keinginan kemasyhuran terhadap kehidupan golongan nelayan. Ungkapan ‘elang laut’ pada baris kedua melambangkan kehebatan dan keunggulan hidup nelayan. Mekanisme helah bela diri *pindah gantian* telah digunakan oleh penyair untuk mengalihkan perasaan sebenar yang

kurang disenangi kepada objek atau individu lain supaya dapat diterima oleh masyarakat. Penyair juga mengisahkan tentang kehidupan nelayan ketika itu dengan turun ke laut menangkap ikan dari Tanjung Periuk hingga ke Selat Melaka sebagaimana dalam rangkap puisi ‘akan terbang elang laut seputih hatinya’ dan ‘melingkari Tanjung Periuk ke Selat Melaka’. Kegembiraan kehidupan nelayan pada ketika itu diperlihatkan melalui baris puisi ‘mengiring dendang nelayan berinai salam sentosa’ dengan merujuk kepada pemilihan kata ‘sentosa’ yang menggambarkan suasana bahagia dan gembira yang terdapat dalam rangkap ketiga puisi ini.

Berdasarkan kepada ketiga-tiga rangkap puisi ini, penyair mengajak pembaca dan masyarakat untuk mengenali dengan lebih dekat tentang kehidupan yang dilalui oleh golongan nelayan. Walaupun kehidupan golongan ini susah, namun mereka tidak pernah berputus asa malahan terus berusaha mencari rezeki bagi menyara keluarga agar dapat menjalani kehidupan yang lebih selesa. Masyarakat luar tidak seharusnya memandang rendah terhadap pekerjaan golongan nelayan. Kehidupan sebagai nelayan tetap diteruskan sehingga segala cita-cita mereka tercapai dan menjadi realiti. Mekanisme helah bela diri *pindah gantian* terhadap nama hebat seperti ‘Adam Malik dan Harlina’ yang terdapat dalam rangkap akhir puisi menggambarkan golongan nelayan juga dapat melahirkan anak-anak yang hebat dan masyhur. Paparan kesusahan yang dihadapi oleh golongan nelayan kampung diperlihatkan oleh penyair Dharmawijaya melalui puisinya. Latar belakang kehidupan yang melibatkan pemerhatian terhadap golongan nelayan merupakan faktor utama wujudnya tekanan dalam diri penyair dan membina pemikirannya yang disampaikan melalui puisi.

Penyair Dharmawijaya juga menghasilkan puisi yang mengisahkan tentang perjalanan hidupnya yang melibatkan keinginan kemasyhuran terhadap insan sebagai

seorang seniman melalui puisi beliau bertajuk “Rindu Seorang Seniman” (Dharmawijaya, 1974, p.53). Penyair Dharmawijaya melalui puisinya cuba menjelaskan tentang perasaan tekanan yang dihadapi sebagai seorang seniman terhadap perkembangan sosial kehidupan masyarakat di sekelilingnya. Perasaan tertekan yang dialami sebagai seorang seniman dalam diri penyair menimbulkan interaksi dalam diri penyair melibatkan *id*, *ego* dan *superego*. Tindakan luar kawal *ego* bagi memenuhi keinginan *id* dikawal oleh *superego* dengan melibatkan perubahan tingkah laku yang diterima oleh masyarakat berdasarkan pengalaman yang pernah dilaluinya. Secara tidak langsung, Dharmawijaya tidak mudah lupa diri menyalukan keinginan dalam diri melalui puisi untuk mententeramkan diri dan bagi mencapai kepuasan yang diinginkan. Penyair masih mengenangkan asal-usulnya. Ini ibarat kata pepatah ‘tempat jatuh lagi dikenang, inikan pula tempat bermain’. Ingatan yang tulus dan ikhlas disampaikan oleh penyair melalui puisinya bertajuk “Rindu Seorang Seniman” (Dharmawijaya, 1974, p.53).

Rindu Seorang Seniman

Semalam anda
antara gelora layar-lakun dunia
rindu seniman
menjunjung kehidupan.

dan hari ini
di bawah mendung mentari
penyaksi debar getir perjalanan
yang bias menumpas detik-detik harapan
maka di sayap resah gelisahmu
kulagukan selalu:
bahawa rindu seniman
bukan pada enak mesra sebuah dakapan
si gadis ayu dalam impian!

tapi atas nama seorang seniman
yang besar bersama hangatnya pamitan zaman
rindu, demi rindunya
bercita mutiara maha tercinta
kerana pinta jernih matanya
ke dasar laut kejujuran
pinta tenteram hatinya
ke puncak gunung keadilan.

lalu esok dan selamanya
akan di sana terungkai senyum tangisnya
akan di sana sangsai jatuh bangunnya
ini seniman ratu sejahtera sentosa.

Pengalaman penyair melibatkan daripada apa yang dilihat, didengar dan dirasai telah dizahirkan dalam puisi yang bertajuk “Rindu Seorang Seniman” (1974, p.53). Menurut Ismail Hussein (1980, p.238), gelaran seniman hanya diperuntukkan terhadap orang-orang tertentu yang amat peka terhadap kehidupan dan rasa, sehingga mudah tergetar, menggerakkannya untuk mencipta karya, yang melibatkan keterampilan atau kemahirannya yang memberikan bentuk kepada penghayatannya sehingga dapat dinikmati oleh masyarakat. Perjalanan hidup penyair Dharmawijaya sebagai seorang seniman tidak semudah yang disangka oleh masyarakat luar. Penghayatan tentang kehidupan yang pernah dilalui menyebabkan timbul rasa tertekan yang disampaikan dengan *superego* yang mengandungi norma sesebuah masyarakat di sekelilingnya.

dan hari ini
di bawah mendung mentari
penyaksi debar getir perjalanan
yang bias menumpas detik-detik harapan
maka di sayap resah gelisahmu
kulagukan selalu:
bahawa rindu seniman
bukan pada enak mesra sebuah dakapan
si gadis ayu dalam impian!

Dalam puisi “Rindu Seorang Seniman” (1974, p.53) penyair Dharmawijaya menerapkan dua mekanisme helah bela diri, iaitu *represi* dan *pindah gantian* diaplikasikan dalam puisi yang dihasilkannya berdasarkan pengalaman. Mekanisme helah bela diri *represi* diaplikasikan dalam puisi ini bagi menyatakan perasaan terpendam dan mengalih kesedaran masyarakat tentang keinginan kemasyhuran berdasarkan pengalaman yang pernah dilalui oleh penyair dinyatakan dengan jujur melalui puisi.

Keinginan yang lahir secara *represi* mengalih kesedaran masyarakat tentang perkara sebenar yang berlaku dalam keadaan secara spontan tanpa dipengaruhi oleh dendam atau rasa malu. Tekanan jiwa penyair dirungkaikan dengan merujuk kepada pemilihan baris puisi ‘penyaksi debar getir perjalanan’ pada rangkap kedua puisi menggambarkan penghijrahan penyair. Pada rangkap ini, penyair Dharmawijaya menyatakan tentang keadaan jiwanya yang tertekan. Perjalanan yang membawa maksud penghijrahan dalam puisi penyair tidak bermakna meninggalkan tempat asal buat selama-lamanya. Penghijrahan dilakukan dengan harapan untuk mengubah cara hidup dengan menuntut ilmu. Kejayaan yang akan dicapai dijadikan perangsang kepada golongan muda di kampungnya untuk mengubah nasib mereka ke arah yang lebih baik. Secara tidak langsung penyair telah mengajak pembaca untuk memahami dan menelusuri perasaan seorang seniman yang telah menempuh pelbagai cabaran dalam perjalanan kehidupan.

Keinginan kemasyhuran yang wujud dalam diri penyair disampaikan dengan menggunakan mekanisme helah bela diri *represi* dan *pindah gantian* melibatkan susunan kata yang menarik dan kreatif seperti dalam baris puisi berikut ‘bercita mutiara maha tercinta’. Pemilihan kata ‘mutiara’ menggambarkan tentang kehebatan diri seorang seniman oleh Dharmawijaya. Penyair menerangkan tentang perjalanan kehidupan dan sikap tanggungjawab seseorang seniman yang diibaratkan seperti sebiji mutiara yang berharga dan sukar untuk ditemui. Penyair Dharmawijaya juga menjelaskan tentang nilai kejujuran dalam diri seorang seniman melalui puisinya dengan melibatkan keinginan kemasyhuran terhadap peranan seorang seniman yang dikenali ramai. Penyair Dharmawijaya menerangkan kepada masyarakat bahawa kehidupan seniman ini amat hebat kerana di Kampung Talang lahirnya seorang seniman, iaitu diri penyair sendiri. Rasa cinta dan sayang terhadap pekerjaan sebagai seniman ini secara tidak langsung dapat mengangkat taraf kehidupan seniman yang juga inginkan kemasyhuran dalam kehidupan.

Perasaan semulajadi dalam diri dapat dikesan dalam puisi terpilih Dharmawijaya menggunakan Teori Psikoanalisis Freud. Keinginan kemasyhuran terhadap insan yang lahir dalam diri menyebabkan penyair menghasilkan puisi. Penghasil puisi bertajuk “Rindu Seorang Seniman” (1974, p.53), banyak menggunakan mekanisme helah bela diri *represi* dan *pindah gantian* merujuk kepada peranan seniman yang hebat dan masyhur.

Penyair Dharmawijaya juga ingin mengajak masyarakat untuk memahami perasaan dan kehidupan yang dilalui oleh seorang petani dengan lebih dalam. Puisi bertajuk “Betapa Ianya” (1992, p.14) yang dihasilkan oleh penyair Dharmawijaya menggambarkan perasaan yang dialami oleh petani setelah bertungkus lumus mengerjakan sawah mereka. Perasaan tertekan dalam diri penyair yang wujud dari permasalahan kehidupan yang pernah dilalui berdasarkan pengalaman penyair sebagai petani yang diterjemahkan dalam bentuk puisi. Keadaan yang tidak tenteram dalam diri penyair menyebabkan berlakunya interaksi antara *id*, *ego* dan *superego*. Keinginan *id* yang wujud secara semulajadi dalam diri penyair menimbulkan keinginan kemasyhuran terhadap petani yang cuba dipenuhi oleh *ego* dengan pelbagai cara untuk mencapai kepuasan diri. *Superego* mengawal tindakan *ego* untuk meluahkan keinginan kemasyhuran *id* yang ada dalam diri disampaikan melalui puisi agar diterima oleh masyarakat pada ketika itu.

Penduduk di kampung halaman penyair Dharmawijaya masih mengamalkan pertanian sara diri. Penduduk menghasilkan sesuatu untuk keperluan hidup dan keluarga. Masyarakat petani di kampung penyair masih bergantung harap dengan cuaca dan mesin bagi menentukan jenis tanaman yang dapat diusahakan pada ketika itu. Tanaman seperti padi, kelapa dan sayuran yang diusahakan merupakan tanaman yang diusahakan untuk keperluan hidup dan keluarga. Kesemua jenis tanaman yang hendak ditanam oleh petani

Kampung Talang bergantung kepada tanah dan keadaan cuaca. Faktor-faktor yang berkaitan penyakit pokok, serangan serangga, tanah dan cuaca yang tidak menentu mempengaruhi hasil pertanian yang ditanam. Pendapatan petani akan berkurang dan tidak cukup, ini bermakna masyarakat petani akan terus hidup pada paras kemiskinan.

Puisi yang dihasilkan oleh penyair Dharmawijaya menggambarkan pemikirannya yang banyak tertumpu kepada kehidupan masyarakat petani yang menanam padi dan berkebun sayur. Setiap ruang tanah yang diwarisi menjadi sumber rezeki untuk memenuhi keperluan keluarga. Menurut Zainal Kling (2001, p.176) keadaan ini selaras dengan suasana kehidupan di perkampungan Melayu. Musim menentukan kehidupan golongan petani yang merupakan penanda masa untuk menentukan penggunaan ruang tanah bagi menjalankan aktiviti pertanian, upacara dan kegiatan keagamaan. Bahan sastera juga mampu melibatkan ilmu pengetahuan seperti bidang pelajaran, kebudayaan, politik, ekonomi dan pelbagai kegiatan manusia yang dapat memberi pengajaran dan pengetahuan tentang kehidupan.

Melalui puisi “Betapa Ianya” (1992, p.14) penyair Dharmawijaya dapat menghayati semula pengalaman kehidupannya sebagai petani di tempat kelahirannya, iaitu di Kampung Talang. Petani di kampung halaman penyair terdiri daripada golongan petani yang berpendapatan rendah ibarat ‘kais pagi makan pagi’ berbanding dengan masyarakat yang hidup di kawasan bandar yang mempunyai pendapatan tetap setiap bulan. Hal ini diluahkan melalui puisinya bertajuk “Betapa Ianya” (1992, p.14). Menurut A. Samad Said (2007, p.173), beliau menjelaskan bahawa penderitaan adalah sebahagian daripada renah hidup. Namun begitu, apa yang diharapkan oleh penyair tidak mungkin berlaku kerana petani tidak mampu untuk berubah dan terpaksa melakukan rutin harian yang sama setiap hari bagi menampung kehidupan ahli keluarga dengan ke sawah dan ke kebun. Segala cabaran yang dihadapi tidak menjadi halangan bagi diri penyair untuk meneruskan

kehidupannya. Masalah dan halangan yang wujud ini menjadi penyebab mengapa golongan petani sukar untuk melakukan perubahan dalam kehidupan mereka.

Christoper Caudewell (1946: 57) berpendapat, puisi yang dianggap baik selalu bersedia mengemukakan permasalahan dari segi pemakanan masyarakat, diri dan kepada perkembangan sastera itu sendiri. Puisi yang dihasilkan oleh Dharmawijaya amat akrab dengan kehidupan petani yang kuat berusaha sehingga menimbulkan interaksi *id*, *ego* dan *superego* melibatkan keinginan rasa cinta terhadap insan yang dikaitkan dengan kemiskinan, kesusahan, kesengsaraan dan kesetiaan. Puisi terpilih Dharmawijaya mengandungi pelbagai mesej bagi menjelaskan tentang nasib hidup petani di kampung penyair pada ketika itu. Pengalaman yang terkumpul dari sejak kanak-kanak sehingga remaja telah memberi kesan kepada Dharmawijaya untuk menyampaikan pengalaman itu secara jujur dan ikhlas.

Betapa Ianya

Daun-daun yang gugur
bersatu
di ladang gersang
tempat bermukim
lingkaran nasib
tahun-tahun merimbun
pepoohonan.

(Dharmawijaya, 1992, p.14)

Pada rangkap pertama puisi, penyair Dharmawijaya menjelaskan tentang kehidupan golongan petani yang bergantung harap sepenuhnya pada hasil tanaman. Golongan petani berhadapan dengan pelbagai masalah termasuk semasa aktiviti menanam padi seperti kemarau, penyakit pokok dan serangga perosak. Perumpamaan terhadap petani miskin diungkapkan pada rangkap pertama puisi, iaitu ‘daun-daun yang gugur’, ‘bersatu’, dan ‘di ladang gersang’ yang membawa maksud sifat bekerjasama

golongan petani dalam menempuh pelbagai cabaran susah dan senang bersama sukar dilihat dalam kehidupan masyarakat lain terutama yang tinggal di bandar. Melalui penelitian pada puisi yang dikaji didapati bahawa penyair Dharmawijaya menggunakan mekanisme helah bela diri *pindah gantian* untuk menerangkan tentang kehidupan golongan petani kepada persekitaran dengan merujuk kepada ‘daun-daun’ sebagai perbandingan kepada kehidupan petani. Masyarakat petani mempunyai gaya hidup bertaraf rendah dan sederhana, namun mereka tetap bersatu melakukan sesuatu pekerjaan dalam kehidupan mereka sebagai petani dengan tabah. Penyair menghadapi tekanan hidup ketika bersama keluarganya yang bekerja sebagai pesawah dan pekebun sayur.

Berdasarkan Teori Psikoanalisis Freud, Hashim Awang (2002, p.26) menjelaskan bahawa sesebuah karya sastera yang menjadi rakaman dan penyataan pemikiran serta pengalaman manusia yang boleh mempengaruhi perasaan, peribadi dan kehidupan atau masyarakat. Baris puisi yang dianalisis ‘aku perenung iktibar’, ‘masa lalu’, ‘menjadi termangu’ ternyata menggambarkan pemikiran penyair Dharmawijaya yang lahir secara jujur dan ikhlas untuk memperkatakan tentang cabaran dan kehidupan masyarakat petani di kampungnya yang perlu diperjuangkan oleh golongan muda. Penyair berharap agar generasi muda supaya memahami tentang pengorbanan hidup. Dharmawijaya tetap berkeyakinan golongan muda untuk bangkit menyahut cabaran dengan tujuan untuk meningkatkan taraf kehidupan masyarakat petani di kampungnya. Perasaan dan pemikiran penyair ternyata amat menyayangi kampung halaman tempat lahirnya dan tempat mencari rezeki bagi kedua ibu bapanya.

aku perenung iktibar
masa lalu
menjadi termangu
menatap daun-daun yang gugur
betapa ianya
tak pernah menemukan

kehilangan desir
awal akhir
makna perjalanananya.

(Dharmawijaya, 1992:14)

Dalam rangkap kedua, penyair juga menjelaskan tentang kehidupan golongan petani yang perlu diberi perhatian dan bimbingan terutamanya untuk golongan muda agar mereka berjaya meneruskan kehidupan mereka. Sekali lagi, penyair menggunakan pengulangan baris puisi yang sama, iaitu ‘daun-daun itu gugur’ bagi menerangkan beliau tidak mahu melihat keadaan kemiskinan dan kekecewaan berterusan berlaku dalam kehidupan petani. Kedua-dua rangkap puisi “Betapa Ianya” (1992, p.14) menggambarkan penyair mempunyai keinginan rasa kemasyhuran dalam diri agar petani tergolong dalam golongan masyarakat yang dihormati dan masyhur dengan kebolehan tersendiri dalam bidang pertanian dan merupakan golongan yang gigih berusaha.

Penyair Dharmawijaya menggambarkan rasa yang amat gembira terhadap perjuangan seorang tokoh bahasa, iaitu Mohd Taib Osman (Temu bual, Februari 14, 2016) dalam puisi beliau bertajuk “Suara Impian Di Tinta Kenangan” (1999, p.156). Pengalaman yang pernah dilalui menyebabkan timbul perasaan semulajadi yang melibatkan interaksi *id*, *ego* dan *superego* dalam diri penyair. Penyair menggunakan *superego* bagi memenuhi keinginan *id* dan *ego* dengan mengawal tindakan yang dilakukan agar tidak melanggar norma kehidupan masyarakat pada ketika itu. Perubahan tindak laku *superego* yang berlaku menyebabkan penyair Dharmawijaya menghasilkan sebuah puisi bertajuk “Suara Impian Di Tinta Kenangan”. Puisi yang dihasilkan oleh Dharmawijaya dianalisis bagi mengesan keinginan kemasyhuran terhadap insan yang terdapat dalam puisinya. Melalui pendekatan Teori Psikoanalisis Freud, penyair Dharmawijaya dianggap sebagai individu yang mengilhamkan semula tentang fantasi yang pernah dialaminya. Keadaan sebegini memperlihatkan kemahuan yang wujud dalam

diri penyair berhubung suatu peristiwa pada ketika itu. Penyair cuba mengaitkan pengalaman yang dilalui untuk memenuhi keinginan dalam diri seperti kemasyhuran. Keinginan yang wujud dalam diri merupakan dorongan dalaman yang diluahkan menggunakan mekanisme helah bela diri *sublimasi*. Keadaan ini berlaku bagi menyalurkan kekecewaan, kesedihan dan kekosongan yang dialami penyair kepada perubahan tingkah laku lain yang diterima oleh masyarakat pada ketika itu.

Suara Impian Di Tinta Kenangan

Enam puluh tahun lalu di Kampung Kembangan
ketika gelisah seorang ibu terlerai mengucap
kesyukuran
ketika resah seorang ayah terbelai menatap kurniaan
tuhan
berpautlah impian di tangis syahdu putera pilihan
akan tabah langkahnya meredah rimba ilmu
akan indah madahnya menakah mutiara waktu.

(Dharmawijaya, 1999, p.156)

Pengalaman penyair yang dulunya pernah menjadi bapa telah dizahirkan dalam bentuk puisi. Baris puisi ‘ketika resah seorang ayah terkulai menatap kurniaan tuhan’ menjelaskan perasaan penyair ketika mendapat cahaya matanya. Perasaan rendah diri wujud dalam diri penyair bagi menggambarkan kekuasaan Tuhan terhadap kurniaan yang diterimanya. Menurut Hashim Awang (2002, p.19), sesuatu hasil karya bertunjangkan kepada pengalaman bahawa sastera adalah suatu kejadian alam yang merakamkan dan memanifestasikan pengalaman hidup. Persoalan utama yang cuba dibawa oleh penyair Dharmawijaya berkaitan dengan keinginan kemasyhuran penyair kepada tokoh bahasa, iaitu Mohd Taib Osman yang lahir di Kampung Kembangan.

Kajian yang dilakukan telah menunjukkan bahawa penyair begitu mengagumi individu ini atas sumbangan yang telah diberikan. Penyair menggunakan medium

mekanisme helah bela diri *sublimasi* bagi mengangkat martabat individu tersebut melalui medium puisi. Keinginan kemasyhuran diperlihatkan bermula daripada proses kelahirannya seperti dalam baris puisi ‘ketika resah seorang ayah terbelai menatap kurniaan’, penyair menerangkan bahawa kelahiran individu tersebut memberikan satu kegembiraan dan kesyukuran kepada ibu bapanya yang dikurniakan seorang cahaya mata. Segala kegelisahan yang dialami sebelum ini, oleh ibu dan keresahan seorang bapa reda apabila mendapat seorang cahaya mata lelaki. Oleh itu, keinginan yang wujud dalam diri penyair dipengaruhi dengan pengalaman yang pernah dilalui dan dizahirkan dalam puisi untuk memperlihatkan keinginan kemasyhuran terhadap insan. Ternyata penyair Dharmawijaya banyak menghasilkan puisi dengan menggambarkan tentang kemasyhuran yang diharapkan dalam dirinya. Penyair menjelaskan bahawa setiap ibu bapa menaruh harapan yang tinggi kepada anak-anak mereka agar menjadi seorang insan yang berjaya dan mempunyai akhlak yang baik dalam kehidupannya kelak.

kini ‘kembangan’ yang terukir namanya di Petaling Jaya
memberkati seorang penghuninya menangani titian usia
di mata fikirnya tertatap segar warisan budaya
di citra tafsirnya terungkap kental keperibadian bangsa.

Dharmawijaya mengungkapkan keinginan kemasyhuran terhadap perjalanan hidup individu tersebut yang semakin meningkat usianya. Setiap baris yang diungkapkan dalam puisinya mengandungi makna yang tersurat dan tersirat. Menurut Hashim Awang, (2000, p.19), lapis tersurat adalah lapis zahir yang dapat dilihat dan dirasakan dengan jelas dan mudah manakala lapisan tersirat pula merupakan lapis batin yang hanya dapat diertikan melalui maknanya melalui mata hati atau pemikiran intelektual sahaja. Penyair Dharmawijaya menggunakan istilah atau bahasa perlambangan untuk mencipta makna yang tersirat dan penuh dengan kejiwaan bagi melepaskan keinginan yang sentiasa menekan dirinya. Sementara itu, menurut Anis Sabirin (1989, p.37), beliau menjelaskan

bahawa seorang penyair dapat menyampaikan maksud tersirat menerusi bahasa perlambangan. Menurutnya lagi, penyair menggunakan perlambangan untuk menyatakan hakikat-hakikat yang bersifat kejiwaan. Penyair Dharmawijaya mengolah keinginan kemasyhuran terhadap dirinya yang tertekan pada setiap baris puisi yang dihasilkan. Melalui puisinya, penyair Dharmawijaya menjelaskan bahawa walaupun semakin meningkat usia individu, gaya pemikiran mereka masih berteraskan warisan budaya yang tidak akan ditinggalkan. Manakala setiap kata-kata atau percakapan mencerminkan kekentalan keperibadian bangsanya. Penyair menyatakan nilai kemasyhuran yang dimiliki oleh Mohd Taib Osman yang telah memberi pencapaian terbaik dalam menaikkan martabat bangsa dan budaya Melayu dengan melontarkan pemikiran bagi mengubah kehidupan masyarakat pada ketika itu. Jasa yang ditinggalkan oleh tokoh bahasa ini akan terus diingati oleh pejuang bahasa dan masyarakat setempat.

5.4 Keinginan Kemasyhuran Terhadap Masyarakat

Kekuatan puisi penyair Dharmawijaya dapat dilihat dengan cara penyair menyembunyikan perasaan duka dan derita dalam sisipan gaya bahasa dan personifikasi yang halus memberi kesan kepuasan dalam diri penyair dan masyarakat. Monolog menjadi pelunjur ekspresi naluri halus dan memberi kesan kepada jiwa pembaca. Menurut Atmazaki (1993, p.12) bahawa puisi adalah bersifat monolog dan kekuatan puisi terletak pada kekuatan ekspresinya itu. Inilah kebijaksanaan penyair Dharmawijaya yang secara halus menyusun gaya dalam monolog dirinya. Dalam puisi bertajuk “Rakaman Rasa” (1974, p.67), penyair Dharmawijaya menyatakan rasa kasih pada hatinya yang tetap setia walaupun dirinya menghadapi suka dan duka sepanjang perjalanan kehidupannya di kampung halamannya. Kebijaksanaan yang sukar dilihat adalah kebijaksanaan penyair

menghargai diri dengan keupayaan yang ditakdirkan Tuhan untuknya, sekalipun keupayaan itu untuk menanggung beban derita. Penyair Dharmawijaya dapat mengesankan perasaan rendah diri yang wujud dalam dirinya biarpun dilanda derita. Demikianlah Dharmawijaya membisikkan hal itu dalam puisi ciptaan beliau.

Perubahan tingkah yang berlaku akibat tekanan yang dialami menyebabkan berlaku interaksi *id*, *ego* dan *superego*. *Ego* berusaha bagi memenuhi kehendak *id* melibatkan keinginan kemasyhuran terhadap masyarakat melalui pelbagai tindakan yang bebas. *Superego* mengawal tindakan *ego* dengan penghasilan puisi yang diterima oleh masyarakat pada ketika itu. Puisi yang bertajuk “Rakaman Rasa” (1974, p.67) memperlihatkan keinginan penyair Dharmawijaya yang lahir dalam diri. Puisi ini menggambarkan tentang kehidupan masyarakat petani yang hidup dalam kemiskinan. Keinginan kemasyhuran terhadap masyarakat dinyatakan oleh penyair melibatkan kehidupan golongan petani dan nelayan. Puisi yang dihasilkan ini menjelaskan tentang keinginan kemasyhuran terhadap masyarakat petani yang bekerja bersungguh-sungguh demi meneruskan kehidupan mereka. Masyarakat petani pada ketika itu bekerja membanting tulang di sawah dan di kebun bagi menyara kehidupan keluarga dan anak-anaknya. Golongan petani di kampung halaman penyair bergantung hidup sepenuhnya dengan hasil pertanian yang diusahakan.

Rakaman Rasa

I
Melaka kalung rindu bertapak
di sejuk bumi keramatnya
denyut hati ini berkocak
dan puncak sadar bergolak
diimbau silau detik sejarah masa lalu.

antara kota yang membangun
dan sawah ladang tenang merimbun
pernah ruang kembang ria
dilanda duka derita
ya, bersama kelahiran jebat dan tuah

dalam seribu hormat seribu puja
gerhana senyum berlangir darah.
kononnya jebat berkecundang rasa
sedang tuah menatang setia
lantas bertarunglah muara perwira
pada keyakinan cita dan cinta.
dilimpah sumpah anak melayu.

(Dharmawijaya, 1974, p.67)

Meninjau sejarah kegembilangan kesultanan Melayu Melaka serta pahlawannya, akan timbul rasa bangga dalam diri setiap bangsa Melayu. Sistem pentadbiran yang teratur dan kedudukan selat Melaka yang strategik secara tidak langsung telah menjadikan Melaka sebagai sebuah negeri yang hebat dan masyhur pada abad ke 13 Masihi. Negeri Melaka merupakan sebuah kota yang membangun dan mempunyai sawah padi yang luas bagi membekalkan beras sebagai makanan utama kepada golongan pedagang yang datang berniaga di Melaka. Amran Kasimin (1993, p.3) turut menjelaskan bahawa sejarah awal Melaka dapat dikesan dari pelbagai sumber termasuk Sejarah Melayu, Hikayat Raja-Raja Pasai, Bustanus Salatin dan Hukum Kanun Melaka. Bahan rujukan ini mempunyai keterangan yang jelas tentang sistem pentadbiran Melaka dan usaha golongan petani.

Rasa bangga yang wujud dalam diri penyair Dharmawijaya menimbulkan tekanan dalam diri melibatkan keinginan kemasyhuran sebagai masyarakat Melayu bagi memperkatakan tentang kehebatan masyarakat Melayu pada ketika itu. Kehebatan yang dapat dilihat meliputi pembangunan dalam bidang perdagangan, pertanian yang teratur, pemimpin negeri yang bertanggungjawab dan menjadi sebuah negeri yang dihormati seperti dalam rangkap puisi kedua di bawah.

antara kota yang membangun
dan sawah ladang tenang merimbun

pernah ruang kembang ria
dilanda duka derita
ya, bersama kelahiran jebat dan tuah
dalam seribu hormat seribu puja
gerhana senyuman berlangir darah.

Pada rangkap ketiga puisi penyair Dharmawijaya menjelaskan tentang nilai kesetiaan dalam diri setiap rakyat negeri Melaka ketika itu. Pahlawan yang hebat dan masyhur seperti Hang Tuah dan Hang Jebat bersaudara merupakan antara pahlawan yang banyak berjasa. Tekanan dalam diri penyair Dharmawijaya lahir bagi memperkatakan tentang nilai ‘cita dan cinta’, yang terdapat dalam baris puisi. Nilai kesetiaan dalam diri laksamana Hang Tuah dalam menuntut keadilan menyebabkan berlaku pertarungan antara Tuah dan Jebat sehingga berlaku kematian. Hasil analisis menunjukkan bahawa dengan cara menghasilkan puisi menggunakan perasaan *superego* ini, penyair Dharmawijaya mendapatkan kepuasan dan dapat keluar daripada rasa tertekan yang dialami. Penyair secara jelas mengajak masyarakat dan golongan pembaca menghayati setiap diksi yang ditulis dalam puisi “Rakaman Rasa” (1974, p.67). Selain mengandungi keinginan kemasyhuran terhadap masyarakat petani Melayu, penyair Dharmawijaya juga ingin melahirkan nilai kesedaran kepada masyarakat dan golongan petani agar terus berusaha untuk berjaya. Sikap tidak mudah berputus asa dan bekerjasama akan membawa kejayaan yang setimpal dengan pengorbanan untuk meneruskan kehidupan mereka yang tinggal di kampong bekerja sebagai petani.

II
Kini telah bersatu
Ucap puja anak-anaknya
Bahawa bahtera hidup berpayung keluhuran
Dalam gigih jiwa menegak kebenaran
Akan suramlah kurnia kebaktian
Selagi hati budi dicandu dendam kebencian.
Melaka mahkota cinta
Masakini yang berbunga mutiara maya
Akan dilakukan keindahan rimba dada manusia

Unjuk setia ada batasnya
Kasih sayang ada tempatnya.

(Dharmawijaya, 1974: 67)

Pada bahagian kedua puisi, penyair Dharmawijaya menggunakan mekanisme helah bela diri *represi* bagi menyatakan keinginan kemasyhuran bagi mengalih kesedaran dan pandangan masyarakat secara spontan tanpa dipengaruhi oleh perasaan dendam atau malu dengan meletakkan kata-kata berkaitan dengan cinta seperti, kasih, sayang, setia dan bahagia. Penyair menggambarkan kehidupan masyarakat dan golongan petani di negeri Melaka yang bersatu padu. Zaman kegemilangan yang dicapai oleh pemimpin-pemimpin kerajaan negeri Melaka bertitik tolak daripada hasil perjuangan rakyat jelata yang digambarkan oleh penyair Dharmawijaya pada rangkap puisinya, iaitu ‘ucap puja anak-anaknya’ dan ‘bahawa bahtera hidup berpayung keluhuran’. Mekanisme helah bela diri *represi* melibatkan penggunaan pemilihan kata, iaitu ‘anak-anaknya’, bagi mengalih kesedaran masyarakat tentang masyarakat Melayu pada zaman dahulu dengan cara terbaik bagi memberi kesedaran dan diterima oleh masyarakat. Kesungguhan rakyat Melaka dalam melakukan sesuatu perkerjaan secara ikhlas seperti bertani telah membantu membangunkan negeri Melaka. Menurut Abdul Aziz Ismail (2005, p.26), keikhlasan adalah sangat penting untuk menghayati sesuatu amalan, apabila memang diinginkan agar dapat terlaksana dengan baik dan sempurna, malahan keikhlasan itulah yang menjiwainya agar dapat memperoleh hasil yang gilang-gemilang, terpuji serta direhái oleh Tuhan. Penyair menggambarkan kemasyhuran masyarakat petani dengan melibatkan usaha dan kegigihan mereka bekerja secara jujur untuk bersama masyarakat lain.

Penyair Dharmawijaya tidak hanya memperkatakan tentang masyarakat petani dan kemiskinan, malahan beliau juga menerangkan tentang pembangunan dan pentadbiran negara. Puisi “Antara Kerelaan” (1974, p.59) mengisahkan tentang pengharapan

masyarakat petani terhadap wakil pemimpinnya di parlimen. Penyair cuba menggambarkan keadaan yang dimaksudkan berdasarkan tekanan dalam diri melibatkan interaksi antara *id*, *ego* dan *superego* yang disempurna dengan cara *superego* bagi penerimaan masyarakat berdasarkan pengalaman yang pernah dilaluinya. Merujuk Teori Psikoanalisis Freud, keinginan-keinginan yang belum dapat dicapai oleh penyair seperti kemasyhuran akan menjadi suatu iguan dan menimbulkan perasaan tertekan dalam diri. Keadaan seperti ini meninggalkan kesan yang mendalam dalam diri penyair juga merupakan seorang anak petani yang berpendidikan dan mencari ruang untuk keluar dari tekanan yang dihadapi dengan cara berpuisi.

Superego yang wujud dalam diri ditolak dari dalam jiwa penyair bagi mencapai kepuasan diri. Tekanan dalam diri yang dialami diluahkan dengan cara menggunakan mekanisme helah bela diri. Penyair Dharmawijaya menghasilkan puisi sebagai fantasinya bagi mencapai kepuasan dan pada waktu yang sama juga keinginan sebenar merujuk kepada keinginan kemasyhuran yang diharapkan oleh golongan petani pada ketika itu.

Antara Kerelaan

Hari ini kami anak-anak peribumi
yang bangun meniti mimpi wangi
seia sekata dalam kerelaan hati
pada riuh gemuruh suara menjanjikan.
Keadilan bersama keamanan
untuk kemakmuran!
lalu antara dingin angin
tanah air pengukir zaman
terbukalah pintu keramat jantung parlimen
hening menanti menyambut hormat
lantas senyap pembawa mandat
kepercayaan
bersama kesetiaan
untuk kemenangan

Penyair menyatakan keinginan kemasyhuran terhadap masyarakat petani di kampung kelahirannya yang telah berjaya melahirkan ahli Dewan Rakyat dan Dewan Undangan daripada golongan petani. Penyair dalam keadaan bawah sedar memasukkan unsur keinginan kemasyhuran dalam diri dan menggambarkan perasaan tersebut dalam baris puisi beliau, iaitu ‘yang bangun meniti mimpi wangi’, ‘seia sekata dalam kerelaan hati’, dan ‘pada riuh gemuruh suara menjanjikan’. Selain itu penyair juga mengajak pembaca dan masyarakat luar menyelami perasaan masyarakat petani yang menaruh harapan terhadap wakil rakyatnya demi menjaga keadilan, keamanan dan kemakmuran hidup mereka. Analisis dilakukan mendapat penyair Dharmawijaya menggunakan mekanisme helah bela diri *sublimasi* dengan menyatakan keinginan yang tidak dibenarkan oleh *superego* tetapi tetap dilakukan dalam bentuk yang lebih sesuai dengan keadaan persekitaran yang melibatkan unsur pengajaran dalam puisi yang membawa kepada unsur pengajaran.

Rangkap-rangkap puisi di bawah pula, menonjolkan kejayaan golongan petani menjadi wakil parlimen yang akan membawa arus perubahan kepada masyarakat petani itu sendiri. Hal ini memperlihatkan bahawa keinginan kemasyhuran dalam diri ditonjolkan oleh penyair terhadap golongan petani yang berjaya melahirkan pelbagai golongan seperti yang dinyatakan itu. Mekanisme helah bela diri *represi* juga dapat dihubungkan dengan perasaan terpendam penyair untuk menyatakan keinginan kemasyhuran yang tidak dipengaruhi oleh perasaan dendam atau rasa malu. Keinginan kemasyhuran yang diinginkan juga merujuk kepada arus pemodenan pesat yang memerlukan kepercayaan, kesetiaan dan kemenangan bagi membawa perubahan cara hidup masyarakat petani ke arah yang lebih baik dan menerima dengan penuh kerelaan.

Telah lahirlah para menteri
Lahirnya : dari kami tiap seorang petani

Telah lahirnya ahli dewan rakyat dewan undangan
Lahirnya: dari kami tiap seorang buruh dan nelayan

nanti suara apa pun mau ditimbangterimakan
pinta mana pun mau ditolakansurkan
antara teluk-cita menjunjung keharmonian
maka tiadalah dosanya hidup kami dikurniakan
kebenaran bersama kejujuran untuk kesejahteraan!

(Dharmawijaya, 1974: 59)

Perasaan tertekan dalam diri penyair Dharmawijaya yang wujud ini melibatkan interaksi perasaan semulajadi dalam diri *id* yang berlaku apabila penyair Dharmawijaya mengenangkan ibu bapanya yang bertungkus lumus membanting tulang bagi menyara kehidupannya. Perubahan tingkah laku *superego* telah digunakan bagi memberi kepuasan dalam diri dan melibatkan keinginan kemasyhuran terhadap masyarakat petani. Penyair menghasilkan baris-baris puisi seperti berikut ‘telah lahirlah para menteri’ dan ‘lahirnya: dari kami tiap seorang petani’ yang menjelaskan bahawa golongan petani mampu melahirkan tokoh pemimpin yang hebat. *Superego* yang melibatkan perubahan tingkah laku dengan menghasilkan puisi mengandungi keinginan kemasyhuran terhadap pengorbanan ibu bapa daripada golongan petani dalam memperlihatkan kejayaan mendidik anak-anak mereka sehingga menjadi insan yang berjaya dan berkepimpinan.

Kegigihan ibu bapa yang sanggup berkorban demi kejayaan anak-anak mereka menyebabkan keinginan kemasyhuran untuk berjaya dalam diri anak-anak petani ini semakin menebal. Oleh sebab itu, masyarakat petani di kampung halaman penyair berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapai kejayaan demi menggembirakan hati kedua-dua orang tua mereka. Menurut Ainon Mohd (2003, p.122), apabila seseorang itu mempunyai komitmen, dia memiliki objektif dan matlamat hidup yang sangat jelas. Seseorang itu akan bekerja kuat, tabah dan gigih kerana mahu mencapai cita-cita. Dalam hal ini, para petani perlu bersikap tabah dan tekad menempuh segala cabaran dan

kekangan demi mencapai kejayaan. Penyair Dharmawijaya menggambarkan tentang kemashyuran golongan petani dan pengorbanan yang dilakukan demi memenuhi keperluan anak-anak mereka, iaitu untuk mendapatkan ilmu pengetahuan. Penyair menggarap puisinya berdasarkan pengalaman hidup yang lalu, iaitu gambaran tentang ibu bapanya yang sanggup berkorban apa sahaja demi kejayaan anak-anak termasuk segala perbelanjaan yang perlu ditanggung daripada hasil jualan padi dan sayur-sayuran yang ditanam.

Pengorbanan dan perjuangan ibu bapa dalam masyarakat petani ini boleh dijadikan contoh dan tauladan kerana sanggup mengorbankan segala kudrat dan harta benda demi memberi pendidikan untuk anak-anak mereka. Pergorbanan ini dilakukan secara berterusan sehingga berjaya melahirkan individu yang mampu membawa kepada perubahan kehidupan dari kancang kemiskinan. Masyarakat petani pada ketika itu telah berjaya membuktikan bahawa kemiskinan bukan penghalang seseorang individu untuk berjaya. Kemiskinan yang dialami menjadi suntikan semangat dan dorongan kepada kehidupan masyarakat petani dan nelayan untuk melahirkan tokoh-tokoh pemimpin yang berwibawa. Kemashyuran tokoh-tokoh pemimpin daripada kalangan anak petani dan nelayan ini dapat dilihat melalui kepercayaan yang diberikan oleh masyarakat di sekitarnya untuk mewakili mereka dalam menyelesaikan sesuatu masalah dan juga mampu membela nasib petani untuk mencapai kehidupan yang lebih harmoni dan sejahtera.

Melalui puisi Dharmawijaya ini juga, dapat dikesan bahawa keinginan kemasyhuran melibatkan segala praktis sosial memainkan suatu peranan material tertentu dalam kehidupan masyarakat. Keadaan tidak tenteram yang berlaku akibat tekanan dalam diri melahirkan keinginan yang disampaikan menggunakan mekanisme helah bela diri

untuk menyatakan pemikiran dan keinginan rasa kemasyhuran. Keinginan yang ada dalam diri penyair bukan hanya menerangkan tentang masyarakat sahaja, tetapi juga tentang alam kehidupan dan objek yang dikaitkan dengan keinginan penyair. Keinginan yang ingin disampaikan menggunakan mekanisme helah bela diri *represi*, *sublimasi* dan *pindah gantian* mengandungi nilai moral yang diterima oleh masyarakat pada ketika itu.

5.5 Keinginan Kemasyhuran Terhadap Alam

Puisi terpilih Dharmawijaya yang dianalisis bagi mengesan keinginan kemasyhuran terhadap alam. Bahasa merupakan tenaga yang digunakan dalam proses pembentukan keinginan kemasyhuran yang dapat dikesan merujuk kepada alam kehidupan dan objek seperti perwira, perkasa, mahkota, tugu, bunga, mentari dan semua perkataan yang membawa maksud kemasyhuran. Hal ini menjelaskan bahawa penyair Dharmawijaya mengungkapkan mesej serta pemikirannya melibatkan keinginan kemasyhuran terhadap alam. Puisi yang dihasilkan oleh penyair mengandungi unsur alam dan melibatkan tahap ilmu bahasa yang tinggi bagi menyatakan keinginan kemasyhuran terhadap alam dalam diri dengan tepat dan berkesan. Penyair Dharmawijaya memperjuangkan nasib golongan miskin seperti petani, nelayan dan buruh di kota melalui puisi yang dihasilkan bagi dihayati oleh pembaca dan masyarakat luar pada ketika itu.

Setiap individu yang mempunyai matlamat kehidupan sendiri perlu berjuang bagi memastikan kehidupan mereka berjaya dan sejahtera. Misalnya perjuangan yang dilakukan oleh golongan tentera mempertahankan negara merupakan suatu pengorbanan yang amat besar. Golongan tentera sanggup meninggalkan keluarga dan menggadaikan nyawa sendiri demi negara tercinta. Puisi bertajuk “Tugu” (1974: 20), mengisahkan

tentang kemasyhuran dan penghargaan yang diberikan oleh kerajaan dan masyarakat terhadap pejuang-pejuang negara yang telah terkorban dan diapresiasi dengan membina Tugu Pahlawan di kawasan Tasik Perdana.

Tugu

Atas kembang ranumnya kenangan
dalam debar sendu meraih rintihan
pada tulang-tulang berserakan
darah dan derai air mata
terpahatlah sebuah tugu di dada kota
untukmu cuma perwira!

dan semalam
telah ada sayumbaranya
begitu khusyuk dan takwa
dan syahdu merangkai kata
dari hati ke hati
lantas bersayap simponi cinta abadi
dalam kepiluan serunai dan gendang nafin
(ya, demikian limpah limpah hormat dunia
pada segala korban kerelaanmu, perwira!)

tapi manalah bias
kalau sekadar sebuah tugu
dan karangan bunga
nilai nyawa dan darahmu
kerana segala –
anak-anak yang tinggal piatu
dan kekasih yang hidup memapah rindu
bahawa tugu dalam keagungannya
bukan di sana teluk tenteram hatinya.

(Dharmawijaya, 1974, p.20)

Keinginan kemasyhuran terhadap alam yang wujud dalam diri penyair Dharmawijaya menyebabkan berlakunya keadaan tertekan dan kerisauan terhadap jasa-jasa pejuang negara yang terkorban untuk menuntut kemerdekaan. Keadaan tertekan yang dialami oleh penyair akibat daripada peristiwa yang dilalui mewujudkan interaksi *id*, *ego* dan *superego* yang menginginkan kemasyhuran terhadap alam berlaku dalam dirinya. Keinginan *id* yang wujud dalam diri penyair secara semulajadi cuba dicapai oleh *ego*

melibatkan tindakan yang bebas dan liar. *Superego* mengawal tindakan *ego* bagi mencapai kepuasan diri penyair melalui puisi yang mengandungi nilai norma masyarakat pada ketika itu. Penyair Dharmawijaya menghasilkan puisi bertajuk “Tugu” (1974, p.20) bagi menyatakan keinginan rasa kemasyhuran terhadap alam kehidupan perwira negara. Berdasarkan baris puisi berkenaan, iaitu ‘darah dan derai air mata’, ‘terpahatlah sebuah tugu di dada kota’, ‘untukmu cuma, perwira!’ menggambarkan keinginan kemasyhuran yang diluahkan oleh penyair dalam puisi yang dihasilkan. Keinginan kemasyhuran yang hendak dicapai dalam diri disampaikan melalui susunan kata-kata yang menimbulkan rasa megah dan bangga terhadap perwira yang telah gugur di medan perang demi mempertahankan negara. Menurut A. Samad Said (2007, p.174), perang melibatkan penderitaan, kebuluran dan pengorbanan. Perang menggambarkan rasa pedih, pilu, sedih, sakit, mati dan bermacam-macam penderitaan sama ada semasa ataupun akibat peperangan. Dalam puisi ini jelas memperlihatkan tentang suasana peperangan yang pernah dirasai oleh penyair Dharmawijaya kerana beliau dilahirkan sebelum perang dunia kedua, iaitu pada tahun 1942.

Tema peperangan dan perjuangan perwira disampaikan oleh penyair Dharmawijaya dengan menghasilkan puisi bertajuk “Tugu” (1974, p.20). Penyair Dharmawijaya menghasilkan puisi menggunakan tema perjuangan bagi mengenang jasa dan kemasyhuran perwira negara dijelaskan beliau dalam baris puisinya ‘telah ada sayumbaranya’, ‘begitu khusyuk dan takwa’, ‘dan syahdu merangkai kata’. Penyair menggunakan pengalaman yang pernah dilalui bagi menyatakan perasaan hormat terhadap pengorbanan perwira. Mekanisme helah bela diri *pindah gantian* digunakan oleh penyair berkait dengan kata ‘tulang-tulang’ dan ‘darah’ menggambarkan keikhlasan dan kesungguhan golongan perwira dalam mempertahankan negara. Mereka sanggup berkorban nyawa demi mempertahankan negara tercinta sehingga ketitisan darah terakhir.

Segala jasa dan pengorbanan para perwira tetap dikenang kerana mereka telah bermati-matian untuk mempertahankan negara. Maka terbinanya sebuah tugu lambang peringatan dan kemasyhuran terhadap golongan perwira bangsa ini. Tugu yang dibina di ibu negara merupakan mercu tanda penghargaan pemerintah dan masyarakat kepada golongan perwira. Pengorbanan yang besar digambarkan dalam baris puisi berikut ‘dalam debar sendu meraih rintihan’, ‘pada tulang-tulang berserakan’, ‘darah dan derai air mata’ menerangkan kesungguhan dan keikhlasan perwira berjuang untuk mempertahankan negara.

Puisi ini juga mengisahkan tentang kehidupan perwira dan Tugu Negara yang menjadi simbolik kepada lambang perjuangan. Penciptaan puisi “Tugu” (1974, p.20) jelas memperlihatkan keinginan kemasyhuran penyair terhadap alam kehidupan perwira yang diterjemahkan melalui Tugu Negara yang menjadi lambang kemegahan dan kemasyhuran. Penyair Dharmawijaya berjaya melakukan pemilihan kata yang baik bagi menimbulkan rasa bangga, sedih dan syahdu dalam kalangan pembaca. Penyair menekankan tentang perjuangan perwira negara pada rangkap akhir puisi ‘tapi manalah bias’, ‘kalau sekadar sebuah tugu’, ‘dan karangan bunga’, dan ‘nilai nyawa dan darahmu’. Perjuangan perwira negara tidak hanya mampu dinilai dengan binaan tugu peringatan dan baris puisi sahaja kerana nilai nyawa seorang perwira amat besar demi keamanan negara.

Keinginan kemasyhuran terhadap alam dalam puisi jelas memperlihatkan tentang penggunaan mekanisme helah bela diri *pindah gentian*, iaitu mengalihkan perasaan sebenar yang kurang disenangi kepada objek atau individu lain supaya dapat diterima oleh masyarakat merujuk kepada penghargaan serta penghormatan kepada perwira negara. Penyair Dharmawijaya mengaitkan pembinaan tugu peringatan sebagai pihak kedua dengan penghargaan terhadap titis-titis darah dan airmata perwira yang gugur

ketika peperangan. Perasaan tersebut dizahirkan melalui puisi oleh penyair untuk mencapai tahap kepuasan yang diinginkan dan dapat diterima oleh masyarakat pada ketika itu.

Penyair Dharmawijaya banyak memperkatakan tentang perjuangan dalam puisi-puisi yang dihasilkan. Selain puisi “Tugu” penyair juga menghasilkan puisi bertajuk “Di Titian Kemerdekaan” (1992, p.50) yang menjelaskan tentang kemasyhuran alam melibatan suasana dan persekitaran kemerdekaan yang dialami oleh masyarakat pada ketika itu. Penyair memberi penekanan terhadap semangat nasionalisme dalam puisi yang dihasilkan untuk menggambarkan sambutan Hari Kemerdekaan. Semangat kecintaan terhadap tanah air digambarkan dalam baris puisi ini, iaitu ‘pada tulang-tulang berserakan’, ‘darah dan derai air mata’ yang menjelaskan tentang sumbangaan perwira demi mempertahankan maruah dan kedaulatan negara. Akibat daripada perasaan yang tertekan menyebabkan berlakunya interaksi *id*, *ego* dan *superego*. Keinginan kemasyhuran terhadap alam wujud dalam diri penyair secara *id* yang cuba dipenuhi dengan bantuan *ego* menggunakan pelbagai cara yang liar dan bebas. Pada masa yang sama *superego* berperanan bagi memastikan tindakan *ego* dikawal dan penyair Dharmawijaya menzahirkan keinginan kemasyhuran terhadap alam melalui puisi agar diterima oleh masyarakat pada ketika itu.

Mekanisme helah bela diri *pindah gantian* digunakan untuk menyalurkan perasaan semulajadi *superego*. Mekanisme helah bela diri *pindah gantian* digunakan dalam puisi bagi memperlihatkan keinginan kemasyhuran terhadap alam merujuk kepada sumber alam seperti ‘angin’ dan ‘tanah air’, yang digunakan bagi menggambarkan semangat askar Melayu dan masyarakat Melayu yang bersatu menuntut kemerdekaan. Semangat patriotisme yang tinggi melalui pengalaman yang pernah dilalui menyebabkan

Dharmawijaya menghasilkan puisi yang menerangkan tentang alam perjuangan kemerdekaan. Hal ini dapat dikesan menerusi rangkap pertama puisi beliau, iaitu:

telah datang angin kemerdekaan
melambai tanah air berlagu sentosa
telah gemilang sumpah kerelaan
membelai bangsa sepanjang usia.

(Dharmawijaya, 1992, p.50)

Rangkap puisi ini menerangkan tentang suasana sambutan Hari Kemerdekaan yang disambut dengan meriah dan penuh bersemangat oleh seluruh rakyat Malaysia pada ketika itu. Suasana sambutan Hari Kemerdekaan dapat dirasakan oleh setiap warganegara yang cintakan tanah air. Kemerdekaan yang dicapai adalah hasil dari perjuangan ikhlas para pejuang terdahulu yang rela bergadai nyawa dan harta benda demi membebaskan negara daripada penjajah. Perjuangan menurut Abdul Aziz Ismail (2005, p.256) adalah saling bekerja keras bersama rakan-rakan seperjuangan, berpenat lelah dan bersusah payah, sehaluan dan bersepundapat serta bersama-sama menghadapi penderitaan demi keluhuran negara dan menyelamatkan sendi-sendinya dari musuh dan lawan. Jika seseorang itu telah melalui segalanya, maka sesungguhnya mereka adalah seorang pejuang dan pahlawan bangsa.

setiap menjelang kemerdekaan ini
bergemalah di hati anak peribumi
sejahtera bangsa menggenggam kemenangan
keramat bangsa menatang keagungan.

(Dharmawijaya, 1992, p.20)

Dalam rangkap ini, keinginan kemasyhuran dalam diri penyair digambarkan melibatkan perasaan dan semangat ketika menjelangnya sambutan Hari Kemerdekaan. Dalam rangkap ini, penyair menggunakan mekanisme helah bela diri *pindah gantian*

mengalihkan perasaan sebenar yang kurang disenangi kepada objek atau individu lain supaya dapat diterima oleh masyarakat. Hal ini dapat dilihat melalui penggantian penggunaan perkataan ‘anak peribumi’ yang dapat diterima dan tidak menyalahi nilai norma masyarakat pada ketika itu.

Peperangan yang melanda negara menyebabkan rakyat hidup dalam kesusahan kerana sumber pendapatan mereka hilang dan bagi petani hasil tanaman mereka musnah. Namun hasil daripada perjuangan pejuang-pejuang kemerdekaan mengubah nasib mereka dan kini hidup dalam keadaan selesa dan aman. Mekanisme helah bela diri *sublimasi*, iaitu menyalurkan rasa kekecewaan dan kekosongan yang dialami kepada perubahan tingkah laku yang diterima oleh masyarakat dalam bentuk yang lebih sesuai, iaitu melalui puisi. Persekitaran pada ketika itu digunakan oleh penyair dalam penghasilan puisi ini bagi melahirkan semangat perjuangan dan sikap bertanggungjawab dalam kalangan petani. Puisi yang dihasilkan oleh penyair juga dapat melahirkan rasa kepuasan dan pengajaran kepada golongan pembaca. Puisi yang dihasilkan oleh penyair Dharmawijaya mengandungi pemilihan kata yang selektif, iaitu merujuk kepada perkataan yang benar-benar sesuai sahaja dipilih dan digunakan dalam puisi bagi menggambarkan keinginan kemasyhuran terhadap insan. Asmah Hj Omar (2002, p.8) menjelaskan bahawa kesantunan bahasa bermaksud menggunakan bahasa berpandukan peraturan-peraturan tertentu. Penggunaan bahasa ini menurut beliau lagi mempunyai tujuan-tujuan tertentu dan untuk mencapai tujuan itu perlu ada peraturan tertentu. Penyair mencapai kepuasan melalui puisinya dengan cara sopan tetapi berkesan yang dikenali sebagai peraturan pragmatik, iaitu mengikut norma kehidupan masyarakat pada ketika itu.

Berdasarkan puisi yang dianalisis bertajuk “Yang Tumpah Yang Mengalir” (1974, p.37), penyair Dharmawijaya meluahkan perasaan, pengalaman dan pemikirannya pada

puisi yang dihasilkan untuk menyatakan keinginan kemasyhuran terhadap alam yang wujud dalam diri penyair. Puisi ini melibatkan penyusunan kata yang sesuai bagi mencapai kepuasan penyair. Penyair Dharmawijaya memilih persoalan alam dengan menggunakan gaya bahasa yang indah dan berkesan untuk dihayati oleh golongan pembaca dan masyarakat pada ketika itu.

Yang Tumpah Yang Mengalir

I
Pagi ini
di bawah jernih mentari
telah datang
bagai ditatang
hari kemenangan bangsa
hari kecintaan tanah air
atas nama kemerdekaan
wujud dalam keagungan
dari kudrat perjuangan
cita dan cinta
yang gigih dan membara.

(Dharmawijaya, 1974, p.37)

Penyair Dharmawijaya menghayati permasalahan hidup masyarakat yang miskin dengan penuh kesungguhan. Pengalaman yang pernah dilaluinya di kampung halamannya dinyatakan dalam bentuk puisi. Pengalaman hidup yang pernah dilalui oleh penyair melibatkan perasaan, pengalaman dan pemikiran dengan menggunakan gaya bahasa patriotik. Kesan daripada pengalaman yang dilalui oleh penyair Dharmawijaya, beliau mengalami keadaan yang tidak tenteram dalam diri menyebabkan wujud interaksi *id*, *ego* dan *superego* dalam dirinya. *Id* melahirkan keinginan kemasyhuran terhadap alam, iaitu melibatkan tekanan dalam diri yang dialami berkaitan dengan kemerdekaan negara. *Ego* cuba memenuhi keinginan *id* melalui pelbagai cara bagi mencapai kepuasan diri tanpa dikawal. *Superego* berperanan untuk mengawal *ego* bagi melakukan perubahan tingkah laku yang sesuai dan diterima oleh masyarakat pada ketika itu. Keinginan

kemasyhuran terhadap alam pada ketika itu digambarkan dalam puisinya bertajuk ‘Yang Tumpah Yang Mengalir’ (1974, p.37). Keinginan kemasyhuran terhadap alam merujuk kepada tanah air telah diolah oleh penyair dalam bentuk puisi untuk menyatakan kepada masyarakat tentang kemiskinan, pengorbanan, perjuangan dan pelbagai unsur alam yang melibatkan masyarakat petani, nelayan dan buruh. Pengalaman yang dilalui semasa di kampung halaman digunakan oleh penyair Dharmawijaya untuk menyampaikan keinginan kemasyhuran terhadap alam dengan cara berhemah dan diterima oleh masyarakat.

Penyair Dharmawijaya menggunakan mekanisme helah bela diri *represi* bagi mengalah kesedaran masyarakat agar memberi pembelaan yang sewajarnya kepada golongan petani seperti dalam baris puisi ‘pagi ini’, di bawah jernih mentari’, ‘telah datang’, dan ‘bagai ditatang’. Suasana gembira bagi menyambut Hari Kemerdekaan digambarkan oleh penyair dengan keadaan pagi hari yang indah dengan sinar mentari. Kemerdekaan yang dikecapi melambangkan kemenangan dan kecintaan bangsa yang dicapai dengan penat lelah semua pejuang Melayu membebaskan negara daripada penjajah.

ii
maka hari ini
dari dulang hati
aku dan kalian
dalam menjunjung titah
bergemalah keluhuran sumpah –
“ berkat keramat bumi dipijak
berkat tuah langit dijunjung
setia kami berpaling tidak
meski derita melanda jantung”.

(Dharmawijaya, 1974, p.37)

Menerusi bahagian kedua puisi ini, penyair Dharmawijaya menyampaikan keinginan rasa kemasyhuran terhadap alam dengan melibatkan perasaan cinta dan tidak

cepat berputus asa golongan petani di kampung halamannya. Perjalanan kehidupan memerlukan sebuah perjuangan dan kerjasama dari segi perancangan dan juga keikhlasan. Sikap setia dan rela berbakti kepada tanah menjadi jati diri masyarakat petani. Nilai kehebatan dan kesetiaan digambarkan dalam baris puisi berikut ‘dalam menjunjung titah’ dan ‘bergemalah keluhuran sumpah’. Semangat kesetiaan yang wujud dalam diri petani dapat memperlihatkan kesungguhan mereka bercucuk tanam untuk meneruskan kehidupan mereka.

Perasaan tertekan yang memberi kesan dalam diri penyair, berkaitan dengan keinginan kemasyhuran terhadap alam menyebabkan berlakunya perubahan tingkah laku yang melibatkan pengalaman yang pernah dilalui oleh penyair. Menurut A. Karim Haji Abdullah (1991, p.237), pengalaman-pengalaman hidup kita di sesuatu tempat, dalam satu-satu keadaan pada satu masa tertentu membentuk dan mempengaruhi jalan fikiran dan sikap kita. Jika diteliti, perasaan adalah pasangan dan kembar kepada fikiran. Menurutnya lagi, kita tidak boleh memisahkan fikiran daripada perasaan dan pengalaman kerana saling mendorong, saling mempengaruhi dan saling membentuk antara satu sama lain. Mekanisme helah bela diri *represi* digunakan oleh penyair bagi menyedarkan masyarakat tentang kehidupan penyair sebagaimana dalam baris puisi berikut, ‘aku dan kalian’. Baris puisi ini menggambarkan keadaan diri penyair yang mempunyai semangat nasionalisme pada ketika itu. Sokongan dan kerjasama semua pihak perlu bagi memastikan kemasyhuran kehidupan golongan petani juga dapat dibanggakan.

Mekanisme helah bela diri *pindah gantian* juga digunakan bagi menggambarkan semangat dalam diri penyair kepada pihak ketiga, iaitu kuasa pemerintah dan kuasa Tuhan menerusi rangkap puisi seperti berikut, ‘dalam menjunjung titah’, ‘bergemalah keluhuran sumpah’, ‘berkat keramat bumi dipijak’, ‘berkat tuah langit dijunjung’. Pemikiran yang

ikhlas dan jujur dapat dikesan dalam puisi penyair yang menggambarkan kekuasaan Tuhan yang dikaitkan dengan rahmat kehidupan masyarakat petani yang dapat melangsungkan kehidupan mereka untuk ke sawah dan ke kebun. Golongan petani, nelayan dan buruh yang miskin dan hidup dalam kesusahan mengharapkan kehidupan mereka dapat berubah menjadi lebih baik dalam sebuah negara yang telah merdeka. Bahar Zain (2015, p.13) puisi yang dihasilkan oleh penyair membawa nilai norma masyarakat dan bertindak dengan cara yang diizinkan. Melalui puisi, penyair Dharmawijaya berharap agar golongan petani, nelayan dan buruh yakin tentang kehidupan mereka yang akan berubah dan keluar dari belenggu kemiskinan. Perasaan *superego* yang mengawal tingkah laku penyair memberi kesan moral kepada masyarakat di kampungnya pada rangkap terakhir puisi seperti berikut:

Akan berkatalah ladang kebenaran
Akan berbicaralah muara kejujuran
Bersama lagu kemerdekaan
Yang gemuruh dilaungkan
Bahawa para nelayan bertembung gelora di samudera
Para buruh berhiba lara di kota
Para petani berserik getir di ujung desa
Antara yang telah memberi budi
Antara yang telah memberi hati-

(Dharmawijaya, 1974, p.37)

Puisi ini juga menjelaskan tentang semangat masyarakat petani yang sepenuh hati menjulang nama negara setelah negara bebas dari cengkaman penjajah. Penyair menyatakan bahawa kuasa yang ada sekarang perlu dipertahankan bagi meneruskan kesinambungan perjuangan terdahulu. Namun ada ketikanya kuasa tidak sesuai digunakan dan kita perlu mengalah, menahan perasaan dan cuba bertindak secara bijaksana. Keinginan kemasyhuran terhadap negara turut menyebabkan penyair Dharmawijaya menggunakan mekanisme helah bela diri *represi* bagi menyedarkan masyarakat tanpa dipengaruhi oleh dendam atau rasa malu bagi mencapai ketenangan

diri. Melalui baris puisi berikut, ‘setia kami berpaling tidak’, ‘meski derita melanda jantung’ menggambarkan perasaan taat setia dan sanggup menghadapi pelbagai cabaran untuk terus bercucuk tanam. Baris puisi ini menjelaskan tentang sumpah daripada golongan petani untuk terus berbakti kepada tanah. Kegiatan bertani telah menjadi darah daging dalam diri mereka untuk terus menjalankan aktiviti menanam sepanjang hayat.

Penyair telah menghasilkan sebuah puisi yang serius dan menunjukkan kesungguhan penyair dalam mengisahkan tentang kemasyhuran dan kehebatan suasana di Bandar Seri Begawan merujuk kepada puisi bertajuk “Pagi dan Malammu Seri Begawan” (1992, p. 54). Puisi ini terhasil akibat daripada rasa tertekan yang timbul dalam diri penyair dan ingin dijelaskan kepada masyarakat di sekelilingnya tentang keadaan yang dilalui ketika berada di Seri Begawan. Keinginan kemasyhuran terhadap alam kehidupan di Bandar Seri Begawan digambarkan melalui puisinya.

Pagi dan Malammu Seri Begawan

Di jendela pagi ini
Seri Begawan
telah kumata-hatikan
gerak insan asuhan waktumu
di mutiara kalbunya
menjunjung kemakrufan
di kembara syahdunya
membendung kemungkaran.

lalu di ranjang malam ini
Seri Begawan
kumimpi-lenakan
gunung pantaimu
memaut mesra memeluk setia
setiap budi
bertatah keimanan
setiap bakti
berlidahkan ketakwaan.

kini terpahat sekalung hormatku
ke jantung kota peradabanmu.

(Dharmawijaya, 1992, p.54)

Penyair Dharmawijaya menghayati tentang alam kehidupan masyarakat di Bandar Seri Begawan. Menurut Shahnon Ahmad (1994, p.74-75), tujuan utama mencipta karya sastera yang serius adalah untuk membolehkan pembaca memahami pengalaman manusia dalam segala keperihalan melalui kaedah yang menuntut kehalusan daya persepsi baik melalui emosi, imaginasi, realiti dan sebagainya. Perasaan semulajadi yang ada dalam diri penyair melahirkan interaksi *id*, *ego* dan *superego* yang menimbulkan keinginan kemasyhuran terhadap insan, iaitu *id* dalam diri penyair. *Ego* cuba memenuhi keinginan *id* dengan pelbagai tindakan yang bebas di luar kawal menyebabkan penyair mengalami tekanan dalam diri dan menggunakan *superego* untuk menghasilkan puisi yang mengandungi nilai moral masyarakat.

Penyair Dharmawijaya menuntut kesungguhan pembaca dan masyarakat untuk meneroka puisinya bagi meneliti bagaimana kehalusan dan keindahan kata yang dipilih dan dipadankan dengan pengalaman yang menjadi inti puisi beliau. Unsur kehalusan baik dari sudut bentuk, isi dan maknanya merupakan sifat utama yang membezakan puisi-puisi Dharmawijaya dengan puisi- puisi penyair lain. Menurut Ali Ahmad (1988, p.20), sifat ini berhubung rapat dengan sifat halus dan sensitiviti jiwa manusia. Dalam konteks ini, penyair mempunyai perasaan untuk mencerahkan pengalaman yang terkumpul untuk dikongsi bersama. Sumber pengalaman diperoleh daripada pengamatan terhadap masyarakat di sekitarnya atau melalui sumber-sumber lain. Sugihastuti (2002, p.2), menjelaskan bahawa karya sastera bertujuan sebagai penyataan emosi atau keadaan jiwa penyair.

Penyair Dharmawijaya merupakan seorang insan yang pernah melalui kehidupan sebagai anak petani yang mempunyai pengalaman kehidupan kampung. Pengalaman

yang pernah dilaluinya telah menyebabkan timbul rasa tertekan dalam diri yang dikaji menggunakan Teori Psikoanalisis Freud tentang keinginan rasa kemahsyuran terhadap alam. Penyair Dharmawijaya secara *represi* telah menjelaskan tentang keindahan Bandar Seri Begawan. Penyair memberikan suatu gambaran yang ikhlas dan jujur mengenai keindahan tempat tersebut. Penyair juga menjelaskan tentang kehidupan masyarakat di kawasan tersebut mempunyai keperibadian yang baik dan sentiasa menjauhi diri daripada kemungkaran. Setiap diksi dalam ayat yang digunakan oleh penyair menggambarkan keinginan kemasyhuran terhadap tempat tersebut contohnya, ‘Seri Begawan’, ‘kumimpilenakan’, ‘gunung pantaimu’. Penyair juga menjelaskan tentang kawasan yang dikenali sebagai Seri Bengawan itu merupakan satu tempat yang memberi banyak pengalaman dan kenangan dalam diri penyair. Keadaan ini dijelaskan dalam baris puisi ‘memaut mesra memeluk setia’, memperlihatkan bahawa penyair amat menyayangi dan mengagumi tempat tersebut. Penyair juga turut menjelaskan keinginan kemasyhuran terhadap alam dan rasa kekaguman beliau.

Berdasarkan analisis yang dilakukan terhadap puisi dalam kumpulan puisi *Derita Buana* (1992) didapati bahawa penyair Dharmawijaya merupakan seorang yang sedar tentang perjalanan kehidupan insan, masyarakat dan alam ketika itu. Penyair menggunakan seni kesusasteraan, iaitu puisi bagi menyatakan keinginan kemasyhuran terhadap alam yang wujud dalam dirinya menyebabkan timbul rasa tertekan. Perasaan tertekan dialami kerana penyair faham akan erti kemanusiaan dan kesusahan yang dialami oleh masyarakat petani di Kampung Derdap. Penyair Dharmawijaya merupakan salah seorang penyair yang tergolong dalam kelompok penyair yang mengerti dan mendalam tentang kehidupan secara mendalam. Puisi beliau berjudul ‘Derita Perjalanan’, mengisahkan pengalaman penyair berdepan dengan suasana kemiskinan masyarakat kampung Banggul Derdap. Sebelum ini penulis Shahnon Ahman (1966) menghasilkan

novel bertajuk *Ranjau Sepanjang Jalan* yang masyhur mengisahkan kemiskinan pesawah di Banggul Derdap menerusi watak Lahuma dan Jeha. Sebaliknya apabila penyair Dharmawijaya melihat sendiri, beliau dapat membuat perbandingan menggunakan ungkapan yang puitis. Melalui pengalaman dan pemerhatian yang pernah dilalui, penyair memperkatakan tentang kehidupan petani di Banggul Derdap. Dalam puisi “Derita Perjalanan” (Dharmawijaya, 1992, p.7), penyair menjelaskan perjalanan kehidupan petani yang dilalui oleh golongan pesawah di Banggal Derdap yang mengerjakan sawah padi dan kebun. Penyair Dharmawijaya menyatakan tentang kehidupan petani dengan jelas yang berkait rapat dengan kehidupannya sebagai seorang anak petani di Kampung Talang.

Derita Perjalanan

I
Banggul Derdap
ketika resah buminya akan kutatap
Kuala Lumpur yang kuttingalkan
terasa angin petangnya bagai membisikkan
betapa seorang ibu di kampung Talang
tunduk menampung rahsia tangis puteranya
yang kehancuran cintasayang
kelak entah di mana bakal gantinya.

Tapi engkaulah Banggul Derdap yang sepi
menarik ingin dan ranum kenangku ini
menemukan gunung lurah lembah ladangmu
dalam senyum lara petani ke degup jantungku.

(Dharmawijaya, 1992, p.7)

Ternyata kemiskinan dan penderitaan masyarakat Banggul Derdap menikam perasaan penyair dan penyair berasa amat terharu dan sedih melihatnya. Pemikiran penyair merentas perasaan anak-anak kampung di situ yang bakal besar nanti. Jiwa penyair tertumpu kepada kehidupan anak-anak petani. Kesedaran yang ada dalam jiwa penyair telah menggerakkan dirinya untuk membangkitkan semangat generasi muda

untuk terus berusaha. Kehidupan golongan muda di Banggul Derdap juga terbebani dengan masalah yang dialami oleh keluarga mereka. Penyair memahami makna kehidupan yang perlu diwarisi oleh golongan muda. Demikian penyair melahirkan rasa simpati dan terharunya:

...
kutanam simpati
ke hati anak-anakmu yang bakal mengerti
bahawa hangat darah lahuma dan jeha
kini telah menjadi mahkota lagu perkasa
marak membakar gua sengsara kebenciannya.

(Dharmawijaya, 1992, p.7)

Perasaan tertekan yang wujud dalam diri penyair berkait dengan pengalaman yang pernah dilaluinya menimbulkan perasaan tertekan menyebabkan berlaku interaksi *id*, *ego* dan *superego* dalam dirinya. Teori Psikoanalisis Freud diaplikasikan bagi menganalisis perasaan *id* dalam diri penyair yang menginginkan kesenangan dan kebahagiaan dapat dirasai oleh petani di Kampung Banggul Derdap. Masyarakat petani yang bergantung hidup pada hasil padi terpaksa menghadapi pelbagai rintangan. Bagi mengawal tindakan dalam diri, penyair menggunakan perasaan *superego* dengan menghasilkan puisi. Keinginan kemasyhuran terhadap alam di persekitarannya dinyatakan dengan jelas berkait dengan kehebatan dan keindahan alam.

Melalui puisi yang bertajuk “Derita Perjalanan” (Dharmawijaya, 1992, p.7) yang mengisahkan tentang kehidupan pesawah padi di Banggul Derdap yang sanggup mengharungi cabaran hidup yang digambarkan melalui puisi dengan ‘lurah’, ‘lembah’ dan ‘gunung’. Unsur alam diaplikasikan bagi menerangkan kesukaran hidup yang dilalui oleh golongan pesawah di Banggul Derdap. Keinginan kemasyhuran terhadap alam dinyatakan oleh penyair dalam puisi bagi menjelaskan kekuatan yang luar biasa dan halangan yang cukup mencabar dapat dilalui oleh pesawah di Banggul Derdap. Unsur

alam digunakan penyair Dharmawijaya bagi menggambarkan maksud tersirat dalam diri. Mekanisme helah bela diri *pindah gantian* digunakan bagi mengalihkan perasaan sebenar yang kurang disenangi tentang kehidupan golongan petani yang dikaitkan dengan ‘lurah’, ‘lembah’ dan ‘gunung’, merupakan kawasan yang sukar dilalui kerana permukaan yang curam dan kasar yang dikaitkan oleh penyair dengan kehidupan masyarakat petani di Banggul Derdap pada ketika itu. Puisi yang dihasilkan oleh Dharmawijaya bertajuk “Derita Perjalanan” (1992, p.7) mengandungi susunan bahasa yang indah yang dapat dihubungkait dengan kehidupan masyarakat pada ketika itu yang disampaikan melalui perasaan, pengalaman dan pemikiran. Secara jelas puisi ini merupakan suatu interpretasi tentang kehidupan sebenar yang berlaku dalam masyarakat petani berkaitan hasil tanaman mereka.

Penyair Dharmawijaya melalui puisinya juga membakar semangat golongan petani agar berusaha bersungguh-sungguh bagi mendapatkan kejayaan dalam menghadapi cabaran hidup. Segala yang diperkatakan dalam puisi oleh penyair berkaitan dengan pengalaman yang pernah dilalui. Rolf Ekman (1960, p.84), “...*the emotional meaning of the structure should thus be strengthened by the meaning of what is represented. ...On the contrary, the reproducing a facial expression or a situation or event a certainly a more reliable means of expressing their feeling*” menjelaskan bahawa bahasa dalam sastera digunakan bagi menggambarkan perasaan, persekitaran dan pemikiran yang sesuai dengan keinginan bagi mencapai kepuasan dalam diri. Pemikiran penyair Dharmawijaya menjelaskan sikap prihatin beliau terhadap kehidupan masyarakat petani. Kehidupan petani miskin di Banggul Derdap dikaitkan dengan pengalaman hidup penyair di Kampung Talang yang memberi kesan terhadap diri penyair melalui kehidupannya.

5.6 Rumusan

Puisi-puisi yang dihasilkan penyair Dharmawijaya dianalisis menggunakan Teori Psikoanalisis Freud bagi melihat dari sudut keinginan kemasyhuran. Dharmawijaya merupakan seorang penyair yang amat peka dan dapat melakukan penghayatan semula terhadap isu-isu berkaitan insan, masyarakat dan alam yang pernah dilalui. Penyair Dharmawijaya banyak meluahkan tentang pergalaman hidupnya sebagai anak petani di kampungnya dan kehidupannya di bandar. Pengalaman yang dilalui menyebabkan wujudnya rasa tertekan dalam diri yang melibatkan interaksi *id*, *ego* dan *superego*. Perasaan tertekan yang dialami menyebabkan timbul keinginan kemasyhuran, iaitu *id* yang ingin dicapai dalam diri penyair. *Ego* bertindak untuk memenuhi keinginan *id* yang wujud dalam diri penyair dengan pelbagai cara. Pasa masa yang sama *superego* berperanan bagi memastikan rasa keinginan yang wujud dalam diri melibatkan nilai norma masyarakat pada ketika itu. Perubahan tindak balas yang diinginkan *superego* disampaikan menggunakan mekanisme helah bela diri, iaitu *represi*, *sublimasi* dan *pindah gantian* melalui puisi yang dihasilkan oleh penyair berkaitan keinginan kemasyhuran.

Keinginan kemasyhuran terhadap insan, masyarakat dan alam dalam puisi terpilih Dharmawijaya banyak mengisahkan tentang kehidupan petani, buruh di bandar dan wira negara. Selain daripada itu, penyair Dharmawijaya melontarkan pemikirannya berkaitan dengan pengorbanan golongan petani kepada masyarakat di sekelilingnya. Penyair juga memaparkan perasaan kagum terhadap perjuangan golongan perwira negara yang terkorban bagi membebaskan negara daripada penjajah. Puisi yang dihasilkan merupakan wadah yang boleh dimanfaatkan oleh individu lain untuk berfikir dan dijadikan pengalaman. Melalui perasaan, pengalaman dan pemikiran yang tertekan, melahirkan daya kreativiti dalam diri penyair Dharmawijaya. Golongan pembaca dan masyarakat

yang dapat menghayati puisi beliau akan turut merasai apa yang dirasai oleh penyair dalam memperkatakan tentang keinginan kemasyhuran terhadap insan, masyarakat dan alam.

BAB 6: KESIMPULAN

Kajian yang telah dilakukan terhadap puisi terpilih Dharmawijaya telah menghasilkan beberapa penemuan daripada penelitian terhadap puisi terpilih yang dihasilkan oleh penyair Dharmawijaya dengan menggunakan Teori Psikoanalisis Freud. Kajian dilakukan berkaitan dengan keinginan rasa cinta, kehormatan dan kemasyhuran yang wujud dalam diri penyair. Dharmawijaya merupakan salah seorang penyair yang masyhur di tanah air kerana telah menghasilkan banyak puisi sejak tahun 1960-an lagi. Selain itu, kemampuan beliau dalam menyatakan keinginan rasa cinta, kehormatan dan kemasyhuran terutamanya terhadap masyarakat petani, nelayan dan buruh dalam puisi sangat jelas dan puitis. Puisi-puisi yang dihasilkan mengandungi perasaan, pengalaman dan pemikiran yang menggambarkan daya kreativiti tersendiri. Penyair Dharmawijaya mempunyai ketajaman fikiran dalam mengamati kehidupan yang pernah dilalui ketika bersama masyarakat di kampung kelahirannya. Hal ini dapat dilihat dengan jelas dalam puisi terpilih yang dihasilkan oleh beliau.

Penyair melahirkan kecenderungan pemikiran yang cukup mantap tentang cabaran, kemiskinan dan kesusahan masyarakat petani, nelayan dan buruh bagi pembangunan idea dalam puisi yang dihasilkan melalui pengalaman yang pernah dilalui. Penyair lebih banyak memperkatakan perihal masyarakat petani di kampung halamannya secara jelas berhubungan dengan keinginan yang berlaku dalam dirinya. Penerapan Teori Psikoanalisis Freud yang memperlihatkan keinginan dalam diri yang melibatkan rasa cinta, kehormatan dan kemasyhuran lahir melalui penghayatan terhadap pengalaman yang pernah dilalui menjadi kelebihan pada puisi penyair Dharmawijaya.

Puisi yang dihasilkan oleh penyair Dharmawijaya telah diterbitkan dalam bentuk kumpulan puisi, iaitu *Warna Maya* (1974), *Derita Buana* (1992), *Jejak Kembara* (1999)

dan *Mutiara Kenangan* (2006). Kumpulan puisi *Mutiara Kenangan* (2006) merupakan himpunan puisi sebelumnya yang dikeluarkan di dada akhbar dan majalah. Menurut Abdul Razak Mohd Kassim (2000, p.275), Dharmawijaya lebih dikenali sebagai penyair angkatan enam puluhan kerana banyak puisi telah dihasilkannya pada waktu itu. Kebanyakan puisi terpilih yang dihasilkan dalam empat kumpulan puisi tersebut menggambarkan tentang corak kehidupan masyarakat yang miskin terutama masyarakat petani di kampung halamannya yang hidup dalam kemiskinan dan serba kekurangan. Masyarakat petani, nelayan dan buruh bergantung hidup sepenuhnya dengan kudrat tenaga tulang empat kerat untuk bekerja dan mencari rezeki bagi menyara kehidupan ahli keluarga mereka. Daya penghayatan Dharmawijaya yang cukup tinggi dan mantap terhadap kehidupan masyarakat di sekelilingnya mewujudkan kesan positif dalam memperkatakan tentang keinginan rasa cinta, kehormatan dan kemasyhuran. Kesan ini lebih jelas dan berfokus apabila diterapkan menggunakan Teori Psikoanalisis Freud bagi membincangkan tentang keinginan dalam diri penyair Dharmawijaya.

Puisi terpilih hasilan penyair Dharmawijaya dikaji menggunakan Teori Psikoanalisis Freud bagi mengesan keinginan yang wujud dalam diri penyair yang melibatkan interaksi perasaan semulajadi, iaitu *id*, *ego* dan *superego*, pengalaman dan mekanisme helah bela diri. Ketiga-tiga disiplin Teori Psikoanalisis Freud yang dinyatakan digunakan secara serentak untuk menggambarkan pemikiran penyair dalam karya puisi terpilih yang dihasilkannya. Dalam kajian ini, disiplin Teori Psikoanalisis Freud dapat mengesan keinginan rasa cinta, kehormatan dan kemasyhuran yang ada dalam puisi yang dianalisis. Penyair Dharmawijaya mempunyai daya penghayatan yang tajam terhadap peristiwa yang pernah dialami melibatkan perasaan, pengalaman dan pemikirannya. Dalam kajian ini, mekanisme helah bela diri *represi*, *sublimasi* dan *pindah gantian* digunakan untuk menyalurkan keinginan dalam puisi yang dihasilkan oleh

penyair dengan penggunaan diksi, nada, rima dan gaya bahasa yang indah. Dalam konteks ini, bahasa memainkan peranan yang penting untuk memperlihatkan keinginan yang wujud dalam puisi.

Pengalaman lepas yang dialami secara realiti bersumberkan pergolakan hidup masyarakat setempat dan alam menjadi aset penting bagi Dharmawijaya menghasilkan sesebuah puisi. Peristiwa yang pernah dilalui menimbulkan perasaan kerisauan dan tertekan melahirkan keinginan dalam diri yang tidak kesampaian. Keinginan rasa cinta, kehormatan dan kemasyhuran yang tidak dapat dicapai pada ketika itu disalurkan melalui puisi bagi mencapai kepuasan dalam diri. Bentuk budaya kehidupan serta persekitaran memberi nafas kepada penyair terutama bagi melahirkan idea dan kreativiti dikaitkan dengan kehidupan dan alam. Hal ini demikian kerana pengalaman penyair membentuk perasaan dan pemikiran bagi mencapai kepuasan dalam diri melalui puisi yang dihasilkan menggunakan mekanisme helah bela diri. Puisi yang dihasilkan oleh Dharmawijaya merupakan pandangan hidupnya, berdasarkan persepsi dan kebenaran peristiwa yang berlaku di sekelilingnya dan adakalanya pengalaman yang ada untuk dikongsikan bersama khalayak pada ketika itu. Hal ini dianggap sebagai pengorbanan peribadi yang luhur dilakukan oleh Dharmawijaya bagi mencapai kepuasan dalam diri. Setiap permasalahan petani di kampung penyair digarap dengan teliti walaupun persoalan hanyalah perkara yang kecil tetapi amat memberi kesan yang besar kepada penyair.

Teori Psikoanalisis Freud dapat memperlihatkan hubungan interaksi perasaan semulajadi yang wujud dalam diri penyair, iaitu *id*, *ego* dan *superego*. *Id* merupakan perasaan semulajadi dalam diri yang lahir akibat daripada rangsangan luaran yang mewujudkan perasaan tertekan dan keinginan dalam diri penyair. Peranan *ego* yang wujud dalam diri cuba memenuhi keinginan *id* dengan pelbagai tindakan liar yang di luar

kawal. Sementara itu, *superego* pula bertindak untuk mengawal tingkah laku *ego* dengan cara yang terbaik dan diterima oleh masyarakat pada ketika itu. Interaksi perasaan semulajadi yang wujud dalam diri penyair Dharmawijaya disampaikan menggunakan mekanisme helah bela diri *represi*, *sublimasi* dan *pindah gantian* bagi mencapai kepuasan dalam diri melalui puisi yang dihasilkan. Keinginan rasa cinta, kehormatan dan kemasyhuran yang terdapat dalam puisi terpilih Dharmawijaya dianalisis menggunakan Teori Psikoanalisis Freud. Puisi terpilih Dharmawijaya yang dianalisis menawarkan sesuatu yang kompleks melibatkan unsur tindak balas, moral dan idea. Penghayatan yang mendalam terhadap puisi dan pemahaman yang baik dapat dikaitkan dengan keinginan penyair yang menggambarkan pergolakan dalam diri yang dihadapi.

Penyair Dharmawijaya berjaya menawan minat pembaca dengan susunan kata yang puitis yang disusun dengan indah melalui puisi yang dihasilkannya. Penyair mempunyai kelebihan tersendiri dalam mengadun pengalaman yang pernah dilalui dengan pemikiran yang digarap dengan halus dan berkesan dalam puisi yang dihasilkan. Oleh itu, pembaca dapat menghayati puisi Dharmawijaya sebagai wadah penyampaian keinginan dan fikiran yang tersusun dengan cara teratur dan kemas. Penyair Dharmawijaya telah menyusun setiap kata-kata dengan baik dan tersusun untuk membina makna yang berkesan bagi memenuhi keinginan yang ada dalam diri. Puisi yang dihasilkan Dharmawijaya secara tidak langsung telah mengungkapkan keinginan hidup beliau seperti, dalam puisi bertajuk “Warna Maya”.

Puisi yang dihasilkan oleh penyair Dharmawijaya melontarkan pemikiran terhadap insan, masyarakat dan alam melibatkan kenyataan, kebenaran dan kejujuran. Perasaan yang ada dalam diri penyair melibatkan keinginan rasa cinta terhadap insan, iaitu kehidupan yang pernah dilalui oleh ibu dan ayahnya sebagai pesawah yang hidup dalam

kemiskinan dan bergantung hidup sepenuhnya dengan hasil padi dan sayur yang ditanam. Petani yang menanam padi merupakan salah satu kelompok luar bandar yang mengalami kadar kemiskinan yang tegar dan berdapatkan rendah yang lebih buruk pada awal kemerdekaan. Ternyata melalui puisi, penyair Dharmawijaya telah meluahkan keinginan rasa cintanya melibatkan rasa cinta terhadap insan bagi mencapai kepuasan diri. Dharmawijaya meluahkan segala perkara yang dialami dan dilihat dalam bentuk puisi bagi mencapai kepuasan dalam diri melibatkan keinginan yang tidak dapat dicapai sebelum ini.

Keinginan rasa cinta yang wujud dalam puisi ciptaan Dharmawijaya merupakan hasil karya sastera sebagai suatu ciptaan seni dan dikaitkan dengan unsur kejiwaan dan kehidupan manusia. Naluri tersebut melibatkan rasa suka dan sikap ambil tahu tentang sesuatu objek atau jasad. Keinginan rasa cinta terhadap insan telah lahir akibat daripada suatu perkara yang dihayati melalui rasa kecintaan dalam diri. Dengan kuasa Allah Maha Pencipta, maka telah mencipta manusia dengan sifat yang sempurna melibatkan nafsu dan keinginan. Teori Psikoanalisis Freud ialah satu sistem psikologi yang mengkaji kehidupan bawah sadar dan manifestasinya. Melalui tekanan perasaan yang dialami oleh penyair Dharmawijaya terhadap keinginan rasa cinta tersebut telah melahirkan daya kreatif dalam jiwynya dan menggunakan ilmu kesenian bahasa yang dimilikinya bagi menghasilkan karya puisi. Penyair Dharmawijaya membawa pemikiran tentang keinginan rasa cinta terhadap insan melalui susunan kata dalam puisi yang dihasilkan secara kreatif dan mampu mengajak pembaca menghayati puisi yang dihasilkan dengan tekun dan penuh penghayatan. Keinginan rasa cinta terhadap insan, masyarakat dan alam yang lahir dalam puisi Dharmavijaya menjurus kepada kehidupan masyarakat petani. Pekerjaan yang dilakukan, rasa susah payah yang dialami dan keadaan persekitaran ketika itu telah menimbulkan keinginan rasa cinta terhadap insan, walaupun melibatkan rasa

benci, sedih dan marah. Rasa cinta terhadap kehidupan sebagai petani miskin telah memberi banyak pengajaran dan pengalaman bermakna bagi diri penyair Dharmawijaya untuk terus berpuisi bagi memperjuangkan nasib golongan susah seperti petani.

Penyair mempunyai keinginan rasa cinta terhadap masyarakat agar tidak ketinggalan dan terus memperjuangkannya secara bersama untuk menjadi petani yang berjaya. Penyair Dharmawijaya begitu prihatin dalam menyentuh setiap sudut kehidupan masyarakat petani di kampung dan masyarakat buruh di bandar. Penyair Dharmawijaya menggambarkan kesusahan yang dialami dalam proses perubahan masa dan konflik yang dihadapi bagi meneruskan kehidupan. Penyair Dharmawijaya telah menyatakan pemikiran dan isi hati beliau secara jujur sejajar dengan kehidupan masyarakat ketika itu dengan segala persoalan dan cabaran yang dihadapi. Perkembangan sektor pertanian dianggap penting oleh masyarakat di kampung kelahiran penyair bagi membantu kelangsungan hidup golongan miskin pada era tujuh puluhan dan lapan puluhan. Perkerjaan seperti besawah, berkebun sayur dan menjadi nelayan merupakan pekerjaan utama masyarakat di Kampung Talang pada ketika itu. Golongan miskin yang tinggal di bandar-bandar besar pula dikaitkan dengan pekerjaan sebagai buruh bagi mereka yang tidak berpendidikan. Pengalaman kehidupan yang pernah dilalui oleh penyair ketika itu telah memberi kesan kejiwaan terhadap dirinya bagi mengungkapkan keinginan rasa cinta terhadap masyarakat berkaitan permasalahan kehidupan golongan petani, nelayan dan buruh yang hidup miskin.

Kehidupan masyarakat petani, nelayan dan buruh juga dapat dikaitkan dengan keinginan rasa cinta terhadap alam melalui puisi yang dihasilkan oleh penyair Dharmawijaya. Puisi “Kampung Talang” merupakan puisi yang popular dan memperlihatkan kekuatan bahasa yang digunakan yang melibatkan perasaan cintakan

desa dan kampung halaman. Melalui susunan bahasa yang indah, penyair Dharmawijaya sering menzahirkan kehidupan masyarakat petani dalam puisinya dengan mewujudkan persoalan masalah kemiskinan yang bermodalkan keringat dan segala kepincangan. Golongan petani digambarkan oleh penyair dengan segala kejujuran dan penderitaan yang memilukan. Latar kehidupan masyarakat petani Kampung Talang banyak mencabar pemikiran penyair Dharmawijaya agar permasalahan masyarakat tidak terhenti di situ sahaja.

Penyair Dharmawijaya mempunyai penguasaan bahasa yang baik sehingga dapat menyentuh naluri dan membangkitkan semangat terhadap golongan pembaca dan masyarakat di sekelilingnya pada ketika itu. Keinginan rasa cinta terhadap alam yang dizahirkan dengan kreatif oleh penyair Dharmawijaya menyebabkan wujudnya keinginan rasa cinta walaupun disampaikan dalam keadaan rasa tidak suka, marah atau kecewa.

Sementara itu keinginan rasa kehormatan yang ada dalam diri penyair mempunyai hubungan secara pragmatis, iaitu melibatkan perhubungan antara satu sama lain yang bertujuan untuk memenuhi keperluan dalam kehidupan. Penyair Dharmawijaya menginginkan sesuatu yang terbaik bagi mencapai kepuasan hidup. Puisi penyair Dharmawijaya yang dihasilkan mengandungi maksud tersirat dan tersurat. Keinginan rasa kehormatan cuba diperjelaskan oleh penyair melalui puisi melibatkan keinginan rasa kehormatan terhadap insan, masyarakat dan alam. Merujuk kepada Teori Psikoanalisis Freud, keinginan yang belum dicapai oleh penyair seperti rasa kehormatan terhadap insan, masyarakat dan alam menjadi tekanan dalam diri yang berlaku secara bawah sedar. Keadaan seperti ini telah menyebabkan penyair Dharmawijaya menghasilkan puisi bagi tujuan untuk mencapai keinginan atau ruang untuk keluar dari tekanan dalam diri yang dialami melibatkan keinginan rasa kehormatan.

Penyair Dharmawijaya menghasilkan puisi yang menpunyai sifat tersendiri yang merujuk kepada insan, masyarakat dan alam kehidupan khususnya golongan petani. Puisi terpilih Dharmawijaya memiliki binaan bentuk istimewa yang tersendiri yang melibatkan penggunaan bahasa dan lontaran pemikiran yang bersahaja sesuai sebagai puisi moden. Penelitian yang dilakukan terhadap puisi-puisi Dharmawijaya yang terpilih dan dapatan hasil kajian menunjukkan terdapat perkaitan antara puisi dengan keinginan bawah sedar melibatkan rasa kehormatan. Perkaitan yang erat dapat dikesan merangkumi disiplin Teori Psikoanalisis Freud, iaitu mekanisme helah bela diri *represi*, *sublimasi* dan *pindah gantian* bagi menyampaikan keinginan yang wujud dalam diri penyair.

Penyair menyatakan keinginan rasa kehormatan terhadap insan berkaitan dengan diri, keluarga dan individu tertentu berkaitan kemiskinan dan cabaran kehidupan yang dihadapi. Segala permasalahan disampaikan dalam bentuk puisi agar diberi perhatian dan penghormatan oleh pihak bertanggungjawab. Penyair Dharmawijaya menyatakan bahawa keinginan rasa kehormatan terhadap insan melibatkan usaha yang dilakukan oleh ibu bapanya yang menggunakan kudrat tenaga tulang empat kerat untuk mencari rezeki bagi menyara keluarga. Penyair Dharwijaya yang pernah turun ke sawah menanam padi meluahkan perasaannya agar masyarakat luar dapat memberi penghormatan kepada golongan pesawah padi yang bekerja dengan bertungkus lumus menghasilkan beras untuk keperluan seluruh masyarakat pada ketika itu. Terdapat puisi-puisi yang dihasilkan Dharmawijaya mengandungi rasa protes dan tidak puas hati melibatkan layanan yang diterima oleh golongan miskin seperti petani, nelayan dan buruh. Penyair menerangkan tentang harapan dan perjuangan golongan tertentu terutamanya petani untuk berganjak kepada kehidupan yang lebih selesa bagi mendapatkan penghormatan daripada masyarakat lain.

Walaupun penyair Dharwijaya merupakan penyair yang berpendidikan, beliau sebenarnya merupakan pemikir bangsa sejati terutama sebagai pejuang bagi masyarakat petani. Penyair turut menyatakan tentang pergolakan kehidupan petani. Secara *represi* penyair menjelaskan keinginan rasa kehormatan terhadap masyarakat petani dengan jujur dan ikhlas tanpa kepentingan pihak tertentu. Sikap keprihatinan beliau disampaikan dengan nada sedih dan sinis dengan merasakan dirinya turut terlibat dalam mengangkat kehormatan masyarakat petani. Penyair Dharmawijaya menjadikan pengalaman kehidupannya bersama keluarga di kampung halaman sebagai bahan utama yang disampaikan dalam puisi-puisi beliau dengan penuh harapan dan kejujuran. Segala yang disampaikan oleh penyair merupakan keinginan dalam diri tanpa mengharap balasan daripada mana-mana pihak bersesuaian dengan disiplin Teori Psikoanalisis Freud. Penyair Dharmawijaya berharap supaya masyarakat petani dapat melakukan perubahan dengan bekerja bersungguh-sungguh agar anak-anak mereka berjaya menjadi seorang yang berjaya dan dihormati.

Penyair Dharmawijaya memiliki jiwa seni sehingga beliau mampu menginterpretasikan kehidupan masyarakat petani dalam bentuk puisi. Dharmawijaya sedar tentang pentingnya memperjuangkan kehidupan masyarakat petani miskin yang pernah dilalui bagi memujuk masyarakat luar agar memberi perhatian dengan menghulurkan bantuan yang sewajarnya. Penyair Dharmawijaya juga berkeinginan menyatakan keinginan rasa kehormatan dengan kehidupan di kampung kelahirannya bagi menikmati keselesaan hidup seperti masyarakat lain. Perubahan tingkah laku turut berlaku dalam diri penyair merujuk kepada penghasilan puisi yang berkait dengan kesedaran dan perjuangan. Dharmawijaya merupakan seorang pemikir bangsa yang membela nasib kaum petani dan serta bangsanya. Pemikiran yang dilontarkan melibatkan harapan yang tegas tetapi mempunyai tujuan bagi mendidik supaya masyarakat yang

miskin terutamanya petani tetap meneruskan perjuangan bagi meneruskan kelangsungan hidup. Puisi yang berjaya dihasilkan oleh penyair Dharmawijaya dapat memberi kepuasan bagi diri penyair dalam memenuhi keinginan rasa kehormatan terhadap masyarakat yang ada dalam diri. Dharmawijaya menjadikan bahasa sebagai alat untuk memindahkan pengalaman jiwanya berkaitan dengan perasaan dan fikiran dalam dirinya. Bahasa yang digunakan oleh penyair Dharmawijaya adalah bersahaja dan ringkas tetapi mengandungi mesej yang padat dan menerapkan keinginan rasa kehormatan bawah sedar yang menerangkan maksud sebenar yang ada dalam jiwa penyair.

Penyair Dharmawijaya menggunakan pengalaman sedia ada dalam diri bagi melontarkan pemikiran dan keinginan rasa kehormatan terhadap alam. Kepuasan dapat dicapai dengan terhasilnya puisi yang menjadi wadah kehidupan penyair Dharmawijaya. Melalui analisis ini, jelas terbukti bahawa penguasaan penghayatan terhadap pengalaman lepas bawah sedar Dharmawijaya dengan susunan bahasa mantap dan indah telah berjaya memaparkan pemikiran serta keinginan rasa kehormatan terhadap alam. Objek-objek yang menjadi unsur alam turut wujud dalam puisi-puisi yang dihasilkan penyair Dharmawijaya bagi menggambarkan keinginan rasa kehormatan yang wujud dalam diri. Secara jelas dengan penghayatan terhadap pengalaman kehidupan yang pernah dilalui, penyair dapat mengeksplorasi secara berkesan berkaitan dengan alam kehidupan di sekelilingnya bagi menjelaskan keinginan bawah sedar yang ada dalam diri dalam bentuk puisi. Objek alam seperti sawah, bukit, haiwan dan sungai digunakan oleh penyair Dharmawijaya bagi meluahkan perasaan tertekan yang dialami. Keinginan melalui pemikiran yang kreatif telah dapat meninggalkan kesan kepada golongan pembaca dan masyarakat yang berjaya menghayati puisi beliau yang melibatkan keinginan rasa kehormatan terhadap alam.

Keinginan rasa kemasyhuran yang wujud ini melibatkan perasaan semulajadi *id*, *ego* dan *superego* yang disampaikan menggunakan mekanisme helah bela diri. Puisi yang dihasilkan oleh penyair Dharmawijaya berkaitan dengan keinginan kemasyhuran yang merujuk kepada hakikat yang berlaku terhadap sesuatu objek dan keinginan dalam diri bagi sesuatu kejadian yang lebih hebat dan berjaya. Keinginan kemasyhuran juga boleh dikaitkan dengan sesuatu yang istimewa dan dapat diterima oleh masyarakat umum. Puisi pilihan penyair Dharmawijaya yang dianalisis menggunakan Teori Psikoanalisis Freud menampakkan penyair Dharmawijaya sebagai individu atau manusia *introvert* yang berada dalam keadaan bawah sedar dan suka mereka atau mengilhamkan semula fantasi berdasarkan pengalaman yang pernah dilalui. Keadaan sebegini melibatkan keinginan yang baru wujud dalam diri penyair berhubung sesuatu peristiwa ketika itu yang menjadi tekanan dalam diri penyair. Semasa berada dalam keadaan bawah sedar, penyair Dharmawijaya mengalami tekanan yang berkait dengan pengalaman yang pernah dilalui bagi memenuhi keinginan dalam diri seperti kemasyhuran terhadap kehidupan petani di kampung kelahirannya. Keinginan rasa kemasyhuran yang terdapat dalam puisi Dharmawijaya dianalisis bagi mengesan sejauh mana keinginan ini menjadi dorongan dalaman yang diluahkan menggunakan mekanisme helah bela diri seperti *represi*, *sublimasi* dan *pindah gantian* yang sering diguna pakai dalam puisi beliau. Bagi penyair Dharmawijaya dengan cara berpuisilah dirinya dapat memberi ketenangan dan mengurangkan rasa tertekan dalam diri.

Sejak mula terlibat dalam bidang puisi, Dharmawijaya membentuk dirinya sebagai penyair yang sentiasa memelihara keindahan bahasa yang mengandungi rima. Penyair Dharmawijaya juga turut menyuarakan keinginan rasa kemasyhuran terhadap insan yang melibatkan diri penyair sendiri, ibu bapa dan individu tertentu. Sementara itu segala maklumat yang melibatkan keistimewaan golongan miskin seperti petani digambarkan

melibatkan sikap jati diri yang ada dalam diri penyair dan ibu bapanya. Hasil tanaman yang ditanam digambarkan sebagai hasil yang masyhur dan menjadi pilihan masyarakat di sekitarnya. Penyair Dharmawijaya meluahkan keinginan rasa kemasyhuran terhadap insan dengan begitu indah, mengusik jiwa dan perasaan yang mewujudkan pemikiran yang bernalas. Struktur dan bentuk puisinya terbina dengan ciri-ciri yang istimewa dengan pemilihan diksi yang baik bagi menggambarkan rasa kemasyhuran. Keistimewaan yang terdapat pada puisi Dharmawijaya, iaitu mengandungi makna yang mendalam melibatkan keinginan rasa kemasyhuran dan melibatkan maksud-maksud dasar yang terbina pada puisi yang dihasilkannya. Nilai keistimewaan yang terdapat pada puisi yang dihasilkan melibatkan pengalaman yang pernah dilalui sebagai petani dengan pengisian keinginan diri. Ciri-ciri khusus istimewa yang terdapat pada petani diluahkan bagi menggambarkan keinginan rasa kemasyhuran terhadap insan dengan susunan kata yang disusun dengan indah.

Keinginan rasa kemasyhuran terhadap masyarakat juga lahir dalam puisi terpilih Dharmawijaya yang melibatkan kecenderungan yang terarah dan mantap. Penyair Dharmawijaya telah mencernakan sebaik mungkin permasalahan tentang kemiskinan dan cabaran yang dihadapi oleh masyarakat. Pengalaman kehidupan yang dimiliki di kampung kelahirannya menimbulkan keinginan rasa kemasyhuran terhadap masyarakat petani yang melibatkan berbagai-bagai peristiwa. Penyair Dharmawijaya turut menjelaskan perihal tentang kemasyarakatan terutamanya petani yang masyhur sebagai masyarakat yang kuat berusaha. Golongan pembaca dan masyarakat didedahkan dengan aspek kesusahan dan kemiskinan yang dialami oleh masyarakat petani yang cekal dan tabah menghadapi cabaran. Perasaan tertekan yang dialami dalam diri penyair telah menyebabkan wujudnya keinginan rasa kemasyhuran terhadap masyarakat petani berdasarkan pengalaman yang pernah dilalui dalam mengusahakan sawah dan kebun

sayur. Seterusnya idea yang wujud tersebut diadun dengan penerapan mekanisme helah bela diri melalui susunan kata yang kreatif bagi membentuk sebuah puisi. Pengorbanan yang dilakukan oleh golongan petani kepada masyarakat luar dianggap sebagai tidak mengharapkan sebarang balasan kerana segala yang dilakukan merupakan jati diri petani yang ikhlas dan jujur. Pengkaji mendapati penyair Dharmawijaya menghasilkan dan menyuarakan keinginan hidupnya semata-mata bagi memaparkan pengorbanan, pandangan hidup, kebenaran dan kejujuran kepada golongan pembaca serta masyarakat di sekelilingnya. Penyair Dharmawijaya berusaha dengan gigih untuk menyatakan keinginan rasa kemasyhuran dan pemikiran beliau terhadap kehidupan masyarakat petani melibatkan pelbagai persoalan sehingga golongan petani berjaya melahirkan tokoh pemimpin yang berjaya dalam kalangan mereka.

Persoalan alam dengan kepenyairan tidak dapat diabaikan. Penyair Dharmawijaya seperti memberi penghayatan yang khusus merujuk kepada kehidupan masyarakat petani. Alam yang menjadi objek dalam penghasilan puisi ternyata menjadi sumber penting terhadap golongan petani bagi meneruskan kehidupan. Puisi yang dihasilkan oleh penyair Dharmawijaya dapat menggambarkan bagaimana golongan petani yang bergantung hidup pada alam telah memanfaatkan segala sumber bagi meneruskan kehidupan keluarga dan masyarakat yang sangat mencabar. Oleh yang demikian, puisi-puisi yang dianalisis memberikan gambaran realiti dan juga sebagai ‘cerminan’ perasaan dan keinginan rasa kemasyhuran terhadap alam yang wujud dalam diri penyair merujuk kepada nilai hidup serta ‘*would-view*’ masyarakat petani Melayu pada ketika itu. Analisis yang dilakukan berkaitan dengan keinginan rasa kemasyhuran dan melibatkan penelitian terhadap bentuk, gaya pemikiran dan susunan kata yang menjurus kepada masyarakat petani di kampung kelahiran penyair serta dikaitkan dengan alam di sekelilingnya. Perkaitan keinginan rasa kemasyhuran terhadap alam yang diluahkan oleh penyair Dharmawijaya melalui puisi

merangkumi aspek pekerjaan, kehidupan sosial dan ekonomi serta semangat juang yang ada dalam jiwa penyair dan masyarakat pada ketika itu. Persekutaran terhadap alam seperti bukit, sawah, sungai dan haiwan mempunyai perkaitan yang erat dengan kehidupan masyarakat petani bagi menggambarkan keinginan rasa kemasyhuran. Masyarakat petani memperjuangkan nasib mereka kepada alam dan diibaratkan sebagai pengembara untuk meneruskan kehidupan.

Teori Psikoanalisis Freud yang dipilih melibatkan perasaan semulajadi yang ada dalam diri *id*, *ego* dan *superego* yang mempunyai hubungan yang erat antara satu sama lain. Tekanan yang wujud dalam diri ini akan diselesaikan secara *superego* dengan berlakunya perubahan tingkah laku yang sebaiknya bagi mencapai kepuasan keinginan akibat daripada perasaan tertekan. Kepuasan keinginan terhadap rasa kecintaan, kehormatan dan kemasyhuran yang terdapat dalam puisi penyair Dharmawijaya dicapai melalui mekanisme helah bela diri, iaitu *represi*, *sublimasi* dan *pindah gantian*. Ketiga-tiga mekanisme helah bela diri digunakan secara berasingan dan bersama bagi melihat sejauh mana pengalaman sedia ada dalam diri penyair berjaya diaplikasikan dalam puisi. Dalam analisis ini, ketiga-tiga keinginan rasa kecintaan, kehormatan dan kemasyhuran digunakan bagi mengkaji puisi-puisi Dharmawijaya menggunakan Teori Psikoanalisis Freud. Ternyata hasil dapatan analisis mendapati bahawa puisi terpilih yang dihasilkan oleh Penyair Dharmawijaya ini menepati pendekatan Teori Psikoanalisis Freud bagi mengkaji keadaan bawah sedar, keinginan dalam diri dan helah bela diri. Mekanisme helah bela diri yang terdapat dalam Teori Psikoanalisis Freud membolehkan analisis dilakukan dengan lebih maksimum berdasarkan objektif kajian.

Penyair Dharmawijaya merupakan individu yang bersifat jujur dan ikhlas dalam menyatakan keinginan yang wujud akibat daripada tekanan yang ada dalam diri.

Keinginan terhadap rasa cinta, kehormatan dan kemasyhuran merupakan keinginan yang selalu diperkatakan dalam puisi Dharmawijaya. Segala isu semasa yang berlaku diolah sebaik mungkin dengan susunan bahasa yang dapat menyentuh naluri bagi melahirkan rasa sedih, simpati, derita dan sakit hati yang dihadapi oleh insan, masyarakat dan alam. Pengalaman yang dilalui oleh penyair Dharmawijaya memainkan peranan yang penting bagi memastikan beliau dapat berpuisi dengan penuh penghayatan bagi mewujudkan keinginan dalam diri penyair.

Mekanisme helah bela diri *represi*, *sublimasi* dan *pindah gantian* berjaya diaplikasikan oleh penyair Dharmawijaya dalam melontarkan keinginan-keinginan dalam puisi beliau. Mekanisme helah bela diri *represi* dapat diaplikasikan dalam puisi terpilih Dharmawijaya yang menggambarkan perasaan terpendam yang disampaikan dengan ikhlas, jujur dan bertanggungjawab yang menjadi pegangan hidup sebagai seorang penyair bagi menyedarkan masyarakat pada ketika itu kepada keadaan yang sebenar berlaku. Mekanisme helah bela diri *represi* dinyatakan melibatkan perasaan yang telah lama terpendam diluahkan secara spontan atau tiba-tiba tanpa dipengaruhi oleh dendam atau rasa malu. Penyair Dharmawijaya menghasilkan puisi berdasar kepada peristiwa yang telah berlaku dan dimanifestasikan berdasarkan pengalaman yang sedia ada. Puisi yang dihasilkan oleh penyair terbentuk secara spontan akibat daripada tekanan dalam diri yang melahirkan keinginan. Teori Psikoanalisis Freud mengandungi disiplin tersendiri bagi menerangkan tentang mekanisme helah bela diri yang terdapat dalam sesebuah puisi yang dihasilkan bertujuan untuk menjelaskan keinginan sebenar penyair. Penyair Dharmawijaya dikesan menggunakan helah bela diri *represi* bagi menyatakan keinginannya secara jelas tentang masalah yang dihadapi oleh masyarakat petani, nelayan dan buruh. Puisi-puisi yang dihasilkan oleh penyair Dharmawijaya kebanyakannya yang menggunakan mekanisme helah bela diri *represi* dapat menggambarkan sikap prihatin

beliau terhadap kehidupan masyarakat di kampung halamannya berdasarkan pengalaman dan perasaan yang telah lama terpendam dalam dirinya.

Mekanisme helah bela diri *sublimasi* merupakan keinginan yang tidak dibenarkan oleh *superego* tetapi tetap dilakukan dalam bentuk lebih sesuai dengan keadaan persekitaran. Puisi-puisi penyair Dharmawijaya yang dikesan menggunakan mekanisme helah bela diri *sublimasi* melibatkan permasalahan tentang sikap tidak adil golongan bertanggungjawab. Penekanan kepada puisi ini adalah penghargaan atau apresiasi terhadap apa yang telah diusahakan sejak turun temurun sebagai pesawah dan pekebun sayur. Tekanan yang lahir dalam diri tetap dinyatakan dengan cara yang lebih baik, iaitu melalui puisi. Analisis yang dilakukan menggunakan disiplin Teori Psikoanalisis Freud bagi menerangkan tentang perubahan tingkah laku yang berlaku menggunakan mekanisme helah bela diri *sublimasi* yang tidak mengharapkan balasan tetapi dilakukan kerana ada sikap tanggungjawab dalam diri penyair.

Mekanisme helah bela diri *pindah gantian* pula merupakan timbal balik perasaan kepada pihak ketiga, iaitu golongan pembaca dan masyarakat pada ketika itu untuk mencapai perasaan *superego* sama dengan apa yang dirasai oleh penyair. Mekanisme helah bela diri *pindah gantian* digunakan kerana penyair tidak dapat melakukan perkara yang dihajati menjadi keinginan yang terpendam dalam diri. Penyair Dharmawijaya menggunakan ruang kosong dengan berpuisi bagi menzahirkan keinginan yang terpendam kepada golongan pembaca dan masyarakat pada ketika itu. Jalan keluar yang dipilih merupakan pihak yang ketiga untuk mencapai keinginan *superego* yang ada dalam diri. Mekanisme helah bela diri *pindah gantian* yang digunakan Dharmawijaya merujuk kepada objek-objek sekitarnya seperti sawah, sungai, hidupan, matahari dan kehidupan yang berkait dengan unsur alam.

Mekanisme helah bela diri *represi*, *sublimasi* dan *pindah gantian* yang terdapat dalam puisi-puisi Dharmawijaya dapat memberi kesan terhadap golongan pembaca dan masyarakat untuk menghayati nilai kejujuran, ikhlas dan kebenaran yang wujud dalam diri seorang sasterawan. Penyair Dharmawijaya dapat melakukan transformasi terhadap kehidupannya ke arah gaya hidup lebih berkualiti dan berilmu. Puisi yang dihasilkan penyair Dharmawijaya dapat memperjuangkan dan meningkatkan semangat golongan miskin seperti petani, nelayan dan buruh di bandar untuk terus berusaha bagi menjalani kehidupan yang lebih selesa. Analisis yang dilakukan terhadap puisi-puisi terpilih Dharmawijaya bersesuaian dengan Teori Psikoanalisis Freud bahawa hasil seni itu bagaikan menyingkap tentang pengalaman dan pengetahuan yang pernah dilalui.

Puisi-puisi terpilih Dharmawijaya ternyata memperkatakan tentang permasalahan kehidupan petani dengan cara melontarkan pandangan ke dalam puisi bagi melahirkan kesan keprihatinan dari masyarakat luar. Unsur deduktif atau pengajaran jelas wujud dalam setiap puisi yang dihasilkan oleh penyair Dharmawijaya bagi dihayati oleh golongan pembaca dan masyarakat pada ketika itu. Perubahan yang dihadapi oleh masyarakat petani dari aspek kehidupan menyebabkan penyair Dharmawijaya turut memperkatakan tentang cara bekerja petani yang masih tidak ada perubahan pada ketika itu. Perasaan tertekan yang wujud menyebabkan golongan muda dalam masyarakat petani berhijrah ke pusat bandar bagi tujuan mendapatkan pekerjaan dan keselesaan hidup. Proses penghijrahan ini juga dapat memberi peluang kepada golongan muda untuk menuntut ilmu seperti dilakukan oleh penyair Dharmawijaya sendiri di mana beliau menuntut ilmu pendidikan di Maktab Perguruan Sultan Idris yang digambarkan sebagai ‘kembara hidup’. Penyair Dharmawijaya didapati memanfaatkan pengalaman yang dilalui dan melontarkan pemikiran tentang kehidupan petani di kampung dalam puisi-puisi yang dihasilkan.

Keberhasilan kajian ini, ternyata dapat membantu golongan pengkaji, pengkritik, penggiat seni dan pembaca memahami keinginan yang ada dalam sebuah puisi dengan lebih jelas yang melibatkan rasa cinta, kehormatan dan kemasyhuran berpandukan kepada disiplin Teori Psikoanalisis Freud. Maka melalui kajian ini juga, mereka yang mengkaji dan membaca bahan puisi secara langsung dapat memahami dengan lebih mendalam terhadap jiwa penyair melalui puisi. Keinginan-keinginan dalaman yang wujud dalam diri penyair dapat diterjemahkan melalui disiplin dalam Teori Psikoanalisis Freud, iaitu melibatkan perasaan semulajadi, pengalaman dan mekanisme helah bela diri *represi*, *sublimasi* dan *pindah gantian*. Perasaan tertekan yang dialami terhadap sesuatu peristiwa dapat dijelaskan berdasarkan latar kehidupan penyair. Puisi Dharmawijaya banyak menjelaskan tentang kehidupan yang dijelaskan secara jujur dan ikhlas. Luahan perasaan dan pemikiran berlaku ketika penghasilan puisi yang dikawal dengan *superego* dalam diri Dharmawijaya agar nilai seni kepenyairan terpelihara. Di samping itu perkaitan keinginan dengan ketuhanan melibatkan insan, masyarakat dan alam juga dapat menggambarkan pemikiran penyair Dharmawijaya berpegang teguh kepada agama yang menjadi landasan kepada kepenyairan beliau.

Keinginan seperti rasa cinta, kehormatan dan kemasyhuran telah dapat dikesan dalam puisi terpilih Dharmawijaya yang dianalisis. Penyair Dharmawijaya melalui puisi yang dihasilkan menjelaskan tentang permasalahan kehidupan petani dan golongan miskin secara berterusan dalam puisi terpilih yang dihasilkan Dharmawijaya. Pengalaman yang pernah dilalui penyair digunakan sepenuhnya bagi menggambarkan pemikiran dan cadangan terhadap insan, masyarakat dan alam. Dharmawijaya dapat dianggap sebagai seorang penyair yang dapat menguasai penggunaan bahasa dengan baik, jujur dan ikhlas dalam menyatakan pemikiran bagi memberi kesan dan pengajaran kepada pembaca serta masyarakat pada ketika itu.

Teori Psikoanalisis Freud digunakan bagi menilai puisi yang dihasilkan daripada sudut pemikiran bagi menjelaskan keinginan rasa cinta, kehormatan dan kemasyhuran yang ada dalam diri penyair. Latar belakang kehidupan pengarang digambarkan semula melalui puisi yang dihasilkan. Teori Psikoanalisis Freud dianggap sesuai digunakan kerana melalui teori ini, sesebuah puisi dapat dianalisis melibatkan perasaan, pengalaman dan pemikiran penyair. Kajian yang dilakukan secara langsung dapat membantu tokoh ilmuan, pengkritik dan pembaca bagi menilai daya kreatif, pemikiran dan tujuan yang sangat penting dalam puisi. Keinginan-keinginan dalam diri penyair dapat dikenal pasti dan dianalisis melalui puisi yang dihasilkan. Teori Psikoanalisis Freud juga digunakan bagi mengesan keadaan diri bawah sedar penyair melalui puisi yang dihasilkan.

Kajian ini mendapati puisi terpilih yang dihasilkan oleh penyair Dharmawijaya merupakan wadah pemikiran untuk mengungkapkan keinginan rasa cinta, kehormatan dan kemasyhuran terhadap insan, masyarakat dan alam di sekitarnya pada ketika itu. Selain itu, kajian ini juga dapat menjelaskan perasaan semulajadi melibatkan interaksi *id*, *ego*, *superego* dan pengalaman sedia ada yang berperanan dalam mewujudkan keinginan dalam diri penyair. Perasaan *superego* yang mengandungi nilai moral masyarakat pada ketika itu disampaikan menggunakan mekanisme helah bela diri *represi*, *sublimasi* dan *pindah gantian* bagi meluahkan keinginan dalam puisi dengan lebih murni dan sopan. Teori Psikoanalisis Freud banyak membantu dalam proses pengamatan dan penghayatan bagi menghuraikan keinginan yang wujud dalam puisi penyair Dharmawijaya. Perubahan tingkah laku *superego* yang diterima umum disampaikan menggunakan mekanisme helah bela diri dalam puisi bagi mencapai kepuasan. Kajian ini juga mampu memberi maklumat kepada khalayak tentang pemikiran penyair Dharmawijaya berkaitan dengan keinginan rasa cinta, kehormatan dan kemasyhuran bagi mengangkat taraf kehidupan masyarakat di sekelilingnya pada ketika itu.

Kajian ini dilakukan untuk membuka jalan ke arah pembangunan sastera Melayu tanah air untuk mengesan keinginan rasa cinta, kehormatan dan kemasyhuran yang terdapat dalam puisi menggunakan Teori Psikoanalisis Freud. Perasaan, pengalaman dan pemikiran penyair dianalisis untuk mengesan keinginan yang disampaikan melalui puisi terhadap insan, masyarakat dan alam pada ketika itu. Melalui kajian ini, ianya dapat mendorong para sarjana bagi melakukan penelitian lanjutan terhadap bahan sastera tanah air. Sikap sensitif penyair Dharmawijaya dalam menyampaikan keinginan dalam bentuk puisi kepada masyarakat dan meletakkan kedudukan puisi-puisi yang dihasilkan sebagai bahan ilmiah yang dapat membuka minda khalayak dan pengkaji lain tentang puisi-puisi Melayu yang sentiasa bersandarkan kepada insan, masyarakat dan alam.

Analisis yang dilakukan dalam kajian ini juga merupakan langkah awal supaya kajian lanjutan di peringkat pasca sarjana diperkembangkan lagi bagi memperlihatkan hubungan pemikiran dan keinginan penyair Dharmawijaya dengan penyair lain dalam memperkatakan tentang keinginan rasa cinta, kehormatan dan kemasyhuran menggunakan Teori Psikoanalisis Freud. Puisi-puisi Melayu mempunyai hubungan yang kuat dalam memperkatakan tentang pergolakan kehidupan masyarakat setempat. Puisi terpilih Dharmawijaya dihasilkan dengan perasaan, pengalaman dan pemikiran yang dianggap sesuai dikaji menggunakan Teori Psikoanalisis Freud untuk mengesan keinginan rasa cinta, kehormatan dan kemasyhuran yang disalurkan ke dalam puisi untuk disampaikan kepada masyarakat bagi mencapai kepuasan dalam diri penyair.

RUJUKAN

- A.F.Yassin. (1998). Sembang sastera bersama orang persuratan. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Al-Quran. (610M).Gua Hira, Mekah.
- A Rathus. Spencer. (1984). *Psychology*. New York: CBS College Publishing.
- A. Karim Haji Abdullah. (1991). A. *Samad Ismail: ketokohan dan kewartawanan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A. Pervin. Lawrence. (1992). *Personality: Theory, assessment and research*. New York: A Division of Guilford Publications, Inc.
- A. Rahim Abdullah. (2007). *Citra manusia dalam puisi penyair Asia Tenggara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A. Samad Ismail. (1991). *Ketokohan dan kewartawanan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A. Samad Said. (2007). *Dari Salina ke langit petang*, Proses Mencipta Novel. Kuala Lumpur: Wan Bakti Enterprise.
- A. Wahab Ali. (1988). *Tradisi pembentukan sastera Melayu moden*. Indonesia: Penerbitan Sarjana (M).
- A. Wahab Ali. (2000). *Kritikan estetik sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- AA. Navis. (1988). *Alam takambah*. Jadi Guru. Jakarta: Aksara.
- Abdul Rahim Marasidi. (2003). *Isu-isu semasa dalam karya naratif A. Samad Ismail*. (Disertasi doktor falsafah tidak diterbitkan). Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Abdullah Hussain. (2005). *Simpulan bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Sanusi. (1966). *Peranan pejabat karang mengarang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Achdiat K. Miharja. (1950). *Polemik kebudayaan*. Jakarta: Balai Pustaka.
- Ahmad Kamal Abdullah. (1987). Kertas Kerja. Firdaus Abdullah: *Potret Penyair Melayu antara tradisi dan moden*. Pekan Baru.
- Ahmad Kamal Abdullah (peny.). (1993). *Jambak 2: Prosa kreatif pengarang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ainon Mohd. (2003). *Psikologi kejayaan*. Kuala Lumpur: PTS Publications and Distributors.

- Ali Ahmad. (1988). "Mencari Definisi Kesusasteraan" dlm. Hamzah Hamdan (peny.). *Konsep dan pendekatan sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Alias, Maridah. (2005). *Kesesuaian novel komponen sastera dalam mata pelajaran Bahasa Melayu*. (Doctoral dissertation, Universiti Putra Malaysia). Retrieved from <https://psasir.upm.edu.my.html>.
- Amran Kasimin. (1993). *Agama dan perubahan sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Anis Sabirin. (1989). *Mengenal puisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Arba'ie Sujud & Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi & Asiah Abdul Rahman. (2011). *Sastera Melayu suatu pengantar*. Kuala Lumpur: Tinta Press Sdn. Bhd.
- Arbak Othman. (2006). *Kata pengantar mutiara kenangan*, dlm. Dharmawijaya. *Mutiara Kenangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Omar. (2002). *Kesantunan bahasa*. Tanjung Malim. Perak: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Asmah Omar. (1986). *Bahasa dan alam pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Atmazaki. (1993). *Analisis puisi: metodologi dan aplikasi*. Bandung: Penerbitan Angkasa.
- Awang Had Salleh. (1974). *Pelajaran dan perguruan Melayu di Malaya zaman British*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azizah Baharudin. (2005). Sains dan Debat tentang Pembangunan: Suatu Perkembangan pada Zaman Pascakolonialisme. dlm. Mohammad Daud Mohamad dan Zabidah Yahya. *Pascakolonialisme dalam pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Baha Zain. (2015). *Esei dan puisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Baha Zain. (2000). *Esei dan puisi: tentang penulis dan persekitarannya*. Kuala Lumpur: Pustaka Cipta Sdn. Bhd.
- Baha Zain. (1991). *Penyair, Puisi dan kemanusiaan*. dlm. Dewan Sastera. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Baharudin Mohd Mohaidin. (2000). *Puisi Dharmawijaya 1960-1990: Satu Pendekatan Stilistik*. (Disertasi sarjana tidak diterbitkan). Universiti Putra Malaysia. Selangor.
- Baharuddin Zainal. (1974). *Bahasa sebagai alat pengucapan dalam kesusasteraan*, dalam Seminar Kesusasteraan Nusantara 1973. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Berthold Bond. Daniel. (1995). *Hegel's theory of madness*. Albany: State Univ. of New York Press.

Blair. Walter. (1966). *Literature, better reading two*. Illinois: Scott Foresman and Co.

Braginsky. (1994). *Erti keindahan dan keindahan erti dalam kesusasteraan Melayu klasik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Breuer. (2012). *Teori Freud*. Jakarta: Zafira Yamin.

C.Vitz. Paul. (1962). *Sigmund Freuds christian unconscious*. England: Grand Rapids.

Chamhuri Siwar. (1988). *Isu konsep dan dimensi kemiskinan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Chaplin. J.P. (2004). *Kamus lengkap psikologi* (Kartini Kartono, terj.). Jakarta: Rajawali Pers.

Che Abdullah Che Ya. (2010). Jurnal Personalia Pelajar. *Analisis teks cucu Tuk Wali menggunakan Pendekatan Kemasyarakatan*. Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan & Kebudayaan Malayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti kebangsaan Malaysia: Bil. 13 Jun/June 2010.

Collingwood. R.G. (1958). *The principles of art*. New York: Oxford University Press.

Coon. Dennis. (1977). *Intriduction to psychology*. New York: West Publishing Company.

D. Fine Reuben. (1962). *Freud: A Critical Re-Evaluation of His Theories*. New York: David Mckay Company Inc.

Daiches. David. (1967). *A Study of literature*. London: Andre Deutsch.

Dharmawijaya. (1974). *Warna maya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Dharmawijaya. (1987). *Tanggapan dan kaedah pengajaran puisi*. Selangor: International Book Service.

Dharmawijaya. (1992). *Derita Buana*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Dharmawijaya. (1998). *Dunia puisi: dalam penelitian dan pengajaran*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Dharmawijaya. (1999). *Jejak Kembara*. Kuala Lumpur: Gabungan Persatuan Penulis Nasional Malaysia (GAPENA).

Dharmawijaya. (2006). *Mutiara kenangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Dharmawijaya. (2007). *Dunia penyair: Biografi penyair*. Retrieved from <https://penyair.wordpress.com/category/dharmawijaya.html>.

Dickie. George. (1957). *The quest of beauty*. New Jersey: Prentice Hall.

- Ekman, & Rolf. (1960). *Problems and theories in moden aesthetics*. Malmö Nya Litografen.
- Fine Reuben. (2014). *Freud: a critical re-evaluation of his theories*. New York: Routledge.
- Fraiberg, Louis. (1960). *Psychoanalysis and American literary criticism*. Detroit: Wayne State University Press.
- Freud, Sigmund. (1927). *The question of lay analysis*. London: The Standard Edition.
- Freud, Sigmund. (1933). *New introductory lectures on psycho-analysis*. London: W. W. Norton and Company Ltd.
- Freud, Sigmund. (1955). *The interpretation of dreams*. (James Strachey, Trans.). United States: Basic Books, Inc. (Original work published 1900).
- Freud, Sigmund. (1960). *The ego and the id and other works*. (Ruth Snowden, Trans.) New York: W. W Norton and Company, Inc. (Original work published 1923).
- Freud, Sigmund. (1962). *A general introduction to psychoanalisis*. (G. Stanley Hall, Trans.). New York: Squarre Press. (Original work published 1920).
- Freud, Sigmund. *Group Psychology and the Analysis of the Ego*; Trans. by James Strachey. New York: Boni and Liveright, [1922]; Bartleby.com, 2010. www.bartleby.com/290/. [23 Oktober 2016].
- Friedrich Nietzsche. (2007). *The wil to power*. UK: Penguin Classics.
- Gay, & Peter. (1988). *Freud: A life for our time*. London: Western New England Institute of Psycho-Analysis Press.
- George Dickie. (1971). *Aesthetics: an introduction*. Michigan: University of Michigan: Pegasus.
- Hamzah Hamdani. (1999). *Jejak kembara*. Kuala Lumpur: Shapuri Sdn. Bhd.
- Haron Daud. (2011). *Mentera Melayu: Analisis pemikiran*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Hashim Awang. (1984). *Kesusasteraan Melayu dalam kritikan dan sejarah*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Hashim Awang. (1984). *Kritikan kesusasteraan: Teori dan penulisan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.
- Hashim Awang. (1994). *Pengkajian sastera: penkaedahan Melayu*. dlm. Sahlan Mohd Saman (peny), Teks dan khayak. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Awang. (1997). *Kritikan kesusasteraan: teori dan penulisan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.

- Hashim Awang. (1997). *Pengkaedahan Melayu dalam kajian dan kritikan kesusasteraan tanah air*. dlm. Mana Sikana (peny.), *Teori Sastera dan Budaya dalam Kajian Akademik*. Bangi: JPM, FSKK Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hashim Awang. (1998). *Penciptaan dan kemanusiaan dalam cerpen dan novel*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Hashim Awang. (2002). *Teori perkaedahan melayu dan prinsip penerapannya*, dalam Kertas Kerja Bengkel Kajian Teori Sastera Melayu, Anjuran bahagia Teori dan Kritikan Sastera Dewan Bahasa dan Pustaka Pada 28-29 Jun, di Riviera Bay Rsort, Melaka.
- Hashim Awang. (2003 Jun 23). Seminar Kesusasteraan dan Alam Sekitar. *Hubungan kesusasteraan dengan alam sekitar*. Dewan Seminar, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Awang. (2015). *Kritikan sastera dalam teori aplikasi*. Selangor: PTS Akademia.
- Hjelle & Ziegler. (1992). *Personaliti theories*. McGraw: Hill Humanities.
- Holland. Norman N. (1976). *Psychoanalysis and shakespeare*. New York: Oktagon Books.Hall.
- Hosper. John. (1969). *Introductory readings in aesthetics*. New York: The Free Press.
- Hutagalung. (1971). Penelitian puisi, dlm. *Dewan Bahasa*. Februari, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail Hamid. (1988). *Masyarakat dan budaya Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail Hussein. (1980). *Kesusasteraan Melayu dan Islam*. Kuala Lumpur: Sarjana Enterprise.
- J. Robertson. Donald. (1988). *The discovery hpynosis*. United Kingdom: Designs and Pattents Act.
- J.M Aziz. (1976). *Pengantin laut*. Kuala Lumpur: Amir Enterprise.
- J.M Aziz. (1988). *Kembang selaut*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamaruzzaman A. Kadir. (1988). *Bunga Gerimis*. Petaling Jaya: Penerbitan Fajar Bakti.
- Kamus Dewan. (2015). *Kamus dewan: edisi keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Karsono H Saputra. (2001). *Puisi Jawa: struktur dan estetika*. Jakarta: Wedatama Widya Sastra.

Kassim Ahmad. (1960). *Pantun dan puisi dalam perkembangan puisi Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kassim Ahmad. (1966). *Pantun dan puisi dalam perkembangan puisi Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Khalim Zainal. (2008). Jurnal Pengajian Umum. *Memahami tingkah laku remaja bermasalah dari perspektif teori tingkah laku, humanistik, psikoanalitik & tret personaliti*. Pusat Pengajian Umum: Pusat Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia: Bil. 9. 43-55.

Koteska. Jasna. (2013). *Theoretical psychoanalysis and literature*. (Disertasi doktor falsafah tidak diterbitkan) University of Ss. Skopje, Macedonia: Cyril and Methodius.

Laurenson, Diana, Swingewood, & Alan. (1972). *The sociology of literature*. London: Granada Publishing Limited.

Linda Hutcheon. (1984). *Formalism and the Freudian aesthetic*. New York: Cambridge University Press.

Lukacs, & George. (1950). *Studies in European realism*. London: Merlin Press.

Mahmood Nazar Mohamad. (1990). *Pengantar psikologi satu pengalaman asas kepada jiwa dan tingkahlaku manusia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mana Sikana. (1986). *Kritikan sastera: Pendekatan dan kaedah*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.

Mana Sikana. (2005). *Teori sastera kontemporari*. Bangi: Penerbit Pustaka Karya.

Mawar bt. Safei. (1995). *Tendensi personaliti di dalam cerpen Anwar Ridhwan*. (Disertasi sarjana tidak diterbitkan) Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mawar Shafie. (1995). PERISA Jurnal Puisi Melayu. *Idiosinkrasi Dharmawijaya*. dlm. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Jld. 3.

Michael H. Hart. (1982). *Seratus tokoh yang paling berpengaruh dalam sejarah*, Terjemahan H. Mahbub Djunaidi. Jakarta: PT. Dunia Pustaka Jaya.

Milner & Max. (1992). *Freud dan interpretasi sastra* (Apsanti Ds, terj.). Jakarta: Intermasa (Seri ILDEP).

Mohamad Mokhtar Hassan. (2016, Februari 2). *Perjalanan kehidupan penyair Dhamarwijaya*, Kuala Lumpur [Temubual].

Mohd Fadzil Baharudin. (2010). *Penerapan: Teori psikoanalisis dan estetika dalam puisi J. M. Aziz*. (Disertasi sarjana tidak diterbitkan). Universiti Malaya. Kuala Lumpur.

Mohd Thani Ahmad, Sarah Sadon, et. al. (pen). (1988). *Wajah biografi penulis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Yusof Othman. (1998). *Isu-isu dalam ilmu dan pemikiran*. Kajang: Aras Mega (M) Bhd.

Muhd. Mansur Abdullah. (1996). *Kaunseling teori, proses dan kaedah (Edisi kedua)*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Sdn. Bhd.

Muhammad Haji Salleh. (2008). *Sastera sebagai ruang bangsa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Muhammad Hj. Salleh. (1986). *Cermin diri ese-i-esei kesusasteraan*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Muhammad Hj. Salleh. (1988). *Pengalaman puisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Naffi bin Mat. (2010). *Puisi Dharmawijaya: Kajian teori pengkaedahan Melayu dan estetika*. (Disertasi doktor falsafah tidak diterbitkan). Universiti Malaya. Kuala Lumpur.

Naffi bin Mat. (2016, Februari 14). *Perjalanan kehidupan penyair Dhamarwijaya*, Kuala Lumpur [Temubual].

Nazmi Yaakub. (2008 Mei 30). *Karya A Samad Ismail, Dharmawijaya dan J.M Aziz diteliti bagi mencari makna tersirat*. Kuala Lumpur. Berita Harian, p.B15.

Nazeri Nong Samah. (2005 April 24). Dharmawijaya ketengahkan kisah kampung ke bandar. Kuala Lumpur. Utusan Malaysia, p.B23.

Noresah binti Baharom. (2007). *Kamus Dewan (Edisi Ke Empat)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nyoman Kutha Ratna. (2007). *Estetika sastra dan budaya*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.

Othman Puteh. (1997). *Teori penciptaan karya*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Premack. David, & Woodruff. Guy. (1978). *Does the chimpanzee have a theory of mind?* London: Behavioral and Brain Sciences.

Rahman Shaari. (2006). “Kemantapan puisi Melayu moden: Satu tinjauan”. dlm. Hashim Yaacob dan Hamedi Mohd Adnan (peny.) *Melayu Islam dan pendidikan* (pp. 57-64). Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Ramli @ Sahari Isin. (1989). *Kenyataan dan permasalahan masyarakat dalam Novel-novel Melayu mutakhir: Satu analisis tema dan persoalan*. (Disertasi doktor falsafah tidak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia: Kuala Lumpur.

Richards. I.A. (1925). *Principle of literary criticism*. New York: A Harvest Book.

Rida Darmanto. (2011). *Sebuah analisis psikoanalisis Lacan*. KompasID. Retrieved from <http://www.discourseunit.com/arcp/7.html>.

Rogayah Tara. (2012). *Makalah filsafat Sigmund Freud (1856-1936)*. (Doctoral dissertation, Universitas Muhammadiyah). Retrieved from <http://www-gap.dcs.st-and.ac.uk/~history/psikoanalisa/freud.html>.

Rogayah Tara. (2012). *Makalah filsafat Sigmund Freud (1856-1936)*. (Disertasi doktor filsafah tidak diterbitkan). Universitas Muhammadiyah. Jakarta.

Rohana Yusof. (1997). *Asas sains sosial dari perspektif sosiologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Rosnah Baharudin. (2000). *Belahan jiwa wanita dalam novel A. Samad Said*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ryan, & Michael. (2007). “*Psychoanalysis*” literary theory: A Practical Introduction. Malden, MA: Blackwell.

S. Hall. Calvin, & Gaarder Lindzey. (2000). *Teori-teori psikodinamik* (Klinis) (Yustinus, terj.). Yogyakarta: Kanisius.

Sahlan Mohd Saman, Othman Puteh & Ramli Isnin. (1986). *Memperkatakan tiga genre*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Sahlan Mohd Saman. (2005). *Sejarah kesusasteraan Melayu moden: Puisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sahlan Mohd. Saman. (1994). *Pengarang teks dan khalayak*. Kementerian Pendidikan Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sapardi Djoko Damono. (1978). *Kesusasteraan Indonesia moden: Beberapa catatan*. Jakarta: Pamusuk Eneste P.T Gramedia.

Sapardi Djoko Damono. (1984). *Permainan makna*. Jakarta: Pamusuk Eneste Pt Gramedia.

Shahabudin Hashim, Rahizani Yaakob. (2007). *Teori personaliti dari perspektif Islam, timur dan barat*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.

Shahnon Ahmad. (1992). *Kesasterawanan: kepolitikan, kealaman, kendirian dan kemanusiaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Shahnon Ahmad. (1994). *Sastera: Pengalaman ilmu imaginasi dan kitarannya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Shahrin Hashim, Yusof Boon. (2008). *Psikologi perkembangan*. Selangor: Universiti Teknologi Mara Press.

Siti Aisah Murad. (2007). *A.Samad Said dalam eseи dan kritikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Snowden. Ruth. (1974). *Freud the key ideas*. London: Hogarth Press. James Strachey.

- Snowden. Ruth. (2006). *Freud the key ideas*. London: Hodder Education.
- Sohaimi Abdul Aziz. (1998). *Rasa-fenomenologi: Penerapan terhadap karya A. Samad Said*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Stohitz. Jerome. (1960). *Aesthetics and philosophy of arts criticime: a critical introduction*. New York: The Free Press.
- Spershott F.E. (1963). The structure of aesthetics. Great Britain. Routledge & Kegan Paul Ltd.
- Sugihastuti. (2002). *Teori dan apresiasi sastra*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Susilawati Kamaruzzaman. (1999). “Kedudukan penyair wanita dalam perkenbangan puisi Melayu moden 1930-an hingga 1970-an”. dlm PERISA *Jurnal Puisi Melayu*. Jld. 7. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Susilawati Kamaruzzaman. (2015, Julai 07). *Perjalanan kehidupan penyair Dhamarwijaya*, Kuala Lumpur [Temubual].
- Syed Muhammad Naqib al-Attas. (1972). *Islam dalam sejarah dan kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Talib Samat. (2000). *Pertemuan abadi koleksi pilihan Abdullah Hussain*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.
- Teeuw. (1992). *Membaca dan menilai sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tengku Intan Marlina binti Tengku Mohd Ali. (2005). *Novel-novel Hamzah Hussain: Kajian watak dari sudut psikologi*. (Disertasi sarjana tidak diterbitkan). Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Thomas. D. M. (1989). *A very short introduction*. USA: Anthony Storr, Oxford University Press.
- Umar Junus. (1980). *Sikap dan pemikiran dalam puisi Melayu moden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Umar Junus. (1976). *Perkembangan puisi Melayu moden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Umar Kayam. (1982). Sejumlah masalah sastra. *Pencabulan dalam kesusasteraan*. Satyagraha Hoerip. Jakarta: Penerbit Sinar Harapan.
- W. Cruze. Wendell. (1951). *General psychology for college student*. New York NY: Prentice Hall Inc.
- Wahab Ali. (2000). *Kritikan estetika sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Abdul Kadir. (1994). *Nilai dan world-view orang Melayu*. Petaling Jaya: Masfani Entetrprise.

- Wan Akmal Wan Semara. (2005). *Unsur puitika dalam puisi Melayu tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wellek. Ren'e, & Austin. (1956). *The theory of literature*. New York: Harvest Book.
- Wellek. Ren'e, & Austin. (1993). *Teori kesusastraan* (Melani Budianta, terj.). Jakarta: Gramedia. (Original work published 1949)
- Wellek. Ren'e, & Austin Warren. (1970). *Theory of literature*. London: Penguin Book.
- Woodberry, & George E. (1969). *Children and literature*. New York: Prentice Hall Inc.
- Za'ba. (1965). *Ilmu mengarang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zahara Ibrahim. (1987). *Perkembangan sastera kebangsaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainal Kling. (2001). "Ruang Sosial Masyarakat Melayu" dlm. Yaacob Harun (ed.). *Kosmologi Melayu*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya.
- Zakaria Osman. (1997). *Novel-novel A. Saamad Said: Menghayatinya dari sudut estetika sastera*. (Disertasi doktor falsafah tidak diterbitkan). Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Zurinah Hassan. (2004). Waktu dan cuaca dalam puisi, *PERISA Jurnal Puisi Melayu*. Melayu. 12.